

PERLIS INDERA KAYANGAN

SEJARAH PEMBENTUKAN SEBUAH NEGERI BERDAULAT

AHMAD ISMAIL & YAZID MAT

PERLIS INDERA KAYANGAN

SEJARAH PEMBENTUKAN SEBUAH NEGERI BERDAULAT



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS

01000 KANGAR,
PERLIS INDERA KAYANGAN

1992

Cetakan Pertama: 1992

(C) Hakcipta Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis

Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh dipergunakan semula, atau dipindahkan sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.

ISBN: 983-99768-1-8

RM 15.00

m
959.511
AHM

APB 721349

Dicetak oleh:

Percetakan UPCAS Sdn. Bhd.
Alor Setar, Kedah Darul Aman.

ISI KANDUNGAN

Titah Aluan	i
Kata Aluan	ii
Prakata	iii
Rakaman Penghargaan	iv
Senarai: Peta/Rajah, Gambar dan Lampiran	vi
Peta: Kedudukan Negeri Perlis Sebelum Tahun 1909	vii
Peta Negeri Perlis – Sempadan Selepas Tahun 1909	viii
 Bab I : Pendahuluan:	 1
(A) Pengenalan Ringkas Jajahan Perlis	1
(B) Hipotesis Asal Nama Negeri Perlis	9
(C) Latarbelakang Keluarga Jamalullail Di Perlis	22
Bab II : Bibit-Bibit Menjelang Wujudnya Negeri Perlis	30
Bab III : Zaman Raja Syed Hussin	42
Bab IV : Zaman Raja Syed Ahmad	55
Bab V : Zaman Raja Syed Safi	72
Bab VI : Awal Zaman Raja Syed Alwi	88
Bab VII : Persembahan Ufti Bunga Emas Oleh Negeri Perlis	110
Bab VIII : Perlis Dibawah Naungan Tidak Rasmi British B (1909–1929)	119
Bab IX : Perlis Dibawah Naungan Rasmi British (1930–1941)	143
Bab X : Perlis Di Zaman Jepun (1941–1943)	160
Bab XI : Perlis Di Bawah Pentadbiran Siam (1943–1945)	171
Bab XII : Perlis Selepas Jepun-Siam Hingga Kemerdekaan	179
Lampiran	203
Bibliografi	206
Indeks	214



TITAH ALUAN
DYTM RAJA MUDA PERLIS UNTUK BUKU
'PERLIS INDERA KAYANGAN:
SEJARAH PEMBENTUKAN SEBUAH NEGERI BERDAULAT'

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada kedua penulis ini yang telah dapat mengusahakan sebuah penulisan yang amat bernilai mengenai sejarah Negeri Perlis yang belum pernah diterbitkan oleh mana-mana pihak di Malaysia.

Penulisan buku ini bukanlah merupakan satu kerja yang mudah kerana segala bahan yang ditulis perlu dibuat kajian yang mendalam dengan pelbagai cara untuk mendapatkan fakta-fakta sebenar mengenai sejarah Negeri Perlis. Sebuah buku bercorak ilmiah scumpama ini khususnya mengenai Negeri Perlis sememangnya sukar diperolehi masakini.

Saya berharap dengan terbitnya buku ini kelak dapatlah para penyelidik/pelajar mendapatkan sumber rujukan yang tepat mengenai sejarah Perlis. Tahniah diucapkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis di atas usahanya untuk menerbitkan buku ini. Syabas kepada kedua penulis iaitu Allahyarham Encik Ahmad Ismail dan Encik Yazid Mat di atas kegigihan mereka menghasilkan buku yang akan menjadi warisan sejarah kepada generasi kita yang akan datang.


 (SYED SYARIFUDDIN PUTRA JAMALULLAIL)

Raja Muda Negeri Perlis

Indera Kayangan.

Termaktub di Istana Raja Muda,
 Kangar,
 Perlis.

Pada: 17 haribulan Mei, 1992.

KATA ALUAN

Walaupun sejak tahun 1960-an telah ada usaha untuk menulis sejarah Perlis, sehingga sekarang penuntut sejarah Malaysia masih belum begitu terdedah kepada perkembangan-perkembangan di negeri ini sejak masa ia di sekolah atau di universiti, sejarah Perlis memang diabaikan.

Oleh sebab itu usaha Yang Berhormat Yazid Mat dan Allahyarham Ahmad bin Ismail yang membawa kepada buku ini Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat adalah suatu sumbangan yang bernilai kepada persejaraahan Malaysia. Buku ini adalah kajian yang paling lengkap dan kemaskini tentang sejarah negeri Perlis. Ia merupakan suatu cantuman pengetahuan seorang sejarawan tempatan yang disegani, iaitu Allahyarham Ahmad bin Ismail, dan kepakaran seorang kelulusan ilmu sejarah iaitu Yang Berhormat Yazid Mat.

Saya masih ingat, lebih sepuluh tahun dahulu, Yang Berhormat Yazid Mat, semasa mengaji di Universiti Malaya, bertungkus lumus menulis sejarah negeri Perlis sebagai Kajian Ilmiahnya. Banyaklah masa dan titik peluh yang dicurahkan kepada karya itu dan beliau banyak mendapat bantuan Allahyarham Ahmad bin Ismail. Akhirnya lahirlah sebuah kajian yang ketara merupakan tulisan yang paling baik tentang sejarah negeri Perlis. Sejak masa itu Yang Berhormat Yazid Mat telah menjalankan penyelidikan selanjutnya untuk memperbaiki dan mengemaskinikan kajiannya.

Mudah-mudahan buku ini akan dibaca oleh ramai yang berminat dalam sejarah Malaysia dan bukan hanya murid dan mahasiswa sahaja. Malaysia mempunyai sejarah dan budaya yang begitu kaya. Orang asing memang tertarik dengan kepelbagaian masyarakat Malaysia, bukannya orang Malaysia sendiri yang seharusnya terlebih dahulu memahami proses yang melahirkan sebuah negara yang begitu unik?



(DATO' PROF. KHOO KAY KIM)

Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

April, 1992.

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullah/Salam Sejahtera,

SEBERMULA penulis mengaturkan berbanyak-banyak syukur kehadiran Allah S.W.T. di atas limpah rahmat dan keizinanNya kepada penulis dalam menghasilkan buku "Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat" ini.

Adapun buku ini memuatkan secara ringkas fakta, peristiwa dan aliran sejarah Negeri Perlis semenjak zaman tradisional hingga ke zaman moden. Tema penting dalam period tersebut berkisar daripada peristiwa kelahiran dan pembentukan Negeri Perlis di bawah naungan Siam, kepada usaha-usaha dalam oleh Raja-Raja negeri ini dengan bantuan pihak Siam bagi mengekalkan keperibadian (identiti) negeri ini sebagai sebuah negeri yang tersendiri. Sebelum tahun 1909, pihak British telahpun memainkan peranan menyelamatkan Negeri Perlis daripada naungan pihak Siam. Di bawah naungan British seterusnya pemimpin-pemimpin rakyat negeri ini dan negeri-negeri lain di Tanah Melayu diberi peluang untuk berusaha ke arah pembentukan Negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat melalui Persekutuan Tanah Melayu dan Persekutuan Malaysia. Peristiwa dan fakta sejarahnya sengaja digalurkan secara kronologi demi menyenangkan para pembaca mengikuti aliran sejarahnya.

Sebagai sebuah negeri yang terkecil dan terpencil di Utara Semenanjung Tanah Melayu, penjarahan Negeri Perlis sangatlah terhad, dan perihal ini pernah dirungutkan oleh Prof. Dato' Dr. Khoo Kay Kim beberapa tahun yang lalu. Di samping itu sumber-sumber sejarah negeri ini yang berbentuk: artifek, dokumen, sumber tempatan dan sumber asing (luar negeri) adalah terhad. Namun hasil daripada ikhsan dan sumbangan pihak-pihak yang berkenaan telah membantu penulis dalam mengatasi masalah dan kekurangan tersebut.

Adalah menjadi harapan penulis agar para pembaca mendapat manfaat daripada buku ini, terutama dalam memahami aliran sejarah, tokoh-tokoh dalam sesuatu era dan sumbangan mereka kepada Negeri Perlis. Semoga dengan itu akan bertambahlah semangat patriotisme dan nasionalisme pembaca terhadap negeri ini khususnya dan Negara Malaysia amnya, lebih-lebih lagi di kalangan rakyat Negeri Perlis masa kini.

Akhir kata, penulis senantiasa mengalu-alukan sebarang teguran dan saranan dari para pembaca ke arah memperbaiki kekurangan yang terdapat dalam buku ini.

Terima kasih.

Wassalam.

Perlis Indera Kayangan
20-07-1979.

Ahmad bin Ismail
Yazid bin Mat

RAKAMAN PENGHARGAAN

Dalam usaha mendapatkan bahan-bahan rujukan dan menyiapkan buku "Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat" ini memang banyak ikhsan, sumbangan dan kerjasama yang telah kami terima daripada pihak-pihak yang tertentu, iaitu daripada tokoh-tokoh sejarah, institusi-institusi dan jabatan-jabatan kerajaan serta daripada rakan-rakan seperjuangan. Sesungguhnya dengan kemurahan hati dan kerjasama pihak-pihak tertentu itu sahajalah dapat kami menyiapkan buku ini.

Terlebih dahulu kami rakamkan rasa terhutang budi kepada Allahyarham Tuan Mohd. Said bin Hj. Awang. Bekas Penghulu Mukim Kuala Perlis dan Puju, Allahyarham Puan Wan Hajar binti Datuk Wan Din dari Arau dan Tuan Syed Hassan bin Syed Ahmad Al-Jafri dari Kangar. Mereka bertiga ini sangat banyak memberi sumbangan kepada kami dalam menyiapkan buku ini.

Seterusnya dirakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Prof. Dr. Khoo Kay Kim, Encik R. Bonney, Mr. B.A.V. Peacock, Drs. Mohd. Dahlan Mansoer dan Encik Leslie Robert daripada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Dato' Haji Ali b. Ahmad dan Y.B. Encik Selamat Saad di atas segala nasihat dan sumbangan yang telah mereka hulurkan.

Kepada Dato' Zakiah Hanum dan kakitangannya di Arkib Negara, Kuala Lumpur, Ketua Pustakawan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Puan Norma Mohd. Darus, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan kakitangannya, Pengarah Muzium Negara, Kuala Lumpur, Pengarah dan kakitangan Muzium Negeri Kedah, Alor Setar, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Kedah dan Ketua Jabatan Ukur, Kangar, Perlis, kami rakamkan berbanyak-banyak ucapan terima kasih di atas segala sumbangan yang telah mereka berikan.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang sedemikian juga kami rakamkan kepada mereka seperti berikut:

Encik Aziz Dahaman, Encik Ariffin Hashim, Encik Bakar b. Saad, Che' Long Hj. Omar, Encik Aminuddin b. Ahmad, Puan Aminah Ahmad, Puan Amelia Ahmad, Encik Abd. Manaf b. Othman, Encik Ramli b. Hj. Abd. Ghani, Puan Aminah bt. Abdullah, Tengku Ibrahim Tengku Ahmad, Encik Abdul Rahman Abdullah, Encik B.P. Chopra, Encik Abdullah Embong, Encik Hashim Abd. Rahman (dari Kedah), Encik Abdullah Salleh, Tuan Hj. Othman Abdullah, Encik Mohamad Abu Bakar (dari Terengganu), Encik Rosli Pin, Encik Azhar Ismail, Encik Abdul Samad Hj. Said (dari Kedah), Encik Mohd. Azli Mohamed, Encik Azmi Salim, Cik Paulina (Jabatan Sejarah Universiti Malaya),

Encik Mohd. Hashim Hj. Abd. Rahman, Encik Mohd. Noor Che' Omar, Encik Arshad Ibrahim, Encik Zubir Abdullah, Encik Ibrahim Akibe Ismail, Encik Omar Yaacob, Encik Abd. Rahim Mahmood, Encik Dahlan Hj. Yaakob, Encik Abd. Hamid Zakaria, En. Mohd. Isa Sabu, Encik Mohd. Yusof Abd. Hamid, Encik Mahmud Din, Encik Sulaiman Ismail, Encik Mohd. Mokhtar Mohd. Akhir, Encik Abd. Samad Lateh, Encik Ishak Mat Isa, Encik Md. Hussin Md. Hassan, Encik Azizan Samla, Encik Ismail Awang, Encik Johari Mohd. Darus dan ramai lagi rakan seperjuangan kami di Negeri Perlis dan Kedah yang mana telah dengan cara-cara tertentu dan tersendiri menghulurkan sumbangan dan kerjasama kepada kami dalam menyiapkan buku "Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat" ini.

Akhir kata, "Tingginya gunung, tinggi lagi penghargaan kami" terhadap mereka tersebut itu.

Ahmad bin Ismail
Yazid bin Mat

SENARAI: Peta/Rajah, Gambar dan Lampiran

Peta-peta/Rajah:


1. Kedudukan Negeri Perlis Sebelum Tahun 1909.
2. Negeri Perlis Selepas Tahun 1909 (Sekarang).
3. Kaum Kerabat Sultan Abdullah Mukarram Shah (Kedah).
4. Jadual Pemberian Hutang Perlis-Siam, Tahun 1905.
5. Jadual Persembahan Bunga Emas Dan Perak Oleh Negeri Perlis (1843-1909).

Gambar-gambar:

1. Alat-alatan Manusia Zaman Purba Yang Dijumpa di Bukit Tegun (Tengku) Lembu, Perlis.
2. Tanah Perkuburan Tok Paduka, Kangar.
3. Al-Marhum Kayang Yang Pertama.
4. Al-Marhum Kayang Yang Kedua.
5. Perkuburan Dato' Arau.
6. Makam Al-Marhum Syed Alwi Ibni Syed Ahmad Jamalullail.
7. Raja Syed Safi.
8. Raja Syed Safi Bersama Kerabat dan Pembesar-pembesar.
9. Raja Syed Alwi.
10. M.C. Hay Bersama Pembesar-pembesar Negeri Perlis.
11. Sekolah Melayu yang kedua di Perlis.
12. D.Y.M.M. Tuanku Syed Putra Jamalullail dan DYMM Tengku Budriah Binti Tengku Ismail.
13. Y.M. Raja Haji Ahmad bin Raja Endut.
14. Tan Sri Dato' Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim.
15. Jemaah Pemangku Raja Perlis.


Lampiran:

Salasilah Keluarga Jamalullail
dan Raja-Raja Negeri Perlis Indera Kayangan.




KEDUDUKAN NEGERI PERLIS SEBELUM TAHUN 1909

(Disesuaikan daripada "Map of the Malay Peninsula Compiled by and published for the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Singapore 1898).



NEGERI PERLIS – SEMPADAN SELEPAS TAHUN 1909 (SEKARANG)



1. Gambar di atas menunjukkan sebahagian daripada kapak-kapak, cincin-cincin batu, antan-antan lesung batu dan lain-lain alat batu yang dijumpai di Bukit Tegun (Tengku) Lembu, di Negeri Perlis.



BAB I

PENDAHULUAN

(A) PENGENALAN RINGKAS JAJAHAN PERLIS

Jajahan Perlis yang dahulunya merupakan sebuah daripada jajahan-jajahan Kesultanan Kedah, letaknya di sebelah tenggara Wilayah Setul, Thailand (Negeri Siam) dan di sebelah barat laut dan utara Daerah Kubang Pasu, Kedah. Manakala pantai barat Jajahan Perlis menghadapi laut Selat Melaka dan di sebelah timur lautnya pula bersempadan dengan Wilayah Songkhla (Swangkala), Thailand.

Sekarang Jajahan Perlis ini menjadi Negeri Perlis, tetapi Negeri Perlis yang ada pada hari ini adalah lebih kecil daripada Jajahan Perlis yang dimaksudkan itu. Negeri Perlis letaknya di antara garisan lintang 6 dan 7 utara, panjangnya 32 batu dan lebarnya 15 batu, serta luasnya lebih kurang 316 batu persegi.

Sebenarnya bumi Jajahan Perlis ini sudah lama didiami manusia, semenjak zaman pra sejarah dan zaman batu lagi. Hakikat tersebut dapatlah dibuktikan dengan terjumpanya hasil-hasil tinggalan manusia purba ini di Gua Tegun Lembu (Tengku Lembu), Mukim Beseri di Negeri Perlis.¹ Bahan-bahan tinggalan seperti itu juga telah dijumpai di beberapa buah gua bukit batu kapur yang lain di negeri ini.

Dengan terjumpanya lagi hasil-hasil tinggalan yang berupa keping-keping tanah liat keras yang bertulis dan patung-patung (berhala) di Gua Berhala dan di Gua Kurong Batang, di Mukim Wang Bintong, kira-kira 4 batu

1. Tweedie, M.W.F., *Prehistoric Malaya*, Hal. 17-18, Penduduk-penduduk tempatan menyebut Gua "Tegun Lembu", bukan Tengku Lembu.

dari Kangar,² telah meyakinkan lagi bahawa generasi manusia zaman purba itu masih tinggal di bumi Jajahan Perlis, dan cara hidup mereka adalah dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu dan Buddha Mahayana.

Dengan demikian itu jelaslah suatu hakikat bahawa Perlis tidaklah merupakan suatu jajahan yang baharu sahaja didiami manusia, bahkan ianya telah didiami manusia semenjak berabad-abad yang silam sebelum Masihi lagi. Tegasnya aliran dan tahap-tahap perkembangan tamadun manusia semenjak dari zaman batu hingga ke period kedatangan agama Hindu, Buddha dan Islam sudahpun mengambil tempatnya di bumi Perlis.

Kedatangan Islam dan orang-orang Barat ke rantau ini telah membawa kita mengenali Jajahan Perlis dengan lebih dekat dan meluas lagi. Memandangkan bahawa Perlis hanya sebuah jajahan Kesultanan Kedah dewasa itu, ianya jarang sekali disebut atau diketengahkan, bahkan Perlis disebut secara umum sebagai "Negeri Kedah dan jajahan-jajahan takluknya" atau "Kesultanan Kedah dan jajahan-jajahan takluknya" sahaja. Namun demikian Jajahan Perlis sudah mempunyai sesuatu keistimewaan yang tersendiri daripada jajahan-jajahan Negeri Kedah yang lain, jika sekiranya ditinjau daripada aliran sejarah Kesultanan Kedah semenjak dari awal kedatangan Islam ke negeri itu.

Semenjak selepas sesuku abad ke 14 sehingga awal abad ke 17 Masihi, terdapat tujuh generasi Sultan Negeri Kedah yang bersemayam di Kota Si Puteh, dalam Daerah Kubang Pasu.³ Kota Si Puteh adalah kira-kira 3 batu sahaja jaraknya dengan sempadan Negeri Perlis sekarang, dan lebih kurang 18 atau 19 batu sahaja dari kota tersebut melalui anak-anak Sungai Perlis ke pantai Kuala Perlis. Ini menunjukkan bahawa jarak ke laut dari Kota Si Puteh melalui Sungai Perlis adalah lebih dekat lagi daripada melalui anak-anak Sungai Kedah. Perjalanan darat melalui sungai dan keluar masuk dari laut adalah lebih menguntungkan melalui Kuala Perlis daripada melalui Kuala Kedah ke Kota Si Puteh. Walau bagaimanapun tidaklah dapat dinafikan bahawa sungai-sungai Perlis, Kedah dan Muda adalah memainkan peranan yang penting dalam kegiatan perdagangan dan pengangkutan serta lalu-lalang dewasa itu,⁴ terutama sekali dalam hubungan niaga antara Negeri Kedah dengan Wilayah-wilayah Nakhon Sitammarat*, Singgora, Chenak, Tepa, Patani dan lain-lain wilayah di selatan Negeri Siam. Penggunaan gajah bagi

2. Lamb, H.A., "Mahayana Buddhist Votive Tablets in Perlis", JMBRAS, Jilid 37, Bah. 2, 1964, Hal. 47-59.

3. Muhammad Hassan bin Datuk Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

4. Bonney, R., *Kedah 1771-1821*, Hal. 5-7.

* Ligor.

mengangkut barang-barang dari pendalaman ke tebing sungai dan anak-anak sungai tersebut, dan seterusnya dibawa dengan tongkang atau sampan ke laut adalah suatu cara yang lazim dijalankan oleh penduduk-penduduk tempatan pada abad-abad yang silam itu.

Semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah di Melaka (1488–1511), salah seorang daripada Sultan Negeri Kedah yang bersemayam di Kota Si Puteh ini telah berangkat ke Melaka dan dinobatkan di sana oleh Sultan Melaka.⁵ Ini menunjukkan bahawa Negeri Kedah dan jajahan-jajahan takluknya, termasuk Jajahan Perlis adalah bernaung di bawah Kesultanan Melayu Melaka. Kejatuhan Melaka kemudiannya telah memberi peluang kepada pengaruh Aceh untuk bertapak di Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya melalui urusan dagang, yang mana seterusnya membawa kepada perkembangan pengaruh politik Aceh di Tanah Melayu.⁶ Di awal abad ke 17 itu Aceh telah berkembang sebagai sebuah Empayar Islam yang kuat dan sukar ditandingi di Kepulauan Melayu, terutama sekali di zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607–1636).

Semenjak awal abad ke 16 lagi Jajahan Perlis telah dikunjungi oleh seorang pedagang Portugis, Ferano Mendes Pinto, yang mana dikatakan Pinto "anchored at the mouth of the Perlis River near Alor Star to trade 1539".⁶ Dalam peristiwa ini dikatakan bahawa Pinto sampai ke Kedah pada hari Sultan Muzaffar Shah sedang mengebumikan jenazah ayahandanya Sultan Mahmud.⁷ Tetapi sebenarnya Sultan Mahmud telah mangkat di Kota Si Puteh pada tahun Masihi 1546, bersamaan dengan Sanah Hijrah 953.⁸ Walau bagaimanapun tarikh 1539 itu mungkin dikelirukan dengan Sanah Hijrah 953, kerana tarikh Masihi 1539 itu adalah dicatitkan oleh seorang pencatat riwayat Pinto yang bernama Maurice Collis. Namun demikian jelas kepada kita bahawa kedatangan Pinto ke Perlis ini adalah dalam kurun Masihi ke 16.

Dalam tahun 1611, seorang Kapten Laut Portugis, Diogo de Medoca Furtado dalam pelayarannya dari Tennasserim, Negeri Burma ke Melaka telah menyerang dan membakar pelabuhan Kuala Perlis dan Kuala Kedah, yang mana dikatakan tindakan tersebut dijalankan bagi pihak Raja Siam.⁹

Sepuluh tahun kemudiannya, iaitu dalam bulan September tahun 1621, seorang jeneral bangsa Perancis bernama Augustine de Beaulieu, semasa

5. Shellabear, W.G., *Sejarah Melayu*, Oxford University Press (Edisi Baharu), Hal. 237–238.

6. Clark, K., "Pinto and Lock in Kedah", *Malaya in History*, Jilid 4, Bil. 2, 1958, Hal. 43.

7. *Ibid.*

8. Muhammad Hassan, *Op. cit.*, Hal. 49.

9. Bonney, R., *Op. cit.*, Hal. 15.

* Batu-batu nisan Aceh (Batu Aceh) banyak terdapat di beberapa tempat di Negeri Perlis dan Kedah.

pemerintahan Louis XIV, telah mencatatkan bahawa beliau telah sampai ke Pulau Langkawi dalam rangka lawatannya untuk menyiasat keadaan di rantau ini sebagai suatu langkah ke arah penubuhan French East India Company.¹⁰ Di antara catatan-catatannya itu ada disebutkan nama Perlis dengan ejaan "Perleys" seperti berikut:

"From letters from the Sieur D'Espine I see that he arrived in Perleys two days after leaving me".

"On the 2nd, September a perahu arrived. It had left Queda or Perleys three days before."¹¹

Sultan Negeri Kedah semasa itu ialah Sultan Sulaiman II yang bersemayam di Kota Si Puteh, yang mana empat tahun kemudiannya Sultan ini telah ditawan dan dibawa ke Aceh.¹² Mengenai perkara tersebut itu, De Beaulieu telah mencatatkan seperti berikut, "..... accordingly to the 'Pangoulou' (Penghulu), would take ten or twelve days as the Roi (Sultan Kedah) had retreated a three days journey inland for fear of the armies of the Roi D' Achen (Sultan Aceh) who had destroyed the town of Queda and taken up residence in Perleys."¹³

Daripada fakta-fakta di atas dapatlah dilihat bahawa Jajahan Perlis sudah menjadi suatu jajahan yang penting bagi Negeri Kedah semasa pemerintahan Negeri Kedah berpusat di Kota Si Puteh itu.

Selepas Sultan Sulaiman Shah II (1602) yang bersemayam di Kota Si Puteh itu, hanya satu generasi sahaja Sultan Kedah yang bersemayam di Kota Naga, di Negeri Kedah, iaitu Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1625-1652).¹⁴

Kota Sena adalah merupakan ibukota Negeri Kedah yang pertama sekali dibina di Jajahan Perlis oleh Sultan Kedah yang ke 14, Sultan Muhyiddin Mansur Shah (1653-1661). Kerja-kerja pembinaan kota dan istana di Sena ini bermula dalam tahun 1653, dan apabila siap pembinaannya dalam masa kira-kira 2 tahun baharulah Sultan Muhyiddin Mansur Shah dan para pembesarnya berpindah dari Kota Naga ke Kota Sena.¹⁵

10. Augustin, J.F., "Langkawi - 1621 A.D.", *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jilid I, Bil. 1,2.

11. *Ibid.*

12. Bonney, R., *Op.cit.*, Hal. 15-16.

13. Augustin, J.F., *Op.cit.*, Hal. 1.

14. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 69-74.

15. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 74-76.

Pembesar utama Sultan Muhyiddin Mansur Shah di Kota Sena ialah Dato' Seri Paduka Maha Menteri yang berasal dari Negeri Perak. Nama beliau sebenar ialah Wan Long Salleh, dan beliau juga adalah mentua kepada Sultan Muhyiddin Mansur Shah yang telah berkahwin dengan Wan Ngah Sara, anak perempuan Dato' Seri Paduka Maha Menteri.

Perlu disebutkan iaitu kawasan Kampung Sena dan Tok Paduka (berhampiran Bandar Kangar) adalah merupakan kawasan letaknya Istana Sena dan Kota Sena, dan kawasan ini adalah merupakan kawasan awal penempatan penduduk yang mana kemudiannya berkembang, dan menjadi asas kepada pertumbuhan pekan Kangar (Bandar Kangar sekarang).

Sultan Kedah yang ke 15, Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah (1661–1687) telah membina kota dan istananya yang baru di suatu kawasan yang dikelilingi oleh beberapa buah bukit yang letaknya di sebelah hilir (selatan) tebing Sungai Perlis (di sebelah hilir Kampong Wai, Mukim Kuala Perlis).¹⁶ Kota ini dinamakan Kota Indera Kayangan. Sekarang kota ini dikenali sebagai Kota Indera Kayangan Yang Pertama dan Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah dikenali sebagai Al-Marhum Kayang Yang Pertama.

Zaman pemerintahan Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah, di Kota Indera Kayangan Yang Pertama adalah suatu zaman yang agak progresif dalam sejarah Negeri Kedah, di mana Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah telah mengasaskan beberapa aspek kemajuan yang berpusat di Kota tersebut. Di antaranya Baginda telah mengadakan matawang yang berbentuk 8 segi yang diperbuat daripada campuran tembaga dan perak (silver-copper alloy coin), yang beratnya 0.77 gram tiap-tiap sekeping. Pada sebelah daripada permukaan matawang ini terdapat tulisan nama "Dhiauddin" dalam huruf Jawi, dan pada sebelah lagi bertulis "Sultan 1076 Sanat", yang mana bersamaan dengan tahun Masihi 1665.¹⁷

Dalam zaman tersebut suatu projek mengorek sungai telah dijalankan, iaitu dengan mengorek sungai dari Kota Indera Kayangan Pertama terus ke selatan Jajahan Perlis, menembusi beberapa mukim dalam Jajahan Negeri Kedah sehingga bertemu dengan Sungai Kedah di Anak Bukit.¹⁸ Sungai tersebut dikorek oleh rakyat melalui sistem kerah. Di samping untuk faedah utamanya sebagai kemudahan dan lalulalang, projek tersebut telah memberi faedah untuk pertanian, iaitu untuk kemudahan pengairan bagi menanam padi.

16. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 77–78.

17. Mohd. Kassim Hj. Ali dan William Shaw, "The Coinage of Kedah", *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jilid 4, Bil. 1, 1971, Hal. 31–32.

18. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 78. Light juga Sharom Ahmat, "The Structure of the Economy of Kedah", Jilid 43, Bah. 2, 1970, Hal. 4.

Pada Undang-undang Kedah (Kedah Laws) ada dicatatkan dalam Bab Kedua: "Tembera Dato' Seri Paduka Tuan", yang bertarikh 1078 Sanah Hijrah, bersamaan dengan tahun Masihi 1667.¹⁹ Bahagian Undang-undang yang mengandungi 16 bab ini jelas menunjukkan bahawa ianya telah dikuatkuasakan semasa pemerintahan Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah, yang bersemayam di Kota Indera Kayangan Pertama.

Semasa Baginda juga telah terjalin hubungan luar dengan negeri Bugis di Makasar, di mana puteri Baginda, Tengku Sapura Negara telah dikahwinkan dengan Raja Juang Tawa, putera Raja Bugis.²⁰ Setelah mendapat seorang putera yang bernama Tengku Ngah Putra, hasil daripada perkahwinan tersebut, Raja Juang Tawa telah mangkat di Kota Indera Kayangan Pertama.²¹

Di akhir-akhir period pemerintahan Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah ini, Tengku Ngah Putra yang telah remaja itu telah menunjukkan azamnya mahu menjadi bakal Sultan Kedah. Berhubung dengan itu dalam tahun 1686, Tengku Ngah Putra telah membawa suatu angkatan orang-orang Bugis untuk menyerang Negeri Kedah melalui Merbok.²² Namun demikian Ngah Putra dan orang-orang Bugis telah gagal mengalahkan pihak Sultan Kedah. Justeru itu, Tengku A'taullah yang didendam oleh Ngah Putra, telah menaiki takhta Kedah setelah mangkatnya Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah di Kota Indera Kayangan Pertama.²³

Berasaskan kepada fakta-fakta demikian, jelaslah bahawa era Kota Indera Kayangan Pertama di Jajahan Perlis adalah merupakan suatu era yang agak penting dalam sejarah Negeri Kedah dalam abad ke 17. Seterusnya di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa II dan Sultan Abdullah Mukarram Shah terdapat beberapa peristiwa penting yang berlaku di Perlis. Asas rundingan antara pihak Kedah dan pihak East India Company* telah bermula di Kangar, di mana Edward Monkton, wakil Gabenor Madras dan rombongannya telah sampai di Kangar pada 13hb. April tahun 1772, kerana pihak Kedah telah memohon bantuan pertahanan daripada pihak East India Company* dari Madras untuk mematahkan serangan orang-orang Bugis yang sedang bermaharajalela di Kedah dewasa itu.²⁴

19. Winstedt, R.O., "Kedah Laws", JMBRAS, Jilid 6, Bah. 2, 1928, Hal. 27.

20. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 81.

21. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 82.

22. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 89.

23. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 91.

24. Bonney, R., *Op.cit.*, Hal. 40-42. Sultan Muhammad Jiwa II ialah Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilil Muazzam Shah Kedua, iaitu Sultan Kedah yang ke 19.

* English East India Company.

Bermula daripada rundingan yang ulung di Kangar inilah kemudiannya telah membawa kepada rundingan-rundingan dan tawar menawar seterusnya antara kedua belah pihak sehinggalah membawa kepada penyerahan pelabuhan Kuala Kedah kepada East India Company pada 22hb. April 1772.²⁵ dan akhirnya membawa kepada pendudukan Pulau Pinang oleh pihak British dalam tahun 1786.

Tengku Dhiauddin, adinda Sultan Abdullah Mukarram Shah, menjadi Pemangku Sultan Kedah (1798–1803) selepas kemangkatan Sultan Abdullah. Di zaman Sultan Abdullah Tengku Dhiauddin adalah Raja Muda. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah dan para pembesarnya telah membangunkan semula Kota Indera Kayangan, dan Baginda bersemayam di suatu kawasan berhampiran Kampong Langgar Kayang. Zaman pemerintahan Baginda di Kota Indera Kayangan ini disebut Zaman Kota Indera Kayangan Kedua, dan Sultan Dhiauddin dikenali sebagai Al-Marhum Kayang Kedua.²⁶

Dalam bulan Jun tahun 1800, Sultan Dhiauddin telah membuat suatu perjanjian persahabatan dengan George Leith, Gabenor Inggeris di Pulau Pinang, di mana kemudiannya Seberang Perai telah diserahkan kepada East India Company.²⁷ Dalam perjanjian ini Sultan Dhiauddin disebut sebagai "Raja Muda Perlis dan Kedah", dan seterusnya dilihat bahawa nama "Perlis" disebut terdahulu daripada "Kedah", iaitu: "Duli Raja Muda Perlis dan Kedah", "di Perlis dan Kedah", "ke Perlis dan Kedah" dan "Negeri Perlis dan Kedah."²⁸

Seperkara yang menarik perhatian ialah bahawa semenjak zaman Sultan Dhiauddin ini, Jajahan Perlis atau Kayang sudah disebut "Negeri Perlis". Nampaknya Perlis diperintah oleh Sultan Dhiauddin sebagai sebuah negeri yang tersendiri dan istimewa dalam Kesultanan Kedah dewasa itu. Seolah-olah wujud keadaan pemerintahan "a state within a state", walaupun dalam perjanjian itu disebutkan bahawa "Negeri Perlis dan Kedah dan Pulau Pinang jadi satu negeri."

Namun dalam tahun 1803, Sultan Dhiauddin dipaksa turun takhta oleh Tengku Pangeran (Sultan Ahmad Tajuddin II). Seterusnya Sultan Dhiauddin hanya memerintah Jajahan Perlis hingga ke akhir usianya dalam tahun 1813.

25. Bonney, R., *Op.cit.*, Hal. 48.

26. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 135–141.

27. Bonney, R., *Op.cit.*, Hal. 105.

28. "Surat Tanda Berjanji dan Bersahabat", antara Sultan Dhiauddin Mukarram Shah dan Sir George Leith Baronet, bertarikh 12hb. Muharram, S.H. 1215, (Jun, 1800).

Setelah Sultan Dhiauddin mangkat Tengku Embom (Tengku Yaakub), Raja Muda memohon untuk memerintah Perlis dan Setul. Apabila permohonannya ditolak oleh Sultan, Tengku Embom mengadakan pakatan dengan Raja Ligor untuk membalas dendam. Seorang lagi musuh Sultan, Tengku Bisnu juga membuat perkiraan dengan Raja Songkhla untuk menentang Sultan.

Tengku Bisnu dan Tengku Embom telah berangkat ke Bangkok (berasingan) untuk melapor perihal hubungan Sultan Kedah dengan pihak Inggeris dan Burma, sambil mempersoal kesetiaan Sultan sehingga menimbulkan perasaan curiga dan marah Raja Siam terhadap Sultan. Akhirnya pihak Siam telah membuat keputusan menyerang Kedah.



2. Gambar di atas menunjukkan sebahagian daripada tanah perkuburan Tok Paduka, Kangar, di mana terletaknya makam Sultan Muhyiddin Mansur Shah, Sultan Kedah yang keempat belas. Di sini juga terletaknya Makam Tok Paduka, iaitu Datuk Paduka Maha Menteri, ayahanda kepada Wan Ngah Sara yang menjadi permaisuri kepada Sultan Muhyiddin Mansur Syah. Sehingga sekarang perkuburan Tok Paduka menjadi tanah perkuburan bagi orang-orang Islam di sekitar Bandar Kangar.

(B) HIPOTISIS ASAL NAMA NEGERI PERLIS

Telah didapati berbagai-bagai cerita lisan orang tua-tua dan ada juga hasil-hasil tulisan yang telah diketengahkan selama ini mengenai asal usul nama Negeri Perlis. Daripada cerita-cerita lisan didapati bahawa kononnya nama Negeri Perlis ini berasal daripada perkataan Siam "prow-lowy", perkataan "perlus" dan nama manusia "Peran Leh".²⁹ Daripada bahan-bahan bertulis pula didapati bahawa kononnya nama negeri ini berasal daripada: perkataan "perolch", nama manusia "Tok Perlis" dan nama batu "perlit". Hingga kini nyatalah bahawa sudah sebanyak 6 sumber yang telah diketahui berhubung dengan asal nama Negeri Perlis, namun demikian tiap-tiap suatu daripada sumber-sumber tersebut adalah mempunyai ceritanya yang tersendiri. Tegasnya tiap-tiap suatu sumber itu adalah berbeda sama sekali dengan yang lain-lainnya. Sehingga kini sudah timbul keraguan tentang sumber manakah daripada keenam-enam itu yang tepat, boleh dipercayai dan mempunyai asas kebenaran berlandaskan fakta-fakta yang jitu.

Supaya dapat direnungkan dengan lebih teliti lagi, akan diperihalkan secara ringkas keenam-enam isi kandungan sumber-sumber tersebut itu:

Daripada sumber pertama didapati bahawa nama Perlis ini berasal daripada perkataan Siam yang berbunyi "prow-lowy", yang bererti "kelapa hanyut" atau "nyiur hanyut". Ceritanya seperti berikut. Dalam abad-abad ke 15 dan ke 16 dahulu ramai pedagang dari Benua Siam datang ke Negeri Kedah hingga sampai ke Melaka. Dalam pelayaran dari Benua Siam ke tempat-tempat itu mereka selalu singgah sementara di Kuala Sungai Perlis, yang mana mereka namakan tempat itu "Prow-Lowy". Mereka namakan demikian adalah memandangkan di tempat ini kononnya banyak terdapat buah-buah kelapa yang hanyut dan terdampar di pantai kuala itu. Dengan hal yang demikianlah kawasan Kuala Sungai Perlis ini dikenali dengan sebutan "Prow-lowy" oleh pedagang-pedagang Siam itu. Oleh itu lama-kelamaan kononnya orang-orang Melayu tempatan telah mengubahsuaikan sebutan "Prow-lowy" itu kepada sebutan "Perlis", "Kuala Perlis", "Sungai Perlis" dan seterusnya menjadi "Negeri Perlis".

Daripada sumber kedua, difahamkan bahawa kononnya nama Negeri Perlis ini berasal daripada suatu perkataan Melayu loghat utara (Kedah dan Perlis), iaitu perkataan "perlus" atau "perchus". Perkataan ini digunakan dengan awalan "ter" menjadi katakerja "terperlus", yang bererti "termasuk kaki ke dalam atau ke celah sesuatu". Selahnya kaki kita akan terperlus bila berjalan di tanah yang lembut atau berlumpur. Di Negeri Perlis terdapat

29. Ahmad Ismail, catatan daripada Cerita Mulut Orang Tua-tua.

kawasan tanah berlumpur yang luas, terutama sekali di Perlis Selatan. Dengan ini kononnya nama Negeri Perlis berasal daripada perkataan "perlus", memandangkan kejadian "terperlus" itu selalu berlaku di bumi Perlis, baik pada manusia mahupun pada binatang-binatang.

Daripada sumber ketiga pula didapati bahawa nama Negeri Perlis ini berasal daripada nama "Peran Leh". "Peran Leh" adalah seorang peran (clown) Mak Yong yang sangat popular di suatu masa dahulu. Namanya yang sebenar ialah Saleh. Sebagaimana lazimnya bagi orang-orang Melayu, nama Saleh ini disingkatkan panggilannya menjadi "Leh" sahaja. Oleh itu, bila singkatan nama ini disebut bersama-sama dengan gelaran "profesionnya" maka disebutlah "Peran Leh" sahaja. Peran Leh dan kumpulan Mak Yongnya selalu dijemput bermain Mak Yong di istana Raja. Suatu malam dalam suatu permainan Mak Yong di istana, entah bagaimana dalam suatu babak, seorang teman Peran Leh telah bertanya, "Ke negeri manakah kita sampai sekarang?". Peran Leh menjawab, "Kita sudah sampai ke negeri Peran Leh". Jadi ekoran daripada jawapan Peran Leh itu Raja telah mengumumkan bahawa negeri ini mesti dinamakan "Negeri Peran Leh". Kononnya, lama-kelamaan hasil daripada pengubahsuaian dalam sebutan sehari-hari, sebutan "Negeri Peran Leh" disebut pula "Negeri Perlis".

Sumber keempat pula terdapat dari suatu artikel dalam *Journal of the Malaysian Branch Asiatic Society*, yang mana menyebutkan bahawa nama Negeri Perlis kononnya berasal daripada perkataan "peroleh". Maka daripada ampun kurniaan inilah Kayang "Negeri yang diperoleh" itu akhirnya menjadi sebutan Negeri Perlis. Sebelum itu tidak dipanggil Perlis kepada Kayang atau Indera Kayangan".³⁰ Kurniaan yang dimaksudkan itu berlaku dalam tahun 1843, di mana kononnya Sultan Ahmad Tajuddin dari Kedah telah menyerahkan "Daerah Kayang" kepada Tuan Syed Hussin Jamalullail.

Nampaknya "cerita diperoleh" yang dikatakan lahir dalam tahun 1843 ini tidak berasas sama sekali. Apakah sebelum tahun 1843 itu tidak pernah wujud atau belum ada lagi nama "Perlis"? Bukankah nama "Perlis" sudah muncul sejak abad ke 16 lagi? Kenapakah Augustin De Beaulieu menyebut "Perleys" semenjak tahun 1621 lagi?³¹ Apakah tidak terdapat ungkapan-ungkapan "Duli Raja Muda Perlis dan Kedah", "di Perlis dan di Kedah", "ke Perlis dan Kedah" dan "Negeri Perlis dan Kedah" dalam surat perjanjian antara Sultan Dhiiauddin Mukarram Shah dengan George Leith Baronet dalam tahun 1800 itu?³²

30. Hussain Baba bin Mohamad, P.J.K., "Sejarah Negeri dan Raja-raja Perlis", *JMBRAS*, Jilid 42, Bah. 2, Tahun 1969, Hal. 177.

31. Augustin, J.F., *Loc. cit.*, Hal. 2.

32. "Surat Tanda Berjanji dan Bersahabat, 1800", *Loc.cit.*

Sumber kelima dari Majalah "The Gate" menyebutkan bahawa nama Perlis ini berasal daripada nama "Tok Perlis", yang mana kononnya disebut seperti berikut:

"The pioneer who was responsible for its (Perlis) development was a man named Tok Perlis. He was noted for his wit and courage. One day while crossing a river, the bridge collapsed and Tok Perlis was drowned. People who saw him fall wanted to rescue him, but they could not find his body. It became known that Tok Perlis was drowned and so the villagers named the river Sungai Tok Perlis in his memory. Ever since then the area around it is known as Perlis".³³

Ungkapan-ungkapan di atas juga diragui tentang kebenarannya. Bilakah peristiwa tersebut berlaku? Apakah "Tok Perlis" ini suatu gelaran kepada "Dato'-Dato'" yang menjaga Jajahan Perlis di bawah pemerintahan Sultan Kedah suatu masa dahulu? Di Negeri Perlis sekarang terdapat dua buah kubur yang dikatakan kubur-kubur "Tok Perlis", iaitu di atas Bukit Ngulang, Mukim Ngulang dan di Kota Keran, Mukim Seriab. Sekiranya demikian, nampaknya nama Perlis sudah pun wujud terlebih dahulu daripada peristiwa yang diceritakan dalam Majalah "The Gate" itu.³⁴

Sumber keenam mengenai asal usul nama Negeri Perlis terdapat dalam akhbar Berita Harian, yang mana dikatakan bahawa nama "Perlis" ini berasal daripada perkataan "perlit" (perlite), yang bermakna "batu". Anggapan tersebut telah dibuat oleh Y.A.B. Dato' Jaafar Hassan, Menteri Besar Perlis.³⁵

Mengikut Dato' Jaafar, "perkataan 'perlit' itu adalah sama dengan sebutan (panggilan) orang-orang Siam (Thailand) kepada Negeri Perlis yang berbunyi 'Perlit'. Menurut sejarah, perkataan 'Perlit' itu ialah nama sungai, iaitu 'Sungai Perlit' yang lama-kelamaan kemudiannya disebut (menjadi) 'Sungai Perlis'. Maka dari nama 'Sungai Perlis' inilah dipercayai berasalnya nama Negeri Perlis."

Anggapan Dato' Jaafar itu adalah berdasarkan kepada rujuakannya kepada perkataan-perkataan yang hampir sama bunyinya dengan perkataan "Perlis". Dengan ini didapati perkataan "perlite" itu daripada Oxford

33. Haanah Saad dan lain-lain, "Origin of Place-Names in Perlis", *The Gate, The Magazine of Historical Society, Sultan Abdul Hamid College, Alor Setar, Tahun 1957, Hal. 26.*

34. Tok Perlis yang dimaksudkan dalam *The Gate* itu tidak disebutkan tempatnya, kerana mayatnya tidak dapat ditemui. Dengan ini nampaknya setakat yang diketahui, sudah terdapat seramai tiga orang Tok Perlis atau Dato' Perlis.

35. Ahmad Osman, "Asal Nama Negeri Perlis", *Berita Harian, 18hb. Jun, 1974.*

Dictionary yang mana ianya bermakna "obsidian or other vitreous rock in form of enamel-like globules". Perkataan "perlite" ini sebenarnya adalah berasal daripada perkataan Perancis dan bermakna "sejenis batu".³⁶

Beliau telah menguatkan lagi anggapannya berdasarkan kepada "adanya satu bukit batu di tebing Sungai Perlis, lebih kurang sebatu daripada Kuala Perlis, yang mana bukit itu dipanggil "Batu Buaya". Dengan terdapatnya pula Bukit-bukit Tok Poh, Lambung Panah, Tok Sanai dan Bukit Lagi, apabila seseorang yang mudik Sungai Perlis," telah menambahkan lagi dalil anggapan Dato' Jaafar itu.

Seterusnya beliau menegaskan bahawa kebanyakan negeri-negeri Melayu mengambil namanya daripada nama Sungai, dan oleh itulah nama Negeri Perlis juga dipercayai diambil daripada nama sungainya, iaitu Sungai Perlis.³⁷

Daripada keenam-enam sumber tersebut itu jelaslah bahawa tiap-tiap satunya mempunyai fakta-fakta dan aliran bicara yang tersendiri dan berbeza-beda. Hanya sumber kelima dan keenam sahaja yang memperlihatkan sedikit unsur-unsur persamaan di bahagian akhir kedua-duanya yang mana dalam konteks ini dikatakan bahawa "nama sungai lahir dahulu dan kemudiannya baharulah lahir nama jajahan atau negeri". Tegasnya, "nama Sungai Perlis lahir dahulu, kemudian baharulah lahir nama Jajahan atau Negeri Perlis." Hakikat tersebut adalah mempunyai persamaan dengan pendapat Mr. R. Bonney yang mengatakan bahawa:

"The 'negeri' generally took its name from the principal river system, and the adjacent river basins were incorporated into the 'negeri' either by historical ties, submission, conquest, cultural affinity or mere agreement and understanding."³⁸

Namun demikian, sehingga kini kemusykilan dan dilema mengenai asal nama "Perlis" ini masih lagi belum selesai. Rasa tidak puas hati masih lagi timbul tentang agakan Dato' Jaafar bahawa "perkataan perlit" itu ialah nama sungai, iaitu "Sungai Perlit" yang lama-lama kemudiannya disebut (menjadi) "Sungai Perlis". Lebih-lebih lagi beliau mengatakan bahawa "perlit" itu adalah sama dengan sebutan (panggilan) orang-orang Siam (Thailand) kepada Negeri Perlis, yang berbunyi "Perlit".³⁹

36. *Ibid.*

37. *Ibid.*

38. Wawancara dengan Mr. R. Bonney, Mei, 1974.

39. Ahmad Osman, *Berita Harian*, *Loc.cit.*

Adakah benar Siam menyebut Negeri Perlis dengan sebutan "Perlit"? Setakat yang diketahui, daripada peta-peta lama Abad ke 19 dan daripada sumber-sumber sejarah yang boleh dipertanggungjawabkan, Siam menyebut Negeri Perlis dengan sebutan "Polit" atau "Palit"⁴⁰, tidak ada bunyi "r" dalam kedua-dua sebutan itu. Masih disangsikan lagi suatu persoalan, iaitu semenjak bilakah Siam mula menyebut nama "Polit" atau "Palit" itu? Adakah semenjak awal abad belasan Masihi ataupun semenjak masa Siam telah membahagikan Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya kepada beberapa negeri dalam tahun 1839 itu? Apakah nenek-moyang kita orang-orang Melayu tidak mampu memberi nama kepada tempat tumpah darah mereka sendiri? Apakah mereka itu miskin dengan nama-nama Melayu jati atau nama-nama tempatan bagi menamakan kawasan atau tempat-tempat mereka tinggal?

Sebenarnya rahsia mencari asal-usul nama Negeri Perlis mestilah dibongkar dan diselidiki daripada aliran sejarah dan tamadun, latar belakang kebudayaan dan keadaan tempatan di bumi Perlis sendiri. Di samping itu tinjauan hendaklah dibuat terhadap negeri-negeri atau jajahan-jajahan yang berjiran dengan Negeri Perlis, dan seterusnya tinjauan yang lebih jauh lagi hendaklah ditumpukan kepada beberapa negeri dan tempat-tempat di Semenanjung Tanah Melayu khususnya, dan negeri-negeri di Alam Melayu amnya.

Berdasarkan kepada pendekatan yang tersebut itu, akan dikemukakan suatu hipotesis mengenai asal-usul nama Negeri Perlis. Mengikut hipotesis ini nama Negeri Perlis adalah berasal daripada nama sejenis pokok atau tumbuh-tumbuhan yang dipanggil "pokok Perlis". Di bawah ini akan dikemukakan beberapa asas bagi menguatkan hipotesis tersebut:

- (1) Memang menjadi suatu kenyataan bahawa kegunaan pokok-pokok atau tumbuh-tumbuhan bagi orang-orang Melayu khususnya dan bagi manusia amnya sangat banyak dan meliputi berbagai aspek keperluan mereka sehari-hari. Bagi orang-orang Melayu di abad-abad yang silam, kegunaan pokok-pokok dalam aspek-aspek kehidupan amatlah luas. Sebelum kedatangan Islam pokok-pokok adalah menjadi suatu unsur kepercayaan dan penyembahan, di samping merupakan sumber-sumber makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal atau perumahan, ubat-ubatan, senjata, pengangkutan (perahu, rakit, titi) dan berbagai-bagai lagi. Keperluan mereka kepada pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan telah mengatasi jenis-jenis yang lain. Dengan ini tentu sahaja

40. Wawancara dengan *Drs. Mohd. Dahlan Mansoor*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Mei 1974.

pokok-pokok yang beribu-ribu jenis dan pelbagai kegunaan itu mempunyai beribu-ribu nama atau sebutan bagi orang-orang Melayu. Bagi orang-orang Melayu, nama-nama pokok dan jenis-jenisnya adalah melebihi daripada nama-nama bagi benda-benda lain.

- (2) Mengikut Drs. Mohd. Dahlan Mansoer, "Kebanyakan nama-nama tempat di Alam Melayu adalah lazimnya berasal daripada nama-nama pokok atau tumbuhan-tumbuhan, haiwan dan warna."⁴¹ Lihat sahaja nama-nama tempat dan negeri berikut: Melaka, Pulau Pinang, Beruas, Sunda Kelapa (Jakarta), Tanjung Rambutan, Tanjung Pauh, Tanjung Ketapang, Kuala Kandis, Bagan Serai, Nibong Tebal, Bukit Mertajam, Ipoh, Lumut, Sintok, Machang, Pulau Rempah dan beribu-ribu tempat lagi adalah mengambil sempena daripada nama-nama pokok atau tumbuh-tumbuhan. Nampaknya di tiap-tiap negeri di Malaysia Barat, dari Perlis hingga ke Johor terdapat banyak nama-nama tempat yang mengambil sempena daripada nama-nama pokok atau tumbuh-tumbuhan.
- (3) Ditinjau pada nama-nama tempat di seluruh Negeri Perlis yang seluas 316 batu persegi ini, setakat yang diketahui adalah didapati bahawa kira-kira 100 tempat yang namanya semacam dengan nama pokok atau tumbuh-tumbuhan. Lihat sahaja nama-nama tempat berikut:⁴²

Bohor Gandin,	Bohor Tui,
Bohor Gelam,	Bohor Pisang,
Bohor Gonchar,	Hutan Ibus,
Bohor Mengkuang,	Hutan Palas,
Bohor Maru,	Hutan Buluh,
Bohor Mali,	Hutan Gelam,
Bohor Janggus,	Alor Ara,
Bohor Pulai,	Alor Biak,
Bohor Mempelam,	Alor Pulai,
Bohor Mentalun,	Alor Chemumar,
Bohor Lalang,	Alor Sena,
Bohor Inai,	Alor Tampang,
Bohor Temak,	Alor Kangar,

41. Wawancara dengan Drs. Mohd. Dahlan Mansoer, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Mei, 1974.

42. Lihat Peta Negeri Perlis, Sekil; 1 Inci: 1 Batu Jabatan Ukur Kedah/Perlis, Cetak Reflex Bil. 426/1974.

Kampung Binjal,	Permatang Limau Manis,
Kampung Sentua,	Permatang Keriang,
Kampung Sentang,	Guar Nangka,
Kampung Mawar,	Guar Jentik,
Kampung Petai,	Guar Medang Gatal,
Kampung Jarak,	Guar Sanji,
Kampung Jelutung,	Guar Rambai,
Kampung Keranji,	Guar Ipoh,
Kampung Sena,	Padang Biak,
Kampung Cheremai,	Padang Pauh,
Kampung Pokok Sena,	Padang Katong,
Kampung Banggol Sena,	Padang Lati,
Kampung Jejawi,	Padang Melangit,
Kampung Jejawi Permatang,	Padang Siding,
Kampung Changkat Jawi,	Padang Machang,
Kampung Gelam,	Tanjung Buluh,
Kampung Serdang,	Tanjung Gorah,
Kampung Bakau,	Tanjung Gelam,
Kampung Rambai,	Teluk Kacang,
Kampung Machang,	Teluk Jambu,
Kampung Asam Bungkas,	Teluk Berembang,
Kampung Simpang Mengkuang,	Teluk Biak,
Kampung Mengkuang Layar,	Tasek Melati,
Kampung Simpang Geti,	Genting Kabu,
Kampung Simpang Tengar,	Wang Bintong,
Kampung Pokok Asam,	Wang Belimbing,
Kampung Ulu Pauh,	Wang Chempedak,
Kampung Telaga Nyiur Manis,	Changkat Lada,
Kampung Belanga Puduk,	Tunjong,
Kampung Titi Tampang,	Repoh,
Kampung Paya Kelubi,	Baroh,
Kampung Bongor Kudung,	Sempering,
Kampung Permatang Bongor,	Pauh Tiga Beradik,
Kampung Kurung Tengar,	Pauh China,
Kampung Setul,	Chemumar,
Sungai Serai,	Pengkalan Asam,
Permatang Pauh,	Padang Melaka

- (4) Dilihat pada nama-nama jajahan dan tempat-tempat di negeri Kedah dan jajahan-jajahan takluknya sebelum tahun 1820an terdapat nama-nama seperti: Satul, Lungu, Perlis, Sena, Alor Setak (Alor Setar), Pulau Pinang, Bukit Pinang, Kota Palas dan

lain-lain lagi, didapati bahawa nama-nama tempat dan jajahan tersebut adalah berasal atau mengambil sempena nama pokok-pokok.

- (5) Jajahan Satul yang merupakan jajahan berkembar dengan Jajahan Perlis adalah nampaknya mengambil sempena namanya daripada nama pokok, iaitu pokok "setul". Dengan ini kemungkinan besar nama Jajahan Perlis berasal daripada nama sejenis pokok juga sepertimana dengan jajahan yang berkembar dengannya itu.
- (6) Nama kota yang terawal sekali didirikan oleh Sultan Kedah di Jajahan Perlis, iaitu Kota Sena, adalah mengambil sempena daripada nama pokok, iaitu "sena". Nama "sena" ini masih kekal lagi di negeri Perlis sehingga sekarang, iaitu: Kampung Sena, Mukim Sena dan Sungai Sena. Begitu juga terdapat nama-nama tempat lain dalam Negeri Perlis yang mengambil sempena nama pokok sena, iaitu: Alor Sena, Pokok Sena, Banggul Sena dan Sena Rendang.

Nama pokok "sena" mungkin seawal-awalnya digunakan di Jajahan Perlis dalam tahun 1653, iaitu bagi menamakan "Kota Sena". Nama "sena" ini digunakan juga bagi menamakan "Sungai Sena", "Mukim Sena" dan "Kampung Sena" di Kangar. Dalam keadaan yang sama juga dilihat bahawa nama "perlis" sudah pun digunakan bagi menamakan "Sungai Perlis" semenjak dari awal abad ke 16 lagi (dipercayai sebelum tahun 1546). Kemudiannya nama "perlis" digunakan bagi menamakan "Kuala Perlis", "Jajahan Perlis" dan "Negeri Perlis".

Nama "sena" mempunyai identitinya sebagai nama sejenis pokok, tetapi nama "perlis" nampaknya masih samar-samar lagi identitinya. Tidakkah menjadi suatu kemungkinan bahawa "perlis" juga merupakan nama sejenis pokok?

- (7) Nama "perlis" adalah sebenar-benarnya suatu nama yang asal. Sebutan "perlis" ini adalah sebutan orang-orang Melayu tempatan sendiri, tidak dipinjamkan daripada perkataan atau sebutan asing atau diubahsuaikan daripada suku-kata bahasa asing. Orang-orang luar juga menyebutnya dengan sebutan: "Perlis", "Perleys", "Purlis" dan "Parlis". Orang-orang Siam pula menyebut "Polit" atau "Palit". Gelaran Siam kepada Raja Perlis ialah "Phya Polit" atau "Phya Palit".

Tentang sebutan Siam itu adalah diragukan, kerana terdapat suatu cerita lisan yang mengatakan Siam menyebut "prow-lowy" untuk Jajahan Perlis, sedangkan sekarang mereka menyebut "Muang Polit" atau "Muang Palit" bagi Negeri Perlis. Ini menjadi suatu tanda tanya. Tetapi mengikut aliran dan fakta sejarah yang boleh dipertanggungjawabkan, sebutan "Polit" atau "Palit" mula digunakan di awal abad ke 19, semasa Siam melanggar Negeri Kedah. Semasa itu nama "Perlis" sudah pun ujud. Lihat sahaja nama Negeri Setul di Siamkan menjadi "Muang Satun". Dengan ini kemungkinan besar nama "Perlis" yang telah disebut oleh orang-orang Melayu tempatan Semenjak awal abad ke 16 itu diubahsuaikan mengikut selera lidah Siam menjadi "Polit" atau "Palit".

- (8) Semenjak awal abad ke 16 sehingga sekarang adalah suatu period yang memang lama dan berpuluh-puluh generasi telah pun berlalu. Dengan ini nama "pokok perlis" dan identitinya yang agak biasa kepada orang-orang Melayu generasi abad ke 16 itu telah lenyap begitu sahaja. Maksudnya, generasi sekarang agak tidak menyedari yang "perlis" adalah sebenarnya nama bagi sejenis pokok. Lihat sahaja keadaannya dengan "pokok bunga emas dan perak" yang mana ianya dibuat sendiri oleh nenek moyang kita orang-orang Melayu untuk dihantar ke Negeri Siam. Bagi Negeri Perlis "pokok-pokok" tersebut mulai dibuat dan dihantar ke Siam semenjak tahun-tahun 1840an hingga awal abad ke 20. Dalam suatu period yang begitu singkat sahaja sehingga sekarang, berapa keratkah manusia generasi sekarang di Negeri Perlis yang tahu rupa bentuk dan ciri-ciri tertentu "pokok-pokok bunga emas dan bunga perak" yang dibuat oleh orang-orang Melayu Perlis dalam period-period tersebut? Dalam period sesingkat demikian apakah identiti "pokok bunga emas dan bunga perak" dari Negeri Perlis juga turut lenyap dari pengetahuan rakyat Negeri Perlis sekarang ini? Sekiranya kejahilan yang sedemikian berlaku berhubung dengan identiti "pokok bunga emas dan bunga perak" dalam abad-abad ke 19 dan 20 itu masakan pula dengan identiti "pokok perlis" yang biasa wujud dan dikenali semenjak berabad yang lalu.
- (9) Kejahilan kebanyakan orang-orang Melayu generasi sekarang tentang nama-nama pokok dan kekurangan pengetahuan dalam mengenali pokok-pokok tempatan adalah menjadi suatu hakikat yang nyata dan menjadi suatu sebab mengapa "pokok perlis" dan beribu-ribu jenis pokok-pokok tempatan sukar dikenali. Lihat sahaja nama-nama pokok berikut: bangku, tampang,

dungun, ipoh, subang, malas, terap, dodol, komoi, sintok, bayur, jin, teja, muyu, topah, sentang, setak, pulai dan beribu-ribu jenis lagi. Berapa orang sahajakah yang dapat mengenali pokok-pokok tersebut? Pokok ara ada 27 jenisnya, buluh ada 24 jenisnya, jambu ada 15 jenisnya, medang ada 87 jenisnya dan lain-lain yang mana jenis-jenis pokok itu sudah dan memang diberikan namanya masing-masing oleh nenek moyang kita dalam sebutan bahasa ibunda orang-orang Melayu.

Di samping itu terdapat pula beberapa jenis pokok tempatan yang mana tiap-tiap satunya mempunyai lebih daripada satu nama atau sebutan. Contohnya, pokok-pokok: ciku disebut juga "sawa", cili disebut "cabai", kelapa disebut "nyiur", kacang bendi disebut "kacang lendir", janggus disebut "gajus" atau "ketere", setak disebut "kundang" dan banyak lagi contoh-contoh lain. Salah satu daripada sebutan-sebutan itu menjadi popular dan biasa di sesuatu tempat (negeri) tertentu, manakala sebutan yang satu lagi bagi pokok yang sama itu terus lenyap atau jarang sekali disebut. Memandangkan hakikat tersebut itu, mungkinkah "pokok perlis" juga mempunyai lebih daripada satu nama? Mungkinkah "pokok perlis" sekarang ini lebih popular dengan sebutan-sebutan yang lain?

- (10) Mungkinkah "pokok perlis" ini sejenis pokok yang buahnya tidak enak dimakan? Tidak seperti enak buah-buah: mempelam, setul, rambutan, durian, nangka, manggis, delima dan lain-lain. Atau pun "pokok perlis" ini mempunyai bunga yang tidak seharum bunga-bunga: sena, melur, cempa, melati, mawar dan lain-lain itu? Mungkin juga batang "pokok perlis" ini tidak sesuai digunakan bagi keperluan perumahan sepertimana pokok-pokok: temak, cengal, meranti, tembesu, damak, jati, membatu dan lain-lainnya. Dengan ini mungkin "pokok perlis" yang buahnya, bunganya dan batangnya tanpa sesuatu kegunaan tertentu itu dilupakan sahaja identitinya, cuma namanya sahaja yang kekal.
- (11) Suatu perkara yang menarik ialah bahawa di daerah Lembah Bujang, dan Hilir Merbok, Kedah Selatan, terdapat nama-nama Kampung Permatang Perlis dan Kampung Perlis; dan di daerah Ulu Dungun, Terengganu pula terdapat nama Kampung Kuala Sungai Perlis, Kampung Perlis dan Sungai Perlis. Bagaimana pula tempat-tempat di Kedah Selatan dan di Terengganu mempunyai nama-nama yang ada sebutan "perlis"?

Ditinjau daripada pengetahuan dan pendapat orang tua-tua di Lembah Bujang, Kedah Selatan, mereka mengatakan bahawa nama "perlis" ini adalah nama sejenis pokok, iaitu "pokok perlis", dan nama Kampung Permatang Perlis adalah diambil sempena daripada nama "pokok perlis". Demikian juga dengan pendapat orang tua-tua di daerah Ulu Dungun, Terengganu. Mereka juga mengatakan bahawa nama-nama: Sungai Perlis dan Kampung Perlis di daerah mereka adalah berasal daripada nama sejenis pokok, iaitu "pokok Perlis".⁴³

Berdasarkan kepada dua pendapat dari orang tua-tua di dua daerah yang masing-masing beratus-ratus batu jauhnya, yang mana pendapat-pendapat mereka ini mempunyai persamaan seperti tersebut itu, maka jelaslah bahawa "perlis" adalah nama sejenis pokok atau tumbuh-tumbuhan. Dengan ini kemungkinan besar bahawa nama-nama "Sungai Perlis", "Kuala Perlis", "Jajahan Perlis" dan "Negeri Perlis" adalah juga berasal daripada nama sejenis pokok atau tumbuh-tumbuhan yang bernama "pokok perlis", yang mungkin biasa wujud atau hidup di kawasan dan lembah Sungai Perlis di suatu masa dahulu hingga sekarang.

Penting juga diingatkan bahawa terdapat juga nama "Kampung Perlis" di Pulau Pinang, namun demikian mengikut aliran sejarah, nama kampung tersebut adalah bersempena dengan kedatangan dan penempatan orang-orang dari Jajahan Perlis ke tempat-tempat tersebut selepas tahun 1821, iaitu selepas Siam menyerang dan menguasai Negeri Kedah dan jajahannya (termasuk Jajahan Perlis).

- (12) Sekiranya diperhatikan dengan teliti akan nama "Kampung Permatang Perlis", nescaya akan kita dapati suatu gambaran tentang perkataan "permatang". Permatang secara ringkas bererti "batas tanah yang tinggi sedikit daripada permukaan tanah di sekelilingnya". Adalah didapati bahawa di kebanyakan tempat-tempat yang namanya bermula dengan perkataan "permatang" lazimnya perkataan "permatang" ini diikuti pula oleh nama-nama pokok. Lihat sahaja nama-nama tempat berikut: Permatang


43. Wawancara dengan:

- (1) Saudara Hashim Abdul Rahman, Mahasiswa Tahun Tiga, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1974/1975.
Beliau berasal dari Kampung Bujang, Bedong, Kedah.
- (2) Saudara Abdullah B. Embong, Mahasiswa Universiti Malaya, Jabatan Sejarah, 1974/1975.
Beliau berasal dari Dungun, Terengganu.

Durian, Permatang Katong, Permatang Binjal, Permatang Bongor, Permatang Bonglai, Permatang Keriang dan lain-lain. Di Negeri Perlis terdapat nama-nama tempat seperti berikut: Permatang Bongor, Permatang Pauh, Permatang Keriang dan Permatang Limau Manis. Hakikat tersebut telah menunjukkan bahawa pendapat orang tua-tua di Lembah Bujang, Kedah yang mengatakan bahawa "perlis" itu nama sejenis pokok dapat diterima.

Terdapat banyak nama sungai di Malaysia Barat yang mana mengambil sempena nama pokok. Lihat sahaja nama-nama berikut: Sungai Pinang, Sungai Melaka, Sungai Rokam, Sungai Bernam, Sungai Rambai, Sungai Buluh, Sungai Nipah, Sungai Sintok, Sungai Raya, Sungai Mempelam dan lain-lain lagi. Di Negeri Perlis terdapat sungai-sungai yang mempunyai nama seperti berikut: Sungai Sena, Sungai Jejawi, Sungai Berembang, Sungai Lempiak, Sungai Kurung Tengar, Sungai Durian, Sungai Padang Chempa, Sungai Bintong, Sungai Katong, dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa pendapat orang tua-tua di Ulu Dungun, Terengganu yang mengatakan bahawa nama "Sungai Perlis" di daerah mereka berasal daripada nama pokok memang boleh dipercayai. Begitu juga dengan nama "Sungai Perlis", sungai yang terbesar sekali di Negeri Perlis, mungkin juga berasal daripada nama "pokok perlis".

Berdasarkan kepada fakta-fakta dan asas-asas yang telah diketengahkan itu, maka dengan ini dikemukakan suatu hipotesis bahawa nama Negeri Perlis adalah berasal daripada nama sejenis pokok, iaitu "pokok perlis", yang mana daripada nama pokok ini dinamakan "Sungai Perlis" dan "Kuala Sungai Perlis" atau "Kuala Perlis". Manakala kawasan-kawasan di sekitar aliran "Sungai Perlis" dan anak-anak sungai besar itu dinamakan "Jajahan Perlis". Seterusnya "Jajahan Perlis" disebut "Negeri Perlis" akhirnya nama "*Kerajaan Negeri Perlis*" digunakan secara rasmi. Tegasnya nama Negeri Perlis berasal daripada nama "pokok perlis".



3. Gambar di atas menunjukkan Makam Al-Marhum Kayang Pertama, iaitu Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah Ibnu Sultan Muhyiddin Mansur Shah, Sultan Kedah yang kelima belas. Makam ini letaknya di celah Bukit-Bukit: Kayang, Lambong Panah, Nasi Sebungkus, Jagat Hutang, Wai dan Menara, dalam Mukim Kayang, iaitu tidak jauh dengan tebing selatan Sungai Perlis.

(C) LATARBELAKANG KELUARGA JAMALULLAIL DI PERLIS

"To know the Saiyids is to comprehend at least something of their great ancestors, the founder of Islam."⁴⁴ Kenyataan tersebut sememangnya tepat dan benar, memandangkan hakikat bahawa keluarga "Saiyid" (Syed) semuanya, termasuk keluarga "Syed Jamalullail" adalah merupakan rumpun-rumpun keluarga Arab yang mewarisi darah keturunan Khalifah Ali Bin Abu Talib, yang telah mengahwini Siti Fatimah, puteri kepada Nabi Muhammad S.A.W.,⁴⁵

Perkahwinan Khalifah Ali Bin Abu Talib dengan Siti Fatimah itu telah menghasilkan dua orang putera, iaitu Saidina Hassan dan Saidina Hussin. Sesungguhnya daripada keturunan Saidina Hussin bin Khalifah Ali inilah seterusnya hingga tujuh generasi kemudiannya lahir Ahmad Al-Muhajirallah,⁴⁶ pengasas keluarga-keluarga "Saiyid" (Syed) dari Hadramaut,⁴⁷ yang mana putera-putera dari keluarga ini menggunakan nama pangkal "Syed" atau "Sharif" atau "Mashaikh"⁴⁸ dan menyebutkan nama-nama suku mereka di akhir nama masing-masing, seperti: Jamalullail, Al-Qadri, Al-Attas, Al-Hadad, Al-Jafri, Al-Hadi, Al-Sakhaf, Al-Mashhur, Al-Idrus, Al-Bar, Aidid, Barakbah, Shahabuddin dan lain-lain lagi yang mana diketahui berjumlah 80 suku semuanya.⁴⁹

Pengasas keluarga "Syed Jamalullail" ialah Muhammad Jamalullail bin Hassan Al-Mualim, yang wafat di Tarim pada tahun 1441, bersamaan dengan Sanah Hijrah 845.⁵⁰ Muhammad Jamalullail adalah generasi yang kelima

44. Serjeant, R.B., "The Saiyids of Hadramaut," Hal. 3.

45. Ahmad Ismail, "Salasilah D.Y.M.M. Raja-Raja Perlis", salasilah ini telah dikumpul dan disusun semenjak 20hb. Julai 1963. Salasilah ini telah disesuaikan dengan "Sejarah Asal Keturunan Syed-Syed Keturunan Abi Ahwi", karangan Saidi As-Sarif Al-Sheikh Al-Arif Ali Zainal Abidin bin Abdullah bin Sheikh Al-Idrus, dari simpanan Tuan Syed Abdul Rahman bin Abdul Kadir Al-Idrus, S.M.T., P.J.K., dari Kuala Terengganu, Terengganu. Lihat juga, Winstedt, R.O., "The Hadramaut Saiyids of Perak and Slak", JMBRAS, Bil. 79, Hal. 51.

46. Winstedt, R.O., Op.cit., Hal. 49. Lihat juga, Morley, J.A.E., "The Arab and the Eastern Trade", JMBRAS, Jilid 22, Bah. I Tahun 1949, beliau menyebut "Syed Ahmad Bin Isa Al-Muhajir", Hal. 160.

47. Winstedt, R.O., Loc.cit. Hal. 49.

Lihat Martin, B.G., "Migrations from the Hadramaut to East Africa and Indonesia C. 1200 to 1900", Hal. 11 — "Appendix", beliau menyebuthan, "Like our Master Al-Muhajir, known as Ibn 'Isa, The Sayyid and Champion".

48. Martin, B.G., Op.cit., Hal. 1.
Lihat juga, Serjeant, R.B., Op.cit., Hal. 3.

49. Winstedt, R.O., Op.cit., Hal. 50.

Lihat juga Van Den Berg, L.W.C., "Le Hadramaut Colonies Arabes Dans L' Archipel Indian", Hal. 51-53.

50. Martin, B.G., Loc.cit., Hal. 1.

Ahmad Ismail, Loc.cit., mencatat S.H. 845, didapati sama dengan tarikh catatan Martin, B.G., iaitu 845/1441-1442.

daripada Muhammad Al-Fakeh Al-Maqdam.⁵¹ Muhammad Al-Fakeh Al-Maqdam adalah generasi yang keenam daripada Ahmad Al-Muhajirallah.⁵² Ahmad Al-Muhajirallah ialah Ahmad bin Isa bin Muhammad Al-Naqib bin Ali Al-ridhi bin Jaafar As-Sadiq bin Muhammad Al-Baqr bin Ali Zainal Abidin bin Saidina Hussin bin Saidina Ali bin Abu Talib.⁵³

Setelah menjelajah ke negeri-negeri di Asia, khususnya di Kepulauan Melayu, generasi yang ketiga daripada pengasas keluarga Jamalullail ini dipercayai telah berangkat ke Negeri Habshah, di bahagian timur benua Afrika. Diketahui juga bahawa tiga keturunan awal keluarga Jamalullail ini terdapat di Afrika Timur, yang mana mereka adalah dari keturunan utamanya, Ali bin Muhammad Jamalullail.⁵⁴ Anak cucu Ali ini menetap di beberapa daerah di Afrika Timur: Zanzibar, Moheli dan Grand Comoro. Di samping itu keturunan keluarga Jamalullail ini menjelajah dan menetap di Somalia dan di beberapa buah negeri di Kepulauan Indonesia.⁵⁵

Mengikut "Shahib-al-Din al-Hadrami", suatu keturunan yang ternama daripada keluarga Jamalullail ini telah sampai ke Acheh, di Sumatera Utara. Bermula dari sanalah tumbuhnya beberapa cabang keluarga ini yang menjadi tokoh-tokoh Islam yang utama di Melaka dan di beberapa negeri lain di Malaysia.⁵⁶ Pada masa Raja Tengah (Seri Maharaja) memerintah Melaka, ada seorang alim Islam bernama Saiyid Abdul Aziz telah datang ke Melaka untuk mengembangkan ajaran agama Islam, dan Raja Melaka serta orang besar-besar Baginda dan orang-orang Melayu telah berguru kepada orang alim itu.⁵⁷ Mungkinkah orang alim yang terlebih dahulu sampai ke Acheh dan ke Melaka itu daripada keluarga Jamalullail? Di negeri Perak, semasa Sultan Perak yang pertama, Sultan Muzaffar Syah I (1528-1549),⁵⁸ guru agama kepada Baginda ialah Syed Hussin Al-Faradz, yang mana keluarga Syed Hussin Al-Faradz di Perak ini menamakan sendiri keluarga mereka dengan nama "bangsa Jamal-al-ail".⁵⁹

Mungkin juga semenjak dewasa itu sudah ada generasi-generasi keluarga Jamalullail yang telah sampai di Kedah, kerana memandangkan dewasa itu Negeri Kedah sudah pun menjadi sebuah negeri Islam. Tetapi setakat yang

51. *Ibid.*

52. *Ibid.*

53. *Ibid.*

54. *Ibid.*

55. Martin, B.G., *Loc.cit.* Hal. 1.

56. *Ibid.*

57. Haji Buyong Adil, "Sejarah Melaka", Hal. 18-19.

58. Haji Buyong Adil, "Sejarah Perak", Hal. 6.

59. Winstedt, R.O., *Op.cit.* Hal. 15.

diketahui, berdasarkan kepada sumber-sumber yang boleh dipercayai, seorang daripada keluarga Jamalullail dari Hadramaut telah sampai di Limbong, Kedah pada tahun Masihi 1735 (S.H. 1148).⁶⁰ Beliau ialah Syed Ahmad Jamalullail, iaitu anak kepada Hussin bin Abdullah bin Aqil bin Abdullah bin Muhammad bin Salim bin Ahmad bin Abdul Rahman bin Ali bin Muhammad Jamalullail.⁶¹ Syed Ahmad Jamalullail, yang mana mempunyai nama timang-timangan "Syed Ahmad Palembang" ini adalah generasi yang kesepuluh daripada pengasas keluarga Jamalullail.

Mengenai nama timang-timangan "Syed Ahmad Palembang" ini, kemungkinan juga disebabkan beliau telah terlebih dahulu pernah berangkat ke Palembang kerana berniaga atau telah biasa menetap di sana sebelum sampai ke Negeri Kedah, memandangkan bahawa Palembang adalah salah sebuah daripada tempat-tempat tumpuan dan penempatan orang-orang Arab dewasa itu, sepertimana Siak, Kampar dan Jambi di Pulau Sumatera.⁶²

Di Kedah, Syed Ahmad telah tinggal bersama-sama dengan Sharif Muhammad Taha Al-Qadri. Sharif Muhammad Taha telah lama menetap di Limbong, Kedah dan beliau mempunyai dua orang anak lelaki serta seorang anak perempuan, iaitu: Syed Ibrahim, Syed Umar dan Sharifah Aminah (timang-timangan Sharifah Aishah).⁶³ Tidak berapa lama kemudiannya, Syed Ahmad Jamalullail telah berkahwin dengan Sharifah Aminah binti Sharif Muhammad Taha Al-Qadri, dan mereka terus menetap di Limbong, Kedah.⁶⁴ Hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka telah mendapat seorang putera pada tahun 1737 (S.H. 1150), yang mana putera tersebut dinamakan Syed Harun, timang-timangan Syed Abu Bakar Jamalullail.

Dalam tahun tersebut itu Syed Ibrahim dan Syed Umar dua bersaudara telah berangkat ke Negeri Chenak (Chana), untuk berniaga dan memperkembangkan lagi ajaran agama Islam kepada penduduk-penduduk di sana. Syed Ibrahim juga dikenali dengan nama "Tok Ku Chenak" di kalangan orang-orang Melayu di Negeri Chenak. Semasa di Chenak inilah "Tok Ku Chenak" telah berkahwin dengan Nang Munah, seorang puteri pembesar Negeri Chenak. Mereka telah mendapat seorang puteri yang mana diberi nama

60. Ahmad Ismail, "Salasilah D. Y. M. M. Raja-Raja Perlis", *Loc. cit.*

61. Ahmad Ismail, "Salasilah D. Y. M. M. Raja-Raja Perlis", *Loc. cit.*

62. Morley, J. A. E., *Op. cit.* Hal. 166.

63. Anon., "Salasilah Raja-Raja dan Kerajaan Negeri Perlis". Buku tersebut ditulis dalam teks Jawi, tanpa nama pengarang dan nama/tajuk bukunya. Tajuk tersebut diberikan oleh Ahmad Ismail.

64. Tempat yang bernama Limbong ini letaknya kira-kira 6 batu dari Alor Setar. Di tempat tersebut masih terdapat kota tanah yang dinamakan Kota Limbong. Terdapat juga tanah perkamaman keluarga Jamalullail, yang mana di antaranya ialah makam "Syed Akui Ibni Syed Ahmad Ibni Syed Hussin Jamalullail".

Sharifah Mariam, timang-timangan Nang Yam. Lama-kelamaan Tok Ku Chenak telah menjadi seorang yang kaya, berharta, dihormati dan dikasihi oleh penduduk-penduduk di Negeri Chenak.⁶⁵

Dalam tahun Masihi 1751 (S.H. 1163), Syed Ahmad Jamalullail telah meninggal dunia di Limbong, Kedah. Ketika itu Syed Harun, putera Syed Ahmad Jamalullail itu sudah agak remaja. Oleh itu tinggallah Syed Harun dalam keadaan susah kerana tiada tempat lagi hendak bergantung kecualillah bondanya, Sharifah Aminah. Tetapi tidak lama kemudiannya ayahanda saudaranya, Syed Umar Al-Qadri telah kembali ke Kedah dari Negeri Chenak, dan menceritakan kepada Syed Harun akan segala-galanya mengenai keadaan di Negeri Chenak dan perihal Syed Ibrahim (Tok Ku Chenak) yang mempunyai pengaruh yang kuat di sana dan Syed Ibrahim, ayahanda saudaranya itu masih menetap di Negeri Chenak itu. Dengan itu Syed Harun telah tertarik dan bersiap sedia untuk berangkat ke Negeri Chenak bersama-sama dengan Syed Umar Al-Qadri untuk bertemu dengan ayahanda saudaranya Syed Ibrahim Al-Qadri (Tok Ku Chenak).⁶⁶

Setelah sampai di sana Syed Harun telah menumpang tinggal di rumah Tok Ku Chenak dan tidak lama kemudiannya Syed Harun telah dikahwinkan dengan Sharifah Mariam (timang-timangan Nang Yam), puteri Tok Ku Chenak. Perkahwinan tersebut telah menaikkan "status" Syed Harun, dan beliau menjadi terkenal di kalangan pembesar-pembesar dan penduduk-penduduk Negeri Chenak.

Semasa Syed Harun tinggal di Chenak beliau mempunyai seorang budak suruhan bernama Awang. Hubungan Syed Harun dengan avah Awang, Nai Bukong sangatlah erat. Nai Bukong adalah seorang pembesar di negeri Chenak. Nama sebenar Nai Bukong ialah Muhammad Yunus dan nama sebenar Awang ialah Muhammad Arshad, kemudiannya beliau digelar 'Dato' Arau'. Syed Harun telah menjalankan perniagaan semasa berada di Negeri Chenak dan beliau adalah berpengaruh di kalangan pembesar-pembesar Melayu dan penduduk-penduduk yang majoritinya orang-orang Melayu di negeri itu. Ini adalah kerana beliau mempunyai peribadi yang baik, alim, jujur, mulia dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan dalam tentang hal-chwal dan ajaran agama Islam. Lagi pula beliau telah berusaha memperkembangkan ajaran agama Islam kepada para pembesar dan penduduk-penduduk di negeri itu. Dengan ini tidak hairanlah mengapa beliau disanjung tinggi, dikasihi, dimuliakan dan beliau mempunyai ramai pengikut-pengikutnya di sana.

65. Anon, "*Salasilah Raja-Raja dan Kerajaan Negeri Perlis*", Op.cit.

66. *Ibid.*

Dengan keadaan dan kedudukannya yang sedemikian itu maka telah timbullah khabar-khabar angin di kalangan penduduk-penduduk di sana yang mengatakan bahawa Syed Harun kononnya mahu menjadi Raja Negeri Chenak. Bahkan berita tersebut telah sampai ke pengetahuan Raja Singgora (Songkhla), yang berkuasa terhadap pemerintahan Negeri Chenak. "Maka termasyhurlah khabaran itu, kononnya ada Syed bangsa Arab hendak menjadi Raja di Negeri Chenak. Maka terdengar khabar itu kepada Raja Singgora, lalu disuruh Raja Singgora panggil Syed-Syed itu ke Singgora".⁶⁷

Setelah menerima berita tentang panggilan Raja Singgora itu, Syed Harun dan Tok Ku Chenak telah bermuafakat hendak pulang ke Negeri Kedah dan tidak mahu pergi ke Singgora. Keputusan tersebut dibuat oleh mereka demi menjaga keselamatan diri dan keluarga mereka sendiri, kerana besar kemungkinan sekiranya mereka berangkat ke Singgora jiwa mereka akan terancam dan pasti menemui bahaya kemudiannya, dan demikian juga akibatnya sekiranya mereka terus menetap di Chenak.

Justeru itu Syed Harun dan Tok Ku Chenak serta keluarga mereka kemudiannya telah berangkat pulang ke Negeri Kedah. Mengikut suatu sumber, dikatakan bahawa "berangkatlah Tuan Syed Harun dan Tok Ku Chenak serta membawa sekalian harta benda dan hamba sahaya, maka orang-orang yang mari bersama-sama Tuan Syed Harun itu adalah lebih kurang 500 orang, serta beberapa orang panglima-panglima Chenak yang mari bersama dengan dia, oleh kerana kasih dan mesra. Berangkat itu dengan gajah lebih kurang 30 ekor".⁶⁸

Petikan tersebut telah menunjukkan bahawa betapa berpengaruhnya Syed Harun Jamalullail di kalangan para pembesar dan penduduk-penduduk Negeri Chenak dewasa itu, dan begitulah "kasih dan mesra" serta sanjungan yang telah diberikan oleh orang-orang Melayu di mana-mana tempat di Semenanjung Tanah Melayu khasnya terhadap tokoh-tokoh yang berketurunan Arab, yang mana tokoh-tokoh itu adalah diharap-harapkan untuk membimbing mereka baik dari segi agama, mahupun dari lain-lain aspek kehidupan mereka sehari-hari dewasa itu.

Setelah mereka sampai di Negeri Kedah, Syed Harun, Tok Ku Chenak dan sekalian orang-orang mereka telah menetap di negeri itu, iaitu di Jajahan Perlis, yang mana dewasa itu di bawah jagaan dan kuasa Tengku Dhiauddin Mukarram Shah (Sultan Dhiauddin Mukarram Shah), Raja Muda Perlis dan Setul. Tengku Dhiauddin telah membenarkan Syed Harun dan orang-orangnya

67. Anon, "Salasilah Raja-Raja dan Kerajaan Negeri Perlis", *Op.cit.*

68. *Ibid.*

itu menetap di suatu kawasan di Jajahan Perlis, iaitu di sekitar Padang Siding dan Arau sekarang ini. Orang-orang Chenak tinggal dan menetap di Padang Siding, manakala Syed Harun dan keluarganya menetap di sekitar kawasan pekan Arau sekarang.

Sayugia dinyatakan bahawa kawasan-kawasan di sekitar Padang Siding dan Arau sebelum itu adalah merupakan hutan rimba dan belum lagi diterokai atau didiami orang. Jadi sebenarnya Syed Harun dan keluarganya ialah yang mula membuka perkampungan di Arau dan orang-orang Melayu dari Chenak juga merupakan peneroka-peneroka perkampungan di Padang Siding dengan izin daripada Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, dan semenjak itu kawasan-kawasan itu diberi nama "Arau" dan "Padang Siding".

Di Jajahan Perlis ini juga Syed Harun dihormati oleh pembesar-pembesar dan penduduk-penduduk tempatan yang terdiri daripada orang-orang Melayu yang beragama Islam. Setelah tidak berapa lama menetap di Arau, isteri Syed Harun, Sharifah Mariam (Nang Yam) telah meninggal dunia.

Ketinggian dan kemuliaan peribadi, berpengetahuan yang luas di bidang agama Islam dan lain-lain kelebihan yang ada pada diri Syed Harun itu telah menyebabkan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah sangat kasih dan tertarik kepada beliau, yang mana kemudiannya beliau telah dikahwinkan dengan Tengku Sofiah, timang-timangan Tengku Tunjong, puteri Sultan Dhiauddin Mukarram Shah. Setelah kira-kira dua bulan sepuluh hari selepas mereka berkahwin itu, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah yang semasa itu menjadi Pemangku Sultan Kedah, telah menganugerahkan "Mukim Arau" kepada menantunya Syed Harun, iaitu pada 12hb. Rabiul Awal, Sanah Hijrah 1212 bersamaan tahun Masihi 1798.⁶⁹

Penganugerahan tersebut berbunyi, "Akan Mukim Arau itu diberi kepada Tuan Syed Harun menjadi pesaka sampai anak, cucu, cicit Tuan Syed Harun selama-lamanya".⁷⁰ Dalam lain-lain perkataan, Mukim Arau itu telah diserahkan kepada Tuan Syed Harun untuk menjaga dan mentadbirnya. Oleh yang demikian itulah Syed Harun disebut sebagai Penghulu Mukim Arau Yang Pertama.

Sebenarnya perkahwinan Syed Harun dengan Tengku Sofiah ini tidak menghasilkan seorang putera atau puteri pun, kerana Tengku Sofiah adalah dikatakan mandul. Dengan itu Tengku Sofiah telah membenarkan Syed Harun berkahwin lagi, iaitu dengan Wan Fatimah, timang-timangan Wan

69. Anon, "Salasilah Raja-Raja dan Kerajaan Negeri Perlis", *Op.cit.*

70. *Ibid.*

Fatam, dan di samping itu Tengku Sofiah telah mengenakan suatu syarat, iaitu setelah Wan Fatimah melahirkan putera atau puteri kelak, ianya hendaklah diserahkan kepada Tengku Sofiah untuk memeliharanya.

Wan Fatimah adalah cucu kepada Dato' Johan Lela Perkasa,* seorang pembesar yang berkhidmat di bawah Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, di Kota Indera Kayangan Kedua. Dato' Johan Lela Perkasa adalah berasal dari Ujong Salang atau Thalang (Junk Ceylon), dan daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, adalah dikatakan bahawa Dato' Johan ini seorang pembesar yang kaya dewasa itu.


Hasil daripada perkahwinan Syed Harun dengan Wan Fatimah, mereka telah mendapat seorang putera pada Sanah Hijrah 1220, bersamaan dengan tahun Masihi 1805.⁷¹ Putera ini telah dinamakannya Syed Hussin Jamahullail, yang mana semenjak bayi lagi telah dipelihara dan dididik oleh Tengku Sofiah, dan dianggapnya sebagai anakandanya sendiri. Demikian juga dengan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, Baginda menganggap Syed Hussin itu sebagai cucunda Baginda sendiri.

Syed Hussin telah dididik dan dibesarkan di Kota Indera Kayangan Kedua, di mana beliau telah mendapat didikan dan kasih sayang yang sepenuhnya daripada Tengku Sofiah dan kerabat Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, serta dari ibu kandungnya, Wan Fatimah dan keluarga Dato' Johan Lela Perkasa sendiri.

Dengan demikian semenjak dari kecil lagi Syed Hussin telah terdidik di dalam golongan kerabat Diraja dan pembesar-pembesar. Oleh itu tidak hairanlah kemudiannya Syed Hussin, dengan bakat yang ada padanya serta baka warisan keturunan daripada Khalifah Ali bin Abu Talib itu, muncul sebagai seorang pemimpin melalui beberapa tahap. Daripada seorang Penghulu beliau menjadi seorang "Gabenor", dan kemuncaknya beliau menjadi Raja yang ulung dari kerabat Jamalullail yang memerintah sebuah negeri baharu, Perlis Indera Kayangan.

71. *Ibid.*

* Wan Fatimah adalah anakanda kepada Wan Abd. Rahman bin Dato' Johan Beliau dibesarkan oleh Dato' Johan di Kota Indera Kayangan. Kubur Dato' Johan Lela Perkasa terletak di Tanah Perkuburan Islam, Kampong Wai, Kuala Perlis.



4. Gambar di atas menunjukkan Makam Al-Marhum Kayang Kedua, iaitu Sultan Dhiouddin Mukarram Shah Ibni Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Muazzam Shah II, (Pemangku Sultan Kedah (1798-1803). Makam tersebut letaknya di Kampung Langgar Kayang, kira-kira 1 kilometer daripada jalanraya ke Kuala Perlis.

BAB II

BIBIT-BIBIT MENJELANG WUJUDNYA NEGERI PERLIS

Dalam tahun 1821 Siam telah mula menyerang dan menduduki Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya. Walaupun Siam telah berjaya menyerang dan berkuasa di Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya dengan menempatkan Gabenor Siam, Phya Boriraks Phubes yang bergelar Phya Saiburi dan dibantu oleh Phya Sena Nuchit¹ di Alor Ganu, Kedah, namun demikian period antara tahun 1821 hingga awal tahun 1839 adalah suatu period yang bergolak dengan peristiwa-peristiwa serang-menyerang dan huru-hara di Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya itu. Dalam period tersebutlah di kalangan orang-orang Melayu tempatan telah timbul istilah-istilah; "perang cucuk telinga", "perang tawanan", "perang nasi gerit" dan "perang musuh bisik". Sebutan tentang keempat-empat jenis perang tersebut meskipun telah hampir-hampir lenyap di kalangan generasi sekarang, namun demikian keempat-empatnya itu memang pernah wujud di Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya.

Di sini tidak akan diperihalkan secara terperinci tentang serangan-serangan dan beberapa pertempuran yang berlaku antara tentera-tentera Siam dan orang-orang Melayu Kedah, memandangkan bahawa sudah terdapat banyak kajian dan penulisan yang telah dihasilkan selama ini mengenainya. Begitu juga dengan peranan yang dimainkan oleh pihak British dalam persengketaan Kedah-Siam ini, akan disentuh sedikit sahaja. Sebaliknya, apa yang akan diketengahkan di sini ialah mengenai taktik-taktik perang yang disebutkan itu, dan bagaimana ianya melibatkan penduduk-penduduk tempatan dalam usaha mereka mengelakkan diri dan serangan balas terhadap tentera-tentera Siam.

1. "Memorandum by Mr. Strobel Respecting the Province of Setul", Foreign Office Confidential Print, Bab XX, Hal. 35. Dalam "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah", Phya, Boriraks Phubes disebut "Chum Fabian", dan Phya Sena Nuchit disebut "Sina Nuchit".

Sebelum diperihalkan keempat-empat taktik perang tersebut, perlu ditegaskan bahawa "perang cucuk telinga" dan "perang tawanan" adalah taktik yang dilakukan oleh pihak Siam terhadap orang-orang Melayu, manakala taktik "perang nasi gerit" dan "perang musuh bisik" pula adalah taktik "defensif" dan "counter-attack" yang dilancarkan oleh orang-orang Melayu terhadap tentera-tentera Siam. Tegasnya, akibat taktik "cucuk telinga" dan "tawanan" timbul taktik "nasi gerit" dan "musuh bisik", yang mana telah menyebabkan tempo pertempuran antara kedua belah pihak itu bergelora dan memuncak dengan hebatnya dalam tahun-tahun 1829 dan 1838, yang mana telah mengorbankan beribu-ribu jiwa orang-orang Melayu dan Siam di bumi Kedah dan jajahan-jajahannya. Akibat daripada kemuncak pertempuran yang terakhir, tahun 1838-1839 itu telah membawa kepada suatu titik perubahan yang penting, di mana pihak Siam telah membuat keputusan untuk menyerahkan kembali pentadbiran Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya kepada pihak orang-orang Melayu sendiri sambil ianya dinaungi oleh pihak Kerajaan Siam sahaja.

Pada kedua-dua kemuncak pertempuran tersebut, Jajahan Perlis telah turut terlibat. Dipertengahan tahun 1829, Aluang Burin Deja, Pegawai Siam yang menjaga Jajahan Perlis, telah melaporkan bahawa Tengku Kudin dan orang-orangnya telah datang dengan beberapa buah perahu ke Jajahan Perlis, dan telah menangkap Che' Daud dan Che' Ali.² Tengku Kudin dikatakan telah menghasut penduduk-penduduk di Perlis supaya melakukan huru-hara, yang mana akibatnya telah mendatangkan kegelisahan dan penderitaan penduduk-penduduk di jajahan itu. Begitu juga semasa kemuncak serangan terakhir 1838-1839, Tengku Muhammad Saad, Wan Muhammad Ali dan orang-orang Melayu telah bertempur dengan pihak Siam di Perlis dan berjaya menawan Jajahan Perlis buat sementara.³

Penduduk-penduduk sentiasa berada dalam suasana kebimbangan dan takut. Mereka takut kepada taktik-tektik seksaan yang akan dilakukan oleh tentera-tentera Siam sekiranya mereka atau keluarga mereka menjadi mangsa tawanan Siam, dan mereka takut kepada taktik-tektik "cucuk telinga" dan "tawanan" yang kejam itu.

Perang "cucuk telinga" adalah perbuatan Siam mencucuk telinga orang-orang Melayu yang ditawan. Telinga mereka itu dicucuk dengan sejenis rotan, iaitu "rotan seni". Mereka kemudiannya dibawa beramai-ramai ke markas

2. "Bengal Secret and Political Consultation", The Burney Paper, 1829, Jilid 355, Fort William, 10hb. Julai, 1829, Hal. 127-128.

3. Winstedt, R.O., "History of Kedah", JMBRAS, Jilid XIV, Bah. 3, 1936, Hal. 184-185. Lihat juga, Velha, W.F., "Siam Under Rama III", Hal. 71.

tentera Siam di Alor Ganu atau dibawa terus ke Ligor dan ke Bangkok sebagai hamba tawanan. Suatu perkara yang menyedihkan ialah bahawa dengan menggunakan seurat rotan yang sedepa panjangnya itu pihak tentera Siam telah mencucuk telinga beberapa orang Melayu. Mereka dibawa berjalan berhimpit-himpit dan dipaksa berjalan laju sambil hujung rotan itu ditarik-tarik. Sekiranya mereka berjalan lambat mereka akan dibelasah dengan lembing atau tombak. Begitulah kejamnya seksaan Siam dalam tektik perang "cucuk telinga", dan mereka yang ditawan itu seterusnya diseksa lagi dan dijadikan hamba-hamba.

Seksaan yang paling kejam sekali terhadap orang-orang Melayu adalah melalui tektik yang dipanggil "perang tawanan". "Tawanan" yang dimaksudkan ini adalah jauh bezanya dengan "tawanan" dalam konteks sekarang, di mana orang-orang tawanan perang dibawa ke suatu tempat, diberi makanan dan minuman, dan mereka yang ditawan itu selalunya terdiri daripada tentera-tentera dan mereka yang melibatkan diri dalam peperangan sahaja. Tetapi bagi tentera-tentera Siam dewasa itu, orang-orang tawanan ini tidak ada hadnya: lelaki, perempuan, tua, muda, dan kanak-kanak semuanya ditawan dan dikira turut terlibat.

Dalam gerakan "perang tawanan" ini, perempuan-perempuan Melayu yang cantik rupa parasnya telah ditawan dan dibawa ke Ligor dan ke Kota Bangkok untuk dijadikan gundik-gundik atau perempuan simpanan Raja dan para pembesar Siam. Tawanan tersebut adalah dilakukan bagi memenuhi kehendak dan arahan daripada pemerintah Siam sendiri, iaitu, "..... to send to Ligor or Bangkok bands of 200 or 300 girls of a standard age, stature and appearance".⁴ Manakala orang-orang lelaki dan beberapa kelamin orang-orang Melayu ditawan dan dibawa ke sana untuk dijadikan hamba-hamba kepada Raja dan para pembesar Siam. Sehingga tahun 1828, terdapat seramai antara 8,000 hingga 10,000 orang-orang Melayu di Kota Bangkok.⁵

Anderson menyebutkan bahawa arahan yang dimaksudkan itu telah dilaksanakan dengan cara yang paling kejam sekali terhadap orang-orang yang ditawan, "..... they were executed either by fraud or in the most cruel manner".⁶

Perempuan-perempuan yang kurang menarik rupa parasnya ditawan untuk dijadikan hamba-hamba. Orang-orang lelaki yang agresif atau mungkin akan melawan mereka, telah diikat tangan dan disuruh berjalan lalu ditikam

4. Anderson, J., "Quedah, and Tuanku Mahomed Saad", *Asiatic Journal, New Series*, Jilid 35, Tahun 1841, Hal. 111.

5. Moor, J. H., "Notices of the Indian Archipelago", Hal. 88.

6. Anderson, J., *Loc.cit.*

dengan tombak dari belakang, atau tangan mereka dikerat satu demi satu. Kanak-kanak dan orang tua-tua lelaki dan perempuan disembelih hidup-hidup, dipancung leher atau disula dengan lembing, memandangkan mereka ini tidak akan mendatangkan faedah kiranya ditawan atau dibawa ke markas Siam di Ligor atau Bangkok.

Penting juga disebut, iaitu di samping menyeksa orang-orang Melayu, Siam telah membakar rumah-rumah mereka, tempat-tempat simpan padi serta merampas harta benda seperti binatang ternakan dan barang-barang kemas. Keganasan-keganasan yang dilakukan oleh tentera-tentera Siam itu adalah sah dari segi undang-undang Siam dewasa itu yang mana terdapat suatu ungkapan daripada undang-undang itu yang menyebutkan bahawa, "The plunder at the first occupation belongs to the king, and it is obtained by what they termed as "keep mot", which may be rendered a perfect "sweeping of the territory", may be supposed to include public and private property of every domination".⁷

Seksaan yang ngeri dan tidak berperikemanusiaan ini dilakukan adalah semata-mata untuk menakutkan orang-orang Melayu. Tegasnya di samping seksaan secara fizikal, secara tidak langsung seksaan tersebut adalah bertujuan bagi menyakitkan hati orang-orang Melayu, atau "to torture the feeling of the Malays". Hakikat tersebut telah menyebabkan orang-orang Melayu sangat benci terhadap orang-orang Siam dewasa itu, sehingga di kalangan orang-orang Melayu telah timbul suatu sebutan khas, iaitu "Siam perut hijau" terhadap orang-orang Siam. "Perut hijau" dalam konteks ini adalah disamakan dengan hempedu (bile) yang berwarna hijau dan sangat pahit rasanya. Dalam lain-lain perkataan, bagi orang-orang Melayu "hati perut Siam" yang tidak berperikemanusiaan itu disamakan dengan hempedu yang sangat pahit, dan begitu sekali puncak kebencian dan kemarahan yang terbuku di hati orang-orang Melayu terhadap orang-orang Siam dewasa itu.

Di sebelah pihak orang-orang Melayu pula, taktik "defensif" yang dijalankan untuk mengelakkan bahaya serangan dan seksaan Siam itu ialah dengan taktik "nasi gerit", iaitu dengan menyediakan "nasi gerit" untuk dimakan semasa kecemasan apabila serangan Siam tiba. "Nasi gerit" adalah dimasak seperti nasi biasa dengan menggunakan kawah atau periuk besar. Sesudah dimasak nasi ini diratakan di atas tikar atau nyiru dan dijemur sehingga ianya kering. Kemudian nasi ini disimpan dalam bekas-bekas tertentu, seperti "karung" dan "kecung".

7. Low, J., *Lieut. Col., "On the Laws of Muang Thai Siam", Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia, Jilid I, Bab III, 1847, Hal. 369.*

Tujuan menyediakan "nasi gerit" ini adalah untuk mengelakkan daripada memasak nasi seperti biasa semasa dalam kecemasan. Bila sahaja diketahui kedatangan serangan Siam ke kampung mereka, maka keluarga-keluarga orang Melayu ini akan serta-merta mencapai bekas-bekas yang berisi "nasi gerit" dan barang-barang lain kepunyaan mereka lalu dibawa lari menyelamatkan diri ke hutan atau ke bukit-bukit. Di tempat-tempat dan pada ketika beginilah "nasi gerit" ini dimakan dengan cara di "gerit", atau terlebih dahulu direndamkan ke dalam air buat sementara supaya ianya menjadi lembut. Nasi gerit ini selalunya dimakan bersama buah-buahan atau pucuk-pucuk kayu di tempat-tempat tersebut.

Sekiranya semasa mereka bersembunyi itu dimasak nasi selalu, nescaya asap apinya itu akan memberi panduan kepada pihak Siam untuk datang ke tempat-tempat tersebut. Jadi dengan menyediakan nasi gerit ini dapatlah mereka mengelakkan bahaya serangan Siam itu.

Memandangkan kepada kekejaman dan keganasan Siam itu, di samping menjalankan taktik "defensif" tersebut, orang-orang Melayu Kedah dalam usaha mereka menuntut bela, memerangi pihak Siam untuk membebaskan tanah air mereka, telah menjalankan taktik "perang musuh bisik". Taktik perang ini adalah berupa taktik "perang guerilla", yang mana mereka telah menyerang tentera-tentera Siam secara hendap di tempat-tempat dan pada ketika-ketika tertentu, setelah mereka menjalankan risikan di tempat-tempat tersebut. Daripada risikan terhadap tempat-tempat tertentu itu, rahsia-rahsia mengenai strategi dan gerakan langkah tentera-tentera Siam itu dapat diketahui. Rahsia ini telah dibisikkan dari mulut ke mulut kepada kumpulan pejuang-pejuang Melayu di beberapa tempat. Seterusnya serangan secara hendap telah dilancarkan terhadap kubu-kubu tentera Siam.

Di samping itu sekiranya pihak orang-orang Melayu yang merisik ini mendapat tahu akan kedatangan tentera Siam ke kampung-kampung mereka, berita ini akan dibisikkan dari mulut ke mulut sehingga sampai ke pengetahuan keluarga-keluarga mereka di kampung-kampung. Dengan ini mereka sempat bersedia membawa diri masing-masing ke tempat-tempat yang lebih selamat.

Penting disebutkan bahawa wanita-wanita Melayu yang dibawa ke Ligor sebagai gundik-gundik dan perempuan-perempuan simpanan para pembesar Siam di sana, adalah memainkan peranan yang penting. Mereka merisik rahsia-rahsia tentang gerakan dan strategi tentera-tentera Siam. Perempuan-perempuan muda ini adalah masih berjiwa Melayu dan masih taat setia kepada tempat tumpah darah mereka dan kepada pemerintah Melayu. Mereka tentu sekali berlemah-lembut, memujuk pembesar-pembesar Siam di Ligor untuk

mengetahui rahsia-rahsia tersebut sebelum memberi layanan seterusnya kepada pembesar-pembesar tersebut.

Dengan ini rahsia-rahsia penting yang diketahui oleh mereka itu telah dibocorkan kepada orang-orang Melayu yang lain di Ligor. Seterusnya rahsia-rahsia ini akan dibawa dari mulut ke mulut secara "berbisik-bisik" sehinggalah sampai ke pengetahuan kumpulan pejuang-pejuang Melayu di Kedah. Dengan cara demikian serangan besar-besaran dapat dilancarkan terhadap tempat-tempat atau kubu-kubu Siam yang tertentu pada ketika-ketika yang diberitahu itu. Serangan besar-besaran tahun 1838-1839 itu adalah dilancarkan pada ketika yang sangat sesuai, kerana dewasa itu Raja-raja Ligor dan Songkhla telah berangkat ke Bangkok dan kekuatan tentera Siam di beberapa tempat di jajahan-jajahan Negeri Kedah telah dikurangkan. Berhubung dengan hal ini, W.F. Vella telah menyebutkan bahawa, "This attack on Kedah in 1838 was well-timed. Earlier in the year the Governors of Nakhon (Ligor) and Songkhla had gone to Bangkok to attend the cremation of the Queen's Mother. Only their deputies remained to watch the Southern Provinces."⁸

Ungkapan-ungkapan di atas itu sekurang-kurangnya telah menunjukkan bahawa memang terdapat suatu pakatan sulit di kalangan orang-orang Melayu yang berada di Ligor (Nakhon Sitammarat) dan di wilayah-wilayah Siam Selatan dengan pejuang-pejuang Melayu yang berada di dalam dan di luar jajahan-jajahan Negeri Kedah. Sesungguhnya tektik yang dilakukan mereka itu ialah tektik perang "musuh bisik". Pemergian Tengku Anum, Syed Hussin Jamalullail dan rombongan mereka ke Ligor sebelum tahun 1838 itu ialah sebagai suatu tektik tipu helah "berbaik-baik" dengan Raja dan pembesar-pembesar Ligor sahaja.⁹

Motif pemergian mereka adalah untuk pura-pura "berdiplomasi" supaya pihak Siam mahu menyerahkan kembali Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya ke bawah pemerintahan orang-orang Melayu, dan juga untuk menyelamatkan orang-orang Melayu Kedah yang telah ditawan dahulu. Hasil pemergian Tengku Anum dan rombongannya ke Ligor itu telah menyebabkan Raja Ligor bersedia untuk memberi jaminan mahu menyerahkan kembali Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya ke bawah pentadbiran Tengku Anum.¹⁰

Tetapi nampaknya perlaksanaan jaminan Raja Ligor itu masih belum dijalankan, kerana semasa kemuncak serangan orang-orang Melayu dalam

8. Vella, W.F., *Loc.cit.*

9. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 152-156.

10. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 158-160.

tahun 1838—1839 itu, Kedah dan jajahan-jajahannya masih lagi di bawah pentadbiran Gabenor Siam yang berpusat di Alor Ganu, Kedah. Sekiranya jaminan Raja Ligor itu dilaksanakan sebelum tahun 1838 itu, masakan berlakunya serangan yang sehebat itu di akhir tahun tersebut. Kejayaan serangan tersebut pada peringkat awalnya adalah hasil dari taktik perang "musuh bisik".

Walaupun di peringkat awal serangan tahun 1838—1839 itu berjaya, namun demikian kumpulan pejuang-pejuang Melayu itu telah dikalahkan oleh tentera-tentera Siam kemudiannya. Tibanya beribu-ribu orang tentera Siam dari Bangkok dan polisi "talam dua muka" pihak British membantu Siam menghalang serangan orang-orang Melayu adalah merupakan faktor-faktor penting yang membawa kepada kegagalan serangan kemuncak tahun 1838—1839 itu.

Pihak British di Pulau Pinang telah menghantar kapal-kapal perang: Hyacinth, Diana, Emeral, Wolf, dan Diamond¹¹ bagi meronda dan menghalang pejuang-pejuang Melayu di sepanjang pantai barat Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya. Mereka juga turut memburu beberapa orang pemimpin Melayu, iaitu Tengku Muhammad Saad, Wan Muhammad Ali dan lain-lain, yang mana mereka itu dianggap oleh British sebagai "Malay pirates".

Captain Sherard Osborn sendiri, sebagai "man on the spot" yang berada di dalam kapal perang "Hyacinth" semasa rondaan tersebut dibuat, telah menyatakan bahawa, "The East India Company and Lord Auckland, the Governor of India, however took an adverse view of the Malay claim to Quedah, and declared them pirates, though upon what grounds no one seemed very well able to show."¹²

Bahagian akhir daripada catatan Osborn yang tersebut itu, telah dengan sendirinya menunjukkan suatu paradox terhadap anggapan dan akuan pihak British itu, "bahawa pejuang-pejuang Melayu itu sebagai "pirates" atau "lanun-lanun". Apakah benar dan berasas bahawa pejuang-pejuang Melayu yang bermati-matian berusaha untuk membebaskan dan berkuasa kembali di tanahair mereka itu dianggap sebagai lanun-lanun di tanahair mereka sendiri?

Walau bagaimanapun pada 14hb. Mei, tahun 1839, Raja Ligor yang berkuasa ke atas pentadbiran dan kawalan Negeri Kedah dan jajahan-

11. Osborn, S., "Quedah: Stray Leaves From A Journal In Malayan Waters", London, 1857, Hal. 24.

12. Osborn, S., *Op.cit.*, Hal. 22.

jajahannya telah meninggal dunia.¹³ Kemangkatannya itu telah menyenangkan kerajaan pusat di Bangkok bagi menghadkan kuasa dan kawalan Raja Ligor yang baharu terhadap Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya serta negeri-negeri lain yang di bawah jagaannya. Walaupun seorang daripada anak Raja Ligor itu dibenarkan berkuasa sebagai Raja Ligor yang baharu, namun demikian kemudiannya salah seorang daripada putera Raja Ligor yang sedang mentadbirkan Negeri Kedah dan jajahannya dan seorang lagi putera Raja Ligor yang sedang mentadbir wilayah Patthalung telah dipanggil pulang dari pusat pentadbiran masing-masing dan keduanya diberi-gantikan dengan jawatan-jawatan yang baharu.¹⁴

Sesungguhnya kematian Raja Ligor yang dahulu itu adalah merupakan suatu titik perubahan kepada dasar dan pelaksanaan politik dan pentadbiran Kerajaan Siam terhadap Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya. Hakikat tersebut akan dapat dilihat seterusnya nanti.

Setelah menghubungi beberapa orang pembesar di wilayah-wilayah Selatan Siam, dua orang pembesar Kerajaan Siam iaitu Chao Phya Yommarat dan Phya Siphiphath telah sama-sama berpendapat bahawa "suatu rombongan dan penyusunan semula secara yang lebih berkesan perlu dijalankan terhadap cara pentadbiran Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya".¹⁵ Mereka berdua memang telah menyedari bahawa selagi Gabenor dan pegawai-pegawai Siam masih mentadbirkan Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya itu, maka nescaya selama itulah keadaan huru-hara dan serang-menyerang akan dilancarkan oleh pejuang-pejuang Melayu, dan keadaan ini akan tetap berterusan di Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya.

Justeru itu mereka berdua telah mengesyorkan kepada Raja Besar Siam, Raja Nang Klau (Rama III) supaya dilantik beberapa orang pembesar Melayu yang pro-Siam, terutamanya dari kaum kerabat Diraja Kedah sendiri bagi mentadbirkan Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya.

Pihak Raja Nang Klau telah bersetuju dengan syor tersebut, dan Baginda telah memperkenalkan supaya Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya itu dibahagikan kepada empat buah negeri yang berasingan yang mana tiap-tiap sebuah negeri baharu itu akan mempunyai seorang Gabenornya sendiri yang dilantik oleh pihak Siam.* Ekorannya pada penghujung tahun 1839, Chao Phya Yommarat dan Phya Siphiphath bersama dengan satu pasukan tentera Siam telah datang ke Negeri Kedah dengan tujuan untuk merombak dan

13. Vella, W.F., *Op.cit.*, Hal. 74.

Lihat juga, Mustafa Tam, "Tawarikh Salasilah Kedah", Bah. I, Hal. 13.

14. Vella, W.F., *Loc.cit.*, Hal. 74.

15. Vella, W.F., *Op.cit.*, Hal. 75.

* Ini adalah suatu dasar 'divide and rule' atau 'pecah dan perintah' yang dilakukan oleh pihak Siam.

membentuk suatu sistem pentadbiran yang baharu bagi Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya itu.¹⁶

Berhubung dengan itu mereka telah membahagi-bahagikan Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya kepada empat buah negeri yang berasingan, iaitu: Negeri Kedah atau "Muang Saiburi" (Kedah Proper), Negeri Kubang Pasu atau "Muang Kabang-pasu", Negeri Perlis atau "Muang Polit" dan Negeri Setul atau "Muang Satun". Keempat-empat negeri tersebut diletakkan di bawah pentadbiran Gabenor-gabenornya masing-masing. Negeri Kedah diletakkan di bawah pentadbiran Tengku Anum, seorang kerabat Diraja Kedah yang dipercayai dan dihormati oleh pihak Siam. Negeri Kubang Pasu telah diletakkan di bawah pentadbiran Tengku Hassan, seorang kerabat Diraja Kedah. Negeri Perlis diletakkan di bawah pentadbiran Raja Long Krok (Paduka Seri Maharaja Lela) dan dibantu oleh Syed Hussin Jamalullail. Manakala Negeri Setul diletakkan di bawah pentadbiran Tengku Bisnu (Tengku Dewa). Apabila Raja Long Krok meninggal dunia empat bulan selepas itu, Tuan Syed Hussin telah dilantik oleh pihak Siam untuk mentadbir Perlis.¹⁷

Tiap-tiap negeri baharu tersebut adalah bebas dan tersendiri, serta tidak tertakluk kepada negeri asalnya (Kedah Proper). Tegasnya negeri-negeri baharu yang diwujudkan itu adalah merupakan "unit-unit politik yang tersendiri". Namun demikian Negeri-negeri Kedah, Kubang Pasu dan Perlis telah diletakkan di bawah kawalan dan kuatkuasa Raja Ligor (Nakhon Sitammarat), manakala Negeri Setul pula diletakkan di bawah kawalan dan kuatkuasa Raja Songkhla.¹⁸ Gabenor Siam yang bersemayam di Alor Ganu dan pembesar-pembesarnya di beberapa jajahan Negeri Kedah 'dahulu' itu telah berangkat pulang ke Ligor dan ke beberapa wilayah di Selatan Negeri Siam.

Dengan ini jelaslah bahawa tahun 1839 itu merupakan suatu tahun yang sangat penting dan bererti bagi Jajahan Perlis, memandangkan bahawa dalam tahun itu 'status' atau taraf Perlis telah dinaikkan daripada sebuah jajahan menjadi sebuah negeri. Tegasnya dalam tahun tersebut itu, Perlis telah mendapat identiti atau keperibadiannya sebagai suatu unit politik yang tersendiri, dan mempunyai seorang Gabenornya sendiri, yang telah diberi mandat pentadbiran oleh pihak Kerajaan Siam.

16. "Memorandum by Mr. Strobel Respecting the Province of Setul", *Op.cit.*

17. Kobkua Suwannathat-Pian, "Thai-Malay Relations", *East Asian Historical Monographs*, Singapore 1988, Hal. 90-92.

18. Vella, W.F., *Op.cit.*, Hal. 74-75.

Bagi Gabenor Negeri Perlis, Tuan Syed Hussin Jamalullail, tahun tersebut adalah merupakan suatu tahun yang sangat bererti, di mana tarafnya yang sebelum itu sebagai "Pengkulu Mukim Arau" semenjak kemangkatan ayahandanya Syed Harun Jamalullail dalam tahun 1825 itu, kini telah dinaikkan ke taraf Gabenor, yang berkuasa terhadap pentadbiran sebuah negeri yang lebih luas daripada mukim jagaannya dahulu. Dengan itu bermula daripada tahun tersebut Negeri Perlis telah ditadbirkan oleh seorang Gabenor dari keturunan keluarga Jamalullail, yang mana Raja-raja yang memerintah Negeri Perlis, sehingga sekarang adalah daripada keturunan Gabenor tersebut.

Perlu disebutkan bahawa walaupun dalam era daripada tahun 1825 hingga tahun 1839 itu Jajahan Perlis masih diduduki oleh Siam namun kedudukan Tuan Syed Hussin Jamalullail sebagai Pengkulu Mukim Arau Yang Kedua adalah merupakan warisan daripada kedudukan dan jawatan ayahandanya sahaja. Dan beliau tidaklah dilantik oleh pihak Siam memegang jawatan tersebut. Walau bagaimanapun kedudukan dan jawatannya itu adalah sah pada pandangan dan anggapan orang-orang Melayu di Mukim Arau. Lagi pula mengikut penganugerahan yang telah dibuat oleh Sultan Dhiauddin Mukarram Syah pada Sanah Hijrah 1212 (T.M. 1797) itu, kedudukan Tuan Syed Hussin sebagai Pengkulu Mukim Arau Yang Kedua itu adalah memang sah. Oleh kerana dalam era penguasaan Siam di Jajahan Perlis itu Tuan Syed Hussin nampaknya tidak begitu "agresif" dan bersikap pro-Siam, maka pihak Siam tidak menaruh bimbang atau tidak bersikap bermusuhan terhadap Tuan Syed Hussin. Begitulah juga sikap pihak berkuasa Siam terhadap kerabat-kerabat Diraja Kedah seperti Tengku Anum, Tengku Hassan, Tengku Bisnu (Tengku Dewa) dan lain-lainnya.

Setelah terbentuknya negeri-negeri baharu: Kedah, Kubang Pasu, Perlis dan Setul, yang mana masing-masing mempunyai Gabenor-gabenor Melayu, pihak pejuang-pejuang Melayu yang dahulunya telah melancarkan serangan-serangan ke atas Negeri Kedah dan jajahan-jajahannya, kini telah nampaknya berpuashati dengan dasar dan susunan pentadbiran baharu yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Siam. Oleh hal yang demikian selepas tahun 1839, keadaan di negeri-negeri baharu itu telah mulai tenteram dan aman kembali.

Dalam tahun 1841, Sultan Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin II yang sedang berada di Pulau Pinang telah dibenarkan oleh pihak Siam kembali semula ke Kedah.¹⁹ Dengan itu Sultan Ahmad Tajuddin telah mengutuskan puteranya, Tengku Zainal Rashid ke Ligor dan ke Kota Bangkok membawa surat memohon maaf kepada Rama III di atas segala kesalahannya yang lalu, dan

merayu supaya Baginda diperkenankan bertakhta semula. Bersama-samanya juga Tengku Zainal Rashid telah membawa sepucuk surat daripada Gabenor Bonham dari Singapura yang mengandungi desakan supaya Rama III memperkenankan menerima permohonan Sultan Ahmad Tajuddin II itu.²⁰

Memandangkan kepada beberapa sebab yang tertentu, yang mana: Sultan Ahmad Tajuddin II sudah pun tua dan tidak "agresif" lagi, negerinya dahulu sudah pun dipersempitkan, dan Gabenor Kubang Pasu yang pertama, Tengku Hassan telah mangkat dan perlu dilantik penggantinya, maka Rama III pun telah memperkenankan permohonan Sultan Ahmad Tajuddin itu.²¹ Dengan itu Tengku Anum yang sedang mentadbir Negeri Kedah telah dilantik oleh Rama III menjadi Gabenor baharu bagi Negeri Kubang Pasu, dan Negeri Kedah telah diletakkan di bawah pentadbiran Sultan Ahmad Tajuddin. Namun demikian setahun kemudiannya (1842), Sultan Ahmad Tajuddin telah mangkat, dan dengan itu putera Baginda, Tengku Zainal Rashid telah diangkat menjadi Gabenor Negeri Kedah yang baharu.

Daripada fakta-fakta sejarah yang telah pun disebutkan sebelum ini, dapatlah diteliti dan dirumuskan suatu hakikat bahawa sejak wujudnya Negeri Perlis sehingga tahun 1842, Negeri Kedah dan Kubang Pasu, masing-masing telah bertukar Gabenor disebabkan kemangkatan Gabenornya masing-masing, namun demikian Tuan Syed Hussin Jamalullail masih kekal usianya sebagai Gabenor Negeri Perlis sehingga tahun 1843, yang mana dalam tahun tersebut Tuan Syed Hussin Jamalullail telah dinaikkan tarafnya menjadi Raja Negeri Perlis Yang Pertama. Tegasnya, period antara tahun 1839 hingga tahun 1843 adalah merupakan period pentadbiran Tuan Syed Hussin Jamalullail sebagai Gebenor, manakala period selepas tahun 1843 sehingga lebih kurang 30 tahun berikutnya adalah merupakan period pemerintahan beliau sebagai Raja Negeri Perlis yang Pertama.

20. Vella, W.F., *Op.cit.*, Hal. 76.

21. Vella, W.F., *Loc.cit.*



5. Gambar di atas menunjukkan Kubur Dato' Arau atau Dato' Awang atau Dato' Muhammad Arshad bin Muhammad Yunus, Perdana Menteri Perlis, bergelar Dato' Belat Paduka Seri Perdana Menteri. Beliau meninggal dunia pada 10hb. Zulkaedah, S.H. 1290 (T.M. 1873).

Kubur tersebut letaknya di kawasan yang disebut "Kebun" oleh orang-orang tempatan, tidak jauh dengan kawasan Istana Arau.

BAB III

ZAMAN RAJA SYED HUSSIN

Sebagaimana yang telah diperihalkan sebelumnya, ketiga-tiga orang "pemerintah" yang baharu diletakkan oleh pihak Siam di negeri-negeri: Setul, Perlis dan Kubang Pasu, dan juga "pemerintah" Negeri Kedah yang baharu setelah mangkatnya Sultan Ahmad Tajuddin II, masing-masing semuanya belum lagi ditabalkan sebagai Raja-raja dan Sultan bagi negeri masing-masing sehingga menjelang tahun 1843 (S.H. 1259),¹ namun demikian sebelum itu mereka ini telah dibenarkan oleh Kerajaan Siam bagi menjalankan tugas-tugas dan berkuasa sebagai "pemerintah" di negeri masing-masing.


Di samping itu elok juga dilihat sepintas lalu tentang hubungan atau pertalian keluarga di kalangan keempat-empat orang "pemerintah" tersebut. Sebenarnya Tengku Muhammad Akib, pemerintah Negeri Setul; Tuan Syed Hussin, pemerintah Negeri Perlis; Tengku Anum, pemerintah Negeri Kubang Pasu* dan Tengku Zainal Rashid, pemerintah Negeri Kedah itu, semuanya walaupun tidak berapa rapat, mempunyai hubungan dan pertalian keluarga antara satu sama lain. Tegasnya, akan dapat dilihat bahawa mereka itu adalah mempunyai hubungan dan pertalian kerabat dengan Sultan Abdullah Mukarram Shah Ibni Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Muazzam Shah II.

Berpandukan kepada rajah salasilah berikut dapatlah dilihat perihal hubungan dan pertalian keluarga tiap-tiap seorang daripada pemerintah tersebut dengan lebih jelas lagi.

-
1. Muhammad Hassan bin Datuk Kerani Muhamad Arshad, *Op.cit.*, Hal. 184-186. Tengku Bisnu (Tengku Dewa mangkat dalam tahun 1843 (S.H. 1259) dan digantikan oleh Tengku Muhammad Akib sebagai pemerintah Negeri Setul.
 - * Tengku Anum juga disebut "Tengku Anum Paduka Raja Jambangan" atau "Tengku Anum Paduka Jambangan". "Jambangan" adalah nama timang-timangan atau gelaran bagi Negeri Kubang Pasu dewasa itu. Tengku Anum mangkat dalam tahun 1853 dan dimakamkan di Pulau Pisang (dalam Daerah Kubang Pasu, sekarang).

SULTAN MUHAMMAD JIWA ZAINAL 'AZILIN MU'AZZAM SHAH II

(SULTAN NEGERI KEDAH YANG KE 19)



KAUM KERABAT SULTAN ABDULLAH MUKARRAM SHAH²

2. Salasilah di atas disesuaikan daripada 2 jenis salasilah kerabat Diraja Kedah, iaitu:
- (i) "The Kedah Rulers' Geneological Tree", oleh Tunku Nong Jiwa dan Tunku Fariduddin Haji, *Malaya in History*, Jilid 4, Bil. 2, Tahun 1958,
 - (ii) "The Kedah Royal Family", oleh R.O. Winstedt, *JMBRAS*, Jilid XIV, Bil. III, Tahun 1936.

Hubungan atau pertalian keluarga mereka dapat dianalisis seperti berikut. Tengku Anum, Raja Negeri Kubang Pasu adalah anakanda kepada Tengku Abdul Rahman dan Tengku Rahimah, dan Tengku Rahimah adalah adinda kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah. Jadi, Tengku Anum adalah anakanda saudara kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah.

Tengku Zainal Rashid, Sultan Negeri Kedah, adalah anakanda kepada Sultan Ahmad Tajuddin II Ibni Sultan Abdullah Mukarram Shah. Jadi, Tengku Zainal Rashid adalah cucunda kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah.

Demikian juga Tengku Muhammad Akib, Raja Negeri Setul, adalah anakanda kepada Tengku Bisnu (Tengku Dewa) Ibni Sultan Abdullah Mukarram Shah. Jadi, Tengku Muhammad Akib adalah juga cucunda kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah.

Manakala Tuan Syed Hussin pula telah berkahwin dengan Tengku Nor Aishah, puteri Tengku Long Puteh dan Tengku Jamjam. Tengku Jamjam adalah puteri kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah. Jadi, Tengku Nor Aishah adalah cucunda kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah, manakala Tuan Syed Hussin Jamalullail yang juga menjadi cucunda angkat kepada Sultan Dhiauddin Mukarram Shah itu, adalah juga menjadi cucunda menantu kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah.³

Sesungguhnya dalam tahun 1843 (S.H. 1259) baharulah keempat-empat orang "pemerintah" tersebut telah sama-sama berangkat ke Kota Bangkok untuk ditabal dan diiktirafkan sebagai "pemerintah-pemerintah" yang rasmi bagi negeri masing-masing oleh Raja Siam (Rama III). Setelah ditabalkan, "pemerintah-pemerintah" tersebut masing-masingnya dikurniakan gelaran "Phya" yang bererti "Raja". Namun demikian dikatakan bahawa pemerintah Negeri Kedah, Tengku Zainal Rashid telah dikurniakan gelaran dan taraf yang lebih tinggi daripada pemerintah-pemerintah negeri: Perlis, Kubang Pasu dan Setul.⁴ Justeru itu pemerintah Negeri Kedah bergelar "Sultan" manakala pemerintah-pemerintah negeri: Perlis, Kubang Pasu dan Setul itu bergelar "Raja".

Sepanjang yang diketahui, pemerintah Negeri Perlis telah diberi gelaran yang berbunyi "Phya Songkram Ramu Wichit Wilis Asmara Phya Pelit" atau dengan lebih ringkas lagi "Phya Songkhram Ramu Wichit Phya Pelit".

3. Tuan Syed Hussin berkahwin dengan Tengku Nor Aishah semasa beliau berada di Ligor bersama dengan rombongan Tengku Anum. Lihat, Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 155-156.

4. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 187.

Ungkapan "Phya Pelit" diakhirnya itu bererti "Raja Perlis" manakala perkataan-perkataan lain dalam ungkapan itu adalah berupa gelaran yang khas (proper title) yang diberi kepada Raja Negeri Perlis.

Setelah selesai istiadat pertabalan tersebut baharulah pihak Kerajaan Siam menentukan kadar dan syarat-syarat yang berhubung dengan persembahan ufti bunga emas dan perak oleh negeri-negeri tersebut. Mulai daripada tarikh tersebut negeri-negeri: Kedah, Kubang Pasu, Perlis dan Setul dikehendaki menghantar ufti bunga emas dan perak ke Kota Bangkok secara berasingan, iaitu pada tiap-tiap tiga tahun sekali, yang mana mula dikira daripada tahun itu, Sanah Hijrah 1259 bersamaan dengan T.M. 1843.⁵ Mengenai persembahan ufti bunga emas dan perak oleh Negeri Perlis, akan diperihalkan dalam Bab ke VII nanti.

Dengan ini sudah rasmlah bahawa Negeri Perlis dan negeri-negeri tersebut itu bernaung di bawah Kerajaan Siam, atau menjadi negeri-negeri yang di bawah pertuanan Raja Siam. Negeri-negeri tersebut itu pada hakikatnya, dalam period awal ini tidaklah diperintah atau ditadbirkan secara langsung (direct) oleh Kerajaan Siam sepertimana wilayah-wilayah atau jajahan-jajahan dalam Negeri Siam sendiri, sebaliknya negeri-negeri tersebut itu telah diberi kebebasan tertentu kepada "pemerintah-pemerintahnya" dalam hal-hal menjalankan pentadbiran di dalam negeri masing-masing. Tetapi dalam perkara-perkara mengenai urusan atau hubungan luar negeri-negeri tersebut adalah dikuasai dan diuruskan oleh pihak Kerajaan Siam sendiri. Pemerintah-pemerintah atau Raja-raja yang menaiki takhta negeri-negeri ini mestilah diiktiraf dengan rasminya oleh Raja Negeri Siam di Kota Bangkok. Di samping itu pihak Kota Bangkok juga telah menjamin perlindungan dan pertahanan kepada negeri-negeri naungannya ini sekiranya negeri-negeri tersebut itu diancam atau diserang oleh mana-mana kuasa luar.⁶

Sebaliknya pula, sebagai suatu tanggungjawab terhadap Kerajaan Bangkok, Negeri-negeri: Kedah, Kubang Pasu, Perlis dan Setul adalah dikehendaki menyediakan angkatan atau tenaga tentera untuk Kerajaan Bangkok pada bila-bila masa ianya diperlukan. Pemerintah atau wakil pemerintah negeri-negeri tersebut juga dikehendaki menghadirkan diri ke Kota Bangkok pada hari-hari perayaan atau kebesaran tertentu, seperti di hari-hari pertabalan Raja Negeri Siam, hari pembakaran mayat mendiang Raja Siam dan juga di lain-lain hari perayaan sekiranya dikehendaki.⁷

5. Muhammad Hassan, *Loc.cit.*

6. Flood, Chadin (Kanjavanant), "The Dynastic Chronicles Bangkok Era, The Fourth Reign", (Terjemahan), Tokyo, 1967, Hal. 71.

7. *Ibid.*

Walaupun Negeri Perlis dan negeri-negeri tersebut itu tertakluk dengan peraturan-peraturan dan tanggungjawab yang sedemikian, namun penduduk-penduduk Negeri Perlis telah dibenarkan mengamal dan meneruskan undang-undang, agama, adat istiadat serta peraturan-peraturan yang menjadi amalan dalam cara hidup mereka sendiri dengan bebas, tanpa tertakluk kepada undang-undang dan peraturan Siam. Dalam tahun 1840an, Lieutenant Colonel James Low telah mencatatkan bahawa, "When the Siamese conquer a country they frequently permit the inhabitants to enjoy their own laws, in so far as may seem compatible with the safety of the former."⁸

Dengan kuasa dan mandat yang telah diberikan oleh Raja Siam itu, maka Raja Syed Hussin Jamalullail pun mulailah memerintah Negeri Perlis dengan rasminya sebagai Raja Perlis yang pertama. Raja Syed Hussin telah mula memperkemaskan susunan pentadbiran negeri, di mana Baginda telah melantik Raja Muda Perlis dan para pembesar negeri bagi membantu pentadbiran negeri. Adinda Baginda, Tuan Syed Abdullah Ibni Syed Harun Jamalullail, setelah diperkenankan oleh Raja Siam, telah diangkat menjadi Raja Muda Perlis yang pertama. Dato' Arau, orang kanan dan mentua Baginda sendiri itu telah dilantik menjadi pembesar yang utama bertaraf menteri dan bergelar "Dato' Belat Paduka Seri Perdana Menteri". Dua orang lagi pembesar negeri yang dilantik ialah Alang Kechik dan Lahim. Alang Kechik dikurniakan gelaran "Dato' Seri Lela Pahlawan" dan Lahim pula dikurniakan gelaran "Dato' Seri Indera Dewa". Alang Kechik dan Lahim adalah merupakan pembesar-pembesar yang telah banyak membuat jasa dan bakti kepada Raja Syed Hussin semenjak Baginda belum menjadi Raja lagi. Mereka berdua mahir dalam hal surat menyurat, menulis dan membaca, dan mereka berdua selalu bersama-sama Dato' Arau mengiringi Raja Syed Hussin ke Kota Bangkok. Alang Kechik berasal dari Padang Pauh dan Lahim pula berasal dari Paya.

Manakala pembesar-pembesar negeri yang lain adalah dilantik oleh Raja Syed Hussin sendiri, dan mereka adalah terdiri daripada anak-anak Dato' Arau, iaitu Wan Din, Wan Mat Saman, Wan Teh dan Che' Lanang. Namun di masa awal pemerintahan Raja Syed Hussin ini mereka ini belum lagi dikurniakan gelaran sepertimana pembesar-pembesar yang tiga orang itu.

Raja Syed Hussin juga telah memasyhurkan semula nama 'Indera Kayangan' untuk diberi gelaran atau nama timang-timangan bagi Negeri Perlis, iaitu 'Negeri Perlis Indera Kayangan'. Gelaran tersebut diambil sempena daripada nama Kota Indera Kayangan, iaitu Kota Indera Kayangan Yang

8. Low, J., *Op.cit.*, Hal. 338.

Kedua (1797–1813) di mana Baginda dididik dan dibesarkan oleh Sultan Dhiauddin Mukarram Shah dahulu.

Dalam usaha mengemaskan jentera pentadbiran dan jagaan negeri Raja Syed Hussin dan Dato' Perdana Menterinya telah membahagikan kawasan-kawasan dalam Negeri Perlis kepada 22 buah mukim, iaitu sepertimana yang masih wujud sehingga kini, iaitu mukim-mukim:

- | | |
|-------------------|---------------------|
| 1. Titi Tinggi | 12. Kechor |
| 2. Beseri | 13. Sena |
| 3. Chuping | 14. Sungai Adam |
| 4. Paya | 15. Kurong Anai |
| 5. Padang Siding | 16. Jejawi |
| 6. Abi | 17. Kuala Perlis |
| 7. Padang Pauh | 18. Wang Bintong |
| 8. Ngulang | 19. Seriab (Seriap) |
| 9. Oran | 20. Kayang |
| 10. Kurong Batang | 21. Utan Aji |
| 11. Arau | 22. Sanglang |

Mukim-mukim tersebut adalah diletakkan di bawah jagaan Penghulu-penghulu yang mana mereka itu dilantik oleh Baginda sendiri daripada kaum kerabat Baginda dan keluarga Dato' Arau.

Di antara mukim-mukim tersebut itu Mukim Titi Tinggi adalah merupakan mukim yang terbesar sekali, yang mana kawasannya meluas dan menirus ke utara sehingga ke Bukit Tarawn Maung. Di sebelah timur dan timur laut Mukim Titi Tinggi adalah bersempadan dengan Negeri Songkhla (Swangkla), dan di sepanjang pinggir baratnya pula bersempadan dengan Negeri Setul.

Dalam tahun 1844, dikatakan telah timbul suatu perbalahan berpunca dari masalah sempadan negeri masing-masing antara Raja Syed Hussin dan Tengku Muhammad Akib, Raja Negeri Setul. Perbalahan ini semakin menjadi hangat dan ketara serta berlanjutan sehingga ianya sampai ke pengetahuan pihak Raja Nang Klao dan para pembesar Siam di Kota Bangkok. Justeru itu pihak Siam telah turut segera campurtangan dalam usaha untuk menyelesaikan persengketaan tersebut.⁹ Oleh itu semenjak tahun tersebut Negeri Setul yang sebelumnya di bawah kuatkuasa dan kawalan Raja Songkhla, telah diletakkan oleh pihak berkuasa Siam di bawah kuatkuasa dan kawalan Raja Ligor (Nakhon Sitammarat) dan mulai tahun 1844, Negeri-

9. Thamsook Numnonda, "The Anglo-Siamese Negotiation 1900–1909". Thesis Ph.D. Universiti London, 1966, (Belum diterbitkan), Hal. 50.

negeri: Kedah Proper, Kubang Pasu, Perlis dan Setul telah semuanya diletakkan di bawah kuatkuasa dan kawalan Raja Ligor.¹⁰

Dewasa itu pusat pemerintahan Negeri Perlis ialah di pekan Arau, di mana Raja Syed Hussin dan kaum kerabatnya bersemayam. Sebenarnya Arau dewasa itu adalah sebuah pekan kecil sahaja, dan penduduknya adalah terdiri daripada orang-orang Melayu berketurunan Arab dan Chenak, yang tinggal di sini semenjak pembukaannya oleh Tuan Syed Harun dan Dato' Arau dahulu.

Manakala pekan Kangar pula dewasa itu adalah juga sebuah pekan kecil, tetapi lebih besar daripada pekan Arau. Kangar sudah lama menjadi tempat tumpuan niaga, memandangkan kedudukannya yang strategik dan sesuai, berhampiran dengan Sungai Perlis, di suatu kawasan di mana beberapa cabang anak Sungai Perlis bertemu di sekitarnya. Dalam tahun 1850, Michael Topping telah mencatatkan 1 pemandangan di pekan Kangar seperti berikut:

"Purlis has a deep narrow river at the entrance of which is a small sandy island on which stands a fishing village (Kuala Perlis) which is protected by a few pieces of cannon. The bar of the river is very long, with only ten feet of water upon it at spring tides. The town (Kangar) is situated four or five miles from the entrance, in a valley a mile and a half in circumference, encompassed by steep hills (Bukit Lagi and Bukit Besi Hangit). The old king in his later days chose this place as his residence, which occasioned many vessels and people to resort here."¹¹

Dalam tahun yang sama, semasa lawatannya ke beberapa daerah dalam Negeri Kedah, J.R. Logan telah membuat suatu taksiran bahawa penduduk-penduduk di Negeri Perlis berjumlah kira-kira 2,500 orang. Berpanduan kepada penerangan Tengku Daie (Sultan Zainal Rashid I) dan pembesar-pembesar Negeri Kedah, Logan telah mencatatkan seperti berikut:¹²

Jajahan Tengku Daie (Kedah Proper)	penduduknya seramai	4,500
Jajahan Tengku Anum (Kubang Pasu)	" "	2,000
Muda	" "	1,300
Perlis	" "	2,500
Setul	" "	1,000
Jumlah :		11,000

10. *Ibid.*

11. Topping, M., "Some Account of Kedah", *JIA*, Jilid IV, Tahun 1850, Hal. 42.

12. Logan, J.R., "Notes at Pinang, Kdah & C", *JIA*, Jilid V, Tahun 1851, Hal. 58.

Dengan ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dalam period awal pemerintahan Raja Syed Hussin, jumlah penduduk-penduduk di Negeri Perlis dianggarkan seramai 2,500 orang. Manakala tumpuan penduduk-penduduk negeri kecil ini sebahagian besarnya ialah di Kuala Perlis, Kangar, Arau dan di mukim-mukim baharu yang mana telah disebutkan dahulu. Penduduk-penduduk yang sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang Melayu itu adalah terdiri daripada petani, nelayan dan sedikit-sedikit sahaja yang berniaga.

Kebijaksanaan Raja Syed Hussin sebagai pemerintah yang ulung bagi Negeri Perlis dapatlah dilihat daripada susunan perlantikan para pembesar negeri di zaman Baginda. Selain daripada perlantikan adinda Baginda Tuan Syed Abdullah Jamalullail sebagai Raja Muda, perlantikan Dato' Arau sebagai Dato' Perdana Menteri itu memang kena pada tokohnya, memandangkan beliau adalah sebelumnya seorang yang sangat banyak jasa baktinya kepada Tuan Syed Harun Jamalullail, Penghulu Mukim Arau Yang Pertama dan juga kepada Baginda Raja Syed Hussin sendiri. Lagi pula, Dato' Arau memang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam hal-hal pentadbiran negeri secara tradisional. Lebih-lebih lagi Dato' Arau itu bukan sahaja ayahanda mentua Baginda, malah pertalian dan perpaduan keluarga antara mereka berdua adalah lebih erat lagi, kerana Dato' Arau ini telah berkahwin dengan adinda Raja Syed Hussin sendiri, iaitu dengan Sharifah Aishah binti Syed Harun Jamalullail.

Di samping perlantikan Alang Kechik dan Lahim sebagai pembesar-pembesar kanan selepas Dato' Arau, perlantikan putera-putera Dato' Arau: Wan Din, Wan Mat Saman, Wan Teh dan Che' Lanang sebagai pembesar-pembesar negeri adalah suatu kebijaksanaan Raja Syed Hussin. Mereka berempat adalah putera-putera Dato' Arau, tetapi dari berlainan bonda. Dato' Arau mempunyai tiga orang isteri. Jadi dalam hal ini putera Dato' Arau daripada tiap-tiap orang isterinya telah dilantik oleh Raja Syed Hussin menjadi pembesar negeri. Cara perlantikan mereka yang sedemikian itu adalah bertujuan untuk menjamin perpaduan di kalangan keluarga Dato' Arau sendiri dan juga perpaduan antara mereka dengan kerabat Baginda. Justeru dengan kuatnya perpaduan keluarga-keluarga ini sudah tentu hasil kekuatannya dapat dihalakan ke arah perpaduan di dalam pentadbiran dan jagaan negeri.

Dengan tatacara seperti itu juga telah dapat mengelakkan daripada berlakunya perpecahan dan irihati di kalangan keluarga Dato' Arau yang menjadi tulang belakang pemerintahan Negeri Perlis dewasa itu. Tegasnya perpaduan di kalangan keluarga Dato' Arau sendiri dan hubungan rapat mereka ini dengan kerabat Raja Syed Hussin itu telah dapat menjamin dan

mengekalkan keteguhan dan kemantapan politik Baginda Raja Syed Hussin sendiri.

Segala peristiwa yang berlaku di negeri jirannya, Kubang Pasu selepas kemangkatan Rajanya Tengku Anum, dalam tahun 1853 di mana aliran peristiwa-peristiwa tersebut telah berakhir dalam tahun 1859,¹³ sehingga Negeri Kubang Pasu telah hilang keperibadiannya sebagai sebuah negeri yang tersendiri, memang sekurang-kurangnya telah memberi suatu iktibar dan pengalaman kepada Raja Syed Hussin dan Dato' Arau tentang betapa pentingnya perpaduan di kalangan kerabat Diraja dan pembesar-pembesarnya perlu diperkuatkan. Sesungguhnya inilah asas yang utama ke arah keteguhan kuasa politik bagi sesebuah negeri yang masih muda untuk dapat bertegak dan terus mengekalkan kuasa Raja pemerintah dan keperibadian negeri sebagai sebuah unit politik di zaman tradisional itu.

Sayugia disebutkan bahawa Tengku Muhammad Saman, Raja Muda Negeri Kubang Pasu itu adalah sebenarnya menantu kepada Raja Syed Hussin sendiri, yang mana beliau telah berkahwin dengan puteri Baginda yang bernama Sharifah Shifa. Putera menantu Baginda ini telah hilang kedudukan, gelaran dan kuasa di Kubang Pasu akibat daripada tidak wujudnya perpaduan, kerjasama dan persefahaman yang erat dengan sepupunya sendiri, Tengku Ishak yang menggantikan Tengku Anum sebagai Raja Negeri Kubang Pasu. Akhirnya negeri mereka telah hilang identitinya, tenggelam kembali menjadi sebuah jajahan Negeri Kedah seperti dahulu semula.

Tentang usaha-usaha Sultan Ahmad Tajuddin III* dari Negeri Kedah yang kerap kali berangkat ke Kota Bangkok dan telah berkali-kali memujuk Raja Mongkut supaya mengembalikan Negeri Kubang Pasu, yang sedang kukar kacir di bawah pemerintahan Tengku Ishak (Raja) dan Tengku Muhammad Saman (Raja Muda) itu memang disadari oleh Raja Syed Hussin, Dato' Arau dan para pembesar Negeri Perlis dewasa itu.

Di samping itu pihak pemerintah dan para pembesar Negeri Kedah tentu sentiasa sahaja membuka mata seluas-luasnya dan meneliti terhadap perkembangan dan suasana politik dan pentadbiran yang wujud di Negeri Perlis dari semasa ke semasa. Mereka sentiasa menunggu suatu peluang dan ketika yang sesuai untuk mengambil kembali bekas jajahan Negeri Kedah yang turun temurun itu daripada kerabat Diraja Jamalullail. Hakikat tersebut memang mempunyai buktinya, kerana mengikut suatu sumber catatan W.W. Skeat di akhir abad ke 19 ada menyebutkan bahawa "pihak pemerintah

13. "Memorandum by Mr. Strobel Respecting the Province of Setul", *Loc.cit.*

* Sultan Ahmad Tajuddin III menjadi Sultan Kedah selepas kemangkatan ayahandanya, Sultan Zainal Rashid I.

Negeri Kedah tidak mengiktiraf Syed Hussin sebagai Raja Negeri Perlis dewasa itu". Mengikut W.W. Skeat lagi, "He (Syed Harun Jamalullail) did not actually reign, so I was told, but he was succeeded by his son, Sayid Hussin (Syed Hussin), who ruled, though he was not recognised by the Kedah Government".¹⁴

Namun demikian di zaman pemerintahan Raja Syed Hussin, pihak Sultan dan para pembesar Negeri Kedah tidak ada sebarang kuasa dan suatu sebab yang benar-benar berasas untuk berusaha sepertimana yang dibuat terhadap Negeri Kubang Pasu dahulu, untuk mengambil kembali Negeri Perlis. Dengan lain-lain perkataan, Negeri Kedah juga sama seperti Negeri Perlis, masing-masing di bawah naungan Siam dan pihak pemerintah Negeri Kedah tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian sewenang-wenangnya tanpa persetujuan pihak Siam, walaupun pada hakikatnya mereka tidak puas hati dengan wujudnya Negeri Perlis daripada jajahan negeri mereka, dan lebih-lebih lagi negeri kecil ini mempunyai Rajanya sendiri yang dianggap bukan daripada kerabat Diraja Kedah.¹⁵ Di samping itu pula keteguhan, perpaduan dan kecekapan pemerintahan kerabat Jamalullail di Negeri Perlis sendiri dalam era tersebut telah dengan sendirinya menghalang cita-cita pihak pemerintah Negeri Kedah itu.

Perkahwinan Raja Syed Hussain dengan Tengku Nor Aishah, iaitu puteri Tengku Long Puteh dan Tengku Jamjam, kaum kerabat Diraja Kedah semenjak tahun 1830an itu telah sekurang-kurangnya mengeratkan hubungan antara keluarga Jamalullail dengan sebahagian daripada keluarga Diraja Kedah, dan yang lebih penting lagi ialah bahawa perkahwinan tersebut telah dapat menaikkan 'status' Raja Syed Hussin pada pandangan sebahagian daripada kerabat Diraja Kedah, walaupun pada hakikatnya terdapat pihak-pihak di kalangan kerabat Diraja Kedah yang tidak mengiktiraf Syed Hussin sebagai Raja Negeri Perlis.¹⁶ Walau bagaimanapun, hubungan kekerabatan antara Raja Syed Hussin dengan kerabat Diraja Kedah itu telah sedikit sebanyak dapat mengurangkan minat pihak Kedah dalam usaha mereka hendak mengambil kembali Negeri Perlis semasa Syed Hussin menjadi Raja.

Sepanjang yang diketahui, dalam jentera pemerintahan Negeri Perlis di zaman Raja Syed Hussin tidak terdapat mana-mana kerabat Diraja Kedah atau

14. Skeat, W.W., "Reminiscences of the Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States, 1899-1900", *JMBRAS*, Jilid XXVI, Bah. 4, Tahun 1953, Hal. 135.

15. Lihat salinan surat daripada Sultan Kedah kepada Kromluang Devawongse Varoprakar, Menteri Hal Ehuwal Luar Siam, bertarikh 24hb. Julai, 1892, dalam *Kobkua Suwannathot - Pian "Kedah - Siamese Correspondence 1890-1898" (Lampiran)*, *JMBRAS*, Vol. 55, Part 2, 1982, Hal. 71.

16. *Ibid.*

bekas-bekas pembesar dan keturunan para pembesar Jajahan Perlis di zaman Sultan Dhiauddin Mukarram Shah dahulu yang dijadikan pembesar-pembesar negeri oleh Baginda. Malah barisan pembesar-pembesar Raja Syed Hussin adalah terdiri daripada 'tokoh-tokoh baharu': Dato' Arau, Dato' Alang Kechik, Dato' Lahim, dan empat orang putera Dato' Arau serta para penghulu yang terdiri daripada kaum kerabat Raja Syed Hussin dan Dato' Arau. Di samping itu juga terdapat panglima-panglima, 'kweng-kweng' dan ketua-ketua kampung (kebawah daripada penghulu-penghulu) yang terdiri daripada beberapa orang daripada anak cucu pembesar-pembesar Jajahan Perlis dahulu itu.

Nampaknya setelah Siam mengasingkan Jajahan Perlis daripada Negeri Kedah, dan Syed Hussin dijadikan Raja bagi negeri baharu ini, Raja Syed Hussin telah membebaskan Negeri Perlis daripada campurtangan kaum kerabat Diraja Kedah dan pembesar-pembesarnya dalam hal-hal dan urusan pentadbiran Negeri Perlis. Tegasnya, Negeri Perlis yang baharu wujud ini diperintah oleh Raja dan dibantu oleh pembesar-pembesar yang bukan berasal dari bumi Negeri Kedah sendiri. Hakikat tersebut itulah yang telah menimbulkan perasaan tidak puas hati kerabat Diraja dan pembesar-pembesar Negeri Kedah dewasa itu.

Penting juga dilihat sepintas lalu keluarga Dato' Arau, Dato' Perdana Menteri Perlis yang ulung itu, memandangkan keteguhan tampuk pemerintahan Raja Syed Hussin dan terjaminnya identiti Negeri Perlis adalah sebahagian besarnya berteraskan kepada peranan Dato' Arau dan keluarganya.

Di samping isterinya Sharifah Aishah binti Syed Harun Jamalullail, Dato' Arau telah berkahwin dengan Che' Jah dan Nang Munah timang-timangan Che' Munah yang berasal dari Chenak. Dengan isterinya yang bernama Sharifah Aishah Dato' Arau mendapat seorang putera, iaitu Wan Mat Saman. Dengan isterinya yang bernama Che' Jah, Dato' Arau telah mendapat seorang putera dan seorang puteri, iaitu Che' Lanang dan Che' Sofiah. Manakala dengan isterinya yang bernama Nang Munah, Dato' Arau telah memperoleh tiga orang putera, iaitu Wan Din, Wan Teh dan Wan Itam.

Hasil perkahwinan Raja Syed Hussin dengan Che' Sofiah, puteri Dato' Arau itu, mereka telah dikurniakan tiga orang putera dan dua orang puteri, iaitu: Syed Ahmad, Syed Harun, Syed Mustaffa, Sharifah Fatimah dan Sharifah Jahara. Manakala dengan isterinya, Tengku Nor Aishah, Raja Syed Hussin memperoleh seorang putera sahaja, iaitu Syed Alwi, yang mana lebih popular dengan nama timang-timangannya Tuan Chik Endut. Selain daripada itu Raja Syed Hussin telah juga berkahwin dengan Che' Tika, Che' Fatimah, Che' Sara dan Puan Hatijah, yang mana dengan suri-suri tersebut juga Baginda telah mendapat beberapa orang putera dan puteri.

Di kalangan putera-putera dan puteri-puteri Raja Syed Hussin dengan isteri-isteri Baginda tersebut itu, putera-putera dan puteri-puteri Baginda dengan Che' Sofiah adalah sangat-sangat diambil perhatian dan ditumpahkan kasih sayang oleh Dato' Arau, kerana mereka itu adalah sebenarnya cucunda-cucundanya sendiri. Begitu juga di kalangan keluarga-keluarga Dato' Arau, mereka ini mendapat layanan dan kemesraan yang lebih daripada putera-puteri Raja Syed Hussin yang lain.

Sepanjang zaman pemerintahan Baginda itu, Raja Syed Hussin telah bernaung di bawah tiga orang Raja Siam, iaitu: Raja Nang Klao atau Rama III, yang mana telah mengurniakan Negeri Perlis kepada Baginda dan menabalkan Baginda sebagai Raja yang sah; kemudiannya Raja Mongkut atau Rama IV dan akhirnya Raja Chulalongkorn atau Rama V.

Raja Syed Hussin telah pernah beberapa kali berangkat ke Kota Bangkok, terutamanya semasa Baginda ditabalkan menjadi Raja Negeri Perlis Yang Pertama dalam tahun 1843 dahulu. Sepanjang yang diketahui, Raja Syed Hussin telah berangkat ke Kota Bangkok menghadiri upacara-upacara pembakaran mayat Raja Nang Klao dan pertabalan Raja Mongkut dalam tahun 1851, dan juga dalam tahun 1868, Baginda telah menghadiri upacara pembakaran mayat Raja Mongkut dan pertabalan Raja Chulalongkorn. Selain daripada itu dipercayai juga bahawa Raja Syed Hussin telah pernah berangkat ke Bangkok menghadiri upacara-upacara perayaan Negara Siam yang lain.

Setelah bernaung di bawah pertuanan Raja Chulalongkorn selama kira-kira lima tahun, dan setelah memerintah Negeri Perlis selama lebih kurang tiga puluh tahun, Raja Syed Hussin Jamalullail telah mangkat di Istana Arau pada awal tahun 1873, bersamaan dengan Hari Raya Aidilfitri, Sanah Hijrah 1290. Baginda telah meninggalkan takhta Negeri Perlis kepada kebijaksanaan dan penentuan Dato' Arau bagi memilih salah seorang daripada putera-putera Baginda untuk menaiki takhta Negeri Perlis dengan persetujuan Raja Chulalongkorn.

Daripada fakta-fakta dan aliran sejarah yang telah difokuskan di zaman pemerintahan Raja Syed Hussin ini dapatlah disimpulkan bahawa pertalian keluarga yang sungguh erat antara kerabat Raja Syed Hussin dari keturunan Arab Jamalullail dengan Dato' Perdana Menteri Baginda dari keturunan pembesar dari Negeri Chenak itu, telah meletakkan asas kedudukan politik tradisional yang kukuh bagi memerintah dan menjaga Negeri Perlis yang masih muda itu. Lebih-lebih lagi dalam mengekalkan keperibadian dan maruah negeri kecil ini. Tegasnya, period pemerintahan Raja Syed Hussin adalah merupakan suatu period kejayaan dalam mengasaskan kedudukan kuasa politik tradisional yang kukuh, dan yang lebih bererti lagi ialah hakikat bahawa kejayaan dalam mengekalkan keperibadian Negeri Perlis ini. Negeri Perlis tidak turut hilang identitinya sepertimana yang berlaku ke atas Negeri Kubang Pasu yang lahir "sekembar dan berkembar" dengannya yang tiba-tiba kemudiannya "balik asal" menjadi Jajahan Kubang Pasu dalam Negeri Kedah.



6. Gambar di atas menunjukkan Makam Syed Alwi Ibnu Syed Ahmad Ibnu Syed Hussin Jamalullail (ayahanda kepada Raja Syed Safi), yang terletak di Kampong Alor Keladi, Mukim Limbong, Kedah. Berhampiran dengan makam ini terdapat makam-makam kerabat Diraja Jamalulkail dan keluarga Al-Qadri.

BAB IV

ZAMAN RAJA SYED AHMAD

Kemangkatan Raja Syed Hussin dalam tahun 1873 itu telah menimbulkan suatu situasi yang agak rumit buat sementara di negeri kecil ini. Kerumitan ini adalah berhubung dengan masalah perlantikan Raja Perlis yang baharu, memandangkan terdapat dua orang calon daripada putera-putera Almarhum Raja Syed Hussin, iaitu: Syed Ahmad dan Syed Alwi, timangtimangan Tuan Chik Endut, yang mana masing-masing nampaknya mahu benar menjadi Raja. Walau bagaimanapun akan dilihat bahawa Syed Ahmad telah berjaya menaiki takhta menjadi Raja Perlis Yang Kedua.

Sebelum dilihat dengan lebih lanjut lagi ke zaman Syed Ahmad menjadi Raja, perlu juga difokus ke belakang ke suatu period di mana Syed Ahmad menghadapi beberapa masalah berhubung dengan diri dan kerabatnya sendiri.

Sebelum menjadi Raja dilihat bahawa Syed Ahmad, walaupun mempunyai beberapa orang suri (isteri), namun Baginda hanya dikurniakan seorang putera tunggal yang bernama Syed Alwi Jamalullail, dan seorang puteri yang bernama Sharifah Tam.¹ Sepuluh tahun sebelum Syed Ahmad menjadi Raja, iaitu dalam tahun 1863, telah berlaku suatu peristiwa yang sedih dan menimbulkan suatu masalah besar kepada diri Syed Ahmad dan kerabatnya. Dalam tahun tersebut putera tunggal Syed Ahmad yang bernama Syed Alwi itu telah tenggelam di laut dekat Kuala Kedah dan mangkat di sana. "Jenazah Al-Marhum Syed Alwi" itu telah dimakamkan di Limbong,

1. Ahmad Ismail, *Salasilah D.Y.M.M. Raja-raja Perlis*.
Syed Alwi Ibni Raja Syed Ahmad telah diputerakan di Arau pada T.M. 1844 (S.H. 1260).

Kedah iaitu di suatu tempat yang mana sekarang ini disebut Kampung Alor Keladi.²

Sesungguhnya bagi diri Syed Ahmad dan kerabatnya yang tidak mempunyai mana-mana putera lain itu, masalah yang sedang dihadapi akibat kemangkatan Syed Alwi itu tidaklah harus dipandang ringan, kerana bagi Syed Ahmad, hanya putera tunggalnya itulah sahaja yang menjadi harapan baginya untuk membantu menjaga atau mentadbir Negeri Perlis yang akan diwarisi oleh Baginda setelah ayahanda Baginda Raja Syed Hussin mangkat nanti, dan setelah Baginda sendiri mangkat nanti, takhta Negeri Perlis tentu akan diwarisi oleh kaum kerabat Jamalullail dari jurai keturunan yang lain, sekiranya Baginda sendiri tidak mempunyai seorang putera atau waris yang sah. Perihal keadaan tersebut itulah yang menjadi masalah peribadi yang rumit bagi Syed Ahmad, berikutan dengan kemangkatan putera tunggalnya itu.

Walaupun demikian rumit masalahnya, bagi Syed Ahmad yang telah kehilangan putera tunggalnya itu, namun masih lagi Baginda mempunyai harapan yang agak cerah dalam usahanya bagi mengatasi masalah tersebut. Hakikat tersebut adalah memandangkan bahawa Almarhum Syed Alwi itu telah sempat memperolehi seorang putera, yang bernama Syed Safi Jamalullail, yang mana dewasa itu masih berusia kira-kira setahun.*

Berhubung dengan kemangkatan Syed Alwi itu, tidak lama kemudian-nya Syed Ahmad telah menyuruh Dato' Wan Din bin Dato' Arau (Dato' Seri Lela Indera Dewa) supaya berangkat ke Kedah untuk membawa kembali cucunda Baginda Syed Safi ke Perlis, untuk dididik oleh Baginda sendiri. Hajat dan cita-cita Syed Ahmad itu telah tercapai, Syed Safi telah selamat dibawa pulang ke Perlis, dan tinggal bersama kerabat Syed Ahmad di Arau. Syed Safi dijaga dan dididik dengan sempurna dan penuh kasih sayang oleh

2. *Makam Al-Marhum Syed Alwi Ibni Syed Ahmad Ibni Syed Hussin Jamalullail itu letaknya di suatu tanah permakaman berhampiran dengan sebatang sungai kecil di Kampung Alor Keladi, Limbong, Kedah; lebih kurang 6 batu dari bandar Alor Setar, melalui Jalan Langgar.*

Mengikut sumber-sumber dari cerita lisan orang tua-tua, sebenarnya "Makam Al-Marhum Syed Alwi" itu adalah "Makam sebelah tangan Al-Marhum itu sahaja", sementara bahagian tubuh badan Al-Marhum itu tidak dapat dijumpai atau dicari semasa Al-Marhum itu hanyut di laut ditimpa kemalangan itu. Cuma yang berjaya dijumpai hanya sebelah tangannya sahaja yang mempunyai sebutuk cincin pada jarinya, dan tangan inilah sahaja yang dimakamkan pada makam tersebut.

Sementara itu terdapat beberapa buah makam kerabat Diraja Jamalullail pada tanah permakaman di Kampung Alor Keladi itu, di antaranya ialah makam-makam: Syed Ahmad Jamalullail (Syed Ahmad Palembang), Sharif Muhammad Taha Al-Qadri, dan beberapa orang lagi kaum kerabat mereka, lelaki dan perempuan.

* Syed Safi Ibni Syed Alwi telah diputerakan pada T.M. 1862 (S.H. 1279).

Syed Ahmad dan surinya, Sharifah Seha.* Bagi Syed Ahmad, Syed Safi itulah sahaja "cucunda dan anakandanya" dan bagi putera yatim itu, Syed Ahmadlah "nenekanda dan ayahandanya". Begitulah hubungan kasih sayang Syed Ahmad terhadap Syed Safi. Bonda Syed Safi iaitu Wan Tam binti Dato' Wan Ismail, kemudiannya telah berkahwin pula dengan Syed Muhammad Al-Jafri, yang lebih popular dengan panggilan "Tuan Chik Mat Bauk".

Berbalik pula kepada keadaan dan situasi di saat-saat menentukan siapakah yang akan diangkat menjadi Raja Perlis Yang Kedua, Syed Ahmad atau Syed Alwi (Tuan Chik Endut)? Walaupun Syed Ahmad sendiri sudah yakin yang Baginda tentu akan menjadi Raja, namun demikian timbul juga kerumitan di saat-saat itu, kerana Syed Alwi (Tuan Chik Endut), adinda Baginda yang berlainan bonda itu telah menunjukkan hasrat dan kemahuannya untuk menjadi Raja.

Syed Ahmad adalah putera Al-Marhum Raja Syed Hussin yang sulung dan Syed Ahmad juga telah dilantik menjadi Bakal Raja semasa hayat Raja Syed Hussin dahulu. Manakala Syed Alwi (Tuan Chik Endut) pula adalah putera Raja Syed Hussin yang lebih berdarah Raja dan mempunyai pertalian darah yang rapat di sebelah bondanya dengan kerabat Diraja Kedah. Lagi pula Sultan Ahmad Tajuddin III, Sultan Kedah dewasa itu adalah dua pupu dengan Tuan Chik Endut. Sultan Zainal Rashid, ayahanda Sultan Ahmad Tajuddin III itu adalah sepupu dengan Tengku Nor Aishah, bonda Tuan Chik Endut. Berdasarkan kepada hakikat tersebut itulah Tuan Chik Endut juga mempunyai keyakinan untuk menjadi Raja Perlis. Beliau yakin hasrat dan cita-citanya itu akan mendapat sokongan daripada pihak kerabat Diraja Kedah, walaupun pada hakikatnya Syed Ahmad, kekandanya itu telah diangkat menjadi Bakal Raja semenjak pemerintahan Raja Syed Hussin lagi.

Namun demikian harapan dan cita-cita Tuan Chik Endut itu menjadi hampa akhirnya, kerana Syed Ahmad juga yang telah diangkat dan diisytihar menjadi Raja Perlis Yang Kedua, iaitu sebelum jenazah Al-Marhum Raja Syed Hussin dimakamkan. Orang yang memainkan peranan penting dalam hal ini ialah Dato' Arau, kerana Syed Ahmad adalah cucunda kepada Dato' Arau sendiri.

Justeru itu Tuan Chik Endut tidak dapat berbuat apa-apa tindakan, cuma beliau dapat melahirkan perasaan tidak puas hati dan kekecewaannya sahaja.

Di akhir tahun 1873 itu Negeri Perlis telah kehilangan dua orang lagi tokoh-tokoh penting, iaitu selang beberapa minggu selepas kemangkatan Raja Syed Hussin, maka Dato' Arau pula meninggal dunia. Tidak berapa lama

* Sharifah Seha bt. Syed Muhammad Al-Hadad.

kemudiannya pula Tuan Syed Abdullah Al-Hadad, Kadi Besar Negeri Perlis yang pertama telah meninggal dunia. Ini adalah masalah pertama yang telah ditempuhi oleh Raja Syed Ahmad setelah beberapa minggu sahaja Baginda menjadi Raja. Yang lebih menyedihkan Baginda ialah kematian nenekanda Baginda, Dato' Arau yang telah banyak membuat jasa bakti kepada Baginda, ayahanda Baginda dan kepada Negeri Perlis amnya.

Selepas kira-kira tiga bulan menjadi Raja, iaitu pada 2 haribulan Muharram, Sanah Hijrah 1291, Raja Syed Ahmad Jamalullail dengan diiringi oleh adinda Baginda Syed Harun Jamalullail, Dato' Wan Din bin Dato' Arau, Dato' Lanang bin Dato' Arau, Dato' Wan Mat Saman bin Dato' Arau, Che Mat Saman bin Dato' Seri Lela Pahlawan* dan beberapa orang pembesar negeri, hulubalang dan pengiring telah berangkat ke Kota Bangkok. Rombongan tersebut telah bertolak dari Arau menaiki gajah menuju ke Ligor. Apabila selesai menghadap Raja Ligor maka rombongan tersebut pun berangkat dengan kapal layar menuju ke Bangkok.

Sebenarnya tujuan Raja Syed Ahmad berangkat ke Bangkok ialah untuk menghadap Raja Chulalongkorn dan mempersembahkan ikrar taat setia Baginda (sebagai Raja Negeri Perlis yang baharu) terhadap Raja Siam itu. Sebagai tanda taat setianya terhadap Raja Siam itu, rombongan Raja Syed Ahmad telah membawa persembahan bunga emas dan perak serta segala perkakas periringan yang cukup lengkap untuk dipersembahkan kepada Raja Chulalongkorn, iaitu persembahan bunga emas dan perak kali yang pertama oleh Raja Syed Ahmad*. Lebih dari itu tujuan yang terpenting sekali kedatangan rombongan Raja Syed Ahmad menghadap Raja Chulalongkorn ialah supaya Baginda ditabalkan oleh Raja Siam itu sebagai Raja Perlis.

Setelah rombongan Diraja itu sampai di Ban Kuang, Bangkok, mereka singgah di rumah Wan Abdullah, pegawai yang bertanggungjawab menguruskan utusan-utusan dari Negeri-negeri Melayu, dan di sana juga rombongan tersebut bertemu dengan Luang Kucha Ishak, jurubahasa, di mana mereka telah diberi arahan dan penerangan sebelum mereka menghadap Somdet Chao Phya (Perdana Menteri Siam).

Pada hari keduanya di Bangkok itu, Raja Syed Ahmad pun berangkat masuk menghadap Somdet Chao Phya dengan diiringi oleh Wan Abdullah dan Luang Kucha Ishak. Semasa menghadap itu Raja Syed Ahmad telah memaklumkan bahawa kedatangannya ialah untuk mempersembahkan

* *Che Mat Saman adalah anak kepada Alang Kechik Dato' Seri Lela Pahlawan).*
 * *Lihat Jadual Persembahan Bunga Emas dan Perak oleh Negeri Perlis pada Bab VII. Persembahan bunga emas dan perak kali pertama oleh Raja Syed Ahmad ialah pada T.M. 1874.*

kepada pengetahuan pihak Raja Siam berhubung dengan kemangkatan Almarhum ayahandanya itu dan persembahan bunga emas dan perak dari Negeri Perlis kepada Raja Siam itu. Kemudian Somdet Chao Phya pun pergi menghadap Raja Chulalongkorn dan memohon kebenaran hendak membawa rombongan Raja Syed Ahmad itu menghadap Baginda.

Setelah mendapat izin daripada Raja Chulalongkorn, maka rombongan Raja Syed Ahmad dengan diiringi oleh Somdet Chao Phya, Wan Abdullah, Luang Kucha Ishak dan lain-lain lagi telah masuk menghadap Raja Chulalongkorn di Balai Penghadapan, Istana Bangkok. Apabila istiadat persembahan bunga emas, bunga perak dan segala perkakas periringan telah selesai, maka Raja Chulalongkorn pun telah melakukan istiadat pertabalan Raja Syed Ahmad Jamalullail menjadi Raja Negeri Perlis dengan mengurniakan gelaran* "Phya Songkhrum Ramu Wichit Willis Asmara Phya Pelit", dan ketika itu juga Raja Syed Ahmad dianugerahkan Surat Tera, Senjabat dan persalinan. Akan adinda Raja Syed Ahmad yang bernama Tuan Syed Harun itu dikurniakan gelaran "Phra'Sakda Danderit" dan adinda Baginda yang bernama Tuan Syed Alwi (Tuan Chik Endut) pula dikurniakan gelaran "Phra'Surin Suwongse".

Apabila segala urusan mereka dengan pihak Istana Bangkok telah semuanya selesai maka rombongan Diraja itu pun telah bersiap sedia untuk berangkat pulang ke Perlis. Mereka bertolak dari Bangkok dengan kapal layar sehingga ke Ligor, dan dari Ligor mereka telah disambut dengan menaiki gajah menuju Perlis. Setelah beberapa lama dalam perjalanan itu maka sampailah rombongan tersebut di Beruk, iaitu suatu tempat persinggahan di sempadan Perlis-Songkhla, tidak berapa jauh dari Padang Besar sekarang. Mereka singgah di Beruk dan bermalam di sana, sementara menunggu para kerabat Diraja dan pembesar-pembesar negeri datang menyambut mereka.

Di Arau, Puan Sharifah Seha pun telah mengarahkan orang-orang di dalam Istana Arau supaya menghiasi istana itu sebagai persediaan menyambut kepulangan rombongan Diraja itu. Tuan Syed Zain Jamalullail dan Tuan Syed Mustaffa Jamalullail pula menghiasi Balai Rong, Istana Arau. Manakala Tuan Syed Ismail Jamalullail dan Tuan Syed Bakar Jamalullail pula bersama-sama dengan orang-orang mereka berangkat dengan gajah ke Beruk untuk menyambut Raja Syed Ahmad dan rombongannya itu berangkat ke Istana Arau.

Apabila rombongan Diraja itu tiba di Istana Arau, Tuan Syed Zain dan Tuan Syed Mustaffa pun turun dari Balai Rong dan mengalu-ngalukan mereka serta menyambut Raja Syed Ahmad dan sekeliannya berangkat naik ke Balai Rong itu. Kemudian majlis atau istiadat menghadap Raja pun dimulakan.

* Lebih lengkap lagi gelaran tersebut ialah, "Phya Wisit Songkhrum Ramu Wichit Willis Asmara Dull Chao Khun".

Segala kerabat Diraja Perlis dan para pembesar negeri mengambil tempat di Balai Rong istana itu.

Sebagai memulakan majlis, Che' Mat Saman bin Dato' Seri Lela Pahlawan tampil ke hadapan membaca Surat Tera yang dikurniakan kepada Raja Syed Ahmad oleh Raja Chulalongkorn. Di dalam surat itu antara lain ada disebutkan bahawa Raja Chulalongkorn telah berkenan dan menabalkan Tuan Syed Ahmad Ibni Al-Marhum Syed Hussin Jamalullail menjadi Raja Perlis Yang Kedua. Maka akan jawatan dan pangkat Raja bagi Negeri Perlis akan menjadi pesaka turun temurun hingga kepada anak, cucu, cicit dan keturunannya. Majlis ringkas itu ditamatkan setelah selesai dibacakan doa selamat oleh Tuan Haji Muhammad bin Haji Abdul Latif.

Beberapa hari kemudiannya, Raja Syed Ahmad telah mengadakan suatu mesyuarat dan berpakat kerana hendak memilih dan melantik beberapa orang pembesar Baginda dan memberi gelaran masing-masing kerana hendak menggantikan mereka yang telah meninggal. Di antara para pembesar yang telah terpilih dan menerima gelaran ialah: Wan Mat Saman bin Dato' Arau dikurniakan gelaran Dato' Seri Lela Mahkota; Wan Din bin Dato' Arau dikurniakan gelaran Dato' Seri Lela Indera Dewa; Che' Lanang bin Dato' Arau dikurniakan gelaran Dato' Seri Lela Perkasa; Che' Mat Saman bin Dato' Seri Lela Pahlawan dikurniakan gelaran Dato' Seri Lela Pahlawan dan Wan Daud bin Haji Wan Muhammad Said dikurniakan gelaran Dato' Indera Jaya.

Selain daripada para pembesar tersebut terdapat dua orang tokoh baru yang dilantik, iaitu: Che' Muhammad Saad bin Haji Musa, yang berasal daripada keturunan Dato' Kendong, Orang Besar Pulau Langkawi, dilantik menjadi Penghulu Bendahari, iaitu bagi menguruskan hal-hal kewangan negeri serta mengendalikan surat menyurat Baginda; dan Tuan Haji Muhammad bin Haji Abdul Latif telah dilantik menjadi Kadi Besar Perlis menggantikan Almarhum Tuan Syed Abdullah Al-Hadad.

Pada period awal pemerintahan Raja Syed Ahmad, Baginda sentiasa dibantu oleh adinda Baginda yang bernama Tuan Syed Harun Jamalullail dan Dato' Wan Mat Saman bin Dato' Arau. Tetapi tidak beberapa tahun kemudian kedua-dua tokoh tersebut telah meninggal dan ini telah menimbulkan masalah kepada Raja Syed Ahmad, kerana semasa hayat mereka banyak kerja-kerja yang berhubung dengan pentadbiran negeri sentiasa dibantu oleh mereka.

Dalam menyelesaikan masalah tersebut Raja Syed Ahmad telah melantik Dato' Wan Din bin Dato' Arau, yang bergelar Dato' Seri Lela

Indera Dewa itu sebagai pembesar kanan Baginda bagi menjalankan tugas-tugas pentadbiran membantu Baginda. Perlantikan Dato' Wan Din ini adalah sebenarnya berdasarkan kepada hubungan peribadi yang begitu erat dan juga pertalian keluarga antara mereka berdua. Raja Syed Ahmad adalah anakanda saudara kepada Dato' Wan Din, dan memandangkan kepada hakikat tersebut tidak hairanlah mengapa Dato' Wan Din dijadikan Baginda sebagai pembesar negeri yang kanan, yang sangat-sangat diharap dan diberi kepercayaan yang penuh oleh Raja Syed Ahmad.

"Syed Ahmad kasih sungguh dan harap sungguh-sungguh dekat Pak, segala kerja dan kira bicara Syed Ahmad gitu gini, Paklah yang dia suruh". Demikianlah suatu penjelasan dari Tok Wan Hajar, puteri Dato' Wan Din sendiri dan cucunda kepada Dato' Arau. Begitulah perihal pentingnya Dato' Wan Din sebagai pembesar kanan Raja Syed Ahmad, yang mana beliaulah "tulang belakang" yang mengakkan jentera pemerintahan Negeri Perlis semasa Raja Syed Ahmad.³

Ditinjau sepintas lalu urusan-urusan dan tanggungjawab yang dipikul oleh Dato' Wan Din itu, didapati bahawa penjelasan yang diberikan oleh Tok Wan Hajar itu memang benar dan nyata sekali. Dato' Wan Din yang menjadi pembesar kanan Raja Syed Ahmad itu juga menjalankan urusan-urusan kutipan hasil pajak, kutipan ripai, urusan-urusan yang berhubung dengan kerajaan Siam, terutamanya menguruskan persembahan bunga emas dan perak, yang mana beliau sendiri mengetuai rombongan menghantar bunga emas tiap-tiap tiga tahun sekali itu, dan ringkas kata, segala urusan-urusan penting yang dijalankan oleh Dato' Arau dahulu berhubung dengan pentadbiran negeri, kini dijalankan oleh Dato' Wan Din pula.

Berdasarkan kepada keupayaan dan kebijaksanaan Dato' Wan Din dalam mewujudkan kerjasama para pembesar negeri, penghulu-penghulu dan kerabat-kerabat Diraja dalam urusan mentadbir dan menjaga negeri, dapatlah disimpulkan bahawa masalah yang dihadapi oleh Raja Syed Ahmad bersabit dengan kehilangan Dato' Arau dan Tuan Syed Harun Jamalullail itu telah berjaya diatasi dengan adanya Dato' Wan Din di samping Baginda hingga beberapa tahun dalam period pemerintahan Baginda.

Sepertimana pemerintah-pemerintah Melayu di negeri-negeri naungan Siam yang lain, Raja Syed Ahmad telah beberapa kali berangkat ke Kota Bangkok. Berdasarkan kepada hakikat tersebut, tentu sahaja Syed Ahmad sedikit sebanyak telah mengetahui perihal kemajuan dan pembangunan serta

3. *Saduran daripada PITA RAKAMAN WAWANCARA AHMAD ISMAIL DENGAN ALLAHYARHAMAH TOK WAN HAJAR BINTI DATO' WAN DIN, pada hari Ahad, 26hb. Julai, 1964.*

keistimewaan yang terdapat di Kota Bangkok dewasa itu. Dalam hal ini, Baginda telah mendapati bahawa dewasa itu sudah pun wujud sekolah-sekolah formal di Kota Diraja itu, sedangkan di Negeri Perlis dikala itu belum lagi didapati sekolah-sekolah yang sedemikian rupa. Justeru itu Raja Syed Ahmad telah mengambil keputusan mahu menghantar cucunda Baginda, Syed Safi untuk bersekolah di Kota Bangkok, iaitu dengan mengirim cucundanya itu bersama dengan Kun Phra'Mo, bila Kun Phra'Mo datang melawat Negeri Perlis kelak. Kun Phra'Mo ialah Pesuruhjaya Negeri-negeri Naungan Siam di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Lazimnya beliau datang melawat ke negeri-negeri naungan Siam sekali dalam setahun, dan jika sekiranya timbul sesuatu masalah besar di sesebuah negeri itu beliau akan datang melawat dua atau tiga kali dalam tahun yang tertentu itu.

Di pertengahan tahun-tahun 1870an, iaitu apabila Kun Phra'Mo datang melawat ke negeri Perlis Raja Syed Ahmad telah mengambil kesempatan itu di mana Baginda telah memberitahu Kun Phra'Mo tentang hasrat Baginda hendak menghantar cucunda Baginda itu bersekolah di Kota Bangkok, dan memohon pertolongan daripada Kun Phra'Mo supaya dapat membawa cucunda Baginda itu ke Bangkok bersama-samanya apabila Kun Phra'Mo pulang nanti. Di samping itu juga Raja Syed Ahmad telah membayangkan kepada Kun Phra'Mo tentang hasrat Baginda supaya cucunda Baginda, Syed Safi itu akan dikurniakan gelaran atau pangkat "Phra' Sunthorn" (Bakal Raja) oleh Raja Chulalongkorn kelak. Oleh itulah Raja Syed Ahmad memohon kepada Kun Phra'Mo supaya dapat beliau memperkenalkan Syed Safi kepada Raja Siam itu, serta menyokong supaya Syed Safi itu diperkenankan diberi pangkat "Phra' Sunthorn" oleh Raja Chulalongkorn kelak.

Apabila tiba masa yang telah dijadualkan, Syed Safi dengan diiringi oleh Tengku Abdullah, Che' Mat, Wan Jaafar dan Wan Ishak dari Kedah, telah bertolak ke Kota Bangkok bersama-sama dengan Kun Phra'Mo. Ada pun mereka tersebut yang pergi bersama Syed Safi ke Bangkok itu juga dengan tujuan untuk bersekolah di sana.

Apabila sampai di Kota Bangkok Kun Phra' Mo telah mempawa Syed Safi dan rakan-rakannya itu pergi mengadap Kelahom (pembesar di Istana Raja Siam). Kun Phra' Mo telah memberitahu Kelahom tentang tujuan kedatangan mereka dari negeri-negeri Melayu itu untuk bersekolah di kota itu. Kun Phra' Mo telah menarik perhatian Kelahom tentang Syed Safi, cucunda Raja Syed Ahmad dari Negeri Perlis, yang berada di d sampingnya itu, dan menerangkan kepada Kelahom tentang hasrat Raja Syed Ahmad itu, kerana Raja Syed Ahmad sudah tidak mempunyai putera lagi untuk dijadikan Bakal Raja. Kelahom amat terharu bila mendengar berita dan hasrat Raja Syed Ahmad itu, oleh itu beliau telah memberi pengakuan dan bersedia untuk menolong bagi mencapai cita-cita Raja Syed Ahmad.

Setelah beberapa lama berada di Bangkok dan tinggal di istana Kelahom sambil bersekolah di sebuah sekolah bersama dengan anak-anak para pembesar Siam, maka Kelahom pun telah membawa Syed Safi menghadap Raja Chulalongkorn. Setelah Kelahom menerangkan segala-galanya mengenai diri Syed Safi, maka Raja Chulalongkorn pun bersetuju untuk melantik Syed Safi menjadi Bakal Raja Perlis dengan mengurniakan beliau gelaran "Phra Sunthorn". Raja Siam itu juga berkenan supaya Syed Safi semenjak dari tarikh itu tinggal di Istana Bangkok dan bertugas sebagai "Mahat Let", iaitu suatu jawatan sebagai budak istana. Syed Safi telah bertugas dengan taat setia di istana Raja Siam itu selama beberapa tahun sehingga beliau disayangi dan dianggap sebagai kerabatnya sendiri oleh Raja Chulalongkorn dan bagi Kelahom, Syed Safi dianggap sebagai puteranya sendiri.

Semasa berada di Kota Bangkok itu Syed Safi bebas keluar masuk kawasan Istana Raja Chulalongkorn dan Istana Kelahom, kerana semua kakitangan dan para pembesar istana sudah biasa dan kenal dengan beliau. Di samping itu pula Kelahom telah mengajar Syed Safi tentang menjalankan tugas-tugas pentadbiran negeri, termasuklah tugas-tugas dan tanggungjawab pemerintah negeri naungan terhadap Yang Dipertuan Di Bangkok. Ini adalah menjadi bekalan dan pengalaman bagi Syed Safi apabila beliau menjadi Raja kelak. Syed Safi juga fasih berbahasa Siam, boleh menulis dan membaca tulisan Siam dengan baik.

Setelah kira-kira hampir sepuluh tahun berada di Bangkok, maka Syed Safi pun telah memohon kepada Kelahom supaya dipersembahkan kepada Raja Chulalongkorn bahawa beliau hendak pulang ke Perlis. Permohonan tersebut telah diperkenankan oleh Raja Siam itu, tetapi sebelum bertolak pulang ke Perlis Syed Safi hendaklah dikahwinkan dengan seorang puteri pembesar Siam. Perintah tersebut dipersetujuinya.

Tidak berapa hari selepas itu Syed Safi telah dikahwinkan dengan seorang puteri keluarga Kelahom itu sendiri bernama Michu, yang mana setelah diislamkan diberi nama Wan Saadiah. Istiadat perkahwinan Diraja itu telah dilangsungkan di Istana Kelahom dengan dihadiri oleh ramai orang-orang kenamaan Siam. Selang tidak berapa hari selepas perkahwinan itu Syed Safi dan isterinya, Wan Saadiah telah berangkat pulang ke Perlis melalui Negeri Ligor.

Manakala tiba di Perlis, kedua-dua pengantin Diraja itu telah disambut oleh Raja Syed Ahmad dan Permaisuri Sharifah Seha, kerabat-kerabat Diraja Perlis dan para pembesar negeri. Sebagai meraikan perkahwinan Diraja itu, sekali lagi Raja Syed Ahmad telah mengadakan kenduri secara besar-besaran. Raja Syed Ahmad sangat gembira mendengarkan cerita bahawa perkahwinan

cucundanya itu adalah sebagai menyempurnakan titah perintah Raja Chulalongkorn sendiri, dan mempunyai penuh keyakinan cucundanya itu telah patuh dan taat kepada Raja Chulalongkorn dan Kelahom semasa berada di Kota Bangkok dahulu.

Sikap bertanggungjawab dan pengorbanan yang diusahakan oleh Raja Syed Ahmad demi menjaga kepentingan masa hadapan cucunda Baginda itu adalah sangat bererti kemudiannya bagi Negeri Perlis dan kerabat Diraja Jamalullail khususnya; dan daya usaha yang dijalankan oleh Baginda itu memang kena pada tempat dan ketikanya. Tegasnya usaha tersebut itu telah menolong mengekal dan menjamin keberibadian Negeri Perlis dan kekuasaan kerabat Diraja Jamalullail memerintah negeri ini.

Bagi Raja Syed Ahmad, segala usaha yang telah dijalkannya itu sudah agak mencukupi. Baginda telah memperlengkapkan bakal pengganti Baginda dengan ilmu pengetahuan, didikan yang sempurna diberikan dan telah "memperdekatkan" lagi hubungan bakal penggantinya itu dengan pihak Istana Bangkok. Ini adalah semata-mata demi memelihara dan mengekalkan keberibadian negeri dan kuasa kerabat Diraja Jamalullail di Perlis, supaya tidak ditimpa nasib buruk sepertimana Raja-raja di negeri jirannya, Kubang Pasu.

Raja Syed Ahmad sudah dewasa benar memandangkan usianya kira-kira 51 tahun apabila Baginda mula memerintah Negeri Perlis. Baginda tentu sudah sedia mengetahui dan telah meneliti dengan lebih mendalam lagi akan situasi pentadbiran yang wujud di negeri Kubang Pasu setelah mangkatnya Tengku Anum, Raja negeri itu yang pertama, dalam tahun 1853 dahulu. Tengku Anum mangkat tanpa meninggalkan putera yang akan mewarisi takhta negeri itu, kerana putera tunggalnya, Tengku Muhammad telah mangkat terlebih dahulu daripada Baginda.⁴ Bagi Raja Syed Ahmad, Baginda tentu sedar bahawa kedudukan perwarisan takhta Negeri Perlis selepas Baginda mangkat kelak akan menjadi seakan-akan sama dengan kedudukan di negeri Kubang Pasu, yang telah diambil balik oleh Sultan Kedah. Baginda tentu tidak rela Perlis diambil balik oleh Sultan Kedah selepas kemangkatannya nanti. Berikutan dengan situasi tersebut kemudiannya, keberibadian Negeri Kubang Pasu telah lenyap dan menjadi jajahan Negeri Kedah kembali, dan kerabat Tengku Anum juga hilang kuasa mereka di sana.⁵

Perlu juga diperihalkan secara ringkas bibit-bibit yang membawa Negeri Kubang Pasu itu hilang identitinya di akhir-akhir tahun 1850an itu. Setelah

4. *Muhammad Hassan, Op.cit., Hal. 193-195.*

5. *Kobkua Suwannathat-Pian, Op.cit., Hal. 90-93.*

Tengku Anum mangkat, Tengku Ishak diangkat menjadi Raja dan Tengku Muhammad Saman menjadi Raja Muda negeri itu. Mereka berdua adalah cucunda-cucunda Tengku Anum sendiri. Tengku Ishak itu anakanda Tengku Muhammad ibni Tengku Anum, dan Tengku Muhammad Saman pula adalah anakanda kepada Tengku Midah binti Tengku Anum.⁶ Namun demikian Raja dan Raja Muda tersebut telah memerintah dan menjalankan urusan-urusan pentadbiran negeri tanpa sepakat, tidak ada kerjasama dan tidak bersefahaman sesama mereka, para menteri dan pembesar-pembesar negeri itu. Dengan itu pentadbiran Negeri Kubang Pasu menjadi kucar-kacir, dan wujud keadaan "mal-administration" yang membimbangkan. Memandangkan situasi yang kritikal inilah Sultan Ahmad Tajuddin III telah mengambil kesempatan memujuk Raja Mongkut (Rama IV) supaya Negeri Kubang Pasu itu diserahkan kembali kepada Negeri Kedah. Sultan Ahmad Tajuddin III telah berjaya dalam usaha itu, dan dalam tahun 1859 Kubang Pasu telah menjadi jajahan Negeri Kedah semula. Manakala Raja Tunku Ishak dan Raja Muda Tengku Muhammad Saman yang mana masing-masing kurang pengalaman, kurang kebolehan dan tidak berpelajaran itu telah sama-sama kehilangan negeri dan kuasa mereka.

Sebenarnya Tengku Muhammad Saman, bekas Raja Muda Kubang Pasu itu adalah adinda ipar kepada Raja Syed Ahmad sendiri, dan dengan ini Raja Syed Ahmad sudah sedia memahami usaha-usaha dan tindak tanduk yang telah dijalankan oleh pihak Sultan Kedah dalam langkah-langkah mereka mengambil kembali Negeri Kubang Pasu itu. Memandangkan usaha seperti tersebut juga pasti dibuat oleh pihak Kedah bagi memasukkan semula Negeri Perlis menjadi jajahannya, adalah sangat perlu bagi Raja Syed Ahmad berwaspada dan mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengelakkan bahaya tersebut. Walau bagaimanapun usaha Raja Syed Ahmad menyediakan bakal warisan takhta Negeri Perlis yang benar-benar cekap, berpengalaman dan berpelajaran itu telah dapat mengelakkan daripada bahaya yang dimaksudkan itu.

Dengan kepulungan Syed Safi ke Perlis beliau telah dapat membantu nenekandanya, Raja Syed Ahmad di dalam beberapa perkara berhubung dengan pentadbiran negeri di samping Dato' Wan Din dan pembesar-pembesar negeri yang lain. Lebih-lebih lagi dalam period tersebut Raja Syed Ahmad yang sudah meningkat lanjut usianya, selalu gering dan kurang bertenaga untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran negeri. Dato' Wan Din juga sudah agak tua, jadi Syed Safilah yang membantu sebahagian besar kerja-kerja pentadbiran negeri.

6. Ahmad Ismail, "Salasilah Raja-raja Negeri Kubang Pasu".

Kira-kira dalam tahun 1888, dengan daya usaha dan semangat daripada Syed Safi maka didirikan sebuah sekolah Melayu di Arau. Sekolah tersebut merupakan sekolah Melayu yang terulung di Negeri Perlis, yang mana tapak asalnya ialah di belakang sebelah barat Sekolah Tengku Budriah, Arau. Sebenarnya sekolah itulah sekolah asas dan asal Sekolah Tengku Budriah, Arau.

Di awal tahun-tahun 1890an, pembesar kanan Raja Syed Ahmad, iaitu Dato' Wan Din bin Dato' Arau telah meninggal dunia. Mengikut cerita daripada Tok Wan Hajar, Dato' Wan Din telah meninggal dunia di Kota Bangkok, iaitu semasa beliau berangkat ke sana mengetuai rombongan mempersembahkan bunga emas, dan kemungkinan besar kematian Dato' Wan Din itu dalam tahun 1891 (Lihat "Jadual Persembahan Bunga Emas dan Perak oleh Negeri Perlis, 1843-1909). Dengan kematian Dato' Wan Din itu juga bererti suatu lagi masalah telah ditempuhi oleh Raja Syed Ahmad yang telah tua itu. Ini juga bererti peranan dan tugas-tugas yang dijalankan oleh Dato' Wan Din itu terpaksa dijalankan oleh Syed Safi pula, memandangkan Syed Safi adalah lebih cekap dan berkebolehan daripada para pembesar negeri yang ada dalam era itu.

Dalam tahun-tahun 1890an itu Raja Syed Ahmad nampaknya semakin setahun semakin kerap gering, malah Baginda sentiasa berada dan berehat di istana sahaja. Memandang kepada keadaan kesihatan Baginda itulah Baginda telah memberi peluang kepada Raja Muda, Tuan Chik Endut (Syed Alwi) untuk menjalankan pentadbiran negeri buat sementara waktu. Daripada beberapa sumber yang boleh dipercayai, didapati bahawa pentadbiran Tuan Chik Endut tidak begitu memuaskan. Beliau adalah seorang yang tidak dapat menjalankan pentadbiran negeri sebagaimana yang diharap-harapkan oleh Raja Syed Ahmad. Sifat dirinya yang pemarah itu telah menyebabkan beliau tidak disenangi oleh beberapa orang kerabat Diraja, para pembesar dan rakyat Negeri Perlis dewasa itu.⁷

Walau bagaimanapun Tuan Chik Endut tidak lama menjadi Pemangku Raja, kerana segala kelemahannya telah sampai kepada pengetahuan Raja Syed Ahmad. Dengan titah perintah Raja Syed Ahmad, kedudukan Tuan Endut sebagai Pemangku Raja itu telah dibatalkan, dan Baginda telah mengangkat Syed Safi pula menjadi Pemangku Raja yang baharu.

Perlantikan Syed Safi menjadi Pemangku Raja itu memang kena pada tempatnya. Di samping lain-lain kelebihan yang ada pada Syed Safi itu, beliau telah banyak membuat jasa dan khidmat bakti untuk Raja Syed

7. Cerita Lisan oleh Tok Wan Hajar binti Dato' Wan Din.

Ahmad. Sebagai contohnya, dapat dilihat pada suatu ketika kira-kira enam bulan selepas beliau pulang dari Kota Bangkok, telah berlaku suatu peristiwa yang telah memalukan Raja Syed Ahmad yang telah dilakukan oleh seorang kerabat Diraja Kedah, Syed Safilah yang telah menolong membela maruah nenekandanya itu.

Peristiwa itu adalah seperti berikut. Pada suatu hari datang seorang Inggeris bernama Dunlop menghadap Raja Syed Ahmad, dan beliau memohon kebenaran daripada Baginda untuk membuka lombong arang batu di Bukit Arang, iaitu di suatu tempat dalam Negeri Perlis berhampiran dengan sempadan Negeri Kedah. Permohonan Dunlop telah diperkenankan oleh Raja Syed Ahmad, tetapi apabila Dunlop dan orang-orangnya hendak memulakan pekerjaannya di situ tiba-tiba datang Tengku Yaakub, putera kepada Sultan Ahmad Tajuddin III dan orang-orangnya melarang Dunlop daripada mengerjakan pembukaan lombong tersebut, kerana dikatakan tempat tersebut adalah dalam Negeri Kedah dan Dunlop tidak mempunyai kebenaran daripada Sultan Kedah. Dunlop terpaksa masuk menghadap Raja Syed Ahmad bagi menerangkan perkara yang berlaku ke atasnya itu. Berkaitan dengan itu juga Dunlop telah terpaksa membatalkan kerja tersebut buat sementara waktu.

Ekoran daripada kejadian itu Syed Safi telah diperintahkan oleh Raja Syed Ahmad supaya melaporkan perkara tersebut ke Bangkok. Di sana Syed Safi telah mempersembahkan kepada Raja Chulalongkorn akan perkara yang dilakukan oleh Tengku Yaakub dan orang-orangnya itu. Sebelum Syed Safi pulang ke Perlis Kun Phra' Mo dan beberapa orang pegawai dari Bangkok telah datang ke Perlis dan pergi menyiasat kedudukan Bukit Kayu Arang itu. Hasil daripada penyiasatan tersebut didapati bahawa tempat tersebut letaknya di dalam Negeri Perlis. Perkara tersebut telah dipersembahkan kepada pengetahuan Raja Chulalongkorn, Baginda sangat murka terhadap tindakan Tengku Yaakub itu, lalu dihantar suatu surat keterangan kepada Sultan Kedah memberitahu kedudukan tempat tersebut yang sebenarnya.

Semasa berada di Kota Bangkok itu Syed Safi sempat juga berjumpa Smodit Chao Phya (Perdana Menteri Siam), Kelahom dan Kun Phra' Mo dan bermalam di istana mereka. Pembesar-pembesar Siam itu telah berpakat mengahwinkan pula Syed Safi dengan Che' Shamsiah binti Lebai Mat Amin. Istiadat perkahwinan Diraja itu telah dikelolakan oleh Tengku Abdullah, yang menjadi juruiring kepada Syed Safi.

Selepas selesai istiadat perkahwinan tersebut Syed Safi dan isterinya yang kedua, Che' Shamsiah binti Lebai Mat Amin serta Tengku Abdullah telah berangkat pulang ke Perlis. Apabila tiba di Istana Arau Syed Safi telah mempersembahkan kepada nenekandanya tentang kedudukan yang sebenar

berkenaan dengan Bukit Kayu Arang itu, yang mana diakui sendiri oleh pihak Istana Bangkok. Raja Syed Ahmad sendiri gembira mendengar berita tersebut, dan lebih-lebih lagi gembira kerana cucundanya itu boleh diharap. Begitulah jasa dan kegigihan Syed Safi membantu nenekandanya.

Dalam tahun 1892, Raja Chulalongkorn telah memperkenalkan suatu dasar pemusatan kuasa di seluruh Negeri Siam. Satu daripada langkah pelaksanaan dasar tersebut ialah menyusun semula wilayah-wilayah Siam di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri secara langsung. Wilayah-wilayah ini disatukan mengikut "circle" atau "bulatan" yang dipanggil "monthon", dan tiap-tiap sebuah "monthon" itu mempunyai seorang Pesuruhjaya Tinggi yang dipanggil "Khaluang Thesaphiban" yang dilantik oleh Menteri Dalam Negeri Siam.

Mulai tahun 1895, kementerian tersebut telah mula menyatukan pentadbiran negeri-negeri naungan Siam di selatan mengikut sistem "Thesaphiban", kerana kementerian ini tidak puas hati dengan penyatuan yang tidak seimbang antara negeri-negeri naungan dan wilayah-wilayah Siam yang lain. Dengan ini juga kawalan terhadap negeri-negeri tersebut dapat diperkuatkan dan supaya dapat membantu mempertahankan keutuhan wilayah-wilayah Siam dalam menghadapi tekanan-tekanan dari kuasa Perancis dan Inggeris.⁸ Lebih jauh lagi sistem ini dapat menjamin kesetiaan negeri-negeri naungan dan menyediakan kemudahan-kemudahan dalam mewujudkan pembaharuan di seluruh Negeri Siam. Dengan ini dalam tahun 1895 itu, Kelantan dan Terengganu diletakkan di bawah jagaan Pesuruhjaya Tetap Phuket, dan dua tahun kemudiannya Kedah, Perlis dan Setul diletakkan di bawah satu "monthon", yang mana dipanggil "Monthon Saiburi". Sementara itu Sultan Abdul Hamid Halim Shah dari Negeri Kedah, dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi bagi "Monthon Saiburi" dan Baginda diberi gelaran "Chao Phya Ritsongkhram Ramphakdi" oleh Raja Chulalongkorn.⁹

Perlu juga disebutkan, iaitu pada 28hb. September, tahun 1895, Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah pun dinaikkan tarafnya oleh Raja Chulalongkorn dengan diberikan gelaran "Chao Phya". Hakikat tersebut adalah hasil daripada hubungan erat dan mesra Baginda dengan Raja Chulalongkorn, seperti yang dimaksudkan dalam petikan berikut:

8. Sharom Ahmat, "Kedah-Siam Relations, 1821-1905", *Journal of the Siam Society*, Jilid 59, Bab. 1, 1971, Hal. 102.

9. Sharom Ahmat, *Op.cit.*, Hal. 102.

"Sultan Abdul Hamid, like his predecessor, took part in the Water of Allegiance Ceremony, and he too was a constant visitor to the Court of Chulalongkorn. In Bangkok the Sultan was always well treated, for instance he was allowed to stay in the Ministry of the South's new building which was considered to be a great honour."¹⁰

Namun demikian, penting ditegaskan bahawa tanggungjawab dan kuasa Sultan Abdul Hamid sebagai Pesuruhjaya Tinggi Monthon Saiburi itu sebenarnya adalah dari segi pentadbiran sahaja. Baginda tidaklah mempunyai kuasa kewilayahan (territorial rights) terhadap negeri-negeri Perlis dan Setul. Hasil-hasil pendapatan daripada ketiga-tiga negeri tersebut itu adalah ditadbir sendiri oleh negeri-negeri itu secara berasingan, dan "..... there has never been any fiscal or other federation, the budgets have always been distinct and have always been appointed by His Majesty the King" (Raja Siam).¹¹ Begitulah sebenarnya kedudukan dan kuasa Sultan Abdul Hamid sebagai Pesuruhjaya Tinggi Monthon Saiburi.

Dengan ini nyatalah suatu perbezaan mengenai kedudukan Sultan Abdul Hamid sebagai pemerintah Negeri Kedah dan kedudukan Baginda sebagai Pesuruhjaya Tinggi Monthon Saiburi. Perbezaan ini sebenarnya telah dicatatkan di dalam suatu perisytiharan yang dikeluarkan oleh Akhbar Rasmi Kerajaan Siam, yang mana ada menyebutkan bahawa, "Ketiga-tiga negeri ini: Kedah, Perlis dan Setul adalah menikmati hak yang sama dan berdiri di atas tapak yang sama. Sesebuah di antara negeri-negeri itu tidaklah boleh direndah-rendahkan oleh negeri-negeri yang lainnya itu. Dari segi kedudukan dan taraf Baginda, Sultan Abdul Hamid adalah sebagai Pesuruhjaya Tinggi bagi sebuah "monthon" biasa sahaja selain daripada kuasa Baginda sebagai pemerintah Negeri Kedah. Tanggungjawab Baginda terhadap Negeri-negeri: Perlis dan Setul adalah sebenar-benarnya dari segi pentadbiran sahaja, yang mana tugas dan tanggungjawab ini boleh dilucutkan daripada Baginda pada bila-bila masa sahaja sekiranya dikehendakki oleh Raja Siam."¹²

Perlu dinyatakan juga bahawa telah timbul suatu kekeliruan di kalangan sebahagian besar penduduk-penduduk Negeri Perlis khasnya dalam period tersebut, iaitu mereka menganggap kononnya Sultan Abdul Hamid itu sebagai Yang DiPertuan bagi Negeri Perlis di samping menjadi Yang DiPertuan bagi Negeri Kedah. Anggapan ini juga dapat diukur kebenarannya berpandukan kepada butir-butir di dalam perisytiharan tersebut. Sesungguhnya anggapan bahawa Sultan Abdul Hamid sebagai Yang DiPertuan bagi Negeri Perlis adalah

10. Sharom Ahmat, *Op.cit.*, Hal. 101.

11. "Memorandum by Mr. Strobel Respecting the Province of Setul", Foreign Office Confidential Print.

12. "Memorandum by Mr. Strobel Respecting the Province of Setul", *Op.cit.*

tidak lain kerana memandangkan yang kedudukan Baginda itu sebagai Pesuruhjaya Tinggi Monthon Saiburi, yang mana di dalamnya merangkumi juga Negeri Perlis. Tegasnya, istilah dan kedudukan perkataan "Yang DiPertuan" disebut-sebutkan sebagai menggantikan perkataan "Pesuruhjaya Tinggi", dan ini menimbulkan tanggapan yang salah di kalangan sebahagian besar penduduk-penduduk Negeri Perlis dalam era tersebut. Sebenarnya Yang DiPertuan bagi Negeri Perlis dalam era itu ialah Raja Chulalongkorn. Raja Syed Ahmad adalah Raja Negeri Perlis yang bernaung di bawah Raja Siam itu. Demikian juga dengan Sultan Abdul Hamid, di samping menjadi Pesuruhjaya Monthon Saiburi, Baginda juga bernaung di bawah Raja Chulalongkorn.

Raja Syed Ahmad mempunyai ramai isteri selain daripada permaisuri-nya Sharifah Seha binti Syed Muhammad Al-Hadad. Raja Syed Ahmad juga telah berkahwin dengan Che' Manis, Sharifah Jahara, Che' Puteh dan Che' Aishah. Namun demikian hanya bersama Sharifah Seha sahaja Baginda memperolehi putera tunggal, iaitu Syed Alwi Jamalullail, ayahanda kepada Syed Safi.

Pada 15hb. Ramadhan Sanah Hijrah 1314, bersama 19hb., Februari, 1897 Raja Syed Ahmad Jamalullail telah mangkat di Istana Arau setelah gering beberapa hari. Baginda memerintah Negeri Perlis selama kira-kira 23 tahun. Oleh yang demikian Bakal Raja, Syed Safi pun telah mempersembahkan berita kemangkatan nenekandanya itu kepada Raja Chulalongkorn di Bangkok melalui Putera Damrong dengan taligram. Sebagai jawapan kepada taligram itu Putera Damrong telah menjemput Bakal Raja itu supaya datang segera ke Bangkok untuk ditabalkan dan menerima gelaran. Istiadat permakaman jenazah Al-Marhum Raja Syed Ahmad itu telah dijalankan menurut perintah Bakal Raja Syed Safi itu. Phya Tipkosa, wakil Raja Siam, kerabat Diraja Perlis, para pembesar negeri dan rakyat jelata turut hadir dan mengambil bahagian dalam istiadat permakaman yang dijalankan di permakaman Diraja Arau.

Walaupun masalah demi masalah dihadapi oleh Almarhum Raja Syed Ahmad semenjak dari awal hingga ke akhir period pemerintahan Baginda, namun demikian keperibadian atau identiti Negeri Perlis masih tetap kekal dan terjamin di zaman pemerintahan Baginda.



7. Raja Syed Safi ibni Syed Alwi Jamalullail,
Raja Perlis Yang Ketiga (1879–1904).
Baginda mangkat di Istana Arau pada 22hb. Syawal, S.H. 1322
(Disember, 1904)

BAB V

ZAMAN RAJA SYED SAFI

Setelah selesai menjalankan tugas-tugas yang berhubung dengan kemangkatan nenekandanya itu, Tuan Syed Safi kemudiannya telah membuat persediaan untuk berangkat ke Kota Bangkok untuk menghadap Raja Chulalongkorn. Adapun yang mengiring Baginda berangkat itu ialah Tuan Syed Salim bin Syed Muhammad Al-Jafri, iaitu adinda sebonda dengan Baginda, Tuan Haji Kassim bin Haji Ali dan beberapa orang pengiring Baginda yang lain.

Setelah tiga hari di Bangkok, iaitu pada 10 haribulan Zulhijjah, Sanah Hijrah 1314,* Tuan Syed Safi Jamalullail bersama dengan Tuan Syed Salim Al-Jafri dan Tuan Haji Kassim bin Haji Ali, dengan diiringi oleh Putera Damrong dan pembesar-pembesar Siam yang lain masuk menghadap Raja Chulalongkorn. Tuan Syed Safi Jamalullail, dalam istiadat ringkas itu telah ditabalkan menjadi Raja Perlis Yang Ketiga oleh Raja Chulalongkorn, dan Baginda dikurniakan gelaran "Phya Songkhram Ramu Wichit Wilis Asmara Phya Pelit" serta Baginda dikurniakan juga Surat Tera dan Senjabat. Pada ketika itu Raja Syed Safi berusia lebih kurang 35 tahun.

Tidak berapa lama selepas itu Raja Syed Safi telah memohon kepada Raja Chulalongkorn hendak pulang ke Perlis. Kemudian Baginda dan para pengiring telah bertolak pulang ke Negeri Perlis melalui Singapura, Melaka, Pulau Pinang, Kuala Kedah dan Kuala Perlis. Apabila tiba di Arau Baginda telah disambut oleh kerabat Diraja, para pembesar negeri dan rakyat jelata sebagai tanda kegembiraan kerana kejayaan Baginda ditabalkan menjadi Raja Perlis Yang Ketiga.

Sebagai langkah permulaan setelah menjadi Raja Negeri Perlis, pada suatu hari Baginda Raja Syed Safi telah mengadakan suatu majlis perhimpunan secara besar-besaran di Istana Arau, di mana Baginda telah

* Bersamaan dengan 13hb. Mei, T.M. 1897.

menjemput semua kerabat Diraja, para pembesar negeri dan orang-orang kenamaan dalam Negeri Perlis. Di dalam majlis tersebut Baginda telah mengisytiharkan perlantikan pembesar-pembesar negeri yang mana mereka telah dikurniakan pangkat, gelaran dan tugas-tugas tertentu.

Di antara mereka yang terpilih ialah: Tuan Syed Salim bin Syed Muhammad Al-Jafri yang dilantik sebagai pembesar kanan bertaraf menteri dan bergelar "Luang Sakda", Tuan Syed Hassan bin Syed Alwi Jamalullail dilantik sebagai Hakim di dalam Mahkamah Besar, Dato' Wan Teh bin Dato' Arau menjadi Ketua Rakyat, Tengku Abdullah bin Tengku Mat Saman menjadi Hakim di dalam Mahkamah Kecil, Tuan Syed Abdullah bin Syed Alwi Jamalullail dilantik menjadi Pemegang Khazanah dan Wang Negeri, Tuan Syed Abdullah bin Syed Ismail Jamalullail dilantik sebagai Penghulu Bunga Emas, Tuan Haji Kassim bin Haji Ali dilantik menjadi Ketua Rakyat di Sebelah Tepi Laut dan Wan Ishak bin Dato' Wan Daud dilantik menjadi Penolong Ketua Pejabat Tanah. Majlis tersebut ditamatkan dengan titah teguran dan nasihat, serta diadakan jamuan makan minum.

Sayugia ditekankan di sini bahawa kalau semasa Raja Syed Hussin dahulu Dato' Arau atau Dato' Belat Paduka Seri Perdana Menteri menjadi orang kanan Baginda, semasa Raja Syed Ahmad memerintah, orang kanan Baginda ialah Dato' Wan Din atau Dato' Seri Lela Indera Dewa, kini di masa pemerintahan Raja Syed Safi Jamalullail orang kanan Baginda ialah Tuan Syed Salim bin Syed Muhammad Al-Jafri. Sebahagian besar tugas-tugas pentadbiran yang penting semasa itu dijalankan oleh Tuan Syed Salim, dan di kalangan rakyat Negeri Perlis Tuan Syed Salim lebih dikenali dengan panggilan "Tuan Lim".

Sebagaimana diketahui, Negeri Kedah dalam period tersebut diperintah oleh Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan Baginda itu adalah sepupu dengan Raja Syed Safi di sebelah bonda. Bonda Raja Syed Safi, Wan Tam adalah adinda kepada Wan Hajar (timang-timangan Wan Teh), bonda kepada Sultan Abdul Hamid. Wan Tam dan Wan Hajar adalah bersaudara dengan Wan Muhammad Saman, yang mana mereka semua adalah anakanda kepada Dato' Wan Ismail, Dato' Paduka Laksamana Kedah.¹ Dengan ini jelaslah bahawa Raja Syed Safi dan Sultan Abdul Hamid itu sepupu dan Wan Muhammad Saman yang dewasa itu menjadi Dato' Perdana Menteri Kedah, adalah ayahanda saudara kepada Baginda berdua.

1. Wan Yahya bin Wan Mahamad Taib, "Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah", Hal. 14.

Dalam tahun-tahun 1890an, Wan Muhammad Saman, Dato' Perdana Menteri Kedah itu sangat berpengaruh di kalangan Sultan dan para pembesar Negeri Kedah, memandangkan beliau adalah seorang pembesar yang berpengalaman, progresif dan ayahanda saudara kepada Baginda Sultan Kedah. Dengan ini segala buah fikirannya disetujui dan diperkenankan oleh Sultan dan para pembesar Negeri Kedah. Semasa kegeringan Sultan Abdul Hamid Halim Shah dalam tahun 1895 (S.H. 1313), Negeri Kedah dijaga oleh Dato' Wan Muhammad Saman. Begitulah berpengaruh dan popularnya Dato' Wan Muhammad Saman di Negeri Kedah dalam period awal pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Namun demikian di pertengahan tahun 1897, Dato' Wan Muhammad Saman telah tersilap langkah dalam usahanya untuk menjayakan cita-citanya untuk mengambil balik Negeri Perlis. Menurut suatu sumber, "Beberapa bulan setelah mangkat Raja Syed Ahmad, Dato' Wan Muhammad Saman bin Dato' Wan Ismail, Perdana Menteri Kedah dan beberapa orang besar Kedah datang ke Perlis kerana hendak ambil balik Perlis, Syed Safi tunjukkan Surat Tera dan Senjabat yang dikurniakan kepadanya oleh Maharaja Siam".²

Kebenaran ungkapan di atas tidak dapat dinafikan lagi, memandangkan hakikat bahawa dahulunya Perlis adalah sebahagian daripada jajahan Negeri Kedah, sebagaimana Negeri Kubang Pasu yang mana telah berjaya diusaha dan dicantumkan kembali dengan "Kedah Proper" dalam tahun 1859 dahulu. Motif dan tindak tanduk Dato' Wan Muhammad Saman dalam hal ini telah mengujudkan suatu konflik dingin di antara pihak Kedah dan Perlis buat beberapa ketika, dan orang yang bertanggungjawab mengujudkan "konflik-saudara" ini ialah Dato' Wan Muhammad Saman sendiri, kerana beliau adalah perancang dan penasihat kepada Baginda Sultan Kedah dewasa itu.

Sebenarnya titik tolak kepada peristiwa kedatangan rombongan Dato' Wan Muhammad Saman hendak mengambil balik Negeri Perlis ini bermula selepas sahaja kemangkatan Raja Syed Ahmad. Tidak berapa hari setelah dijalankan pertabalan Raja Perlis Yang Ketiga (Raja Syed Safi) di Istana Bangkok, maka Raja Muda Kedah bersama-sama dengan beberapa orang pengiringnya masuk menghadap Raja Chulalongkorn dan mempersembahkan surat tuntutan Sultan Kedah, yang menuntut supaya Negeri Perlis diserahkan balik kepada Baginda (Sultan Kedah), iaitu sepertimana yang telah dilakukan kepada Negeri Kubang Pasu beberapa tahun yang lampau (1859). Akan surat tuntutan itu telah diberi sokongan penuh oleh Phya Tipkosa yang menjadi Pesuruhjaya Negeri-negeri Takluk Siam di bahagian Barat.

2. Ahmad Ismail, "Salasilah Raja-Raja dan Kerajaan Negeri Perlis", *Op.cit.*

Walau bagaimanapun tuntutan Sultan Kedah itu telah ditolak oleh Raja Chulalongkorn, dan Baginda bertitah bahawa Raja Perlis yang baharu (Raja Syed Safi) telah pun ditabalkan oleh Baginda sendiri. Sepanjang pengetahuan Baginda, Raja Syed Safi itu adalah waris yang mutlak bagi takhta Negeri Perlis. Baginda cukup mengetahui kedudukan perkara itu kerana Raja Syed Safi telah lama menetap dan berkhidmat dengan Baginda sebelumnya. Raja Chulalongkorn hanya bersetuju supaya Sultan Kedah dilantik menjadi Pesuruhjaya bagi Negeri Perlis dan Setul sahaja, dan kuatkuasa lantikan itu ialah mulai 17 haribulan Mei, 1897.³ Tetapi pihak Kedah masih belum berpuas hati dengan sikap tegas yang dinyatakan oleh Raja Chulalongkorn itu. Malah surat lantikan Sultan Abdul Hamid sebagai Pesuruhjaya bagi Negeri Perlis dan Setul yang bertarikh 17hb. Mei, 1897 itu telah mengembangkan lagi ilham dan cita-cita Dato' Wan Muhammad Saman, dan surat tersebutlah yang dibawa oleh Dato' Wan Muhammad Saman dan rombongannya ke Perlis untuk ditunjukkan kepada Raja Syed Safi sebagai alasan bahawa pihak Raja Siam telah mengeluarkan arahan supaya Negeri Perlis diserahkan balik kepada Sultan Kedah.

Rombongan Dato' Wan Muhammad Saman datang ke Perlis melalui Kuala Perlis dan melalui Sungai Perlis ke pekan Kangar. Pengiring-pengiring Dato' Wan Muhammad Saman ditempatkan di pekan Kangar, sementara itu beliau sendiri telah bertolak ke Arau untuk bertemu dengan Raja Syed Safi bagi menerangkan tujuan kedatangan beliau bersama dengan surat yang bertarikh 17 haribulan Mei, 1897 itu.

Raja Syed Safi telah memahami isi kandungan surat tersebut dan maksudnya. Oleh itu Baginda telah menerangkan kepada Datuk Wan Muhammad Saman bahawa Baginda sudah pun ditabalkan menjadi Raja Negeri Perlis oleh Raja Chulalongkorn sendiri. Kemudiannya Raja Syed Safi telah menunjukkan Surat Tera dan Senjabat yang diberikan oleh Raja Chulalongkorn kepada Baginda. Setelah dilihat oleh Datuk Wan Muhammad Saman akan kedua-dua benda yang menjadi alat kebesaran bagi seseorang Raja itu, sebenarnya berada pada Raja Syed Safi, maka dengan hampunya beliau dan pengiring-pengiringnya berangkat pulang ke Kedah.

Sebenarnya tujuan Raja Chulalongkorn mengeluarkan surat arahan kepada Sultan Kedah "supaya menjaga dan membantu hal-hal pentadbiran Negeri Perlis dan Setul" adalah memandangkan bahawa Baginda Sultan Kedah

3. *Pengumuman penubuhan Monthon Saiburi dan perlantikan Sultan Abdul Hamid sebagai Pesuruhjaya telah pun dibuat pada 7hb. April 1897. Lain-lain fakta mengenai tuntutan Kedah terhadap Perlis, lihat Kobkua Suwannthath-Plan, Kedah-Siamese correspondence 1890-1898, JMBRAS Vol. 55, Part 2, 1982, hal. 62-85.*

adalah menjadi Pesuruhjaya Tinggi Monthon Saiburi, yang mana telah diberi tanggungjawab pentadbiran ke atas kedua-dua buah negeri itu. Kerajaan Siam juga bimbang terhadap keadaan pentadbiran yang wujud di kedua-dua buah negeri tersebut sebelum itu, kalau-kalau keadaan seperti itu akan membawa kepada kemunduran dari segi pentadbiran di negeri-negeri itu. Lagi pula, arahan tersebut perlu dikeluarkan kerana tidak berapa lama selepas 17 haribulan Mei, 1897 itu, Raja Chulalongkorn akan meninggalkan negaranya buat beberapa bulan dalam bidang lawatannya ke negara-negara di Benua Eropah.⁴

Keadaan pentadbiran di Negeri Setul dewasa itu (1897) adalah rumit, tidak teratur dan membimbangkan. Tengku Abdul Rahman yang telah memerintah Negeri Setul selama 10 tahun itu telah mengidap penyakit otak dan tidak lagi mampu untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna.⁵ Justeru kerana itulah Kerajaan Siam telah mengeluarkan surat arahan supaya pihak Kerajaan Negeri Kedah "menjaga Negeri Setul bersama-sama dengan Negeri Perlis". Berhubung dengan arahan ini, pihak Kerajaan Negeri Kedah telah menghantar Ku Din bin Ku Meh, seorang pegawai pentadbir Kerajaan Negeri Kedah ke Negeri Setul dalam tahun tersebut.⁶

Dengan itu Ku Din bin Ku Meh telah menetap di Negeri Setul dan bertugas sebagai penolong pentadbir negeri itu. Beliau telah berusaha membentuk dan membangunkan ibu negeri Setul, Mambang Sengkara* dengan penuh semangat dan tenaga dengan membahagi-bahagikan tugas pegawai-pegawai dengan lebih teratur mengikut sistem pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah dewasa itu. Semenjak tahun 1902, Ku Din mula memakai nama "Tengku Baharuddin bin Ku Meh" dalam semua surat menyuratnya, iaitu setelah beliau dinaikkan pangkat menjadi "Pesuruhjaya Tinggi" Negeri Setul, yang mana beliau mempunyai taraf dan kuasa seperti seorang pemerintah atau "Raja".

Langkah Kerajaan Negeri Kedah menghantar Ku Din bin Ku Meh ke Negeri Setul itu adalah sesuai dan kena pada tempat dan masanya memandangkan negeri itu sangat-sangat memerlukan seorang pentadbir yang cekap bagi mengatasi keadaan pentadbiran negeri yang sedang kucar kacir itu.

4. Lihat "Surat Sir E. Monson kepada The Marquess of Salisbury". Paris, bertarikh 3hb. Julai 1897, *Foreign Office Confidential Print*, Bab IX, 1897.

5. Wan Adnan bin Wan Long (Terjemahan), "Sejarah Negeri Setul, Thailand, oleh Abdullah Long Puteh", *Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah*, Hal. 20.

6. Lihat "Surat Consul Frost kepada Mr. Paget", Kedah, bertarikh 28hb. April, 1906, *Foreign Office Confidential Print*, Bab XVIII. Lihat juga, Wan Yahya, *Loc.cit.*

Ku Din bin Ku Meh sebelum itu menjadi Pegawai Penjara di Alor Setar, Kedah.
* Mambang Sengkara juga disebut Mambang Senggara.

Walaupun situasi pentadbiran yang agak lemah wujud di negeri Perlis di akhir-akhir period pemerintahan Raja Syed Ahmad dahulu, namun demikian setelah Raja Syed Safi menaiki takhta, kedudukan pentadbiran Negeri Perlis adalah jauh berbeza dengan situasi pentadbiran yang wujud di Negeri Setul di bawah pemerintahan Tengku Abdul Rahman, dan sangat jauh bezanya dengan situasi yang wujud di negeri Kubang Pasu di antara tahun-tahun 1853 hingga 1859 itu. Raja Syed Safi adalah seorang Raja yang berpengalaman, berpelajaran dan mempunyai kaliber pemerintahan yang lebih "advance" jika dibandingkan dengan keupayaan Tengku Abdul Rahman, Raja Setul (1887-1897), dan Tengku Ishak serta Tengku Muhammad Saman, Raja dan Raja Muda Kubang Pasu (1853-1859).

Berbalik pula kepada surat arahan Raja Chulalongkorn yang bertarikh 17 haribulan Mei, 1897 itu, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, Kerajaan Negeri Kedah telah menghantar Syed Mansur Al-Jafri yang mempunyai pertalian keluarga dengan Raja Syed Safi, untuk menerangkan tentang perkara-perkara pentadbiran selaras dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah disusun oleh pihak Sultan Kedah untuk diterima pakai di Negeri Perlis supaya perkara-perkara pentadbiran dapat dijalankan dengan licin sesuai dengan arahan daripada pihak Raja Chulalongkorn itu. Syed Mansur yang mempunyai pengalaman dan mahir dengan sistem pentadbiran di Negeri Kedah ini, juga dihantar untuk membantu Raja Syed Safi dalam mengendalikan hal-hal pentadbiran di Negeri Perlis.⁷

Raja Syed Safi telah membenarkan Syed Mansur membantu dan menjalankan hal-hal pentadbiran di Negeri Perlis, memandangkan Baginda (Raja Syed Safi) sendiri tidak dapat mengikuti kehendak-kehendak dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri Kedah. Baginda menyatakan bahawa Baginda juga berkhidmat mengikut perintah Raja Chulalongkorn dan tidak boleh mentadbir Negeri Perlis mengikut sesuka hati Baginda sendiri. Semua pegawai dalam pentadbiran Negeri Perlis diperintahkan supaya berhenti kerja buat seketika.⁸

Berhubung dengan tindak tanduk pihak Kerajaan Negeri Kedah itu Raja Syed Safi telah mengutuskan pembesar kanannya Tuan Syed Salim bin Syed Muhammad Al-Jafri ke Kota Bangkok untuk melaporkan hal-hal yang tidak menyenangkan antara Baginda dengan pihak Kedah kepada Kerajaan dan pembesar-pembesar Siam. Raja Syed Safi sendiri tidak berangkat ke

7. Lihat Salinan "Surat Raja Muda Kedah kapda Krommuen Damrongrajanubhab, Menteri Dalam Negeri Thai, bertarikh 20hb. Oktober 1897 dalam *Kobkua*" *Kedah-Siamese Correspondence 1890-1898*", *JMBRAS*. Vol. 55, Part 2, 1982. Syed Mansur Al-Jafri juga dikenali dengan nama timang-timangan "Tuan Bulat".
8. *Ibid.*

Bangkok ketika itu memandangkan Raja Chulalongkorn sedang berada di luar negeri. Jadi sudah memadai dengan pemergian Tuan Syed Salim sahaja untuk memberi laporan buat sementara. Tambahan pula pada saat-saat yang "kritikal" begitu Raja Syed Safi lebih suka berada di dalam negerinya sendiri, iaitu bagi menghadapi sendiri akan apa-apa tindakan, langkah dan sebarang kemungkinan selanjutnya yang akan dilakukan oleh pihak Dato' Wan Muhammad Saman dan pihak Kedah terhadap Negeri Perlis dan diri Baginda sendiri. Walau bagaimanapun konflik antara kedua belah pihak ini tidaklah begitu serius sehingga menyebabkan pertumpahan darah. Tegasnya konflik tersebut adalah konflik dingin secara pertikaman lidah dan pertengkaran sahaja.

Masalah tuntutan dan usaha-usaha Dato' Wan Muhammad Saman itu masih lagi belum selesai sehinggalah ke akhir-akhir tahun 1897, apabila Raja Chulalongkorn pulang dari lawatannya ke negara-negara Eropah. Semasa pelayaran pulang, Raja Chulalongkorn telah singgah buat sementara waktu di Pulau Pinang, dan ketibaan Baginda di sana telah disambut oleh ramai anak-anak Raja Melayu dan para pembesar Melayu dari Negeri Kedah, Setul dan Perlis, termasuk Raja Syed Safi sendiri.

Dalam saat-saat yang "kritikal" inilah Raja Syed Safi berpeluang untuk bertemu dengan Raja Chulalongkorn, dan melaporkan perihal tindak-tanduk Dato' Wan Muhammad Saman dan pihak Kedah yang mahu memasukkan kembali Negeri Perlis ke dalam jajahan Kedah, kerana kononnya sebagai melaksanakan arahan yang dikeluarkan oleh Raja Chulalongkorn sendiri pada 17hb. Mei, 1897 itu. Dengan itu masalah besar yang dihadapi oleh Raja Syed Safi itu telah diambil perhatian berat untuk diselesaikan oleh Raja Chulalongkorn. Baginda sendiri telah memberi jaminan bahawa kedudukan Raja Syed Safi sebagai Raja yang memerintah Negeri Perlis tetap sah. Secara tidak langsung jaminan tersebut juga telah mengakui kedudukan dan keperibadian Negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang tersendiri dan berasingan daripada Negeri Kedah.

Hasil daripada pertemuan yang amat bersejarah inilah seterusnya apabila kembali ke Kota Bangkok Raja Chulalongkorn telah mengeluarkan suatu surat kuasa yang mempunyai cop dan tandatangan Baginda sendiri, yang mana surat tersebut telah dikirimkan kepada Raja Syed Safi iaitu di awal tahun 1898. Surat kuasa itu telah sekali lagi mengisytiharkan bahawa hak dan kuasa Raja Syed Safi sebagai Raja Pemerintah Negeri Perlis yang sah sehinggalah berterusan kepada waris-waris Baginda yang akan datang selama-lamanya adalah diakui dan diiktiraf oleh Raja Chulalongkorn. Dengan ini juga membawa erti bahawa surat kuasa yang berada pada Raja Syed Safi itu dapat menjaga dan menjamin keperibadian Negeri Perlis

dan keturunan kerabat Raja Syed Safi Jamalullail sebagai pemerintah-pemerintahnya.

Kemudiannya, kira-kira di awal tahun 1899 pula, Raja Syed Safi telah menerima sebuah cop mohor yang baharu daripada Raja Chulalongkorn, dan cop mohor lama yang dikurniakan kepada Raja Syed Safi dahulunya itu hendaklah dimansuhkan. Cop mohor yang baharu itu dibuat dan dikurniakan oleh Raja Chulalongkorn dengan sokongan Putera Damrong, yang menjadi Pesuruhjaya Negeri-negeri Takluk Siam semasa itu. Penerimaan cop mohor yang baharu oleh Raja Syed Safi itu sesungguhnya telah memperkuatkan lagi kedudukan Baginda dan ianya juga menunjukkan betapa gigihnya Raja Chulalongkorn dan Putera Damrong dalam usaha mereka mahu menyelamatkan kedudukan Raja Syed Safi dan keturunan Baginda serta keberibadian Negeri Perlis itu sendiri.

Tegasnya, dengan penerimaan surat kuasa dan cop mohor daripada Raja Chulalongkorn itu maka berakhirilah sudah konflik dingin antara pihak Raja Syed Safi dan pihak Dato' Wan Muhammad Saman serta pihak Kedah. Dengan yang demikian itu, maka pihak Dato' Wan Muhammad Saman dan para pembesar Kedah telah terpaksa berpuashati dengan tindakan pihak Kerajaan Siam itu, walaupun motif dan usaha mereka untuk mengambil kembali Negeri Perlis telah menjadi hampa. Hakikat tersebut memang nyata, kerana pihak Dato' Wan Muhammad Saman dan para pembesar Kedah tidak berkuasa untuk berbuat apa-apa tindakbalas seterusnya terhadap Raja Syed Safi, kerana Negeri Kedah sendiri adalah sama-sama bernaung di bawah Kerajaan Siam. Justeru itu segala titah perintah, keputusan dan persetujuan daripada Kerajaan Negeri Siam adalah muktamad dan mesti dipatuhi oleh pihak-pihak yang bernaung di bawahnya.

Penting ditekankan lagi bahawa, bagi Negeri Perlis, tahun 1897 itu adalah merupakan suatu tahun yang penting dalam aliran dan liku sejarahnya, kerana dalam tahun inilah telah berlakunya suatu peristiwa yang berupa cabaran yang menggugat keberibadian Negeri Perlis dan kedudukan Rajanya. Peristiwa yang bersejarah ini sesungguhnya adalah merupakan suatu gelombang politik yang menentukan untung nasib Negeri Perlis, sama ada Perlis akan tetap timbul, wujud dan kekal identitinya sebagai sebuah negeri, atau sebaliknya Perlis akan hilang identiti negerinya dan tenggelam kembali ke dalam jajahan Negeri Kedah.

Memang menjadi suatu hakikat bahawa sehingga sekarang ini kita menyebut "Negeri Perlis" dan "Kerajaan Negeri Perlis" itu adalah hasil daripada jasa dan perjuangan Raja Syed Safi dalam tahun 1897 itu. Justeru itu dapatlah disimpulkan bahawa Raja Syed Safi adalah satu-satunya Raja

Pemerintah Negeri Perlis yang berjasa besar dalam mempertahankan dan memperkekalkan keperibadian Negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang tersendiri. Berdasarkan kepada jasa dan perjuangan Baginda yang sangat cemerlang dan bererti terhadap Negeri Perlis, dapatlah dianggap bahawa Raja Syed Safi sebagai Raja Perlis yang teragung sekali semasa negeri itu bernaung di bawah Kerajaan Siam. Tegasnya, Raja Syed Safi memang layak dikenangi sebagai "Syed Safi The Great", yang mana Baginda adalah "the greatest Raja of Perlis during the Siamese Period".

Period pemerintahan Raja Syed Safi selama kira-kira lapan tahun itu adalah merupakan suatu period asas bagi kemajuan dan pembangunan Negeri Perlis. Jalan-jalan raya dan taliair yang terdapat di Negeri Perlis hari ini adalah diasaskan pembinaannya oleh Baginda sendiri, di mana projek-projek tersebut diusahakan oleh rakyat negeri ini beramai-ramai melalui sistem kerah. Jalanraya yang menyambungkan Negeri Perlis dan Kedah melalui Koding, jalan dari Arau menuju ke Singgora, jalan dari Arau ke Kangar, dari Kangar ke Tebing Tinggi (pelabuhan bagi Negeri Perlis semasa itu), dan dari Kangar lurus ke Sanglang melalui Simpang Empat adalah merupakan di antara jalan-jalan penting yang telah diasaskan pembinaannya oleh Raja Syed Safi. Usaha-usaha Baginda dalam kerja pembinaan jalan ini memang dapat dibanggakan sekali, yang mana oleh Mr. Meadow Frost dicatatkan bahawa "The late Raja (Raja Syed Safi) was a great road builder and all the existing roads were due to his energy in that direction."⁹

Usaha-usaha Baginda dalam pembinaan taliair juga perlu disentuh. Taliair dari Guar Sanji, Arau melalui Tambun Tulang, Simpang Empat hingga ke Sungai Baru, yang mana sekarang dipanggil Terusan Arau (Arau Canal), dahulunya disebut "Sungai Raja", kerana sungai itu dikorek oleh rakyat dengan titah perintah Raja Syed Safi melalui sistem kerah. Projek pengairan untuk kemudahan pertanian yang diusahakan oleh Baginda itu adalah seakan-akan sama dengan sistem pengairan yang dibuat oleh Kerajaan Siam di pinggir Kota Bangkok. Nampaknya Baginda mahu membina "klong-klong" sepertimana yang terdapat di negeri Siam.

Dalam usaha pembinaan taliair tersebut, maksud Baginda ialah supaya tanah di kiri dan kanan tebing sungai yang dikorek itu dapat diusahakan oleh rakyat negeri ini dengan membuka tanah-tanah baharu untuk dijadikan tanah-tanah bendang (sawah). Sebelum sungai dari Arau melalui Tambun Tulang dan Simpang Empat ke Sungai Baru itu dikorek, kawasan-kawasan sekitar yang ditembusi oleh sungai tersebut adalah sebahagian besarnya dipenuhi oleh hutan pokok-pokok gelam yang didiami oleh binatang-binatang liar.

9. *Perlis Annual Report, Tahun 1910.*

Setelah siapnya projek "Sungai Raja" itu ramai penduduk dari beberapa mukim atau kawasan dalam Negeri Perlis dan dari Jajahan Kubang Pasu datang membuka tanah-tanah baharu, mendiami di kiri dan kanan tebing sungai itu dan seterusnya kawasan-kawasan tersebut menjadi tanah sawah yang luas dan produktif dengan hasil padi. Perkembangan yang sedemikian adalah sangat bersesuaian dengan azam dan usaha Baginda, yang mahu menjadikan Negeri Perlis ini kaya dengan hasil padi dan beras.

Pembinaan market di pekan Kangar adalah diasaskan oleh Raja Syed Safi juga, iaitu kira-kira dalam tahun 1898. Market tersebut yang dipanggil "Pekan Baru" itu letaknya di tebing Sungai Perlis iaitu bertentangan dengan market yang ada di bandar Kangar sekarang. Market yang dibina di zaman Raja Syed Safi itu beratap daun nipah dan bertiang kayu, manakala bahagian-bahagian lainnya kebanyakan diperbuat daripada buluh. Mengikut bekas Penghulu Mohd. Said bin Haji Awang, penjaja-penjaja yang ada dalam market itu semuanya terdiri daripada orang-orang Melayu, ada beberapa orang daripada mereka yang datang dari Kuala Perlis membawa ikan dan belacan untuk dijual di Kangar, dan semasa itu juga terdapat ramai wanita Melayu yang berniaga di market itu.

Dalam period pemerintahan Raja Syed Safi perkembangan pelajaran di Negeri Perlis nampaknya masih lembab lagi. Namun demikian dalam era tersebut dua buah lagi sekolah Melayu telah dibina. Dalam tahun 1898, dengan titah perintah dan nasihat daripada Raja Syed Safi, Tuan Haji Kassim bin Haji Ali dan Tuan Haji Salleh bin Hassan telah berusaha mendirikan sebuah sekolah di pekan Kangar, yang mana kemudiannya dinamakan Sekolah Melayu Kangar Laki-laki (sekarang ini dinamakan Sekolah Dato' Wan Ahmad, Kangar). Dalam tahun 1903 pula didirikan sebuah sekolah kecil di Kuala Perlis, yang mana telah diasaskan pembinaannya oleh Mohd. Said bin Haji Awang. Dengan itu sehingga period pemerintahan Raja Syed Safi terdapat sebanyak tiga buah sekolah Melayu di Negeri Perlis, termasuklah Sekolah Melayu Arau.

Di samping itu juga Raja Syed Safi telah berusaha menghantar beberapa orang pemuda yang terdiri daripada putera-putera Baginda serta kaum kerabat Diraja untuk belajar di sekolah-sekolah di Pulau Pinang, di mana mereka berpeluang mendapat pelajaran mengikut sistem pelajaran Inggeris. Di antara mereka ialah: Syed Alwi (Raja Perlis Keempat), Syed Hamzah dan Syed Hussin.

Di awal tahun 1900, Mr. W.W. Skeat dan rombongannya dari Universiti Cambridge telah datang melawat sambil meninjau beberapa tempat di Negeri Perlis. Terdahulu dari itu rombongan tersebut telah melawat Negeri Setul.

Dari Kuala Perlis melalui Sungai Perlis ke Kangar, mereka melaporkan bahawa, "Further up was a landing place, on the left bank, called Tebing Tinggi (The High Bank), than a village on the right bank (Senap?) and finally Perlis (or Kangar as the capital town is now called)".¹⁰

Selama tiga hari mereka berada di Negeri Perlis, rombongan Skeat telah sempat menemui Raja Syed Safi, di mana mereka telah diberi beberapa penerangan dan berbincang mengenai beberapa perkara yang berhubung dengan Negeri Perlis dewasa itu. Di samping itu mereka telah melawat tempat-tempat tertentu di sekitar bandar Kangar, iaitu sebelum membuat lawatan ke Gua Berhala yang bersejarah itu pada 4hb. Januari.¹¹

Di antara lain-lain laporannya, Skeat telah mencatatkan bahawa "The total annual revenue of Perlis amounted to \$27,000 which was not enough to pay the expense of government", yang mana hasil tahunan tersebut dikatakan dipungut dan diusahakan dalam bentuk pajakan-pajakan (monopolies) yang tertentu seperti berikut:¹²

1. Pajak candu, beras dan lain-lain	\$14,000 setahun
2. Pajak cukai impot dan eksport	\$ 1,000 setahun
3. Pajak minyak	\$ 1,500 setahun
4. Pajak garam, arak, gambir	\$ 3,200 setahun
5. Pajak tembakau	\$ 900 setahun
6. Pajak ikan	\$ 780 setahun

Menurut laporan mereka lagi, semasa itu tidak ada cukai atau kutipan hasil tanah, memandangkan wujudnya sistem kerah terhadap rakyat, dan bidang-bidang tanah masih belum ditetapkan sempadannya secara yang sistematik. Mengenai jumlah penduduk di Negeri Perlis dewasa itu, mereka diberitahu bahawa ramainya dianggarkan di antara 3,000 hingga 4,000 orang. Tetapi mengikut kata seorang pegawai Kerajaan Negeri Kedah, kerajaannya telah menganggarkan bahawa terdapat seramai 6,000 orang penduduk Negeri Perlis yang boleh dikerah dewasa itu. Jadi dengan itu jumlah semua penduduk di Negeri Perlis akan membawa ke angka 15,000 orang, termasuk wanita-wanita, penduduk-penduduk bangsa Tionghua dan lain-lain bangsa.¹³

10. Skeat, W.W., "Reminiscences of the Cambridge University Expedition to The North-Eastern States, 1898-1900". *Op.cit.*, Hal. 134.

Ejaan "Senap" bagi nama tempat di tebing sebelah kanan Sungai Perlis (dari Kuala Perlis) itu adalah tidak tepat, kerana setakat yang diketahui, tidak ada sebarang tempat di kawasan tersebut yang dipanggil "Senap". Walau bagaimanapun ini dipercayai suatu kesalahan tulisan atau cetakan. Kemungkinan tempat atau kawasan yang dimaksudkan itu Mukim Seriap.

11. Skeat, W.W., *Op.cit.*, Hal. 138.

12. Skeat, W.W., *Op.cit.*, Hal. 136.

13. Skeat, W.W., *Op.cit.*, Hal. 137.

Perlu juga disebutkan bahawa dalam period awal pemerintahan Raja Syed Safi hingga menjelang tahun 1900 telah wujud juga permusuhan antara pihak Negeri Perlis dengan Negeri Setul yang di bawah pentadbiran Ku Din bin Ku Meh itu. Permusuhan atau konflik tersebut timbul berhubung dengan masalah sempadan antara kedua-dua buah negeri yang berjiran itu, yang mana masing-masing telah mendakwa mempunyai hak ke atas kawasan-kawasan di sepanjang "sempadan mereka yang kabur itu".¹⁴ Permusuhan tersebut turut melibatkan penduduk-penduduk di kedua-dua buah negeri itu, dan sengketa ini nampaknya masih berlanjutan sehingga ke masa lawatan rombongan Mr. Skeat dalam tahun 1900 itu, di mana Skeat telah mencatatkan bahawa, "..... the people of Perlis, great rivals and critics of Setul". Penduduk-penduduk Negeri Perlis semasa itu mengatakan bahawa penduduk-penduduk di Negeri Setul itu sehabis banyak berjumlah tidak lebih daripada 5,000 hingga 6,000 orang sahaja, tetapi sebaliknya Ku Din menyatakan bahawa penduduk di negerinya semasa itu berjumlah kira-kira 25,000 orang. Jumlah tersebut didakwa oleh penduduk-penduduk Negeri Perlis sebagai "a gross exaggeration" sahaja.¹⁵ Walau bagaimanapun permusuhan antara kedua pihak itu telah dapat diselesaikan oleh pihak Kerajaan Siam di awal tahun-tahun 1900 itu, di mana suatu tembok tanah telah dibina sebagai sempadan yang menyambungkan banjaran bukit-bukit di antara kedua-dua buah negeri itu, dan banjaran bukit-bukit di sebelah barat Negeri Perlis itu dijadikan sempadan yang nyata bagi kedua-dua buah negeri itu.

Dalam masa pemerintahan Raja Syed Safi Baginda telah mula memperkenalkan pakaian Barat di Negeri Perlis, iaitu pakaian seluar panjang, kemeja dan "coat", kecuali songkok, kerana pakaian songkok telah terlebih dahulu diperkenalkan sebelum itu. Bagi Raja Syed Safi dan para pembesar negeri, di samping mereka memakai pakaian Barat, pakaian songkok masih dikekalkan.

Di bidang hiburan dan permainan-permainan tradisional juga Raja Syed Safi mempunyai minat dan kecenderungan yang dapat dibanggakan. Melalui temasya dan keramaian di mana terdapat permainan-permainan yang menghiburkan ini Baginda dapat berpeluang bertemu dengan rakyat Baginda. Semasa pemerintahan Baginda itu Baginda telah menitahkan Tengku Abdullah bin Tengku Mat Saman supaya membangunkan sebuah pekan baharu yang bertempat di Kampung Paya, iaitu kira-kira lima batu daripada bandar Kangar. Pekan baharu itu dijadikan sebagai taman hiburan yang dibuka setahun sekali, iaitu setelah selesai rakyat Baginda menuai padi. Di pekan Paya itu ada

14. Mr. Leslie Robert, Wawancara, pada bulan Julai, 1974.

15. Skeat, W.W., *Op.cit.* Hal. 131.

disediakan sebuah rumah khas untuk Baginda, yang mana rumah tersebut dipanggil "tandiap".

Pada masa pembukaan pekan Paya itu diadakan temasya hiburan secara besar-besaran di waktu malamnya. Raja Syed Safi bersama para pembesar negeri dan kerabat Diraja telah berangkat ke taman hiburan itu pada tiap-tiap malam yang dijadualkan. Taman hiburan itu adalah di bawah arahan dan kelolaan Tengku Abdullah bin Tengku Mat Saman. Beliaulah yang mengaturkan segala-galanya yang terhubung dengan temasya hiburan itu tiap-tiap tahun. Lazimnya apabila Baginda Raja Syed Safi berangkat tiba di taman hiburan itu Baginda terlebih dahulu singgah di tandiap di mana "State Dinner" diadakan dan apabila selesai santap maka akan diisytiharkan supaya permainan-permainan dapat dimulakan. Setelah permainan-permainan ini tamat Baginda telah mengambil kesempatan berjumpa dengan rakyat Baginda di mana Baginda memberi sedekah kepada mereka yang difikirkan patut dengan adiknya. Selepas itu baharulah Baginda serta pengiring-pengiring Baginda berangkat pulang ke Istana Arau, atau kadang-kadang bermalam di tandiap.

Begitulah minat dan sikap ramah mesra Raja Syed Safi terhadap rakyat Baginda, dan justeru itulah Baginda sangat di sayangi oleh rakyat Negeri Perlis dewasa itu. Semasa pemerintahan Baginda banyak wang perbendaharaan negeri telah dibelanjakan. Selain daripada belanja membina bangunan-bangunan kerajaan, masjid-masjid dan lain-lain bangunan, membayar gaji pegawai-pegawai kerajaan, menganugerah wang kerabat kepada beberapa orang keluarga Diraja dan perbelanjaan berhubung dengan penghantaran ufti bunga emas dan perak, sebahagian daripada wang perbendaharaan negeri telah digunakan oleh Baginda untuk memberi sedekah kepada rakyat Baginda yang miskin, anak-anak yatim dan juga mengadakan jamuan atau kenduri untuk rakyat, Baginda juga mengadakan kenduri-kenduri di tandiap-tandiap yang terdapat di beberapa mukim dalam Negeri Perlis.

Penting juga disebutkan bahawa semasa pemerintahan Raja Syed Safi ini segala surat menyurat di mahkamah, di pejabat-pejabat kerajaan dan surat-surat berhubung dengan urusan dalam negeri ditulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi, dan begitu juga tentang catatan tarikh atau perkiraan tahun dibuat mengikut perkiraan hari, bulan dan tahun Hijrah. Perkiraan tarikh Masihi belum lagi digunakan dalam urusan-urusan tersebut di negeri ini semasa Baginda.

Semenjak period-period sebelum pemerintahan Raja Syed Safi lagi, matawang Barat seperti: matawang East India Company, matawang Straits Settlements, matawang Sepanyol, Mexico dan lain-lain dalam bentuk "wang

syiling" telah pun digunakan oleh penduduk-penduduk Negeri Perlis dalam urusan jualbeli dan perniagaan sehari-hari. Di kalangan penduduk-penduduk Negeri Perlis dewasa ini masih terdapat amalan tukar menukar barang-barang keperluan (barter trade). Hubungan perdagangan antara penduduk-penduduk Negeri Perlis dengan penduduk-penduduk di rantau ini, seperti Kedah, Pulau Pinang, Setul, Patthalung dan wilayah-wilayah di selatan Negeri Siam itu telah melibatkan penggunaan matawang Barat. Begitu juga dalam era ini terdapat orang-orang dari India Selatan yang datang menetap dan datang sementara di Negeri Perlis kerana menjalankan perniagaan, dan mereka ini juga terlibat dengan penggunaan matawang Barat. Sehingga sekarang masih boleh didapati berbagai jenis matawang Barat yang disebutkan itu di beberapa tempat terutamanya di kampung-kampung di Negeri Perlis, dan jenis yang terbanyak sekali ialah matawang syiling tembaga bernilai satu sen keluaran East India Company dan Straits Settlements, iaitu yang dikeluarkan dalam abad ke 19 Masihi. Di samping itu terdapat juga sedikit-sedikit wang syiling Kerajaan Siam yang di sebelahnya mempunyai gambar Raja Chulalongkorn, dan ini juga membuktikan bahawa dalam period tersebut memang digunakan matawang Siam dalam urusan perniagaan antara penduduk Negeri Perlis dengan penduduk di wilayah Siam, tambahan pula negeri ini bernaung di bawah Kerajaan Siam.

Kuala Perlis di zaman itu masih lagi merupakan sebuah kampung nelayan yang biasa sahaja dan belum bertaraf sebagai sebuah pelabuhan tempat punggah-memunggah barang-barang perdagangan. Pelabuhan bagi Negeri Perlis semasa itu ialah Tebing Tinggi, iaitu kira-kira dua batu dari Kuala Perlis melalui Sungai Perlis, dan letaknya di sebelah kiri.* Tebing Tinggi memainkan peranan penting sebagai pelabuhan tempat memunggah barang-barang eksport dan import, dan juga sebagai tempat perhentian serta lalu lintas kapal-kapal dagangan, sampan dan perahu-perahu nelayan. Sebahagian besar barang-barang dagangan dipunggah di pelabuhan Tebing Tinggi, sementara itu pula barang-barang itu dibawa ke Kangar dengan kereta lembu atau dengan sampan-sampan kecil, dan begitulah sebaliknya barang-barang yang datang ke Kangar daripada kawasan-kawasan pendalaman negeri ini. Begitulah pentingnya pelabuhan Tebing Tinggi bagi Negeri Perlis semenjak zaman sebelum pemerintahan Raja Syed Safi sehingga zaman pemerintahan Baginda, dan seterusnya sehingga siapnya jalanraya dari Kangar ke Kuala Perlis melalui Utan Aji, Bohor Latch dan Bukit Papan, di mana Kuala Perlis pula muncul sebagai pelabuhan penting menggantikan Tebing Tinggi.

Raja Syed Safi mempunyai beberapa orang suri, iaitu: Wan Saadiah, Che' Shamsiah binti Lebai Mat Amin, Tengku Saadiah, Sharifah Jahara dan Che' Sofiah. Hasil daripada perkahwinan Baginda dengan Wan Saadiah Baginda memperolehi seorang putera, iaitu Syed Alwi Jamalullail (Raja Perlis

* Pelabuhan Tebing Tinggi letaknya di sebelah kiri tebing Sungai Perlis, dari Kuala Perlis, iaitu di tebing 'utara' Sungai Perlis.

Keempat); manakala hasil daripada perkahwinan Baginda dengan Che' Shamsiah pula ialah putera-putera dan puteri-puteri berikut: Syed Mahmud Jamalullail Al-Haj (Raja Muda Perlis Yang Ketiga), Sharifah Tam, Sharifah Lebar, Sharifah Sofiah, Sharifah Hawa, Syed Hamzah Jamalullail (Raja Perlis semasa pemerintahan Jepun), Syed Hussin Jamalullail, Sharifah Aishah dan Sharifah Pok.

Setelah kira-kira lapan tahun Raja Syed Safi memerintah Negeri Perlis maka Baginda jatuh gering. Semasa kegeringan ini beberapa orang dukun dari Perlis dan Kedah didatangkan, bahkan beberapa orang doktor bangsa Inggeris juga dipanggil untuk mengubati Baginda, namun kegeringan yang dihadapi Baginda itu masih membimbangkan.

Ramai para pembesar negeri dan kaum kerabat Diraja menziarahi Baginda, termasuklah Baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah dari Kedah berangkat menziarahi Baginda. Dengan takdir Allah maka pada malam Jumaat, 22 hari bulan Syawal, S.H. 1322, Baginda Raja Syed Safi telah mangkat (bersamaan dengan bulan Disember, 1904).

Sehubungan dengan itu maka Mak Wan Tam, bonda Al-Marhum Raja Syed Safi telah menyuruh Tuan Syed Mansur Al-Jafri (Tuan Bulat) menghantar taligram ke Bangkok untuk memaklumkan kepada Raja Chulalongkorn tentang kemangkatan Raja Syed Safi.

Setelah selesai kerja tersebut Tuan Syed Mansur telah meminta persetujuan daripada Tuan Chik Endut (Syed Alwi Ibni Raja Syed Hussin) dan Tuan Syed Salim Al-Jafri serta para pembesar negeri dengan menurunkan tandatangan mereka tanda berkenan supaya Tuan Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Safi menjadi Raja Negeri Perlis yang baharu, dan mereka semua telah berbuat demikian tanda bersetuju. Kemudiannya Tuan Syed Mansur membawa surat persetujuan itu dan dipersembahkan kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah, yang pada masa itu sedang berada di Istana Pelamin, Alor Setar.

Jenazah Al-Marhum Raja Syed Safi telah selamat dikebumikan dengan penuh istiadat di permakaman Diraja di Arau pada keesokan harinya itu. Dengan itu Negeri Perlis telah kehilangan seorang Raja yang agung yang telah berjaya mempertahankan identiti dan maruahnyanya.



8. Gambar di atas menunjukkan Raja Syed Saffi bersama dengan kerabat Baginda dan para pembesar negeri selepas istiadat pembukaan rasmi "Market Baru" atau "Pekan Baru" di Kangar dalam tahun 1898.

BAB VI

AWAL ZAMAN

RAJA SYED ALWI

Setelah segala persiapan selesai dibuat oleh Tuan Syed Salim Al-Jafri (Luang Sakda), maka pada 1 haribulan Zulhijjah, Sanah Hijrah 1322 (bersamaan dengan bulan Februari, 1905) Tuan Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Safi Jamalullail telah berangkat ke Kota Bangkok untuk menghadap Raja Chulalongkorn supaya beliau ditabalkan menjadi Raja Perlis Yang Keempat. Tuan Syed Alwi telah diiringi oleh Tuan Syed Salim Al-Jafri, Tuan Syed Mahmud Ibni Al-Marhum Syed Safi Jamalullail, Dato' Wan Teh bin Dato' Arau dan Che' Abdullah bin Che' Saad.

Apabila sampai di Kota Bangkok mereka disambut oleh Putera Damrong dan beberapa orang pembesar Siam. Mereka telah ditempatkan di Istana Persinggahan, di Ban Kuang, dan sementara itu Tuan Syed Salim telah mengadap Putera Damrong dan Perdana Menteri Siam untuk menetapkan tarikh bagi Tuan Syed Alwi dapat masuk menghadap Raja Chulalongkorn.

Beberapa hari selepas itu Tuan Syed Alwi dan rombongannya telah berangkat untuk menghadap Raja Chulalongkorn dengan diiringi oleh Putera Damrong dan beberapa orang pembesar Kerajaan Siam. Upacara itu dijalankan sebagaimana lazimnya mengikut adat istiadat Diraja Siam. Tuan Syed Alwi kemudiannya ditabalkan oleh Raja Chulalongkorn menjadi Raja Perlis Yang keempat dan dikurniakan gelaran "Phya Songkhram Ramu Wichit Wilis Asmara Phya Pelit", dan adinda Baginda Tuan Syed Mahmud Jamalullail telah diperkenankan menjadi Raja Muda Perlis Yang Ketiga. Setelah selesai istiadat pertabalan itu maka Baginda Raja Syed Alwi dan rombongan Baginda pun berangkat ke Ban Kuang.

Tiga hari selepas hari pertabalan itu Tuan Syed Salim telah mengiriskan taligram kepada Tuan Chik Endut di Arau untuk memberitahu bahawa Baginda Raja Syed Alwi akan berangkat pulang ke Perlis melalui Singgora

(Songkhla) tidak berapa hari lagi. Tuan Chik Endut kemudiannya telah memberitahu perkara tersebut kepada Tuan Syed Abdullah bin Syed Ismail supaya segala persiapan dapat dibuat dengan segera bagi menyambut ketibaan rombongan Diraja itu.

Tuan Syed Abdullah telah mengarahkan penghulu-penghulu mukim dan anak-anak buah mereka, suruh siapkan beberapa ekor gajah pergi menunggu rombongan Diraja itu di Haad Yai. Apabila Raja Syed Alwi dan pengiring-pengiring Baginda tiba di Haad Yai mereka disambut dengan penuh kebesaran dan kasih mesra oleh sekalian pembesar dan rakyat Negeri Perlis yang sedang menunggu itu, dan dari Haad Yai mereka berarak hingga ke Istana Arau.

Sebagaimana sebelumnya juga, semasa pemerintahan Raja Syed Alwi ini, Tuan Syed Salim Al-Jafri masih dikekalkan tarafnya sebagai pembesaran Baginda yang memikul urusan-urusan penting pentadbiran negeri. Begitu juga para pembesar negeri yang lain seperti: Tuan Syed Hassan bin Syed Alwi, Dato' Wan Teh bin Dato' Arau, Tengku Abdullah bin Tengku Mat Saman, Tuan Syed Abdullah bin Syed Alwi, Tuan Syed Abdullah bin Syed Ismail, Tuan Haji Kassim bin Haji Ali dan Wan Ishak bin Dato' Wan Daud masih meneruskan perkhidmatan mereka di bawah pemerintahan Raja Syed Alwi.

Namun demikian setelah beberapa bulan menjadi Raja Negeri Perlis, Raja Syed Alwi yang masih muda itu telah mendapati bahawa keadaan kewangan negeri sudah merosot dan membimbangkan Baginda. Keadaan kewangan yang tidak menyenangkan ini telah menimbulkan suatu masalah besar dalam pentadbiran negeri dan lebih-lebih lagi kepada diri Baginda sendiri sebagai Raja pemerintah negeri. Sayugia diingatkan kembali bahawa kedudukan kewangan Negeri Perlis semasa pemerintahan Raja Syed Safi dahulu, sebagaimana yang telah dilaporkan oleh W.W. Skeat itu adalah tidak cukup untuk membiayai urusan-urusan pentadbiran negeri, "The total annual revenue of Perlis amounted to \$27,000 which was not enough to pay the expense of the government."¹ Walaupun demikian, setakat yang diketahui, di zaman Raja Syed Safi dahulu dengan kebolehan dan kebijaksanaan yang ada pada Baginda, telah mampu meneruskan pentadbiran negeri tanpa kesukaran sehingga ke akhir hayat Baginda.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Raja Syed Alwi telah mengadakan suatu rundingan dengan para pembesar negeri, dan dalam rundingan tersebut suatu keputusan telah dibuat, yang mana mereka telah bersetuju supaya Kerajaan Negeri Perlis dapat membuat suatu permohonan meminjam wang

1. Skeat, W.W., *Op.cit.*, Hal. 136.

daripada Kerajaan Siam bagi mengatasi masalah ini. Keputusan ini adalah dibuat berpandukan kepada tindakan Kerajaan Negeri Kedah sebelum itu yang telah membuat suatu permohonan meminjam wang daripada Kerajaan Siam bagi mengatasi masalah yang sama, dan hasilnya Kerajaan Siam telah bersetuju memberi pinjaman wang kepada Kerajaan Negeri Kedah sebanyak dua juta enam ratus ribu ringgit (\$2,600,000) pada 6 haribulan Jun, 1905.² Dengan ini Raja Syed Alwi telah mengutuskan surat permohonan meminjam wang kepada Kerajaan Siam.

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis dewasa itu memang sangat kekeringan dan membimbangkan. Tok Wan Hajar binti Dato' Wan Din mengatakan, "Masa itu Raja Syed Lawi (Alwi) tak dak duit, dia pinjam duit dekat Raja Siam".³

Permohonan meminjam wang oleh Raja Syed Alwi itu, kemudiannya telah diluluskan oleh Raja Chulalongkorn dan pihak Kerajaan Siam. Dengan ini Raja Syed Alwi telah mengutuskan pembesar kanan Baginda, Tuan Syed Salim Al-Jafri (Luang Sakda) pergi ke Bangkok untuk menguruskan surat perjanjian berhubung dengan hutang tersebut bagi pihak Raja Syed Alwi dan Kerajaan Negeri Perlis.

Oleh itu pada 4 haribulan Oktober, 1905, suatu "Perjanjian Hutang" (Loan Agreement) telah dibuat di antara Kerajaan Negeri Perlis dengan Kerajaan Negeri Siam, di mana Putera Mahisra Rachaharuthai, Menteri Kewangan Kerajaan Siam bagi pihak Raja Chulalongkorn dan Tuan Syed Salim Al-Jafri telah sama-sama menandatangani.⁴ Berhubung dengan perjanjian tersebut Kerajaan Siam telah bersetuju memberi pinjaman wang sebanyak dua ratus tiga puluh ribu ringgit (\$230,000) kepada Kerajaan Negeri Perlis dengan kadar faedahnya sebanyak 6 peratus setahun, iaitu sama dengan kadar faedah yang dikenakan kepada Kerajaan Negeri Kedah sebelumnya.

Di antara butir-butir dan syarat-syarat penting dalam perjanjian tersebut⁵ ialah "Pihak Raja dan Kerajaan Negeri Perlis bersetuju akan memperuntukkan bayaran bagi hutang tersebut pada tiap-tiap enam bulan dalam setahun pada tiap-tiap tahun kepada Kerajaan Siam, dikira daripada

2. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 251.

3. Ahmad Ismail, *Pita Rakaman wawancara dengan Tok Wan Hajar binti Dato' Wan Din*, pada hari Ahad, 25hb. Julai 1964.

4. Salinan "Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam", bertarikh 4hb. Oktober, 1905.

5. Fakta-fakta yang berhubung dengan hutang Negeri Perlis daripada Kerajaan Siam dalam tahun 1905 itu yang akan dibincangkan seterusnya adalah berdasarkan kepada salinan "Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam", bertarikh 4hb. Oktober, 1905 itu.

tarikh perjanjian itu, dengan kadar faedah 6 peratus setahun sehingga hutang itu selesai. Pihak Raja dan Kerajaan Negeri Perlis hendaklah menjelaskan hutang tersebut bersama-sama dengan kadar faedahnya dengan wang hasil daripada pendapatan Kerajaan Negeri Perlis sendiri, dan di samping itu bersetuju menandatangani suatu lagi perjanjian tambahan (subsidiary agreement) mengenai aturan atau "procedure" yang dikenakan dalam urusan pemberian wang hutang tersebut secara ansuran oleh Kerajaan Siam mengikut kadar dan masa yang ditentukan, dan juga kadar serta masa pembayaran hutang tersebut oleh Kerajaan Negeri Perlis kepada Kerajaan Siam".

Butir-butir dan syarat-syarat seterusnya, ialah "Pihak Raja dan Kerajaan Negeri Perlis bersetuju menerima perkhidmatan seorang Pegawai Penasihat yang akan dihantar oleh Kerajaan Siam, bagi membantu Baginda dalam urusan pentadbiran kewangan negeri sehingga hutang itu selesai kelak, dan pihak Raja Perlis bersetuju mematuhi nasihat-nasihat yang akan diberikan oleh Pegawai Penasihat itu "in all matters relating to finance". Bayaran gaji kepada Pegawai Penasihat ini akan diambil daripada hasil pendapatan Kerajaan Negeri Perlis. Akhirnya pihak Raja Perlis dihadkan atau tidak dibenarkan membuat apa-apa perjanjian meminjam wang lagi atau melibatkan dengan tanggungan kewangan sehingga hutang tersebut sudah diselesaikan."

Sebenarnya butir-butir dan syarat-syarat perjanjian hutang tersebut yang mengandungi lima fasal itu, yang mana dibuat dalam tahun 1905, oleh Kerajaan Negeri Perlis dan Kerajaan Negeri Kedah dengan Kerajaan Negeri Siam adalah hampir-hampir sama sahaja dari segi isi maksud kandungannya. Dengan termuatnya butir-butir dan syarat-syarat seperti tersebut itu maka tercapailah sudah azam dan usaha Kerajaan Siam untuk mengawal beberapa aspek kebebasan yang sedang dinikmati oleh Negeri Perlis dan Negeri Kedah selama itu. Hakikat tersebut adalah disebabkan oleh kebimbangan pihak Kerajaan Siam terhadap pihak British berhubung dengan isi kandungan "Anglo-French Entente", yang telah menyebutkan bahawa, "France shall recognise the influence of Great Britain in the Siamese possessions of the West Coast of the Menam, including those in the Malay Peninsula and the adjacent islands, and that Great Britain shall, on the other hand recognise the influence of France in the Siamese possessions on the east and southeast of the the Menam including the adjacent islands."⁶

Berhubung dengah isi kandungan "Persefahaman Inggeris-Perancis" itu, Kerajaan Siam tidak perlu bimbang lagi terhadap Negeri-negeri Perlis dan Kedah, kerana butir-butir dan syarat-syarat perjanjian hutang tahun 1905 itu

6. *Thamsook Ratanapun, "The Development of North-Western Malay States of Malaya 1909-1941", Hong Kong University, M.A. Thesis Tahun 1961, Hal. 17.*

adalah merupakan suatu "rantai ikatan politik" yang telah membelenggui kedua-dua negeri itu dalam hal-hal urusan luar dan dalam negeri itu masing-masing. Penempatan Pegawai-pegawai Penasihat Kewangan yang menasihatkan pemerintah-pemerintah Negeri Perlis dan Kedah "in all matters relating to finance" dan penubuhan "State Council" yang diarahkan oleh Kerajaan Siam sendiri kemudiannya itu adalah merupakan suatu "kawalan politik" yang semakin ketat terhadap kedua-dua buah negeri tersebut.

Pegawai-pegawai Penasihat yang dihantar ke negeri-negeri tersebut mempunyai kuasa penuh daripada Kerajaan Siam bagi menasihatkan pemerintah negeri itu "dalam segala hal yang berhubung dengan kewangan". Penting ditekankan di sini bahawa "segala hal dan urusan-urusan pentadbiran negeri tentu sahaja dan mesti mempunyai hubungannya dengan kewangan". Jadi, nampaknya peranan Pegawai-pegawai Penasihat yang dihantar oleh Kerajaan Siam itu adalah luas dan meliputi segala bidang pentadbiran negeri-negeri tersebut, dan pihak Raja Perlis dan Sultan Kedah serta para pembesar negeri adalah "to follow the advice of such Advisers." Ini jelas menunjukkan bahawa peranan Pegawai-pegawai Penasihat yang dihantar oleh Kerajaan Siam ke Negeri Perlis dan Kedah itu adalah hampir-hampir sama dari segi peranan dan kuasa mereka dengan beberapa orang "British Residents" yang telah dihantar ke negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, yang mana dikatakan, "whose advice must be asked and acted upon in all questions other than those touching Malay religion and custom."⁷

Andainya diteliti bidang peranan dan kuasa Pegawai-pegawai Penasihat Kerajaan Siam itu dan Residen-residen British nescaya didapati bahawa peranan dan kuasa Pegawai-pegawai Penasihat Kerajaan Siam ini adalah lebih luas dan tidak terhad. Residen-residen British dikatakan tidak boleh campurtangan dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat orang-orang Melayu, tetapi bagi Pegawai-pegawai Penasihat Kerajaan Siam pula, tidak disebutkan tentang pengecualian campurtangan mereka dalam hal-hal yang berhubung dengan agama dan adat istiadat orang-orang Melayu di Perlis dan Kedah. Ada kemungkinan tentang berlakunya campurtangan secara tidak langsung Pegawai-pegawai Penasihat Kerajaan Siam ini dalam hal-hal yang berhubung dengan agama dan adat istiadat orang-orang Melayu di Perlis dan Kedah.

Demikian juga dengan penubuhan "State Council" di kedua-dua buah negeri tersebut setelah ditempatkan Pegawai-pegawai Penasihat Kerajaan Siam itu, yang mana pegawai-pegawai tersebut itu sendiri menjadi Setiausaha kepada "State Council" atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Walaupun

7. Swettenham, F.A., "British Malaya," London, 1929. Hal. 177.

Raja atau Sultan negeri-negeri tersebut mempunyai kedudukan yang tinggi sebagai Pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri masing-masing, namun demikian mereka dan para pembesar negeri sudah tidak mempunyai kuasa seperti sebelumnya, dan sebaliknya orang yang berkuasa penuh ialah Pegawai-pegawai Penasihat Kerajaan Siam yang menjadi Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tersebut. Tegasnya, Raja, Sultan dan para pembesar negeri adalah tertakluk kepada Majlis Mesyuarat Negeri dalam hal-hal dan urusan pentadbiran negeri, dan segala nasihat dan keputusan yang dibuat oleh Pegawai Penasihat Kerajaan Siam di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri terpaksa dipatuhi oleh Raja, Sultan dan para pembesar negeri, kerana mereka semua telah terikat dengan Perjanjian Hutan tahun 1905 itu. Begitulah perihal kedudukan kuasa Raja, Sultan dan para pembesar Negeri Perlis dan Kedah setelah negeri-negeri tersebut menerima Pegawai-pegawai Penasihat Kerajaan Siam berikutan dengan hutang itu.

Berhubung dengan perkara tersebut, Kerajaan Siam telah menghantar seorang Pegawai Penasihat bangsa Inggeris ke Negeri Perlis, iaitu Mr. A.H. Duke, yang mana pada suatu masa dahulu beliau pernah berkhidmat di British Shan States, di Burma.⁸

Tetapi sebelum Mr. A.H. Duke datang ke Negeri Perlis, pihak Kerajaan Siam telah mengarahkan supaya Mr. G.C. Hart, Pegawai Penasihat Kerajaan Siam di Negeri Kedah untuk datang menghadap Raja Syed Alwi bagi merundingkan penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (State Council) Perlis lebih awal lagi. Setelah mendapat persetujuan daripada Raja Syed Alwi, maka persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis telah diadakan buat kali pertamanya pada 18hb. November, 1905, iaitu bersamaan dengan 21hb. Ramadhan, Sanah Hijrah 1323. Majlis tersebut telah dipengerusikan oleh Raja Syed Alwi sendiri, dan Mr. G.C. Hart menjadi Pemangku Setiausahanya. Sementara itu ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Tuan Syed Salim bin Syed Muhammad Al-Jafri (Bendahari Kerajaan), Tuan Syed Hassan bin Syed Alwi Jamalullail (Hakim Mahkamah Tinggi), Tuan Syed Abdullah bin Syed Alwi Jamalullail (Ketua Pejabat Tanah) dan Dato' Wan Teh bin Dato' Arau.⁹

Setelah Mr. A.H. Duke sampai ke Negeri Perlis, maka persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis bagi kali kedua telah diadakan pada 2hb. Disember, 1905, bersamaan dengan 4hb. Syawal, Sanah Hijrah 1323. Sebagaimana dimaklumkan, Raja Syed Alwi menjadi Pengerusinya, Mr. A.H. Duke menjadi Setiausahanya, dan ahli-ahlinya adalah terdiri daripada: Tuan Syed

8. Frost, Meadow, "Perlis Annual Report", Tahun 1909-1910.

9. "Salinan Minit Mesyuarat Perlis State Council, 1905", dengan ikhtisar H.H., The Raja's and Adviser's Office, Januari 1940.

Salim, Tuan Syed Hassan, Tuan Syed Abdullah dan Dato' Wan Teh bin Dato' Arau.¹⁰

Dengan tertubuhnya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis itu, sistem pentadbiran negeri, kuasa dan tanggungjawab Raja serta pembesar-pembesar negeri telah berubah. Raja Syed Alwi, walaupun berada di puncak sistem pentadbiran baharu itu sebagai Pengerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, namun demikian kuasa Baginda telah dihadkan. Kuasa dan tanggungjawab pembesar-pembesar negeri dahulunya juga telah ditentukan, iaitu: Tuan Syed Salim menjadi Bendahari Negeri (State Treasurer), Tuan Syed Hassan menjadi Hakim Besar di Mahkamah Tinggi (Ketua Hakim), Tuan Syed Abdullah menjadi Pesuruhjaya Tanah dan Galian (Commissioner of Land and Mines), manakala pembesar-pembesar yang lain diberi tugas-tugas tertentu dalam membantu pentadbiran negeri.¹¹

Penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (State Council telah membawa kepada keadaan pentadbiran yang lebih teratur daripada sebelumnya, namun demikian kedudukan kewangan negeri masih belum memuaskan dan masih tidak dapat dibaiki. Sebenarnya motif penubuhan State Council dan penempatan Mr. A.H. Duke itu dapat difahami, yang mana pihak Kerajaan Siam tidak lain, mahu campurtangan dan menguasai dengan lebih luas lagi dalam hal-hal pentadbiran Negeri Perlis di samping mengawal urusan-urusan luar negeri itu. "The Siamese interfered but little in the internal affairs of the state until in the year 1905, when, owing to the amount of debt which the country had contracted and emptiness of the public treasury, the Raja applied to the Siamese for a loan and a European Adviser to aid him in putting the finance in order."¹² Hal yang demikian juga telah dilakukan oleh Kerajaan Siam terhadap Negeri Kedah.

Implikasinya, pihak British yang sudah lama meneliti akan tindak tanduk Kerajaan Siam di kedua-dua buah negeri ini, telah segera bertindak menempatkan seorang Pegawai Konsul mereka bagi mengimbangkannya dengan pengaruh Siam yang semakin ketara di negeri-negeri ini. Justeru itu Mr. Meadow Frost, seorang Pegawai British yang pernah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu semenjak tahun 1898 dahulu, telah ditempatkan di bandar Alor Setar, Kedah pada awal bulan Januari, 1906 sebagai Pegawai Konsul British bagi negeri-negeri: Kedah, Perlis, Setul dan Phuket (British Consul for Saiburi and Phuket).¹³

10. Ibid.

11. "Salinan Minit Mesyuarat Perlis State Council, Tahun 1905". *Op.cit.*

12. Frost, Meadow, *Loc.cit.*

13. Maxwell, George, "Memoirs of the first British Adviser, Kedah", *Malaysia in History*, Jilid 4, No. 2, Julai 1958. Lihat juga, "Surat Konsul Frost kepada Mr. Paget", bertarikh 28hb. April, 1905, *Foreign Office Confidential Print*, Bab XVIII

Semasa perkhidmatannya itu, Mr. Meadow Frost telah membuat beberapa laporan mengenai hal-hal yang berhubung dengan tugas dan tanggungjawabnya, dan mengenai keadaan-keadaan di negeri-negeri tersebut. Mengenai Negeri Perlis, Mr. Frost, antara lain telah melaporkan bahawa, "Raja Negeri Perlis sekarang, Syed Alwi adalah dalam usia 22 tahun sahaja. Baginda ini seorang muda yang agak lemah, dan nampaknya ayahanda saudara baginda, Syed Salim, telah menjalankan kebanyakan urusan-urusan kerajaan. Keluarga baginda mempunyai pertalian darah sebelah perempuan dengan keluarga Diraja Kedah. Mr. Duke, Pegawai Penasihat, telah mampu menjalankan apa sahaja penyelidikan terhadap tiap-tiap jabatan kerajaan. Seluruh negeri itu (Perlis) luasnya tidak lebih daripada sebuah jajahan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Hasil pendapatan negeri lebih kurang \$100,000 setahun. Daripada apa yang dilihat, Mr. Duke telah banyak berusaha dalam bidang pentadbiran negeri, memandangkan pentadbiran negeri itu sebelumnya sangat lemah. Malangnya, Mr. Duke terlalu mengenakan paksaan terhadap kakitangan kerajaan."¹⁴

Daripada laporan-laporannya lagi, telah terdapat bukti-bukti yang menunjukkan sikap dan cita-cita Mr. Meadow Frost mahu melenyapkan keperibadian Negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang tersendiri, dan nampaknya Mr. Frost lebih suka jika sekiranya Negeri Perlis dicantumkan semula dengan Negeri Kedah. Malah beliau telah menyarankan kepada pihak British supaya berhubung dan menguruskan dengan pihak Kerajaan Siam agar Mr. Duke yang menjadi Pegawai Penasihat Kerajaan Siam di Negeri Perlis itu, dalam masa yang sama juga sebagai Pegawai Penasihat bagi Negeri Setul, yang mana motifnya supaya Negeri Setul juga kemudiannya dapat dibawa bersama-sama dengan Negeri Perlis dan disatukan kembali dengan Negeri Kedah; dan dengan berbuat demikian, adalah diharapkan supaya Negeri Perlis dan Setul itu sukar diserap menjadi wilayah-wilayah Siam yang tulin. Lihat sahaja petikan-petikan daripada laporan-laporan Mr. Frost yang dimaksudkan itu:

"For reasons I have mentioned on a previous occasion, I hope both these places (Perlis and Setul) will eventually revert to their proper position as dependencies of Kedah."¹⁵

"If this is done, I would like to see Setul and Perlis made part of Kedah again, and the Adviser in Kedah given some authority over the other Advisers, not only for the purpose of obtaining uniformity in the administration, but by this means the Malay State of Kedah would be

14. *Ibid.* "Surat Mr. Frost kepada Mr. Paget."

15. "Surat Konsul Frost kepada Mr. Paget", *Loc.cit.*

strengthened, and there would be less chance of Perlis and Setul being absorbed into the purely Siamese provinces."¹⁶

Sayugia disebutkan juga, bahawa Mr. Meadow Frost sendiri sebenarnya telah salah memahami tentang perbezaan antara kedudukan Baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah sebagai Pemerintah Negeri Kedah dan kedudukan Baginda sebagai Pesuruhjaya Tinggi bagi Monthon Saiburi.¹⁷ Sikap dan motif Mr. Frost agar Negeri Perlis dan Setul diusahakan supaya dapat dielakkan daripada diserap menjadi wilayah-wilayah Siam yang tulen itu memang dibanggakan. Namun demikian, bagi Negeri Setul dalam hal ini, ianya sukar dilaksanakan kerana segala penentuan dan keputusan mengenainya adalah tertakluk kepada pertimbangan daripada Kerajaan Siam sendiri, walaupun pihak British telah menjalankan usaha-usaha seperti yang telah disarankan oleh Mr. Meadow Frost dahulu. Sebaliknya, berhubung dengan sikap dan motif Mr. Meadow Frost supaya Negeri Perlis dikembalikan menjadi daerah atau jajahan Negeri Kedah, sekiranya ia berjaya dilaksanakan, maka nescaya akan hilanglah identiti atau keperibadian negeri kecil itu sebagai sebuah negeri yang tersendiri.

Walaupun urusan-urusan pentadbiran Negeri Perlis berjalan dengan agak sistematik di bawah pentadbiran "State Council" atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, namun demikian wang pinjaman sebanyak \$230,000 daripada Kerajaan Siam itu masih belum dapat menyelesaikan masalah kewangan (defisit) yang dihadapi oleh negeri itu. Masalah tersebut nampaknya telah reda sedikit di awal tahun 1906 itu. Tegasnya, sehingga tarikh tersebut, pokok dan faedah hutang \$230,000 itu belum dapat dibayar barang satu sen pun oleh pihak Kerajaan Negeri Perlis kepada Kerajaan Siam. Begitulah sebenarnya hakikat kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis dalam era tersebut, walaupun kononnya diharapkan dengan penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis di bawah arahan dan nasihat Mr. A.H. Duke itu sedikit sebanyak akan dapat menolong menyelesaikan masalah tersebut.

16. "Surat Konsul Frost kepada Mr. Beckett", bertarikh 8hb. Ogos, 1906, *Foreign Office Confidential Print* Bab XVIII.

17. "Memorandum by Mr. Strobel Respecting the Province of Setul". *Op.cit.* Fakta-fakta dan gambaran yang lebih jelas lagi perihal status Sultan Abdul Hamid Halim Shah sebagai Pesuruhjaya Tinggi bagi Monthon Saiburi dapat dilihat daripada Kobkua Suwannathat-Pian, "Kedah-Siamese Correspondence 1890-1898", *JMBRAS*, Vol. 55, Part 2, 1982, hal. 62-65 (terutamanya pada halaman 67).

Sebenarnya pemberian hutang secara beransur-ansur (instalments) sehingga genap berjumlah \$230,000 oleh Kerajaan Siam kepada Kerajaan Negeri Perlis adalah dibuat mengikut jadual seperti berikut:

Peringkat	Period		Banyak yang diterima	Jumlah yang diterima	Hari	Jumlah Faedah
	Daripada	hingga				
1	19-11-1905	20-11-1905	\$56,760.47	\$ 56,760.47	1	\$ 9.34
2	20-11-1905	21-11-1905	\$ 3,856.32	\$ 60,616.79	1	\$ 10.00
3	21-11-1905	22-11-1905	\$ 1,948.17	\$ 62,564.96	1	\$ 10.30
4	22-11-1905	23-11-1905	\$ 8,664.00	\$ 71,228.96	1	\$ 11.72
5	23-11-1905	4-12-1905	\$ 6,925.00	\$ 78,153.96	11	\$ 141.33
6	4-12-1905	5-12-1905	\$64,076.04	\$142,230.00	1	\$ 23.40
7	5-12-1905	9-12-1905	\$ 1,100.00	\$143,330.00	4	\$ 94.03
8	9-12-1905	14-12-1905	\$ 1,530.00	\$144,860.00	5	\$ 119.08
9	14-12-1905	28-12-1905	\$ 2,665.00	\$147,525.00	14	\$ 339.52
10	28-12-1905	16-1-1906	\$13,500.00	\$151,025.00	19	\$ 502.95
11	16-1-1906	18-1-1906	\$64,257.00	\$225,282.00	2	\$ 74.08
12	18-1-1906	21-1-1906	\$ 416.75	\$225,698.75	3	\$ 111.32
13	21-1-1906	31-1-1906	\$ 3,281.16	\$228,979.91	10	\$ 376.42
14	31-1-1906	31-3-1906	\$ 1,020.09	\$230,000.00	60	\$2268.51
						\$4092.00 ¹⁸

Nampaknya "procedure" pemberian hutang secara ansuran mengikut peringkat, kadar wang dan jangka masa seperti yang dimuatkan pada jadual tersebut itu masih tidak berjaya menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Perlis dalam period tersebut. Tegasnya, "procedure" pemberian hutang secara tersebut itu adalah tidak praktikal dan sia-sia sahaja. Rupa-rupanya inilah "procedure" yang dibuat oleh pihak Kerajaan Siam mengikut apa yang tersebut dalam Bab (Fasal) yang ketiga, Perjanjian Hutang Tahun 1905 itu, yang mana berbunyi seperti berikut:

"The amount of the instalments and the times at which such instalments of the loan are to be paid by the lender to the borrower, will be incorporated in a subsidiary agreement to be signed hereafter."¹⁹

Apakah motif Kerajaan Siam yang sebenarnya di sebalik "instalments of the loan" dan "subsidiary agreement" yang dimaksudkan itu? Kenapakah pihak Kerajaan Siam tidak memberi terus sahaja sebanyak \$78,153.96 itu pada 19hb. November atau pada 23hb. November, 1905 itu? Kenapakah

18. Disesuaikan daripada Jadual yang dikeluarkan bersama-sama dengan "Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam, bertarikh 4hb. Oktober, 1905.

19. Salinan "Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam, Tahun 1905", *Op.cit.*

pemberian wang itu dibuat tiap-tiap hari berturut-turut daripada 19hb. hingga 23hb. November, 1905 itu? Apakah cara pemberian hutang sedemikian itu dibuat mengikut kemampuan dan kedudukan kewangan Kerajaan Siam sendiri? Sayugia dinyatakan bahawa Kerajaan Siam juga telah membuat "instalments of the loan" dan "subsidiary agreement" dengan Kerajaan Negeri Kedah bersabit dengan hutang sebanyak \$2,600,000 itu.²⁰

Walau bagaimanapun suatu hakikat lagi yang perlu disentuh berhubung dengan kemerosotan kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang masih ketara itu, ialah tentang penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (State Council) itu sendiri. Penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini memang memerlukan sumber kewangan yang banyak. Raja, kaum kerabat baginda, pembesar-pembesar negeri, Mr. Duke sendiri dan pegawai-pegawai pentadbiran negeri telah dibayar gaji atau diberi bayaran tertentu, dan urusan-urusan pentadbiran beberapa jabatan kerajaan di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri memerlukan perbelanjaan yang lebih banyak daripada jumlah perbelanjaan sebelumnya. Berdasarkan kepada hakikat tersebutlah hutang sebanyak \$230,000 yang diberikan secara beransur-ansur itu dan jumlah hasil pendapatan Negeri Perlis sebanyak \$100,000 setahun itu masih belum dapat menyelesaikan masalah kewangan negeri kecil itu. Lebih jelas lagi Mr. Meadow Frost telah melaporkan bahawa, "He (Mr. Duke) is in a very difficult position, as Perlis is bankrupt and the revenue is not likely to increase very much. It is too small a state to support a Raja and an Adviser."²¹

Maksud Mr. Duke dihantar ke Negeri Perlis ialah untuk menolong memperbaiki pentadbiran dan kedudukan kewangan negeri itu, tetapi kedudukan kewangan negeri itu setelah setahun di bawah perkhidmatan Mr. Duke adalah merupakan suatu "paradox" kepada maksud tersebut. Kalau sebelum bulan November tahun 1905 dahulu bolchlah dikatakan bahawa Raja Syed Alwi yang agak lemah dan para pembesar Baginda yang bertanggungjawab terhadap kemerosotan kewangan negeri; tetapi setelah setahun Mr. Duke diberi mandat menasihati Raja dan para pembesar "in all matters relating to finance" melalui penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, nampaknya kedudukan kewangan Negeri Perlis masih juga merosot dan bahkan dalam keadaan "bankrupt" sebagaimana yang dilaporkan oleh Mr. Frost. Apakah sebenarnya yang dinasihat dan dikerjakan oleh Mr. Duke selama itu di Negeri Perlis?

Lihat sahaja, selepas 60 hari daripada 31hb. Januari, 1906, iaitu sehingga 31hb. Mac, 1906, jumlah faedah hutang tersebut sudah meningkat

20. Salinan "Surat Perjanjian Hutang Kedah-Siam, Tahun 1905".

21. Salinan "Surat Konsul Frost kepada Mr. Beckett," bertarikh 17hb. Ogos, 1907, *Foreign Office Confidential Print, Bab XVIII.*

\$4,092. Manakala faedah daripada 1hb. April, 1906 sehingga 14hb. Februari, 1907 pula telah meningkat \$12,098.63. Jadi, jumlah faedah ke atas hutang \$230,000 itu sehingga 14hb. Januari, 1907 telah meningkat kepada \$16,100.63.²² Dalam masa satu tahun setengah bulan sahaja faedahnya sudah sedemikian meningkat. Jumlah tersebut adalah suatu jumlah yang besar nilainya kalau dibandingkan dalam keadaan masa sebelum Perang Dunia Pertama dahulu. Dengan menanggung hutang dan faedah yang sedemikian beratnya dan ditambah pula oleh keadaan kewangan negeri yang dikatakan dalam keadaan "bankrupt" itu, mahu tidak mahu atas nasihat Mr. Duke, Kerajaan Negeri Perlis telah terpaksa membuat suatu lagi permohonan meminjam wang daripada Kerajaan Siam pada awal tahun 1907.²³

Memandangkan kepada kedaifan kewangan yang dihadapi oleh Negeri Perlis, yang mana Kerajaan Siam sendiri sudah sedia memahaminya, permohonan Kerajaan Negeri Perlis hendak berhutang bagi kali kedua ini telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan Siam. Dengan demikian satu lagi perjanjian hutang telah dibuat oleh kedua-dua pihak, yang mana Phya Suriya Nuratr, Menteri Kewangan Kerajaan Siam telah menandatangani perjanjian itu di Bangkok pada 8hb. Februari, 1907, dan Raja Syed Alwi sendiri bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis telah menandatangani di Perlis pada 25hb. Februari, 1907.²⁴ Pada kali ini Kerajaan Siam telah memberikan hutang sebanyak \$150,000 lagi kepada Kerajaan Negeri Perlis dengan kadar faedah 6 peratus setahun.

Dalam butir-butir Perjanjian Hutang Perlis-Siam tahun 1907 ini²⁵, nampaknya tidak terdapat lagi ungkapan "instalments of the loan", namun demikian bab-bab dalam perjanjian itu ditambah menjadi enam semuanya, yang mana seolah-olah dengan bertambahnya butir-butir dalam bab tertentu itu telah menunjukkan bahawa Kerajaan Siam mahu mengawal Kerajaan Negeri Perlis dengan lebih rapi lagi. Bab (Fasal) pertama, kedua, ketiga dan keenam dalam perjanjian itu adalah hampir-hampir sama isi kandungannya dengan isi kandungan yang terdapat dalam perjanjian tahun 1905 dahulu, tetapi butir-butir (isi kandungan) dalam Bab keempat dan kelima dalam perjanjian hutang tahun 1907 itu adalah merupakan perkara-perkara atau syarat-syarat yang baharu pula.

22. *Jadual bersama-sama dengan "Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam", Oktober, 1905, Op.cit.*

23. *Salinan "Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam, 1907", Op.cit.*

24. *Ibid.*

25. *Fakta-fakta seterusnya yang berhubung dengan hutang Kerajaan Negeri Perlis kepada Kerajaan Siam dalam tahun 1907 itu semuanya daripada sumber yang sama seperti di atas.*

Isi kandungan dalam Bab keempat yang dimaksudkan itu adalah mengenai "procedure" dan jumlah bayaran hutang dan faedahnya yang dikenakan dalam masa lima tahun daripada tarikh 15hb. Februari, 1907. Perlu juga dimuatkan butir-butir dalam Bab keempat, yang mana berbunyi seperti berikut:

"In consideration of the present unsatisfactory condition of the finances of the State of Perlis, His Siamese Majesty's Government hereby agrees, that the interest payable under Article II of this contract, and Article II of the contract made on the 4th day of October, 1905, shall be held in obedience for a period of 5 years counting from the 15th day of February, 1907. The total sum of the interest so held in obedience shall at the end of the 5 years mentioned, be added to the capital sum of the two loans of \$230,000 and \$150,000, and the borrower undertakes on behalf of himself as Rajah of Perlis his successor and assigns to pay to His Majesty's Government, from the 15th February, 1912, interest at the rate mentioned in Article I hereof on a capital sum of \$510,190.63, being the aggregate of the interest held in obedience in the terms of this article, added to the sum of \$380,000 — the total of the former and the present loans."

Dengan lebih teliti lagi, bayaran hutang-hutang dan faedah-faedahnya yang mesti dibereskan oleh Kerajaan Negeri Perlis dalam tempoh lima tahun sebagaimana yang dimaksudkan dalam Bab keempat tersebut, dapatlah dilihat pada jadual berikut:²⁶

Hutang Tahun 1905	\$230,000.00
Faedah-faedahnya:	
(1) Nov. 1905 — 31hb. Mac, 1906	\$ 4,902.00
(2) April 1906 — 14hb. Feb. 1907	\$ 12,098.63
(3) 15hb. Feb. 1907 — 14hb. Feb. 1912	\$ 69,000.00
Hutang Tahun 1907	\$150,000.00
Faedahnya: (15hb. Feb. 1907 — 14hb. Feb. 1912)	\$ 45,000.00
Jumlah hutang-hutang dan faedah-faedahnya sehingga 14hb. Feb. 1907	\$510,190.63*

Berdasarkan kepada isi kandungan perjanjian tersebut dan jadual yang dimuatkan itu, jelaslah bahawa menjelang bulan Februari, tahun 1912,

26. Petikan daripada jadual yang dikembarkan bersama-sama dengan "Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam", bertarikh 25hb. Februari, 1907.

* Jumlah hutang-hutang dan faedah-faedahnya yang sebenar ialah \$511,000.63.

Kerajaan Negeri Perlis mesti membayar sebanyak \$510,190.63 kepada Kerajaan Siam, yang mana daripada jumlah tersebut bayaran faedahnya meningkat kepada \$130,190.63.

Sebenarnya isi kandungan dalam Bab kelima Perjanjian Hutang Tahun 1907 itu adalah hampir sama dengan isi kandungan dalam Bab keempat Perjanjian Hutang Tahun 1905 dahulu, tetapi dalam Bab kelima Perjanjian Hutang Tahun 1907 itu terdapat ungkapan tambahan yang berbunyi, "The borrower also agrees to submit his annual budget estimate of receipts and expenditure to His Majesty's Government at Bangkok for such action as the said Government may deem necessary."

Ungkapan tambahan tersebut menunjukkan bahawa kerajaan Siam mahu menyemak dan meneliti akan hal-hal yang lebih terperinci berhubung dengan perbelanjaan wang keluar masuk Kerajaan Negeri Perlis tiap-tiap tahun, iaitu mahu mengawasi dengan lebih rapi lagi daripada tahun-tahun sebelumnya. Dengan ini nyatalah bahawa kawalan Kerajaan Siam terhadap urusan-urusan pentadbiran Negeri Perlis, terutamanya perkara kewangan, dalam period kemuncak naungannya ini, seolah-olah Kerajaan Siam mahu merantai seluruh kakitangan dan segala urusan pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis. Tegasnya, dalam era tersebut telah semakin jelas dan ketara menunjukkan bahawa Raja dan para pembesar Negeri Perlis hanya mempunyai nama dan gelaran, *clau*n atau gaji sahaja dalam sistem pentadbiran negeri, tetapi kuasa dan kuatkuasa pentadbiran yang sebenarnya berada pada Mr. A.H. Duke, Pegawai Penasihat harapan Kerajaan Siam.

Setelah menerima wang hutang sebanyak \$150,000 itu daripada Kerajaan Siam, nampaknya masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Perlis telah beransur reda sedikit daripada keadaan sebelumnya, dan ianya sudah tentu mengambil masa yang agak panjang bagi Mr. Duke dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk berusaha bagi membaiki semula keadaan kewangan negeri kepada suatu keadaan yang memuaskan. Walau bagaimanapun Mr. Duke, selaku Pegawai Penasihat yang mempunyai kuasa dan kuatkuasa yang lebih luas itu, telah mula menjalankan peranannya dengan lebih sempurna lagi, setelah mendapat mandat yang lebih menjamin daripada pihak Kerajaan Siam melalui isi kandungan perjanjian baharu itu.

Berdasarkan kepada laporan Mr. Meadow Frost dalam tahun 1908 itu, telah menunjukkan bahawa Mr. Duke seterusnya dapat menjalankan tugas-tugas dan urusan-urusan pentadbiran dengan agak sempurna dan lebih berkesan lagi daripada sebelumnya. Laporan Mr. Meadow Frost itu berbunyi, "Mr. Duke has got the Perlis people under excellent control. If an order is

given to a Malay Penghulu or any other official in Perlis, it is carried out promptly, and this is in marked contrast to Kedah, where every Penghulu is a law into himself."²⁷

Sayugia dilihat sejenak kedudukan identiti atau keperibadian Negeri Perlis pada akhir-akhir dan kemuncak zaman naungan Siam ini. Period tersebut sebenarnya adalah merupakan suatu lagi period penentuan terhadap untung nasib Negeri Perlis, memandangkan kuasa Raja dan para pembesar negeri sudah menjadi kabur, dan hakikat demikian ditambah pula oleh keadaan negeri ini yang sepenuhnya terikat oleh perjanjian-perjanjian dengan Kerajaan Siam. Dalam keadaan tersebut, segala penentuan terhadap untung nasib dan keperibadian negeri ini adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak Kerajaan Siam sahaja. Walaupun keperibadian negeri kecil ini masih kekal, namun demikian kedudukannya yang sebenar adalah membimbangkan.

Dalam period tersebut wujud secara tidak langsung suatu faktor politik luar yang sangat penting, yang mana mempunyai kaitan dengan kedudukan politik dan keperibadian Negeri Perlis dan beberapa buah negeri Melayu di utara yang di bawah naungan Kerajaan Siam. Faktor politik yang dimaksudkan itu ialah Perjanjian Siam-Perancis yang telah dibuat dalam bulan Mac, tahun 1907.²⁸

Selepas termeterinya perjanjian tersebut, Mr. Strobel, Penasihat Am (General Adviser) kepada Kerajaan Siam di Bangkok, telah melahirkan suatu bayangan yang berupa suatu tawaran kepada Mr. Ralph Paget, seorang Menteri Kerajaan British di Bangkok, iaitu tentang kemungkinan Kerajaan British juga dapat membuat suatu perjanjian dengan Kerajaan Siam sebagaimana yang telah dibuat oleh Kerajaan Siam dengan Perancis itu. Perjanjian yang dimaksudkan oleh Mr. Strobel itu, sekiranya berjaya nanti akan melibatkan negeri-negeri Melayu naungan Siam di utara Semenanjung Tanah Melayu, iaitu: Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Mr. Strobel menganggap bahawa negeri-negeri tersebut itu adalah sebagai punca yang membawa kekacauan, kesusahan dan kebimbangan kepada Kerajaan Siam, memandangkan negeri-negeri ini tidak mempunyai nilai ekonomi kepada Kerajaan Siam kerana negeri-negeri ini tidak menyumbangkan "apa-apa hasil" ke Kota Bangkok. Tambahan pula negeri-negeri tersebut sukar dikawal sepenuhnya kerana kedudukan negeri-negeri itu

27. Salinan "Surat Konsul Frost kepada Mr. Beckett," bertarikh 4hb. September, 1908 Foreign Office Confidential Print, Bab XXI.

28. *Thamsook Ratanapun, Op.cit., Hal. 24.*

sangat jauh daripada Kota Bangkok.²⁹ Butir-butir perbincangan yang membayangkan tawaran dari pihak Mr. Strobel itu telah diketengah dan dipanjangkan oleh Mr. Ralph Paget kepada pihak Pejabat Luar British di London.

Tawaran Mr. Strobel ini telah menimbulkan suatu "response" yang menggalakkan daripada pihak Pejabat Luar British di London, kerana British sendiri dewasa itu sangat-sangat bimbang terhadap kuasa-kuasa Barat yang lain terutamanya Jerman, memandangkan pengaruh Jerman di negeri Siam dalam era tersebut nampaknya telah semakin ketara dan meluas. Sebagai buktinya, wakil Jerman di Kota Bangkok telah dinaikkan taraf, daripada "Minister Resident" kepada "Envoy-Extra-Ordinary and Minister Plenipotentiary" mulai 1hb. April 1908. Dengan demikian, taraf wakil Jerman itu adalah sama dengan taraf wakil-wakil British, Perancis, Amerika Syarikat, Russia dan Jepun yang sedang ditempatkan di Kota Bangkok semasa itu. Tambahan pula, nampaknya Jerman sedang dalam proses menandatangani suatu perjanjian dengan Kerajaan Siam bagi mendapatkan beberapa keistimewaan tertentu di negara itu, dan Mr. Strobel sendiri telah melahirkan perasaan bimbang terhadap tindak tanduk Jerman ini, memandangkan langkah seperti Jerman itu akan diikuti pula oleh pihak Jepun.³⁰

Kebimbangan terhadap perkara-perkara tersebut seterusnya telah membawa pihak British mengadakan hubungan yang lebih rapat lagi dengan pihak Kerajaan Siam di Bangkok. Justeru itu bermulalah rundingan-rundingan rasmi antara wakil-wakil dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan Siam dan British ke arah mencapai kata sepakat masing-masing dalam menentukan kedudukan negeri-negeri Melayu naungan Siam di utara Semenanjung Tanah Melayu.

Pada peringkat awal rundingan tersebut nampaknya kedudukan Negeri Perlis telah tidak disentuh dan dibincangkan bersama-sama dengan Negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu. Hanya setelah berlalu beberapa peringkat rundingan kemudiannya, baharulah pihak British telah mengalakan perhatian terhadap kedudukan Negeri Perlis, yang mana pada pandangan mereka bahawa, "di samping Kedah, Kelantan dan Terengganu, Perlis juga hendaklah dimasukkan bersama sebab dari segi kedudukan geografi dan latar belakang sejarahnya, Perlis adalah dahulunya sebahagian daripada Negeri Kedah."³¹ Daripada surat Mr. W.R.D. Beckett kepada Mr. Ralph Paget, bertarikh 20hb. September, 1907, jelas menunjukkan bahawa pihak British telah mengambil perhatian berat ke arah memasukkan Negeri Perlis bersama

29. *Thamsook Ratanapun, Op.cit., Hal. 25.*

30. Salinan "Surat Mr. Beckett kepada Sir Edward Grey," bertarikh November, 1907, *Foreign Office Confidential Print, Bab XX.*

31. *Thamsook Ratanapun, Op.cit., Hal. 25-26.*

negeri-negeri Melayu yang lain itu ke dalam perjanjian yang bakal diadakan tidak berapa lama lagi dengan pihak Siam. Di antara lain isi surat tersebut berbunyi, "Mr. Strobel asked my opinion with regard to the concession of the States of Perlis and Setul. He himself thinks that it will be 'all right' as to Perlis, but that Setul may present some difficulty."³²

Sesungguhnya bibit-bibit penentuan tersebut adalah sangat bererti bagi Negeri Perlis, memandangkan keputusan muktamad yang lahir daripada rundingan-rundingan inilah seterusnya yang akan menentukan untung nasib negeri kecil ini kelak. Sekiranya pihak British tidak mengambil perhatian berat atau menyentuh tentang kedudukan Negeri Perlis, dan sekiranya pihak Mr. Strobel, pada peringkat-peringkat separuh akhir rundingan tersebut melahirkan bangkangan terhadap usaha memasukkan negeri itu bersama-sama ke dalam Perjanjian British-Siam kelak, tentu sekali Negeri Perlis tidak akan turut terlibat dalam perjanjian tersebut, dan besar kemungkinannya Negeri Perlis akan kekal di bawah belenggu naungan Siam sepertimana negeri-negeri Setul, Patani, Chenak dan lain-lainnya.

Di samping itu, elok juga disentuh sedikit tentang kedudukan dan penentuan terhadap Negeri Setul, yang mana negeri itu telah diabaikan sahaja dalam rundingan-rundingan antara pihak British dan Siam. Mengenai Negeri Setul, Mr. Strobel sendiri telah berpendapat bahawa, "penduduk-penduduk di negeri itu adalah terdiri daripada golongan bangsa dan kadar peratusnya seperti berikut:

Sam Sam	60%
Melayu	25%
Tionghua	15%

Ringkasnya, Mr. Strobel berpendapat bahawa, "both the physical and ethnological features of Setul have greater affinity to Palian than to either Perlis or Kedah. Further more, Setul is cut off from both Perlis and Kedah by a mountain barrier, which rises like a wall between Perlis and Setul."³³

Memandangkan pendapat dan pandangan yang sedemikian daripada Mr. Strobel sendiri bagi pihak Kerajaan Siam, yang mana telah menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Siam sukar dan keberatan untuk melepaskan Negeri Setul itu untuk dimasukkan bersama dalam rundingan-rundingan dan Perjanjian British-Siam kelak, pihak British telah terpaksa mengabaikan Negeri Setul, walaupun negeri itu pada hakikatnya adalah sebuah negeri Melayu jajahan Negeri Kedah sebelumnya.

32. Salinan "Surat Mr. Beckett kepada Mr. Paget," bertarikh 20hb. September, 1907, Foreign Office Confidential Print, Bab XIX.

33. Salinan "Memorandum by Mr. Strobel Respecting the Province of Setul", *Op.cit.*

Pada peringkat-peringkat akhir rundingan tersebut nampaknya dalam suatu ketika, pihak British dan Siam seolah-olah gagal dalam menemui persetujuan antara mereka, tetapi akhirnya setelah pihak British menawarkan bagi memansuhkan hak wilayah asingannya (extra-territorial right) ke atas wilayah-wilayah Kerajaan Siam sebagai penukaran ganti dengan penyerahan wilayah (territorial concession) yang meliputi negeri-negeri: Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada pihak British, maka pihak Siam nampaknya telah bersetuju dengan tawaran tersebut.³⁴

Hasil daripada segala rundingan dan persetujuan terakhir itu pada 10hb. Mac, 1909, Kerajaan British dan Kerajaan Siam telah memeterikan suatu perjanjian yang bersejarah bertempat di Kota Bangkok, yang mana pihak Kerajaan British telah diwakili oleh Mr. Ralph Paget, dan Putera Devawongse Varoprakar bagi pihak Kerajaan Siam, telah sama-sama menandatangani perjanjian tersebut.³⁵ Perjanjian tersebut dikenali sebagai Perjanjian Inggeris-Siam (Anglo-Siamese Treaty) 1909, atau Perjanjian Bangkok 1909.

Kedudukan Negeri Perlis dan negeri-negeri Melayu yang tersebut itu telah dijelaskan dalam Bab (Fasal) yang pertama dan terpenting sekali dalam perjanjian ini, yang mana disebutkan bahawa "The Siamese Government transfers to the British Government all rights of suzerainty, protection, administration and control whatsoever, which they possess over the States of Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis and adjacent islands. The frontiers of these territories are defined by the Boundary Protocol annexed hereto."³⁶

Tentang perkara yang berhubung dengan hutang-hutang Negeri Perlis dan lain-lain negeri itu kepada Kerajaan Siam yang mana sehingga tarikh tersebut masih belum dapat dibereskan lagi, pihak Kerajaan British telah memberi jaminannya dalam Bab keempat dalam perjanjian itu, yang mana disebutkan bahawa, "His Britannic Majesty's Government undertake that the Government of the Federated Malay States shall assume the indebtedness to the Siamese Government of the Territories described in Article I."

Sesungguhnya secara tidak langsung, dalam saat-saat kritikal ke arah menentukan keperibadiannya sebagai sebuah negeri yang tersendiri yang kekal, sebagaimana yang telah dijaminakan oleh Bab yang pertama dalam Perjanjian Bangkok itu, Negeri Perlis telah terhutang budi kepada negeri-negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan (The Government of the Federated Malay States), yang mana dengan dayausaha pihak British, sumber-sumber kewangan daripada keempat-empat negeri itu telah digunakan sebagai-

34. *Thamsook Ratanapun, Loc.cit.*

35. Salinan "Treaty Between Great Britain and Siam," signed at Bangkok, 10th. March, 1909.

mana yang tercatat dalam Bab keempat Perjanjian Bangkok, iaitu bagi menyelesaikan hutang-hutang dan faedahnya yang sedang ditanggung oleh Negeri Perlis khasnya, dan Negeri-negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Berhubung dengan Perjanjian Bangkok yang telah dimeterikan itu, sebenarnya pihak Raja Syed Alwi sendiri mahupun pihak Sultan Abdul Hamid dari Negeri Kedah, masing-masingnya tidak dimaklumkan atau dihubungi oleh mana-mana pihak, sama ada pihak Siam mahupun pihak British, walaupun perjanjian pemindahan kuasa itu melibatkan pemindahan kewalakan atau taat setia (*allegiance*) Baginda-baginda berdua itu.³⁷

Walau bagaimanapun pelaksanaan Bab yang pertama, perjanjian Bangkok kemudiannya telah dirasmikan dalam bulan Julai, tahun 1909, iaitu pemindahan kuasa "pertuanan, naungan, pentadbiran, kawalan dan barang apa jua pun" daripada pihak Siam kepada pihak British; di mana bagi Negeri Terengganu dijalankan pada 14hb. Julai manakala bagi negeri-negeri: Perlis, Kedah dan Kelantan pula diselesaikan pada 15hb. Julai tahun itu.³⁸

Di Negeri Perlis, Mom Chao Padibat telah menjalankan upacara tersebut dengan Mr. Meadow Frost, wakil pihak British, yang mana beliau (Mr. Meadow Frost) juga sebelum itu telah menjalankan upacara yang sama di Alor Setar dengan Phra Viset Bhakdi, wakil Kerajaan Siam.³⁹

Berhubung dengan pemindahan kuasa tersebut, harta benda yang menjadi hak milik Kerajaan Siam di Negeri Perlis dan Kedah, yang mana berupa: 'postage stamps', 'date stamps', cop-cop rasmi, dokumen-dokumen penyata kewangan, salinan-salinan taligram, surat-surat Jabatan Pos dan lain-lain jabatan, dan "surat-surat laporan rasmi yang lain yang mana dikatakan terbatas sahaja kegunaannya kepada pihak pentadbiran baharu kelak" (laporan-laporan sulit) semuanya telah dibawa pulang ke Bangkok. Namun demikian, sistem taligrap, alat-alat taligrap dan talipon di pejabat-pejabat, barang-barang perabut di pejabat-pejabat, kelengkapan pos dan taligrap yang lain dikekalkan di negeri-negeri tersebut seperti biasa.⁴⁰

Semenjak 15hb. Julai, 1909 itu bermulalah suatu lembaran baharu dalam sejarah politik dan pentadbiran Negeri Perlis, di mana dengan terlaksananya pemindahan kuasa tersebut Negeri Perlis yang sudah kira-kira

36. *Ibid.*

37. "Penang Gazette and Straits Chronicles", 24hb. Jun, 1914.

38. *Foreign Office Confidential Print*, Bab XXI, *Op.cit.* Hal. 137.

39. Salinan "Surat Prince Devawongse kepada Mr. Beckett." bertarikh 8hb. Julai, 1909, *Foreign Office Confidential Print*, Bab XXI.

40. *Foreign Office Confidential Print*, Bab XXI, *Op.cit.* Hal. 146.

70 tahun itu berada di bawah naungan Kerajaan Siam, telah berubah pertuanannya, bernaung pula di bawah bendera "Union Jack", menjadi negeri naungan British. Dengan itu juga Mr. A.H. Duke, Pegawai Penasihat Kerajaan Siam telah berangkat pulang ke Bangkok, dan pihak British pula telah menempatkan Mr. Meadow Frost di Negeri Perlis sebagai Pegawai Penasihat kepada Raja Perlis, Raja Syed Alwi.

Sayugia disebutkan bahawa pada zaman awal naungan British ini, Negeri Perlis belum lagi dinaungi secara rasmi oleh pihak Kerajaan British. Selepas kira-kira 21 tahun daripada tahun yang bersejarah itu, iaitu dalam tahun 1930, baharulah Negeri Perlis dinaungi secara rasmi oleh Kerajaan British.



9. Raja Syed Alwi ibni Syed Safi Jamalullail,
Raja Perlis Yang Keempat (1904–1943).

**JADUAL PERSEMBAHAN BUNGA EMAS DAN
PERAK OLEH NEGERI PERLIS (1843-1909)**

S.H.	T.M.		S.K.	T.M.		S.H.	T.M.	
1259	1843	↑	1282	1865*	RAJA SYED AHMAD	1305	1887	RAJA CHULALONGKORN (RAMA V)
1260	1844	↓	1283	1866	↓	1306	1888*	↓
1261 Jan. 1845*		↓	1284	1867	↓	1307	1889	↓
1262 Dis. 1845		↓	1285	1868*	↓	1308	1890	↓
1263	1846	↓	1286	1869	↓	1309	1891*	↓
1264	1847*	↓	1287	1870	↓	1310	1892	↓
1265	1848	↓	1288	1871*	↓	1311	1893	↓
1266	1849	↓	1289	1872	↓	1312	1894*	↓
1267	1850*	↓	1290	1873	↓	1313	1895	↓
1268	1851	↓	1291	1874*	↓	1314	1896	↓
1269	1852	↓	1292	1875	↓	1315	1897*	↓
1270	1853*	↓	1293	1876	↓	1316	1898	↓
1271	1854	↓	1294	1877*	↓	1317	1899	↓
1272	1855	↓	1295 Jan. 1878		↓	1318	1900*	↓
1273	1856*	↓	1296 Dis. 1878		↓	1319	1901	↓
1274	1857	↓	1297	1879*	↓	1320	1902	↓
1275	1858	↓	1298	1880	↓	1321	1903*	↓
1276	1859*	↓	1299	1881	↓	1322	1904	↓
1277	1860	↓	1300	1882*	↓	1323	1905	↓
1278	1861	↓	1301	1883	↓	1324	1906*	↓
1279	1862*	↓	1302	1884	↓	1325	1907	↓
1280	1863	↓	1303	1885*	↓	1326	1908	↓
1281	1864	↓	1304	1886	↓	1327	1909+	↓

- * Tahun Negeri Perlis mempersembahkan Bunga Emas dan Perak ke Bangkok.
- + Tahun Negeri Perlis mempersembahkan Bunga Emas dan Perak ke London.

Jadual di atas disesuaikan daripada "Jadual Persembahan Bunga Emas dan Perak oleh Raja-Raja Negeri Perlis (1259 - 1327 S.H. = 1843 - 1909)" yang terdapat dalam 'CATATAN Ahmad Ismail.

BAB VII

PERSEMBAHAN UFTI BUNGA EMAS OLEH NEGERI PERLIS

Sebagai sebuah negeri di bawah pertuanan Kerajaan Siam, Negeri Perlis dikehendaki mempersembahkan ufti bunga emas (mas) dan bunga perak kepada Raja Siam di Kota Bangkok sepertimana juga dengan negeri-negeri Melayu yang lain, iaitu Setul, Kubang Pasu, Kedah, Kelantan dan Terengganu yang sama-sama bernaung di bawah Kerajaan Siam. Semenjak tahun 1843 (S.H. 1259), iaitu tahun ditabalkan pemerintah Negeri Perlis sebagai Raja Perlis yang pertama, mulailah dikira sehingga genap tiga tahun baharulah persembahan bunga emas dan perak yang pertama dihantar ke Kota Bangkok. Begitulah pula persembahan bunga emas dan perak seterusnya dikira dan dihantar pada tiap-tiap tiga tahun sekali.

Setelah wujudnya Negeri Perlis di bawah naungan Kerajaan Siam, negeri kecil ini telah mempersembahkan ufti bunga emas dan perak ke Kota Bangkok sebanyak 22 kali, manakala bunga emas dan perak kali terakhir dalam tahun 1909 itu telah dihantar ke London.*

Sesungguhnya terdapat beberapa perbezaan atau kelainan yang tertentu antara bunga emas dan perak dari Negeri Perlis dan ufti-ufti tersebut yang mana dipersembahkan oleh negeri-negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu, bahkan bunga emas dan perak dari negeri-negeri Setul dan Kubang Pasu juga mempunyai ciri-ciri dan bentuknya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, dilihat dari kadar tingkatnya, didapati bahawa kadar tingkat bunga emas dan perak dari Negeri Perlis, Setul dan Kubang Pasu adalah sama, masing-masing mempunyai tiga tingkat, manakala yang dari Negeri Kedah pula adalah lima tingkat. "Adapun bunga emas dan dan bunga perak Setul, Kayang (Perlis) dan Kubang Pasu mahu diperbuatkan itu biarlah tiga tingkat sahaja, jangan

* *Analisa yang lebih detail mengenai persembahan Bungo Emas dari Negeri Perlis dapat dilihat pada Jadual m.S. 108.*

diperbuat lima tingkat seperti bunga emas Negeri Saiburi (Kedah) yang selalu dihantarkan kemari dahulu itu."¹

Berhubung dengan kelainan dan perbezaan kadar tingkat dan rupa bentuk bunga emas dan perak di kalangan negeri-negeri tersebut itu, adalah dipercayai bahawa kadar tingkat dan ciri-ciri tertentu bagi persembahan ufti dari negeri masing-masing ditentukan sendiri oleh pihak Kerajaan Siam berdasarkan kepada keluasan dan kekayaan serta ramainya rakyat di sesuatu negeri itu, juga memandangkan kepada taraf pemerintah (Raja atau Sultan) di sesuatu negeri itu.

Bagi menyediakan persembahan ufti bunga emas dan perak ini, perbelanjaannya didapati daripada penduduk-penduduk (rakyat) di seluruh mukim dalam Negeri Perlis, yang mana mereka dikenakan membayar "duit ripai". Ripai ialah sejenis cukai kepala dipungut pada tiap-tiap tahun oleh pembesar-pembesar mukim yang bergelar "Kweng" atau "Kwiang", yang mana mereka ini diberi kuasa untuk memungut cukai tersebut daripada rakyat. Duit ripai ini dipungut daripada penduduk-penduduk negeri ini yang sejumlah besarnya terdiri daripada orang-orang Melayu yang bekerja bendang (bersawah padi), dan di samping itu juga penduduk-penduduk bangsa Tionghua, Siam dan lain-lain dikenakan membayar cukai tersebut mengikut kadar-kadar tertentu.

Tiap-tiap seorang lelaki dan wanita yang sudah berkahwin dikenakan membayar duit ripai sebanyak satu ringgit tiap-tiap tahun, dan ada juga dikatakan, lazimnya duit ripai itu dikenakan sebanyak satu ringgit lima sen bagi tiap-tiap seorang yang tersebut itu, kerana wang lima sen itu dikatakan sebagai wang kamsin atau "commission" kepada Kweng-kweng tersebut. Bayaran duit ripai ini dikesualikan bagi mereka yang tertentu, iaitu: kaum kerabat Diraja, mereka yang belum berkahwin, pembesar-pembesar negeri dan keluarga mereka, penghulu-penghulu dan keluarga mereka, ketua-ketua kampung dan keluarga, pegawai-pegawai masjid dan Kweng-kweng itu sendiri. Perlu ditekankan bahawa duit ripai dikutip pada tiap-tiap tahun lazimnya di musim menuai padi, manakala persembahan ufti bunga emas dan perak dibuat pada tiap-tiap tiga tahun sekali.

Sebenarnya yang dikatakan persembahan ufti bunga emas dan perak itu adalah persembahan serbanika kelengkapan yang berupa sephohon bunga emas, sephohon bunga perak dan perkakas-perkakas periringan yang berupa berjenis-jenis senjata dan kain-kain yang mana semuanya dipersembahkan mengikut jenis-jenis dan kadar-kadar yang tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Raja dan Kerajaan Siam sendiri.

1. *Muhammad Hassan, Op.cit., Hal. 187.*

Mengikut suatu salinan "Surat Bunga Emas" di zaman Raja Syed Ahmad Jamalullail, yang bertarikh: 16 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1312 (T.M. 1894), yang berada dalam simpanan Ahmad Ismail, adalah didapati bahawa pohon bunga emas dan bunga perak yang dipersembahkan oleh Negeri Perlis itu tingginya dua hasta lima jari, iaitu lebih kurang 40 inci. Dahan-dahan atau ranting-ranting "pohon" itu berjumlah 45 termasuk pucuknya. Daun-daunnya berjumlah 208 helai, manakala bunga-bunganya pula berjumlah 64 kuntum. Daun dan kelopak bunga emas itu diperbuat daripada emas kertas (emas yang lembut), manakala yang lain-lainnya diperbuat daripada emas tumpat (solid gold), dan begitulah juga rupa bentuk dan ciri-ciri pohon bunga perak, serupa sahaja dengan pohon bunga emas, daun dan kelopak bunganya diperbuat daripada perak yang lembut dan yang lain-lainnya daripada perak tumpat (solid silver).

Menurut keterangan W.W. Skeat dalam tahun 1900 itu, "The bunga mas at Perlis was made up of 12 bungkal (bungkal) of gold (Penang weight) and 25 dollars weight of silver. There are two trees, one of gold and the other of silver, with their combined cost coming to about \$1,500: to this had to be added some \$500 for presents to the Siamese Chiefs, making a total expenditure of about \$2,000."²

Berdasarkan kepada isi kandungan "Surat Bunga Emas" tersebut, perkakas-perkakas periringan atau "presents" yang bernilai \$500 itu, sebagaimana yang dimaksudkan oleh W.W. Skeat, adalah terdiri daripada:

(A) Jenis-jenis Senjata:

1. Tombak sampak emas serangkap.
2. Tombak sampak perak serangkap.
3. Lembing sampak emas lima rangkap.
4. Perisai rotan lima pasang.

(B) Jenis-jenis Kain:

1. Kain putih panjang 80 hasta sebanyak 20 kayu.
2. Kain putih panjang 50 hasta sebanyak 20 kayu.
3. Kain putih panjang 24 hasta sebanyak 20 kayu.
4. Kain "choi panjang" sebanyak 20 helai.
5. Kain "choi juasit" sebanyak 20 helai.

(C) Persembahan Untuk Percong Buan Santuan Mangkun
(Pembesar Siam):

1. Kain putih panjang 50 hasta sebanyak 50 kayu.
2. Kain putih panjang 24 hasta sebanyak 20 kayu.

2. Skeat, W.W., *Op.cit.*, Hal. 137.

Begitulah nampaknya bentuk-bentuk dan ciri-ciri kelengkapan persembahan ufti bunga emas dan perak oleh Negeri Perlis. Sekiranya dilihat pula bentuk-bentuk dan ciri-ciri kelengkapan persembahan bunga emas dan perak dari Negeri Setul, akan terbuktilah suatu hakikat bahawa bentuk-bentuk dan ciri-ciri kelengkapan tersebut dari Negeri Setul mempunyai beberapa perbezaan yang tertentu dengan yang dipersembahkan oleh Negeri Perlis. Lihat sahaja bentuk-bentuk dan ciri-ciri kelengkapan ufti tersebut daripada Negeri Setul:³

1. Perdu tinggi 2 hasta 4 jari (Pokok emas, Pokok perak sama serupa).
2. Ranting 4 lapis, jumlah 5 lapis dengan pucuk (Pokok emas, Pokok perak sama serupa).
3. Daun pokok kayu emas 270 helai.
4. Bunga 17 kuntum.
5. Daun pokok kayu perak 258 helai.

Diperbuat sama barang-barang dan perkakas:

1. Tombak batang panjang sarung emas 1 pasang.
2. Tombak batang panjang sarung perak 1 pasang.
3. Lembing sarung emas 1 pasang.
4. Cepi sarung emas 1 pasang.
5. Perisai rotan 5 pasang.
6. Kain putih panjang 80 hasta 20 lipat (kayu).
7. Kain putih panjang 24 hasta 20 lipat (kayu).
8. Kain putih panjang 20 hasta 20 lipat (kayu).
9. Kain "choi bunga silau-silau" 40 helai.

Diperbuat sama barang-barang persembah kepada Raja Permaisuri Sri Maharaja:

1. Kain putih panjang 24 hasta 20 lipat (kayu).
2. Kain putih panjang 20 hasta 20 lipat (kayu).
3. Kain "choi bunga silau-silau" 20 helai.

Diperbuat sama barang-barang persembahan kepada anak-anak Seri Maharaja:

1. Kain putih panjang 50 hasta 20 lipat (kayu).
2. Kain putih panjang 20 hasta 20 lipat (kayu).
3. Kain "choi bunga silau-silau" 40 helai.

Pohon-pohon bunga emas dan bunga perak serta segala perkakas periringan tersebut diisikan ke dalam peti-peti yang diperbuat daripada sejenis kayu. Apabila segala persiapan sudah selesai dan ketika yang dijadualkan

3. Wan Adnan (terjemahan), "Sejarah Negeri Setul, Thailand," oleh Abdullah Long Puteh, *Op.cit.*, Hal. 8.

sudah sampai, maka Penghulu Bunga Emas, kerabat-kerabat Diraja, pembesar-pembesar negeri serta beberapa orang panglima akan diperintahkan membawa persembahan ufti tersebut ke Kota Bangkok. Rombongan Bunga Emas ini bertolak menaiki gajah dari Istana Arau sehingga ke pelabuhan Singgora (Songkhla).

Dari pelabuhan Singgora, Penghulu Bunga Emas dan rombongannya kecuali panglima-panglima (mereka mengiringi rombongan hingga ke Singgora sahaja), belayar dengan kapal laut ke Kota Bangkok. Panglima-panglima tersebut mengiringi hingga ke Singgora adalah bagi menjaga keselamatan segala perkakas dan kelengkapan bunga emas yang sangat-sangat berharga itu daripada dirompak semasa dalam perjalanan melalui lorong-lorong hutan belantara siang dan malam ke Singgora.

Sebelum rombongan itu belayar ke Bangkok mereka terlebih dahulu masuk menghadap Raja Singgora (Raja Songkhla) mengikut adat istiadat dan peraturan yang ditentukan, agar segala kelengkapan persembahan bunga emas itu diteliti serta disahkan terlebih dahulu oleh Raja Singgora. Selepas itu baharulah rombongan bunga emas itu belayar ke Bangkok.

Setelah rombongan yang diketuai oleh Penghulu Bunga Emas itu sampai ke Kota Bangkok, mereka terlebih dahulu melaporkan diri kepada seorang pembesar Siam yang bertugas menyambut rombongan dari Negeri-negeri Melayu (di suatu masa pegawai tersebut ialah Luang Kucha Ishak). Seterusnya rombongan itu ditempatkan di bawah jagaan pembesar tersebut, sementara menunggu perintah daripada Sumdet Chao Phya (Perdana Menteri Siam) untuk dibenarkan masuk menghadap dan mempersembahkan ufti tersebut kepada Raja Siam.

Setelah dipersembahkan segala kelengkapan ufti tersebut mengikut adat istiadat Diraja Siam, maka Raja Siam kemudiannya membuat pengurniaan balas dengan hadiah-hadiah dan persalinan kepada Penghulu Bunga Emas, kerabat-kerabat Diraja dan para pembesar dari Negeri Perlis yang bersama dalam rombongan itu. W.W. Skeat menyebutkan bahawa, "The presents given by Siam in exchange consisted mostly of cloth. Two kayu (=80 cubits) of "kain twit" were given to each of the chiefs who carried up the bunga mas."⁴ Di samping itu pula kerabat-kerabat Diraja Perlis yang turut bersama dalam rombongan itu dikurniakan gelaran-gelaran tertentu, seperti: "Phra' Sunthorn", "Phra' Sakda Danderit", "Phra' Surin Suwongse", "Luang Sakda" dan lain-lain.

Telah sedia diketahui bahawa persembahan bunga emas dan perak oleh Negeri Perlis bermula semenjak daripada period pemerintahan Raja Syed Hussin dan berakhir sehingga awal period pemerintahan Raja Syed Alwi. Semasa Raja Syed Hussin, dipersembahkan ufti tersebut sebanyak 10 kali, semasa Raja Syed Ahmad sebanyak 8 kali, manakala semasa Raja Syed Safi pula sebanyak 3 kali. Akhirnya di awal period Raja Syed Alwi telah dipersembahkannya hanya sekali sahaja ke Kota Bangkok, iaitu dalam tahun 1906, dan inilah kali terakhir Negeri Perlis menghantar persembahan bunga emas dan peraknya ke Kota Bangkok. Kemudiannya bunga emas dan perak kali kedua semasa Raja Syed Alwi, iaitu dalam tahun 1909, telah dihantar ke Kota London, iaitu buat kali pertama dan terakhir.

Di samping itu pula dapat dibuat suatu analisa, bahawa semasa bernaung di bawah Kerajaan Siam, Negeri Perlis telah menyediakan persembahan bunga emas dan perak sebanyak 23 kali, dan daripada jumlah tersebut sebanyak 22 kali telah dihantar ke Kota Bangkok dan sekali sahaja ke Kota London. Daripada persembahan-persembahan yang dihantar ke Bangkok pula, dapat dibahagikan seperti berikut: semasa Raja Nang Klao atau Rama III, Negeri Perlis telah menghantarnya sebanyak 3 kali; semasa Raja Mongkut atau Rama IV, sebanyak 6 kali; dan semasa Raja Chulalongkorn atau Rama V pula sebanyak 13 kali. Tegasnya Raja Siam yang banyak sekali menerima persembahan bunga emas dan perak dari Negeri Perlis ialah Raja Chulalongkorn, dan semasa pemerintahan Raja Syed Hussin Negeri Perlis telah banyak sekali mempersembahkan ufti bunga emas dan perak kepada Kerajaan Siam. Jadual yang menunjukkan persembahan bunga emas dan perak oleh Negeri Perlis dapat dilihat di muka surat 109.

Elok juga diperihalkan secara ringkas mengenai persembahan bunga emas dan perak oleh Negeri Perlis pada kali pertama dan terakhir ke Kota London dalam tahun 1909 itu. Mengikut Bab Pertama Perjanjian Bangkok, bertarikh 10hb. Mac, tahun 1909 itu yang bermaksud bahawa, "pemindahan kuasa, pertuanan, naungan, pentadbiran, kawalan dan barang apa juapun" daripada Kerajaan Siam kepada Kerajaan British ke atas Negeri-negeri Melayu, yang termasuk juga Negeri Perlis, maka dengan ini persembahan bunga emas dan perak oleh Negeri Perlis dan Negeri-negeri Melayu yang lain itu tidak akan dihantar lagi ke Kota Bangkok selepas tarikh tersebut. Tetapi nampaknya, sebelum perjanjian tersebut ditandatangani, Negeri Perlis sudah pun menyediakan persiapan untuk mempersembahkan ufti tersebut ke Kota Bangkok.

Atas nasihat Mr. Meadow Frost, pihak Raja Syed Alwi dan Kerajaan Negeri Perlis telah mengutuskan sepucuk surat rasmi kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (The High Commissioner for the Federated Malay States) supaya menentukan sama ada pihak Raja England

dan Kerajaan British sudi menerima persembahan tersebut daripada Negeri Perlis.⁵ Oleh itu pihak Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah menghantar suatu kawat kepada "The Earl of Crewe", Setiausaha Tanah Jajahan British, yang mana kawat tersebut berbunyi, "The Rajah of Perlis wishes to present the Bunga Mas to His Majesty The King. Please inform me whether His Majesty is pleased to accept the offering."⁶

Seterusnya Lord Crewe telah mengutuskan sepucuk surat kepada Raja England berhubung dengan perkara tersebut, dan menyarankan supaya Baginda sudi menerima persembahan daripada Raja Negeri Perlis itu, memandangkan terdahulu dari itu pihak Baginda telah pun sudi menerima persembahan yang sama daripada pihak Sultan Negeri Kedah.⁷

Setelah jawapan yang diterima mengatakan bahawa Raja England telah sudi untuk menerima persembahan bunga emas dan perak dari Negeri Perlis, maka pihak Raja Syed Alwi pun mengutuskan Tuan Syed Abdullah, nenekanda saudara baginda mengiringi persembahan tersebut hingga ke Singapura, yang mana bersama-sama dengannya dibawa sepucuk surat dari Raja Syed Alwi, yang bertarikh; 3hb. Zulkaedah, Tahun Hijrah 1327 (November, 1909), untuk disampaikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu di Singapura. Surat tersebut mengandungi maksud supaya pihak Pesuruhjaya Tinggi itu menerima persembahan yang dibawa oleh Tuan Syed Abdullah itu, dan kemudiannya menghantar persembahan itu kepada Raja England.⁸

Di Singapura pohon-pohon bunga emas dan perak dari Negeri Perlis bersama dengan segala kelengkapan periringannya telah diisikan ke dalam empat buah kotak yang bernombor dari 13 hingga 16; manakala bunga emas dan perak dan segala kelengkapannya dari Negeri Kedah telah dimasukkan ke dalam sembilan buah kotak yang bernombor dari 4 hingga 12.⁹

Berdasarkan kepada catatan W.W. Skeat yang mengatakan bahawa Negeri Perlis membelanjakan sebanyak kira-kira \$2,000 bagi tiap-tiap kali persembahan bunga emas, dapatlah ditaksirkan secara kasar bahawa dalam period (1843 – 1909) itu, Negeri Perlis telah membelanjakan sejumlah \$46,000 semata-mata untuk menyediakan persembahan bunga emas dan perak. Dari jumlah tersebut itu sebanyak \$44,000 nilai wang dalam period

5. "Surat Lord Crewe kepada Raja England," *Downing Street, November, 1909.*

6. *Ibid.*

7. *Ibid.*

8. "Surat Raja Syed Alwi kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu", 3hb. Zulkaedah, 1327 (November, 1909).

9. "Memorandum Regarding the Kedah and Perlis Bunga Mas", Colonial Office, 41659, bertarikh; 27hb. November, 1909.

(1843 – 1906) telah mengalir ke Kota Bangkok. Sesungguhnya amalan persembahan bunga emas dan perak itu adalah merupakan suatu "economic-drain" terhadap rakyat dan Negeri Perlis, yang mana secara yang terhormat telah mengikis hasil-hasil kekayaan rakyat dan negeri untuk dialir dan timbunkan ke Bangkok. Apakah benar amalan persembahan bunga emas tiap-tiap tiga tahun sekali itu "sebagai tanda kasih-berkasihan dan bersetia"?¹⁰ Bukankah amalan yang dikenakan itu merupakan suatu tektik pemerasan secara halus dan terhormat oleh Siam terhadap Negeri Perlis dan lain-lain negeri naungannya?


Sekiranya diperhitug dan dihisabkan jumlah perbelanjaan untuk menyediakan persembahan bunga emas dan perak dari Negeri-negeri Melayu yang lain, seperti: Kedah, Setul, Kubang Pasu, Kelantan dan Terengganu, nescaya akan didapati bahawa jumlah besar perbelanjaan tersebut meningkat kepada angka beratus ribu ringgit, iaitu nilai matawang dalam period sebelum Perang Dunia Pertama dahulu, dan tentu sekali didapati bahawa beratus-ratus kati emas dan perak dari Negeri-negeri Melayu tersebut telah ditimbunkan di Kota Bangkok. Anggapan tersebut dibuat adalah berdasarkan kepada jumlah berat bagi pohon-pohon bunga emas dari Negeri Perlis sahaja yang dikira sebanyak 22 kali hantarannya ke Bangkok itu sudah meningkat sejumlah kira-kira 22 kati.¹¹ Oleh itu kiranya dicampur-campurkan dengan jumlah berat pohon-pohon bunga emas dari negeri-negeri: Kedah, Setul, Kubang Pasu, Kelantan dan Terengganu semenjak dari awal hingga ke kali terakhir persembahannya ke Bangkok, masakan tidak jumlah berat semua pohon-pohon bunga emas tersebut meningkat hingga ke angka beratus-ratus kati. Lagi pula pohon-pohon bunga emas dari Kedah, Kelantan dan Terengganu itu tentunya lebih besar dan berat lagi daripada pohon bunga emas dari Negeri Perlis ini.

Justeru itu, berdasarkan kepada hakikat tersebut, walau bagaimanapun amalan persembahan ufti bunga emas dan perak oleh Negeri Perlis dalam period sepanjang 66 tahun itu (1843 – 1909) adalah merupakan suatu amalan yang telah melemahkan kedudukan ekonomi rakyat dan negeri ini sendiri.

10. Muhammad Hassan, *Op.cit.*, Hal. 159.

11. 12 bungkal (bungkal) = 1 kati.

1 pohon bunga emas dari Negeri Perlis beratnya ialah 12 bungkal.



10. British Adviser Mr. M.C. Hay bersama-sama dengan Ahli-ahli Perlis State Council dan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri Perlis bergambar di hadapan bangunan Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Perlis (yang lama). Mr. Hay di tengah, di sebelah kiri beliau ialah Tuan Syed Hamzah Jamalullail (Vice President State Council) dan yang beruniform berdiri di belakang beliau ialah Che' Matt bin Hj. Kassim, Police Inspector.

BAB VIII

PERLIS DI BAWAH NAUNGAN TIDAK RASMI BRITISH (1909 – 1929)

Pada 15hb. Julai, tahun 1909, Mr. Meadow Frost, seorang pegawai British yang sebelumnya berkhidmat sebagai Konsul British di Alor Setar dan terdahulu daripada itu pernah berkhidmat sebagai pegawai pentadbir di Negeri-negeri Selat dan di Negeri Shan, Burma, telah sampai ke Negeri Perlis dan mula bertugas sebagai Pegawai Penasihat British (British Adviser) bagi Negeri Perlis. Beliau telah menetap di bandar Kangar.¹ Berikutan dengan itu Mr. A.H. Duke bagi pihak Kerajaan Siam, secara rasmi telah menyerahkan pentadbiran Negeri Perlis kepada Mr. Frost. Sayugia diingatkan bahawa Mr. Meadow Frost adalah merupakan Pegawai Penasihat British yang pertama sekali pernah ditempatkan di Negeri Perlis. Begitu juga kuasa dan kuatkuasa yang diberikan kepada beliau adalah lebih luas daripada yang telah diberikan kepada Mr. A.H. Duke dahulu.

Mr. Meadow Frost telah diberi kuasa untuk mengadakan undang-undang dan peraturan pentadbiran yang baharu bagi Negeri Perlis, dengan syarat perkara-perkara tersebut itu telah terlebih dahulu dipersetujui oleh Raja Perlis dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (Perlis State Council). Di samping itu urusan Mr. Frost dikecualikan berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu Negeri Perlis.

Selepas beberapa bulan sahaja Mr. Frost berada di Negeri Perlis, Colonel Jackson, Ketua Sukat Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah datang ke Negeri Perlis iaitu pada 6hb. Februari, 1910 dan bersiap sedia untuk menanda dan menentukan sempadan baharu antara Negeri Perlis dengan wilayah Negeri

1. Ahmad Ismail, "Seri Indera Kayangan", hal. 3 (Belum diterbitkan)

Siam, terutamanya Wilayah Setul (Satun).² Sebenarnya Colonel Jacksonlah menjadi wakil pihak British dalam tugas ini manakala Major General Mom Narender pula mewakili Kerajaan Siam. Perlu disebutkan iaitu pada hari pertama Suruhanjaya Sempadan itu sampai ke Negeri Perlis, hujan telah turun dengan lebatnya dan hari tersebut merupakan hari bermulanya hujan dalam tahun itu di Negeri Perlis.³

Selaras dengan butir-butir yang terkandung di dalam Perjanjian Bangkok dahulu dan sebagai melaksanakannya, maka pihak Negeri Perlis telah terpaksa menyerahkan Daerah Puju (Pujoh District) kepada pihak Siam. Daerah Puju letaknya di sebelah utara Kuala Sungai Perlis dan kemudiannya menjadi sebahagian daripada Wilayah Setul, Siam, sehingga sekarang. Penting disebutkan bahawa Daerah Puju sebelum itu adalah di bawah jagaan Penghulu Mukim Kuala Perlis, dan Penghulu yang terakhir bagi Mukim Kuala Perlis dan Puju ialah Penghulu Muhammad Said bin Haji Awang. Beliau juga telah ditugaskan bersama-sama dengan pegawai-pegawai Suruhanjaya Sempadan tersebut bagi membantu kerja-kerja menetapkan sempadan baharu itu.⁴

Sebenarnya sempadan Negeri Perlis yang di sebelah barat laut dan di sebelah utara itu adalah diubahpindahkan belaka, iaitu dibuat mengikut sempadan banjaran bukit, gunung dan padang atau tanah yang membahagikan air ketika hujan (watershed boundary), melainkan sempadan antara Negeri Perlis dengan Negeri Kedah di sebelah timur dan selatan sahaja yang tidak mengikut cara tersebut.

Sehingga akhir tahun 1910 kerja-kerja menetapkan sempadan baharu di antara Negeri Perlis dengan wilayah-wilayah Negeri Siam telah hampir selesai dilaksanakan, namun penetapan sempadan baharu antara Negeri Perlis dengan Negeri Kedah masih belum lagi selesai. Penetapan sempadan baharu Kedah-Perlis telah disempurnakan dalam tahun 1913. Elok juga disebutkan iaitu sempadan laut antara Negeri Perlis dengan Kedah telah ditetapkan mengikut suatu garisan daripada Kuala Sanglang ke suatu titik yang paling hujung di selatan Pulau Langkawi.⁵

Sebelum tahun 1910 sebahagian besar daripada perniagaan antara Negeri Perlis dengan negeri-negeri jirannya adalah melalui jalan air, iaitu melalui laut dan sungai-sungai, kerana ketiadaan jalanraya. Jalanraya yang menyambungkan Negeri Perlis dengan Kedah melalui Kodiang telah hampir-

2. *Perlis Annual Report, Tahun 1910.*

3. *Perlis Annual Report, Tahun 1910.*

4. *Sumber lisan daripada Penghulu Muhammad Said bin Haji Awang, Kuala Perlis.*

5. *Perlis Annual Report, Tahun 1913.*

hampir siap dalam bulan Disember, tahun 1910, dan dalam bulan tersebut itu juga Sir John Anderson, Gabenor Negeri-negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Negeri-negeri Melayu telah berangkat melawat ke Negeri Perlis dengan menaiki sebuah motokar melalui jalan tersebut. Sebagai suatu rekod dalam sejarah pengangkutan darat, itulah motokar yang mula-mula sekali masuk ke Negeri Perlis.⁶

Barang-barang dagangan hasil daripada Negeri Perlis yang diekspotkan keluar negeri semasa itu adalah seperti berikut: bijih timah (terutamanya dari lombong Loh Beng Quang, Kaki Bukit), baja guano (tahi kelawar), binatang-binatang ternakan (lembu, kerbau, ayam, itik) dan padi beras. Sementara barang-barang yang dibawa masuk ke Negeri Perlis pula adalah: kain-kain dan berbagai jenis pakaian, bahan-bahan makanan, bahan-bahan tembikar (pinggan, mangkok, cawan) dan lain-lain barang kegunaan harian.

Setelah setahun lamanya Mr. Meadow Frost berkhidmat di Negeri Perlis beliau telah pun bercuti dan tempatnya telah digantikan buat sementara oleh Mr. Cavendish pada 22hb. Jun, 1910 sehingga 21hb. Disember, tahun tersebut, apabila Mr. Frost telah kembali berkhidmat semula di negeri ini.⁷

Di awal peringkat kedua perkhidmatannya ini, Mr. Meadow Frost tidak berapa mengambil berat sangat dalam hal ehwal pentadbiran negeri kerana beliau sangat sibuk menolong menyelesaikan masalah-masalah sempadan antara Negeri Perlis dengan Wilayah Nakhon Sitamarat (sebuah wilayah Siam di sebelah timur laut Negeri Perlis). Namun demikian Mr. Meadow Frost telah sempat dan berjaya juga mengikhtiarkan supaya pihak Kerajaan Negeri Perlis semasa itu membeli pasar harian (market) di bandar Kangar daripada Che' Shamsiah binti Lebai Mat Amin, bekas suri Al-Marhum Raja Syed Safi, yang mana pasar tersebut telah dianugerahkan oleh Al-Marhum Raja Syed Safi kepada Che' Shamsiah sebagai suatu muslihat saraan Baginda. Oleh itu pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (State Council) telah mengatitkan iaitu pemilik-pemilik (waris) market tersebut, iaitu Che' Shamsiah dan anak-anaknya akan diberikan bayaran tahunan dengan kadar \$200.00 sebulan, dan kira-kira setahun selepas kira bicara itu baharulah market tersebut telah diambil alih oleh pihak kerajaan negeri, iaitu mulai daripada 1hb. Rabiul Akhir tahun 1330 Hijrah (bulan Mac, 1912).⁸

Menyentuh tentang penduduk-penduduk di Negeri Perlis di awal tahun 1911, adalah didapati berjumlah 32,746 orang, iaitu sebagaimana yang telah

6. *Perlis Annual Report, Tahun 1910.*

7. *Perlis Annual Report, Tahun 1910.*

8. *Perlis Annual Report, Tahun 1912.*

dicatatkan oleh Mr. Frost setelah diadakan bancian buat kali pertamanya. Dengan lebih jelas lagi jumlah penduduk-penduduk mengikut bangsa adalah seperti berikut:

Melayu	29,497 orang
Cina	1,627 orang
Siam	1,388 orang
India	114 orang
Lain-lain	120 orang ⁹

Suatu perkara penting yang perlu ditinjau dalam era tersebut ialah keadaan sistem pentadbiran Negeri Perlis, setelah negeri ini baharu dibawa masuk bernaung di bawah Kerajaan British, walaupun pada hakikatnya dalam era tersebut pihak British belum lagi menaungi Negeri Perlis secara rasmi. Mengikut laporan Mr. Meadow Frost, semenjak tahun 1910 hingga 1911, keadaan dan susunan pentadbiran di Negeri Perlis secara ringkas adalah seperti berikut:

1. Pejabat Raja dan Penasihat:¹⁰

Kakitangan pejabat ini telah diperkurangkan, daripada lima orang pegawai kerani menjadi dua orang sahaja, yang mana seorang daripadanya adalah ditugaskan mengurus perkara-perkara surat-menyurat dalam bahasa Inggeris dan yang seorang lagi mengenai surat-menyurat dalam bahasa Melayu, termasuklah mencatatkan segala minit-minit persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2. Pejabat Odit:

Pejabat ini telah mula dibuka di akhir-akhir tahun 1910, dan mempunyai dua juruoditnya. Ketua Juruoditnya ialah seorang bangsa Melayu bernama Encik Abdul Ghani. Beliau telah bertugas dengan cemerlang, rajin dan penuh bertanggungjawab.

3. Pejabat Hasil dan Cukai:

Pejabat ini adalah di bawah kelolaan Tengku Abdullah Haji, yang mana beliau adalah bertanggungjawab mengutip bermacam-macam jenis cukai, seperti cukai bandaran, pelabuhan, tanah, lesen dan lain-lain. Pegawai-pegawai kerani dari pejabat ini telah juga diperkurangkan daripada sembilan orang menjadi tujuh orang sahaja. Adalah dilaporkan bahawa cukai kastam di Negeri Perlis agak tinggi, baik dari segi barang-barang impot, mahupun barang-barang

9. *Perlis Annual Report, Tahun 1911.*

10. *Pejabat Raja dan Penasihat, serta beberapa pejabat kerajaan yang lainnya itu adalah bertempat di Bangunan Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Perlis yang lama, di tapak Balai Polis Daerah Kangar sekarang.*

ekspot. Bagi semua barang yang tidak ditetapkan kadar cukainya dikenakan cukai impot sebanyak tiga peratus dan cukai eksport sebanyak lima peratus mengikut harganya masing-masing. Kadar cukai yang dikenakan itu telah menimbulkan bantahan dan rayuan daripada para peniaga agar pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (State Council) dapat mengurangkan kadar cukai-cukai impot dan eksport kepada kadar yang lebih rendah.¹¹

4. Mahkamah Rayuan (Court of Appeal):

Sebenarnya mahkamah ini adalah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (State Council) sendiri yang mana ianya mempunyai kuatkuasa dalam perkara-perkara kehakiman. Mahkamah tersebut juga mengendalikan perbicaraan orang-orang salah dari penjara yang mana "kes-kes" kesalahan mereka disemak semula. Pihak Baginda Raja Perlis (Syed Alwi) juga biasa menggunakan kuasa dan hak-hak istimewa Baginda bagi mengampun atau mengurangkan hukuman terhadap orang-orang salah yang telah membuat rayuan.¹²

5. Mahkamah Tinggi:

Dalam mahkamah tersebut terdapat seramai tiga orang pegawai keraninya dalam tahun 1910, tetapi kemudiannya telah dikurangkan menjadi dua orang sahaja. Dalam tahun itu terdapat sebanyak 43 "kes" kesalahan awam dan 61 "kes" kesalahan jenayah. Ketua Hakim adalah pendaftar bagi semua perkara yang berhubung dengan mahkamah itu, dan beliau juga mempunyai kuasa dan kuatkuasa ke atas Mahkamah Rayuan (State Council).¹³

6. Mahkamah Rendah:

Di mahkamah ini terdapat seramai tiga orang pegawai kerani dan seorang juru bahasa Cina. Seorang pegawai tinggi telah ditempatkan di mahkamah ini yang mana beliau mempunyai kuasa kehakiman bagi membantu hakim dalam beberapa perkara. Adalah dilaporkan bahawa 265 "kes" kesalahan awam dan 274 "kes" kesalahan jenayah yang telah dibicarakan oleh mahkamah itu dalam tahun 1910.¹⁴

7. Mahkamah Kadi:

Di samping itu terdapat pula Mahkamah Kadi, namun dilaporkan bahawa mahkamah ini mempunyai kuasa yang sangat terhad sahaja. Mahkamah tersebut tidak berkuasa menjatuhkan hukuman penjara lebih daripada 14 hari atau denda lebih daripada \$15.00 bagi sesuatu kesalahan

11. *Perlis Annual Report, Tahun 1910.*

12. *Ibid.*

13. *Perlis Annual Report, Tahun 1910.*

14. *Ibid.*

dan lagi pula mahkamah ini mempunyai kuasa kehakiman terhadap orang-orang Islam sahaja.¹⁵

8. Balai Polis:

Terdapat hanya tiga buah balai polis di Negeri Perlis dalam tahun 1910, iaitu: di Kangar, Arau dan Kuala Perlis. Pasukan polis terdiri daripada 30 orang Melayu, dan 27 orang Sikh, termasuk semua pangkat. Polis bangsa Sikh ini juga bertugas sebagai penjaga penjara di Kangar.¹⁶ Di awal tahun 1910 dengan kemurahan hati pihak Kerajaan Negeri Kedah seorang pemuda anak Negeri Perlis iaitu Che' Matt bin Haji Kassim telah diterima untuk mengikuti latihan merinyu polis di Kuala Muda, Kedah di bawah kelolaan Penolong Pesuruhjaya Polis, Mr. W. Speers selama satu tahun. Setelah tamat latihan tersebut Che' Matt bin Haji Kassim telah dilantik menjadi Merinyu atau "Inspektor" polis di Kangar dan beliau adalah merupakan anak Negeri Perlis yang pertama menyandang jawatan tersebut.¹⁷ Sayugia diingatkan bahawa Negeri Perlis adalah satu-satunya negeri Melayu yang mana pasukan polisnya semakin maju dari semasa ke semasa tanpa menerima tunjuk ajar atau bimbingan daripada mana-mana pegawai British. Di bawah kelolaan Che' Matt bin Haji Kassim Pasukan Polis Negeri Perlis telah dapat mengawal daripada berlakunya kejadian-kejadian jenayah seperti: rompakan lembu, kerbau, kambing dan lain-lain kegiatan merompak di negeri ini.

9. Perbendaharaan Negeri:

Perbendaharaan Negeri Perlis semasa itu adalah di bawah kelolaan Tuan Syed Salim Al-Jafri (Tuan Lim), seorang pembesar kanan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, dan juga beliau adalah "right-hand man" kepada Raja Syed Alwi. Dalam tahun 1910 hanya terdapat seorang sahaja pegawai kerani di pejabat tersebut, dan di samping itu penyusunan semula cara menyimpan buku kira-kira kewangan negeri nampaknya perlu dijalankan dengan segera.¹⁸

10. Pejabat Tanah:

Lain-lain kakitangan Pejabat Tanah Negeri Perlis tidak dikurangkan, cuma tiga orang pekerja sukat telah dihentikan. Di pejabat ini sangat banyak kerja yang berhubung dengan pendaftaran tanah dan pemilik-pemiliknya. Pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis juga telah mengambil masa agak lama dalam meminda undang-undang tanah bagi negeri ini.

15. *Ibid.*

16. *Ibid.*

17. *Temubual Ahmad Ismail dengan Che' Matt bin Haji Kassim.*

18. *Perlis Annual Report, Tahun 1910.*

11. Pejabat Pelajaran:

Sehingga tahun 1909 belum lagi terdapat Pejabat Pelajaran di Negeri Perlis, dan pada peringkat ini kemajuan pelajaran di Negeri Perlis dapatlah dikatakan agak terkebelakang daripada negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Namun demikian sehingga tahun itu sudah terdapat sebanyak lima buah sekolah rendah: Melayu di negeri ini, iaitu: di Arau, Kangar, Paya, Kuala Perlis dan Sanglang. Sekolah-sekolah tersebut adalah didirikan atas kesedaran dan dayausaha pemimpin-pemimpin Melayu tempatan.

Sekolah yang tertua di Negeri Perlis ialah sekolah di Arau yang mana telah didirikan semasa pemerintahan Al-Marhum Raja Syed Ahmad Jamalullail.¹⁹ Manakala sekolah-sekolah di Kangar dan Kuala Perlis telah dibina semasa pemerintahan Raja Syed Safi Jamalullail. Sekolah di Sanglang pula telah dibina semasa pemerintahan Raja Syed Alwi Jamalullail, iaitu semasa Negeri Perlis masih berada di bawah naungan Siam. Guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah tersebut adalah terdiri daripada tokoh-tokoh agama tempatan dan mereka yang pandai menulis dan membaca. Tegasnya persekolahan di zaman tersebut adalah berbentuk ala-pondok dan kurikulumnya adalah terhad kepada pelajaran-pelajaran agama, membaca, menulis dan mengira sahaja. Dengan ketiadaan Pejabat Pelajaran Negeri maka pelaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah tersebut adalah bebas tanpa penyelarasan dan penyeragaman.

12. Penjara Kangar:

Suatu perkara yang menarik yang mana ada juga hubungannya dengan urusan dan pentadbiran Negeri Perlis di awal zaman naungan British adalah mengenai urusan dan kelolaan Penjara Kangar. Sebenarnya penjara dan rumah ubat (dispensary) di Kangar adalah di bawah kelolaan seorang pegawai yang bernama Jagat Singh, yang mana beliau sebelumnya berkhidmat sebagai pembantu hospital sahaja.²⁰ Jagat Singh telah menjalankan tugasnya dengan baik di Penjara Kangar dan beliau telah mengawasi pemeliharaan dan kebersihan jalan-jalan, jambatan-jambatan dan kerja-kerja ringan yang lain di bandar Kangar. Sayugia disebutkan juga bahawa semasa itu belum lagi ada Pejabat Kerja Raya (Public Works Department) di negeri ini. Lantaran itu kerja-kerja yang berkaitan dengan kemudahan awam telah dijalankan oleh orang-orang salah dari Penjara Kangar. Keadaan jalan-jalan di Negeri Perlis khasnya di bandar Kangar tidaklah terlalu buruk jika dibandingkan dengan keadaan jenayah atau kesalahan di negeri ini, kerana apabila perkara-perkara jenayah atau kesalahan berkurangan maka akan berkurangan pula buruh-buruh bagi memperbaiki dan membina jalan-jalan di negeri ini, dan demikianlah pula sebaliknya.²¹

19. Sekolah tersebut sekarang dinamakan Sekolah Tengku Budriah, sempena nama DYMM Raja Perempuan Perlis sekarang.

20. Perlis Annual Report, Tahun 1910.

21. Perlis Annual Report, Tahun 1910.

Bangunan Penjara Kangar ini berbentuk tembok empat segi yang dibina dengan batu-bata yang tinggi. Di tiga bahagian tepinya terdapat bilik-bilik dan pada suatu lagi bahagian tepi itu terdapat pintu masuk yang mempunyai suatu halaman sempit di tengahnya. Penjara ini digunakan bagi mengurung orang-orang salah pada waktu malam, dan pada waktu siang hari orang-orang salah ini dikeluarkan daripada penjara supaya mereka membuat kerja-kerja buruh yang ditentukan oleh kerajaan.

Belanja makanan bagi orang-orang salah adalah didapati paling murah sekali. Pihak kerajaan hanya membeli padi dan orang-orang salah ini disuruh mengisar dan menumbuk padi tersebut untuk mendapatkan beras. Kerja tersebut dilakukan dalam kawasan penjara pada tiap-tiap hari.²² Orang-orang salah juga membuat kerja-kerja membersihkan pasar ikan (market) di Kangar. Oleh itu penyewa-penyewa gerai ikan telah memberikan mereka beberapa ekor ikan sebagai upah. Memandangkan keadaan yang demikian, kos memberi makan orang-orang salah di Penjara Kangar adalah sangat rendah dan dianggarkan tidak sampai lima sen bagi tiap-tiap seorang dalam sehari. Pengelolaan penjara mengikut 'cara' tersebut itu adalah sangat menguntungkan kerajaan negeri dan menjimatkan belanja kerajaan.²³

Begitulah secara ringkas perkara-perkara yang berhubung dengan urusan-urusan pentadbiran Negeri Perlis di awal period naungan British yang mana telah dilaporkan oleh Mr. Meadow Frost. Setelah berkhidmat selama kira-kira tiga tahun di Negeri Perlis Mr. Meadow Frost telah menyerahkan jawatannya kepada Mr. J.G. Richey dalam bulan September, tahun 1911, dan Mr. Frost telah pulang bercuti di England serta terus bersara.

Kedatangan Mr. J.G. Richey sebagai Pegawai Penasihat British di Perlis tidaklah lama, hanya dalam beberapa bulan sahaja, kerana semasa berkhidmat di negeri ini beliau telah ditimpa suatu kemalangan. Beliau dikatakan telah terjatuh dari kudanya semasa sedang melalui Lorong Tan Teng Seong iaitu berhadapan dengan Rumah Tokong Cina Kangar.²⁴ Mengikut sumber-sumber yang boleh dipercayai kononnya kuda yang dinaiki oleh Mr. Richey itu telah terkejut ketakutan apabila mendengar bunyi mercun. Kemalangan tersebut telah menggendalakan perkhidmatan Mr. Richey kerana beliau terpaksa dibawa ke Pulau Pinang untuk rawatan dan perhatian doktor. Tetapi tidak lama kemudian Mr. Richey meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang.

22. *Mengisar yang dimaksudkan itu ialah dengan menggunakan lesung kisar, iaitu suatu alat mengupas padi secara tradisional di Negeri Perlis. Setelah itu padi yang belum lumat ditumbuk dengan lesung dan alu, sama ada lesung tangan atau lesung kaki (lesung hindik).*

23. *Perlis Annual Report, Tahun 1910.*

24. *Perlis Annual Report, Tahun 1911.*

Berhubung dengan itu dalam bulan November, tahun 1911, Negeri Perlis telah menerima seorang Pegawai Penasihat British yang baharu, iaitu Mr. H.C. Eckhardt.²⁵

Tidak berapa bulan setelah Mr. H.C. Eckhardt berkhidmat di Negeri Perlis, iaitu di awal tahun 1912, Negeri Perlis telah kehilangan seorang pembesarnya berikutan dengan kematian Tuan Syed Salim bin Syed Muhammad Al-Jafri. Sehingga ke akhir hayatnya Tuan Syed Salim adalah menjadi Bendahari 'State Council' dan orang kanan kepada Raja Syed Alwi.²⁶

Tuan Syed Salim lebih terkenal dengan panggilan "Tuan Lim" di kalangan penduduk-penduduk Negeri Perlis, dan beliau adalah seorang pembesar dan kerabat Diraja yang sangat berjasa kepada Negeri Perlis semenjak daripada zaman pemerintahan Al-Marhum Raja Syed Safi lagi.²⁷ Bangunan Rumah Tetamu dan kawasannya di Jalan Kolam (Jalan Raja Syed Safi), Kangar, pada mulanya adalah dimiliki oleh Tuan Lim. Selepas penubuhan 'State Council' bangunan dan tanah tersebut telah dijualnya kepada 'State Council'.

Di samping tugas-tugas yang berhubungan dengan pentadbiran negeri yang sempat diselenggarakan oleh Mr. Eckhardt, ada suatu lagi tugas penting yang mana telah diselesaikan semasa perkhidmatan beliau di negeri ini, iaitu menyelaraskan dan menentukan sempadan baharu antara Negeri Perlis dengan Negeri Kedah, iaitu sempadan dari Sanglang hingga ke Jelempek yang mana telah diselesaikan di awal tahun 1913.²⁸

Sementara itu semasa perkhidmatannya Mr. Eckhardt telah membuat suatu perjanjian bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis dengan 'Mr. Riley Hargreaves and Company' bagi menambak dan membina jalan batu di Jalan Besar (Main Road) sepanjang lima batu dari Kangar ke Arau. Tetapi kerja-kerja tersebut agak lambat dijalankan, dan berikutnya jalan tersebut telah disiapkan dengan menurap tar dan batu oleh orang-orang salah dari Penjara Kangar. Jalan dari Kangar ke lombong Kaki Bukit telah diperbaiki dan diperbaharui dengan cara kerahan tenaga rakyat. Hanya sepanjang dua batu sahaja jalan tersebut disiapkan kerana dalam tahun 1912 itu telah berlaku

25. *Ibid.*

26. *Perlis Annual Report, Tahun 1912.*

27. Syed Salim Al-Jafri adinda sebonda dengan Al-Marhum Raja Syed Safi. Ayah Syed Salim ialah Syed Muhammad Al-Jafri, yang mana lebih popular dengan panggilan 'Tuan Chik Mat Bauk', yang telah berkahwin dengan bonda Raja Syed Safi, Wan Tam Bandar, iaitu setelah ayahanda Syed Safi mangkat di Kuala Kedah.

28. *Perlis Annual Report, Tahun 1913.*

wabak taun di Negeri Perlis. Selepas setahun kemudian kerja-kerja membina jalan tersebut hingga ke Tasoh telah dijalankan oleh seorang pemborong Melayu dan orang-orangnya.

Mr. Eckhardt telah melaporkan bahawa tahun 1912 itu adalah merupakan suatu tahun yang sangat merugikan Negeri Perlis. Ini adalah disebabkan oleh wabak penyakit hawar lembu dan taun yang menyerang serta merebak di merata pelusuk Negeri Perlis. Keadaan tersebut ditambah pula oleh musim kemarau panjang yang mana telah memburukkan lagi penderitaan rakyat negeri ini.²⁹

Pada 19hb. April, tahun 1913, Mr. Eckhardt telah mula bercuti dan tempat beliau telah digantikan oleh Mr. C.M. Laidlaw, yang mana beliau memangku jawatan itu sehingga ke akhir tahun 1913 itu sahaja.³⁰

Dalam masa perkhidmatan Mr. Laidlaw itu suatu kajian permulaan dan kerja menyukat telah dijalankan di Negeri Perlis bagi rancangan pembinaan jalan keretapi yang akan menyambungkan Negeri Perlis dengan Negeri Kedah dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kajian dan kerja sukat menyukat itu telah siap di akhir tahun 1913, dan jalan keretapi yang dicadangkan itu adalah melalui: Arau, Bukit Keteri, Kubang Tiga hingga ke Padang Besar di utara Negeri Perlis.³¹

Tetapi sayang sekali kerana nampaknya jalan keretapi yang dirancang itu tidak melalui bandar Kangar, bandar yang terbesar dan pusat pentadbiran Negeri Perlis, dan ianya tidak juga melalui Kaki Bukit yang mempunyai hasil bijih timah. Ini adalah memandangkan terdapat kesukaran-kesukaran yang akan ditempuhi semasa kerja pembinaannya nanti kiranya jalan keretapi itu melalui tempat-tempat tersebut.

Kerja-kerja menurap tar bagi jalan-jalan di Negeri Perlis telah agak sempurna disiapkan dalam tahun itu, di mana sehingga masa itu Negeri Perlis mempunyai jalan tar sepanjang 12½ batu dan jalan tanah merah sepanjang 20 batu. Selaras dengan kemajuan di bidang kerja raya di negeri ini, dalam tahun 1913 jawatan Ketua Pejabat Kerja Raya telah mula diwujudkan, dan jawatan tersebut telah mula dipegang oleh seorang bangsa Inggeris yang bernama Mr. Gidley, yang mana beliau pernah sebelum itu berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Kedah. Mr. Gidley mula memegang jawatan tersebut dalam

29. *Perlis Annual Report, Tahun 1913.* -

30. *Ibid.*

31. *Ibid.*

bulan September tahun itu, dengan pangkatnya sebagai Penolong Jurutera (Assistant Engineer).³²

Pada 18hb. Disember, tahun 1913, Mr. H.C. Eckhardt telah kembali semula memegang jawatannya di Negeri Perlis setelah tamat tempoh cutinya.³³ Kali ini adalah peringkat kedua Mr. Eckhardt menjadi Pegawai Penasihat British di negeri ini, dan seterusnya beliau telah berkhidmat sehingga tahun 1920. Perlu dinyatakan iaitu Mr. Eckhardt adalah merupakan Pegawai Penasihat British yang paling lama sekali berkhidmat di Negeri Perlis.

Kerja-kerja meninjau dan menyukat bagi pembinaan jalan keretapi yang telah dijalankan semasa perkhidmatan Mr. Laidlaw dahulu telah pun selesai semuanya. Setelah diadakan beberapa rundingan antara pihak Kerajaan Negeri Perlis dengan pihak Pentadbiran Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, maka kedua-dua pihak tersebut telah bersetuju membuat suatu perjanjian rasmi berhubung dengan perkara tersebut.

Sayugia disebutkan iaitu sebelum perjanjian itu dimeterikan di awal tahun 1914, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (State Council) telahpun terlebih dahulu mengadakan suatu mesyuarat khas dan membuat keputusan menyetujui serta membenarkan pihak Pentadbiran Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu menambak jalan keretapi melalui kawasan-kawasan dalam Negeri Perlis. Berhubung dengan itu juga Kerajaan Negeri Perlis akan memberi percuma tanah-tanah yang terlibat dengan landasan keretapi tersebut, manakala modal pembinaannya itu akan ditanggung oleh pihak Pentadbiran Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sementara itu juga Kerajaan Negeri Perlis menuntut supaya keuntungan dan kemudahan-kemudahan dapat diberikan kepada pihaknya berhubung dengan perjanjian yang akan dimeterikan kelak.

Sehubungan dengan itu pada 16hb. Jun, tahun 1914, kedua-dua pihak tersebut telah pun memeterikan suatu perjanjian rasmi di Kuala Lumpur. Bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis, Raja Syed Alwi dan pihak Pentadbiran Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Mr. Reginald George Watson, Pemangku Ketua Setiausaha Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah sama-sama menandatangani perjanjian tersebut.³⁴ Butir-butir perjanjian tersebut telah ditulis dalam bahasa Inggeris (mungkin juga ada teks Melayunya), dan secara ringkas ianya membawa maksud seperti berikut:

32. *Perlis Annual Report, Tahun 1913.*

33. *Ibid.*

34. '*Perlis, 1914 — Construction Agreement*'.

1. Pihak Kerajaan Negeri Perlis bersetuju membenarkan pihak Pentadbiran Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu membina jalan keretapi di kawasan-kawasan dalam Negeri Perlis.³⁵
2. Perbelanjaan bagi membina jalan keretapi dan semua kerja serta bangunan-bangunan yang berhubung dengannya adalah menjadi tanggungan pihak Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
3. Segala wang yang diterima oleh pihak Pentadbiran Keretapi sebagai pendapatannya (di Negeri Perlis) hendaklah diserahkan kepada Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
4. Jumlah sebarang kadar atau cukai yang akan dibayar (oleh pihak Pentadbiran Keretapi) kepada Kerajaan Negeri Perlis tidaklah melebihi jumlah wang yang diterima itu (di Negeri Perlis).
5. Kerajaan Negeri Perlis bersetuju akan mengeluarkan suatu undang-undang bagi menentukan supaya pihak Pentadbiran Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu berhak memperolehi tanah-tanah kepunyaan orang perseorangan (di Negeri Perlis) bagi membina jalan keretapi.
6. Kerajaan Negeri Perlis bersetuju untuk mengeluarkan suatu surat kebenaran buat selama-lamanya kepada pihak Pentadbiran Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu berhubung dengan tanah-tanah orang perseorangan bagi pembinaan jalan keretapi, dan tanah-tanah tersebut akan dikecualikan daripada sewa selagi ianya menjadi hakmilik pihak Pentadbiran Keretapi.
7. Kerajaan Negeri Perlis bersetuju mengeluarkan suatu surat kebenaran buat selama-lamanya kepada pihak pentadbiran Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu berhubung dengan tanah-tanah Kerajaan (di Negeri Perlis) bagi pembinaan jalan keretapi, dan tanah-tanah tersebut tidak dikenakan apa-apa bayaran selagi ianya menjadi hakmilik pihak Pentadbiran Keretapi.
8. Tanah-tanah yang menjadi hakmilik Pentadbiran Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang diperolehi menurut Perkara (5) dan (7) tersebut tidak boleh dijual atau disewakan tanpa meminta kebenaran terlebih dahulu daripada Kerajaan Negeri Perlis.
9. Pihak Perkhidmatan Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu akan menyediakan beberapa tiket sebagai hadiah kepada Raja Negeri Perlis dan pengganti-pengganti Baginda bagi perjalanan melalui Sistem Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

35. *Ibid.* Diterjemahkan (Perkara 1 hingga Perkara 9).

Dengan termeterinya perjanjian tersebut maka kerja-kerja menambak dan membina jalan keretapi di Negeri Perlis bagi menghubungkannya dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu pun mula dijalankan. Tetapi kemudiannya kerja-kerja tersebut telah terpaksa dihentikan, dan terbengkalai buat beberapa bulan lamanya akibat meletusnya Perang Dunia Pertama dipertengahan tahun 1914 itu.

Sesungguhnya tahun 1914 itu adalah merupakan suatu tahun yang bersejarah kerana dalam tahun itu telah mula meletusnya Perang Dunia Pertama di benua Eropah, dan ianya telah melibatkan pihak Kerajaan British yang sedang menaungi Negeri Perlis. Berita tentang peperangan tersebut telah sampai ke Negeri Perlis dalam bulan Ogos tahun itu. Peperangan itu tidak melibatkan Negeri Perlis secara langsung, justeru itu ianya tidak mendatangkan kebimbangan kepada penduduk-penduduk negeri ini. Namun secara tidak langsung peperangan tersebut telah sekurang-kurangnya menjalarkan kesannya ke Negeri Perlis, memandangkan di akhir-akhir tahun 1914 itu terdapat seramai kira-kira 100 orang kuli Cina di lombong bijih timah di Kaki Bukit telah beramai-ramai mogok disebabkan harga bijih timah telah turun ke paras harga yang sangat rendah digudang-gudang perniagaan di negeri ini. Ini adalah disebabkan oleh kesukaran perhubungan dan pengangkutan untuk membantu kegiatan perniagaan yang diakibatkan oleh peperangan tersebut ke atas negeri-negeri naungan dan tanah-tanah jajahan British dan sekutu-sekutunya.³⁶

Pada peringkat seterusnya, Perang Dunia Pertama telah secara tidak langsung mendatangkan kesan selanjutnya kepada Negeri Perlis, di mana harga barang-barang mewah telah melambung tinggi dan di samping itu kerja-kerja melombong bijih timah terus terhenti. Namun demikian Mr. Eckhardt telah melaporkan bahawa kehidupan rakyat Negeri Perlis dewasa itu sebahagian besarnya tidak menerima akibat buruk bersabit dengan peperangan itu.

Menurut laporan Mr. Eckhardt lagi, iaitu pada pertengahan tahun 1915 hingga ke akhir tahun itu Raja Syed Alwi telah jatuh gering yang agak teruk, dan keadaan kesihatan Baginda itu telah membimbangkan kerabat-kerabat Diraja serta para pembesar Negeri Perlis. Walau bagaimanapun di awal tahun 1916 keadaan kesihatan Baginda itu telah beransur-ansur sembuh semula.³⁷

Dalam bulan Oktober tahun 1915, Mr. Gidley, Penolong Jurutera Negeri Perlis telah digantikan oleh Mr. J.M. Cranston. Semasa itu kerja-kerja pembinaan jalan keretapi di Negeri Perlis telah hampir disiapkan, iaitu

36. Ahmad Ismail, *Op.cit.*, Hal. 9.

37. *Perlis Annual Report*, Tahun 1916.

sepanjang 21 batu yang merintang dari sempadan Perlis-Kedah di selatan hingga ke sempadan Perlis-Siam di utara. Sebenarnya kerja-kerja pembinaan jalan keretapi di sebelah negeri Siam yang akan menyambungkannya dengan landasan dari Negeri Perlis itu agak lambat dijalankan, dan akan mengambil masa beberapa bulan lagi.

Di akhir-akhir tahun 1916, perkhidmatan keretapi dari Alor Setar hingga ke Arau dan ke Bukit Keteri telah dapat dimulakan dengan menguntungkan. Oleh itu tahun 1916 dapatlah dikatakan suatu tahun yang bersejarah di bidang perhubungan dan pengangkutan serta perkembangan infrastruktur bagi Negeri Perlis, memandangkan telah siapnya sistem jalan keretapi dan bermulanya perkhidmatan keretapi dalam tahun tersebut. Dalam bulan November tahun itu perkhidmatan keretapi dari Alor Setar ke Negeri Perlis dapat diadakan dua perjalanan pada tiap-tiap hari. Sehingga masa itu bangunan stesyen keretapi di Padang Besar masih belum siap walaupun jalan keretapi yang sepanjang 8 batu dari Bukit Keteri ke Padang Besar telah pun siap dibina.³⁸

Dalam tahun 1917, bersamaan dengan Sanah Hijrah 1336, Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim dari Pulau Pinang telah mula datang dan berkhidmat di Negeri Perlis. Mengikut catatannya, beliau telah berkhidmat di beberapa pejabat kerajaan di negeri ini, iaitu: di Pejabat Kastam, Pejabat British Adviser, dan akhir sekali di Pejabat Odit sebagai kerani odit dan Penolong Juruodit Negeri. Semasa berkhidmat di Negeri Perlis ini Tuan Sheikh Ahmad telah berusaha memberi pandangan dan buah fikiranannya ke arah mengadakan beberapa kemajuan dan pembangunan di negeri ini. Usaha-usaha beliau itu telah disambut baik oleh pihak pemerintah dan kakitangan kerajaan serta orang ramai, yang mana hasilnya itu wujudlah di Negeri Perlis ini: Kelab Indera Kayangan, Pergerakan Kerjasama, Masjid Alwi Kangar, Sistem Pungutan Zakat dan Fitrah, Madrasah Alwiah Al-Dinah Arau, Sekolah Inggeris Derma Kangar dan beberapa kemajuan yang lain yang dapat memberi faedah kepada rakyat hingga ke hari ini.³⁹

Di akhir-akhir tahun 1917, Mr. Eckhardt telah melaporkan bahawa pembatasan perniagaan dan perusahaan akibat Perang Dunia Pertama itu telah melambatkan perkembangan dan kemajuan yang dirancang bagi Negeri Perlis, terutamanya perusahaan mengeluarkan baja tahi kelawar (guano) dan bahan-bahan simen. Menurut Mr. Eckhardt lagi, suatu kesan yang agak ketara

38. *Perlis Annual Report, Tahun 1916.*

39. *Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, "Sejarah Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim", (Belum diterbitkan).*

juga yang menyusahkan kerajaan dan orang ramai ialah kekurangan duit-duit syiling dan kenaikan harga barang-barang luar yang diimport ke Negeri Perlis.⁴⁰

Selanjutnya pada 1hb. Julai, tahun 1918, Sistem Perkhidmatan Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah disambungkan dengan Sistem Keretapi Siam melalui Padang Besar, di Negeri Perlis. Sistem keretapi tersebut telah mengadakan perkhidmatannya antara Perai (Pulau Pinang) dan Bangkok sebanyak tiga kali seminggu. Perkhidmatan keretapi antarabangsa itu telah menambahkan kemudahan yang besar di bidang pengangkutan memandangkan semasa itu kemudahan perkapalan sangat terhad. Dengan ini banyak barang dagangan dari Siam seperti: padi, beras, ayam, itik, gula, garam dan lain-lain lagi dapat dibawa dengan keretapi ke negeri-negeri di selatan Semenanjung Tanah Melayu. Disebabkan oleh kepesatan pengangkutan barang keluar dan masuk antara negeri-negeri di Tanah Melayu dengan Negeri Siam melalui stesyen keretapi Padang Besar, maka Kerajaan Negeri Perlis telah mengadakan sebuah Pejabat Kastam di stesyen keretapi Padang Besar di akhir tahun 1918.⁴¹

Menjelang tamatnya Perang Dunia Pertama telah berlaku kebuluran dan kekurangan makanan di beberapa pelusuk negeri di dunia, namun penduduk Negeri Perlis nampaknya bertuah juga kerana tidak menempuhi gejala-gejala tersebut. Hasil-hasil getah, padi dan beras, ikan dan ayam-itik di Negeri Perlis didapati melebihi daripada keperluan rakyat negeri ini. Kelebihan bahan-bahan eksport dan kenaikan harga barang-barang tersebut itu telah dapat mengatasi kenaikan harga barang-barang import yang diperlukan oleh rakyat negeri ini.

Sementara itu kemajuan yang kian menggalakkan di negeri ini dalam period tersebut adalah di bidang pertanian, terutamanya penanaman padi, getah dan buah-buahan tempatan. Di samping itu juga kemajuan perumahan di bandar-bandar kecil terdapat di Arau, Padang Besar, Kuala Perlis, Simpang Empat, Kuala Sanglang dan Kaki Bukit. Namun demikian hasil-hasil semula jadi seperti: arang batu, baja tahi kelawar, bahan-bahan simen dan lain-lain belum lagi dapat diusahakan.

Tidak berapa lama selepas dibuat perdamaian bagi menamatkan Perang Dunia Pertama, iaitu pada 11hb. November, tahun 1918, berita tersebut telah juga sampai ke Negeri Perlis. Berhubung dengan itu diadakan upacara mengingati hari yang bersejarah itu dengan mengadakan keramaian dan bacaan doa kesyukuran di merata masjid di Negeri Perlis.⁴²

40. *Perlis Annual Report, Tahun 1916.*

41. *Perlis Annual Report, Tahun 1918.*

42. *Ahmad Ismail, Op.cit., Hal. 10.*

Tahun 1919 telah membuka suatu lambaran baharu dalam sejarah pentadbiran British di Negeri Perlis yang mana semenjak tahun itu pentadbiran British di negeri ini telah mulai berjalan dengan lebih licin dan teratur. Setelah sepuluh tahun British menaungi Negeri Perlis pentadbirannya di negeri ini nampaknya tidak begitu licin lagi terganggu disebabkan oleh masalah kekurangan wang perbendaharaan negeri dan ditambah pula oleh kesan tidak langsung daripada Peperangan Dunia Pertama (1914 – 1918). Negeri Perlis juga telah terselamat daripada wabak penyakit yang mana semasa itu sedang menjalar di negeri-negeri lain di Tanah Melayu dan di negara-negara lain di dunia. Berhubung dengan itu juga Mr. Eckhardt telah mencatatkan bahawa Negeri Perlis adalah sebagai sebuah negeri yang dikatakan "exceptionally prosperous, a high level of prices being maintained for all exported product".⁴³

Pada 31hb. Mei tahun 1920, Mr. H.C. Eckhardt yang telah berkhidmat di Negeri Perlis semenjak tahun 1911 dahulu telah bercuti dan terus meninggalkan negeri ini kerana tempoh perkhidmatannya telah tamat, dan tempat beliau telah digantikan oleh seorang Pegawai Penasihat yang baharu, iaitu Mr. E.W.N. Wyatt.⁴⁴

Mr. Wyatt melaporkan dalam tahun 1921, bahawa Negeri Perlis telah terselamat daripada wabak penyakit hawar, baik pada manusia mahu pun pada haiwan. Dengan membelanjakan kira-kira \$300.00 (nilai wang semasa itu) bagi mengawal kawasan-kawasan sempadan, Negeri Perlis telah berjaya mencegah kemasukan penyakit hawar yang sedang merebak di Negeri Kedah. Namun begitu keadaan cuaca dan fenomena alam di awal tahun itu telah membawa kesan yang buruk kepada penduduk-penduduk di negeri ini. Yang anihnya ialah hujan telah turun dengan lebatnya selama beberapa hari dalam bulan Januari tahun 1921 hingga membinasakan kira-kira 20 peratus daripada padi di sawah yang sedang menguning, habis dirosakkan oleh banjir. Di akhir tahun 1921 juga telah berlaku banjir besar di negeri ini yang mana telah memusnahkan anak-anak padi di tapak-tapak semaian. Lebih separuh daripada padi di sawah telah binasa akibat banjir besar itu.⁴⁵

Suatu masalah yang berhubung dengan sempadan negeri telah timbul di awal tahun 1922, di mana batu sempadan antara Negeri Perlis dengan wilayah Setul telah hilang. Berhubung dengan itu dalam bulan Februari tahun tersebut pihak Suruhanjaya Sempadan dari negeri Siam telah datang ke Negeri Perlis bersama-sama dengan Ketua Sukat Negeri-negeri Melayu

43. *Perlis Annual Report, Tahun 1919.*

44. *Perlis Annual Report, Tahun 1920.*

45. *Perlis Annual Report, Tahun 1921.*

Bersekutu, yang mana mereka telah ditugaskan bagi menentu dan menandakan semula garis sempadan yang sebenarnya antara kedua-dua negeri itu.⁴⁶

Menurut laporan Mr. Wyatt lagi, dalam tahun 1922 juga telah berlaku wabak penyakit hawar di Negeri Perlis yang mana telah meragut ramai jiwa manusia dan nyawa binatang-binatang ternakan.⁴⁷ Setelah berkhidmat di Negeri Perlis selama hampir tiga tahun, Mr. E.W.N. Wyatt telah meninggalkan negeri ini pada 6hb. Mac tahun 1923 kerana bercuti dan terus menamatkan perkhidmatannya. Tempat beliau telah digantikan oleh Mr. T.W. Clayton bermula daripada tarikh tersebut.⁴⁸

Mr. Clayton telah berkhidmat di Negeri Perlis selama kira-kira tiga bulan setengah sahaja, namun demikian dalam tempoh tersebut itu beliau telah sempat berangkat ke Singgora (Songkhla) bersama-sama dengan Tuan Syed Hamzah Jamalullail, adinda Raja Syed Alwi. Tujuan mereka ke Singgora ialah untuk bertemu dengan pegawai-pegawai Kerajaan Siam dan para pembesar negeri-negeri Melayu yang bersempadan dengan negeri Siam, iaitu bagi merundingkan beberapa perkara berhubung dengan kepentingan bersama bagi negeri-negeri mereka yang jiran-berjiran itu.⁴⁹

Di sepanjang tempoh perkhidmatan Mr. Clayton itu adalah dilaporkan bahawa Raja Syed Alwi sentiasa berada di dalam keadaan sihat dan Baginda telah seperti biasa dapat hadir ke mesyuarat-mesyuarat State Council, yang mana Baginda sendiri menjadi Presiden atau Pengerusinya, dan Tuan Syed Hamzah menjadi Naib Presidennya. Bersempena dengan hari keputeraan Baginda King George Kelima dalam tahun tersebut, Raja Syed Alwi telah dikurniakan sebuah bintang kebesaran yang dinamakan "An Honorary Commander of the Most Excellent Order of the British Empire".⁵⁰

Sehingga 18hb. Jun tahun 1923 itu tamatlah tempoh perkhidmatan Mr. T.W. Clayton di Negeri Perlis, dan mulai daripada tarikh tersebut Mr. J.W.W. Hughes telah mengambil tempat sebagai Pegawai Penasihat British yang baharu. Semasa perkhidmatan Mr. Hughes, iaitu pada 21hb. Januari tahun 1924, Sir Lawrence Guillemard, Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Negeri-negeri Melayu telah menyampaikan bintang kebesaran "Commander of the Most Excellent Order of the British Empire" (C.B.E) kepada Raja Syed Alwi, yang dianugerahkan oleh Baginda King George Kelima semasa perkhidmatan Mr. Clayton dahulu.

46. *Perlis Annual Report, Tahun 1922.*

47. *Perlis Annual Report, Tahun 1922.*

48. *Perlis Annual Report, Tahun 1923.*

49. Ahmad Ismail, *Op.cit.*, Hal. 12.

50. *Ibid.*

Upacara penyampaian bintang tersebut telah diadakan di Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Penasihat British Negeri Kedah, di Bakar Bata, Alor Setar. Di sebelah petang hari tersebut itu Raja Syed Alwi, Tuan Syed Hamzah, Mr. Hughes bersama-sama dengan Tengku Mahmud, Pemangku Sultan Kedah dan beberapa orang pembesar Negeri Kedah dan Perlis telah berangkat ke Balai Besar, Alor Setar kerana di sana diadakan suatu majlis jamuan makan bagi meraikan penganugerahan tersebut. Perlu disebutkan, iaitu inilah julung-julung kali Baginda Raja Syed Alwi pernah dianugerahkan bintang kebesaran oleh Baginda Raja Inggeris semenjak Negeri Perlis bernaung di bawah bendera "Union Jack".⁵¹

Dalam bulan September tahun 1924, suatu pertubuhan kerjasama atau syarikat kerjasama bagi kakitangan kerajaan telah diwujudkan di Negeri Perlis. Namun demikian penubuhan badan tersebut dikatakan agak terlalu awal, memandangkan di peringkat permulaan itu ianya tidak mempunyai apa-apa peraturan atau perlembagaan yang lengkap. Dengan dayausaha Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, Penolong Juruodit Negeri Perlis, syarikat tersebut telah dapat hidup dan bergerak maju. Tuan Sheikh Ahmad telah meminta Mr. Hughes supaya menjemput Captain Nor Mohd. Hashim, seorang pegawai daripada Pejabat Pertubuhan Kerjasama Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk datang ke Negeri Perlis. Berhubung dengan itu Mr. Cavendish, Pendaftar Pertubuhan Kerjasama Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah membenarkannya, dan Captain Nor Mohd. Hashim pun datang ke Perlis selama beberapa hari, di mana beliau telah memberi syarahan, penerangan dan nasihat-nasihat yang berhubung dengan perkara pergerakan kerjasama.⁵²

Setelah pegawai tersebut pulang ke Kuala Lumpur, Kerajaan Negeri Perlis telah menghantar Encik Wan Ahmad bin Wan Daud (Dato' Wan Ahmad), Bendahari Kerajaan Negeri Perlis untuk mengikuti latihan mengenai hal-hal perjalanan syarikat kerjasama di Kuala Lumpur, iaitu di Pejabat Pendaftar Pertubuhan Kerjasama Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Office of the Registrar of the Co-operative Societies of the Federated Malay States) selama tujuh bulan.⁵³

Setelah Encik Wan Ahmad pulang semula ke Negeri Perlis, perjalanan syarikat kerjasama yang telah diasaskan dahulu itu telah menjadi bertambah teratur dan semakin maju, dan ini telah mendorong kepada penubuhan beberapa buah syarikat kerjasama yang lain di negeri ini kemudiannya.

51. Ahmad Ismail, *Loc.cit.*, Hal. 12.

52. Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, *Op.cit.*, Hal. 8 dan 9.

53. *Ibid.*

Seterusnya pada 8hb. Mei tahun 1925, tamatlah tempoh perkhidmatan Mr. J.W.W. Hughes sebagai Pegawai Penasihat British di Negeri Perlis. Mulai daripada tarikh tersebut beliau telah bercuti dan bertolak ke England bersama-sama dengan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhammad. Semenjak tarikh tersebut tempat Mr. Hughes telah digantikan oleh Mr. P.S. Williams.⁵⁴

Semasa perkhidmatan Mr. P.S. Williams, iaitu pada 10hb. Oktober tahun 1925, bekalan air paip yang mula-mula sekali bagi bandar Kangar dan Negeri Perlis telah dirasmikan pembukaannya oleh Raja Syed Alwi, yang mana upacara tersebut telah dilakukan secara besar-besaran dan beradat, iaitu bagi menandakan suatu peristiwa penting dalam sejarah pembangunan dan kemajuan Negeri Perlis.⁵⁵

Pada 14hb. Mei tahun 1926, suatu pameran pertanian yang julung-julung kali pernah diadakan di negeri ini, telah dibuka dengan rasminya oleh Raja Syed Alwi. Walaupun pameran tersebut dianggap sebagai suatu percubaan, namun demikian telah dilaporkan bahawa kira-kira seramai 21,000 orang telah datang menyaksikannya dalam masa dua hari ianya diadakan. Di samping itu suatu pertunjukan yang sungguh menarik telah diadakan iaitu acara perlumbaan gajah yang mana sebanyak 25 ekor gajah telah mengambil bahagian.⁵⁶

Sehingga tahun 1926, perkembangan perumahan dan bangunan-bangunan di bandar Kangar telah agak maju sedikit jika dibandingkan dengan keadaannya sebelum tahun 1909 dahulu. Di samping bangunan-bangunan kerajaan seperti pejabat-pejabat, mahkamah, hospital, balai dan berek polis, penjara, sekolah, rumah pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain bangunan terdapat pula beberapa buah kedai berderet terutamanya di sebelah tebing utara Sungai Perlis yang melintasi bandar Kangar. Sehingga tahun tersebut bandar Kangar masih belum mempunyai bekalan elektrik. Nampaknya dipertengahan tahun 1920an itu bandar Kangar ini masih boleh dikelaskan sebagai sebuah "village-town" sahaja memandangkan masih terdapat banyak pokok kelapa iaitu di hadapan balai polis, di keliling penjara, berhampiran mahkamah, di kawasan sekolah Melayu, di kawasan hospital dan di kiri kanan jalan dalam bandar Kangar. Manakala di tebing Sungai Perlis berhampiran dengan Bukit Lagi adalah dipenuhi oleh hutan nipah dan lain-lain tumbuhan.

54. *Perlis Annual Report, Tahun 1925.*

55. *Ibid.*

56. *Perlis Annual Report, Tahun 1926.*

Dalam bulan Disember tahun 1927, Mr. Hugh Clifford yang baharu menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Negeri-negeri Melayu, telah mengadakan lawatan rasmi yang pertama ke Negeri Perlis selama beberapa hari. Semasa di Kangar beliau telah melawat dan memeriksa penjara dan hospital, yang mana keadaan di kedua-dua tempat itu adalah memuaskan dan menarik perhatian beliau.⁵⁷

Tidak berapa lama kemudian, iaitu dalam bulan Januari tahun 1928, pameran pertanian buat kali keduanya telah diadakan di Kangar dan ianya telah dirasmikan pembukaannya oleh Raja Syed Alwi. Mengikut laporan Mr. P.S. Williams, pameran kali ini telah lebih berjaya daripada pameran kali pertama dahulu, memandangkan lebih daripada 37,000 orang telah datang menyaksikannya.⁵⁸ Penting juga disebutkan iaitu sebelum pameran tersebut diadakan, di awal tahun tersebut suatu pasukan pengakap yang terulung bagi Negeri Perlis telah ditubuhkan di Kangar. Pasukan pengakap tersebut telah memberi khidmat bakti yang memuaskan dalam menjayakan pameran pertanian itu. Dalam bulan Mei tahun itu suatu perhimpunan pengakap telah diadakan di Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Penasihat British di Kangar, kerana diadakan suatu majlis perpisahan bagi mengucapkan selamat berpisah kepada Mr. P.S. Williams yang akan menamatkan perkhidmatannya pada 24hb. Mei, tahun 1928.⁵⁹

Mulai dari tarikh tersebut Mr. P.S. Williams telah digantikan oleh Mr. L.A. Allen. Selepas kira-kira lima bulan Mr. L.A. Allen berkhidmat di Negeri Perlis, maka pada 26hb. Oktober tahun itu genaplah 46 tahun usia Raja Syed Alwi, dan juga pada tahun itu genaplah masa 25 tahun Baginda Raja Syed Alwi menjadi Raja Negeri Perlis. Oleh itu Mr. L.A. Allen telah mengesyurkan supaya State Council dan para pembesar negeri dapat berikhtiar dan berusaha bagi mengadakan suatu perayaan bagi menyambut hari yang penting dan bersejarah itu. Berikutnya suatu perayaan secara besar-besaran telah berjaya diadakan di akhir-akhir bulan Mei tahun berikutnya. Perayaan itu dinamakan "Perayaan Jubli Perak Raja Syed Alwi".⁶⁰

Memandangkan sangat ramainya rakyat Negeri Perlis yang hadir untuk menyaksikan temasya yang meriah dan bersejarah itu di Arau, maka temasya itu telah dinamakan pula "Zainatul-Muluk" yang bermaksud "suatu kumpulan orang atau rakyat yang datang kerana memuliakan Raja mereka". Pada hari permulaan perayaan itu hingga ke malamnya Setiausaha kepada Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Negeri-negeri Melayu telah

57. *Perlis Annual Report, Tahun 1927.*

58. *Perlis Annual Report, Tahun 1928.*

59. *Ibid.*

60. *Ahmad Ismail, Op.cit., Hal. 14.*

datang ke Negeri Perlis bagi pihak Gabenor untuk memeriahkan lagi perayaan itu. Perayaan tersebut telah diadakan selama tiga hari tiga malam, yang mana pada waktu malamnya telah diserikan oleh beranika permainan tradisional Melayu seperti: ronggeng, menora, mak yong, hadrah, dikay, wayang kulit dan lain-lain.⁶¹

Menurut laporan Mr. L.A. Allen, pada 9hb. Mei tahun 1929, suatu kejadian gerhana matahari yang penuh (total eclipse of the sun) telah berlaku di seluruh Negeri Perlis.⁶²

Dalam bulan September tahun 1929, Mr. I.H.N. Evans, Pemangku Pengarah Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah datang ke Negeri Perlis untuk melawat dan menyiasat serta mengkaji hasil-hasil tinggalan manusia pra sejarah yang terdapat di negeri ini. Beliau dan rombongannya telah melawat gua-gua di Bukit Chuping, yang mana di suatu gua di sana beliau telah menemui bermacam-macam bahan tinggalan manusia purba seperti: tulang-tulang manusia, perkakas-perkakas besi, dan bahan-bahan tembikar. Kemudiannya Mr. Evans dan rombongannya telah melawat ke Gua Berhala, di Mukim Bintong* yang letaknya kira-kira empat batu daripada bandar Kangar. Di gua ini juga beliau telah menjumpai sebuah meja tanah liat hasil tinggalan orang-orang beragama Buddha. Meja tersebut dibuat daripada tanah liat yang tidak dibakar, dan terdapat garis awan-larat dipermukaan meja tersebut. Di samping itu juga semasa lawatan Mr. Evans itu dijumpai sebuah pintu kota yang diperbuat daripada kayu, iaitu kayu Siam, dan pintu kota tersebut dikatakan letaknya di Panggas, di sebelah timur laut Mata Ayer.⁶³

Menurut pendapat Mr. Evans bumi Perlis yang dahulunya menjadi sebahagian daripada Negeri Kedah itu bolehlah dikatakan tua dan telah didiami oleh manusia semanjak dari zaman pra sejarah dahulu.⁶⁴

Sayugia disebutkan lagi iaitu semasa Negeri Perlis dibawa masuk menjadi negeri naungan British melalui Perjanjian Bangkok tahun 1909 dahulu, negeri ini masih banyak berhutang wang daripada Kerajaan Siam. Hutang tersebut dan faedahnya belum dapat dibayar barang sesen pun. Namun pihak Kerajaan British telah memberi jaminan kepada Kerajaan Siam bahawa hutang-hutang Negeri Perlis dan faedahnya itu akan ditanggung dan dibayar oleh Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu kepada Kerajaan Siam.

61. *Ibid.* Permainan "dikay" juga disebut "jikay".

62. *Perlis Annual Report*, Tahun 1929.

63. *Perlis Annual Report*, Tahun 1929.

* Lebih tepat lagi Gua Berhala letaknya dalam Mukim Kurung Batang dalam Kawasan D.U.N. Bintong. Mukim Kurung Batang adalah berkembar/berjiran dengan Mukim Wang Bintong.

64. *Perlis Annual Report*, Tahun 1929.

Jadi, semenjak tahun 1909 itu Kerajaan Negeri Perlis telah terhutang wang dan budi kepada kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang). Oleh itu secara beransur-ansur, dari setahun ke setahun selepas tahun 1909 itu Kerajaan Negeri Perlis telah membayar hutang yang beratus-ratus ribu ringgit itu sehinggalah ianya selesai di akhir-akhir tahun 1929 itu.

Walaupun Negeri Perlis telah bernaung di bawah Kerajaan British semenjak Perjanjian Bangkok dahulu, namun British hanya menaungi Negeri Perlis secara rasmi setelah negeri ini dapat menyelesaikan segala hutangnya kepada Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu di akhir tahun 1929 itu. Tegasnya Kerajaan British telah mula menaungi Negeri Perlis secara rasmi ialah dalam tahun 1930.

Peringkat-peringkat dan bentuk-bentuk perubahan di bidang politik dan pentadbiran di Negeri Perlis semenjak dinaungi oleh British adalah sealiran dengan di negeri-negeri Melayu bekas naungan Siam yang lain seperti Kedah dan Kelantan. Tegasnya di Negeri Perlis telah ditubuhkan sistem pemerintahan "State Council" dan ditempatkan seorang Pegawai Penasihat British, dan kemudiannya diadakan suatu perjanjian antara pihak Kerajaan British dengan Raja Negeri Perlis, yang mana telah membawa Negeri Perlis secara rasmi bernaung di bawah Kerajaan British.

Sistem pemerintahan State Council yang dijalankan oleh British di Negeri Perlis dan negeri-negeri Melayu yang lain itu mempunyai banyak persamaan dengan Sistem Resident yang telah diwujudkan oleh British di negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Sesungguhnya sistem politik dan pentadbiran yang "efficient" dan teratur seperti yang dijalankan oleh British itu telah menghasilkan kemajuan dan pembangunan di bidang ekonomi dan sosial di seluruh negeri yang telah dinaunginya itu.

Selepas kira-kira 20 tahun berada di bawah naungan tidak rasmi British melalui pemerintahan State Council, memang terdapat beberapa faedah dan kemajuan yang dicapai oleh Negeri Perlis. Kemajuan di bidang pentadbiran, ekonomi dan kemudahan-kemudahan sosial serta kebajikan seperti: pelajaran, keselamatan, kesihatan, perhubungan, pengangkutan dan lain-lain itu memang dirasakan oleh Negeri Perlis dalam era tersebut. Seandainya dibandingkan keadaan dan kedudukan Negeri Perlis dari segi kemajuan-kemajuan tersebut semasa pemerintahan Melayu tradisional di bawah naungan Siam (selama hampir 70 tahun) dengan keadaan dan kedudukan negeri ini di masa pemerintahan State Council British selama 20 tahun itu, memang tidak dapat dinafikan bahawa zaman 20 tahun itu lebih banyak dipenuhi dengan kemajuan bagi negeri ini dan rakyatnya.

Namun kiranya dibandingkan pula kemajuan-kemajuan di Negeri Perlis dalam masa 20 tahun itu dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negeri-negeri Melayu naungan British yang lain dalam zaman tersebut, didapati jelas bahawa Negeri Perlis telah tertinggal ke belakang di dalam berbagai bidang. Tetapi seandainya British mula menaungi Negeri Perlis di masa yang sama dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu betapa tidaknya terdapat kemajuan dan pembangunan di negeri kecil ini yang setaraf dan setanding dengan negeri-negeri tersebut di akhir-akhir tahun 1920an itu.

Semasa di bawah naungan Siam. Negeri Perlis tidak begitu terkenal dan ianya agak terpisah daripada negeri-negeri Melayu yang lain. Tetapi setelah negeri ini dihubungkan oleh sistem infrastruktur moden dengan negeri-negeri Melayu yang lain semasa negeri ini dinaungi oleh British, maka Negeri Perlis menjadi tidak asing lagi kepada negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.



11. Gambar di atas menunjukkan bangunan Sekolah Melayu Kangar yang diasaskan pembinaannya oleh Tuan Hj. Kassim Bin Hj. Ali dan ayah saudaranya Tuan Hj. Salleh Bin Hassan semasa pemerintahan Raja Syed Safi. Sekolah ini merupakan sekolah Melayu yang kedua di Negeri Perlis.

BAB IX

PERLIS DI BAWAH NAUNGAN RASMI BRITISH (1930 - 1941)

Tahun 1930 adalah merupakan suatu tahun yang penting dalam sejarah Negeri Perlis kerana mulai dari tahun tersebut negeri ini telah dinaungi dengan rasminya oleh Kerajaan British. Berhubung dengan itu, di akhir bulan April tahun tersebut Sir Cecil Clementi Smith, Gabenor Negeri-negeri Selat Pesuruhjaya Negeri-negeri Melayu telah tiba di Negeri Perlis untuk menandatangani suatu perjanjian rasmi bagi pihak Kerajaan British dengan Negeri Perlis. Manakala Raja Syed Alwi telah menandatangani perjanjian itu bagi pihak Negeri Perlis.

Oleh itu pada 28hb. April, tahun 1930, bersamaan 29hb. Zulkaedah, Sanah Hijrah 1348, kira-kira jam 10.00 pagi, bertempat di Balai Penghadapan Istana Arau, maka perjanjian yang bersejarah dan penuh bererti itu telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Hari tersebut telah diisytiharkan sebagai hari kelepasan am bagi kakitangan kerajaan di negeri ini.

Adapun butir-butir yang terkandung dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak itu dapatlah dilihat seperti berikut:¹

1. Negeri Perlis hendaklah terus kekal bernaung di bawah pemeliharaan Raja Inggeris, yang mana Baginda berhak menjalankan kuasa pertuanan ke atas Negeri Perlis.
2. Yang Maha Mulia Raja Perlis tidak boleh berkira apa-apa perkara yang berhubung dengan politik dengan mana-mana kuasa luar, kecuali dengan melalui wakil Duli Yang Maha Mulia Raja Inggeris.
3. Duli Yang Maha Mulia Raja Inggeris tidaklah boleh menyerahkan atau memindahkan kuasa naungannya ke atas Negeri Perlis kepada mana-

1. Butir-butir perjanjian tersebut adalah terjemahan daripada "Agreement Between His Britannic Majesty's Government And The State of Perlis", 1930.

mana kuasa lain, lagi pun tidaklah boleh dipermasukkan atau dipersekutukan Negeri Perlis dengan negeri-negeri lain melainkan dengan kebenaran atau persetujuan bertulis daripada Yang Maha Mulia Raja Syed Alwi di dalam State Council.

4. Pengganti takhta kepada Raja Syed Alwi atau jika sekiranya tiada keturunan Baginda secara langsung, maka keturunan daripada nenek moyang Baginda yang dipilih oleh Perlis State Council dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Inggeris, berhak menjadi Raja Negeri Perlis. Maka berwajiblah bagi Kerajaan Negeri Perlis memelihara Raja serta kerabat-kerabatnya dengan sempurna daripada hasil perolehan Negeri Perlis. Maka maksud kerabat-kerabat itu ialah anak-anak dan cucu-cucu Raja keturunan sebelah pihak lelaki.
5. Raja Negeri Perlis dan pengganti-pengganti Baginda bersetuju menerima seorang Pegawai Penasihat British (British Advicer) dan menyediakan tempat kediaman bagi pegawai tersebut yang berhubung dengan itu akan menasihatkan segala hal ehwal yang berkaitan dengan pentadbiran Negeri Perlis, kecuali perkara-perkara yang berhubung dengan adat istiadat Melayu (Negeri Perlis) dan Agama Islam, dan pihak Raja Perlis bersetuju menerima nasihat-nasihat tersebut. Adanya jaminan bahawa tiada apa-apa di dalam perkara tersebut yang mana dalam apa jua cara sekalipun menimbulkan prasangka atau merosakkan kuasa Raja atau penggantinya untuk mengutuskan surat kepada Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu atau Raja Inggeris, jika Raja Perlis berkehendakan berbuat demikian. Maka perbelanjaan Pegawai Penasihat British serta dengan penubuhan jawatannya akan ditetapkan oleh Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu dan akan dibiayainya daripada hasil pendapatan Negeri Perlis.
6. Negeri Perlis akan diperintah oleh Yang Maha Mulia Raja dengan bantuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (State Council), yang mana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan dianggotai oleh yang Maha Mulia Raja sebagai Presidennya dan tiga orang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang terdiri daripada orang-orang Melayu anak Negeri Perlis yang dipilih atas nama atau jawatan oleh Yang Maha Mulia Raja Perlis dengan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu, dan seorang lagi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu ialah Pegawai Penasihat British. Akan tetapi jika persetujuan bersama tercapai antara Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu dan Yang Maha Mulia Raja Perlis, boleh juga ditambahkan lagi bilangan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis bagi mana-mana masa yang ditetapkan kelak. Maka pada masa Yang Maha Mulia Raja tidak hadir hendaklah dipilih oleh Yang Maha Mulia itu akan seorang Melayu daripada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat itu.

7. Akan pegawai-pegawai kerajaan di dalam Negeri Perlis hendaklah diambil daripada anak-anak Melayu Perlis, tetapi jika sekiranya pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri nampak apa-apa tugas yang anak-anak Melayu Perlis tidak boleh kerjakannya baharulah boleh diambil orang-orang dari luar Negeri Perlis. Maka Kerajaan Negeri Perlis akan menghantar anak-anak Melayu Perlis pergi melanjutkan pelajaran dalam berbagai bidang di luar negeri mengikut pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan biayaan Kerajaan Negeri Perlis, supaya mereka akan menjadi berguna kepada Kerajaan Negeri Perlis.
8. Maka di dalam segala pejabat kerajaan di Negeri Perlis hendaklah digunakan Bahasa Melayu secara rasmi, iaitu dalam tulisan Jawi, melainkan yang mana diluluskan oleh undang-undang Negeri Perlis atau dikuatkuasakan khas oleh kerajaan, bahasa-bahasa lain boleh digunakan.

Demikianlah isi kandungan surat perjanjian tersebut. Perlu disebutkan juga iaitu para saksi kepada perjanjian itu ialah Tuan Syed Darus dan Tuan Haji Ahmad di pihak Raja Syed Alwi, dan di pihak Sir Cecil Clementi Smith pula disaksikan oleh Mr. L.A. Allen dan Mr. A. Hyde.

Pelaksanaan butir-butir di dalam perjanjian tersebut telah mula berjalan dan dikuatkuasakan pada tarikh tersebut. Dalam mesyuarat State Council kali pertama selepas perjanjian tersebut, iaitu pada hari Sabtu, 3hb. Mei, tahun 1930, Raja Syed Alwi sebagai Presidennya, telah bertitah menyentuh tentang perjanjian yang baharu diadakan itu. Baginda berasa sangat sukacita kerana boleh tumpang bernaung di bawah Kerajaan Great Britain kerana Baginda yakin bahawa kerajaan itulah yang sehabis besar dan adil sekali di dunia. Di samping itu Baginda telah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Negeri-negeri Melayu kerana sudi berangkat ke Negeri Perlis dan menandatangani perjanjian tersebut.

Dengan termeterinya perjanjian ini, telah membawa Negeri Perlis sebagai sebuah negeri Melayu yang terakhir sekali bernaung di bawah Kerajaan British secara rasmi. Dalam hubungan ini juga bererti bahawa Negeri Perlis adalah merupakan negeri Melayu yang pendek sekali jangkamasanya bernaung secara rasmi di bawah Kerajaan British.

Selepas lebih kurang enam bulan daripada tarikh perjanjian itu, iaitu dalam bulan Oktober, tahun 1930, Raja Syed Alwi dengan diiringi oleh Mr. L.A. Allen dan Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad telah berangkat ke Singapura. Setelah kembalinya dari Singapura, Raja Syed Alwi dengan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu telah mengangkat Tuan

Haji Ahmad bin Haji Muhammad menjadi seorang ahli baharu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (State Council).

Elok juga dimuatkan senarai Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis semasa itu, iaitu seperti dalam bulan Oktober tahun 1930. Mereka adalah seperti berikut:

1. Raja Syed Alwi Jamalullail, Presiden.
2. Tuan Syed Hamzah Jamalullail, Naib Presiden.
3. Mr. L.A. Allen, Pegawai Penasihat British.
4. Tuan Hj. Mohd. Noor bin Ahmad, Ahli.
5. Tuan Syed Idrus, Ahli.
6. Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Muhammad, Ahli.²

Mengikut butir-butir minit mesyuarat State Council Perlis dalam tahun-tahun 1930an, adalah didapati bahawa majlis tersebut telah mengadakan mesyuarat-mesyuaratnya tiap-tiap bulan sekali sekurang-kurangnya. Mesyuarat tersebut telah diadakan di Ibu Pejabat Kerajaan Negeri di Kangar atau di Istana Arau. Perkara-perkara yang diperbincangkan oleh Majlis tersebut adalah meliputi segala hal ehwal yang berhubung dengan kerajaan dan bidang pentadbiran negeri.³

Pendek kata segala perkara yang berhubung dengan kewangan, undang-undang dan hukuman, cukai, tanah dan galian, pajak dan lesen, pengambilan dan pembuangan kakitangan kerajaan, kenaikan pangkat, gaji dan pencen pegawai-pegawai kerajaan, pembinaan bangunan-bangunan kerajaan, dan serba-serbinya yang berhubung dengan urusan kerajaan mesti mendapat kelulusan dan pengesahan daripada State Council terlebih dahulu sebelum sesuatu perkara itu dilaksanakan.

Mr. L.A. Allen telah menjadi Pegawai Penasihat British di Negeri Perlis sehingga akhir bulan November tahun 1930, kemudiannya beliau telah digantikan oleh Mr. M.C. Hay. Elok disebutkan iaitu Mr. M.C. Hay adalah seorang sarjana yang sungguh berminat dalam bidang sejarah dan pelajaran.⁴

Di awal tahun 1931 telah diadakan suatu bancian penduduk di Negeri Perlis. Mengikut laporan Mr. M.C. Hay, jumlah penduduk di Negeri Perlis dalam tahun tersebut ialah 49,296 orang. Daripada jumlah tersebut, kadar ramai penduduk mengikut bangsa adalah seperti berikut:

3. *Ibid.*

4. *Minit Mesyuarat Perlis State Council, Tahun 1930.*

Mr. M.C. Hay berkelulusan M.A. dari Universiti Cambridge.

Melayu	39,716 orang
Cina	6,500 orang
India	966 orang
Siam	1,616 orang
Lain-lain bangsa	498 orang ⁵

Merujuk kepada banci penduduk-penduduk Negeri Perlis dalam tahun 1911 dahulu, dapatlah dibuat suatu rumusan bahawa dalam masa kira-kira 20 tahun sahaja penduduk-penduduk di negeri kecil ini telah bertambah kira-kira 16,500 orang. Jumlah pertambahan tersebut adalah agak besar juga jika dibandingkan dengan keluasan negeri iaitu 310 batu persegi dan dilihat dalam keadaan zaman itu.

Pada 5hb. November tahun 1931, bersamaan dengan 23hb. Jamadil Akhir Sanah Hijrah 1350, State Council Perlis telah mengadakan satu mesyuarat khas di Istana Arau. Mesyuarat tersebut telah membincangkan suatu perkara khusus mengenai tindakan Kerajaan Negeri Perlis terhadap seorang "money-lender" bangsa Benggali yang termasyhur di negeri ini semasa itu, iaitu Jagat Singh.⁶

Jagat Singh dikatakan telah memberi hutang kepada ramai petani Melayu di kampung-kampung di Negeri Perlis. Petani-petani miskin yang terpaksa berhutang itu telah menggadaikan geran-geran tanah sawah dan kampung mereka kepada Jagat Singh. Ramai petani Melayu yang telah kehilangan tanah mereka dan banyak tanah bendang dan kampung mereka menjadi kepunyaan Jagat Singh. Dengan cara demikian Jagat Singh telah menjadi sangat kaya. Dia telah dapat membina bangunan-bangunan batu yang besar di bandar Kangar. Beliau dikatakan berura-ura hendak membeli sebahagian daripada Negeri Perlis ini, dan kegiatannya memberi pinjaman wang kepada petani-petani itu adalah merugikan petani-petani itu sendiri kerana banyak tanah petani-petani telah hilang ke tangan Jagat Singh. Hakikat tersebutlah yang menyebabkan State Council Perlis yang bersidang pada hari tersebut telah membuat keputusan tegas, iaitu menghalau Jagat Singh keluar daripada Negeri Perlis. Minit mesyuarat tersebut berbunyi, "Council putuskan dibuang Jagat Singh daripada Negeri Perlis seumur hidupnya".⁷

Berhubung dengan perkara Jagat Singh juga, State Council Perlis di dalam suatu mesyuarat lagi kemudiannya telah memutuskan bahawa Jagat Singh tiada ditegah daripada masuk atau tinggal di mana-mana satu Negeri-

5. Ahmad Ismail, "Seri Indera Kayangan", Hal. 22

6. Minit Mesyuarat Perlis State Council, bertarikh 5-11-1931.

7. Minit Mesyuarat Perlis State Council, bertarikh: 5-11-1931.

negeri Melayu Bersekutu, sama ada Perak, Selangor, Negeri Sembilan atau Pahang.

Sebagai seorang sarjana yang sangat berminat dalam bidang sejarah, Mr. M.C. Hay telah berusaha supaya Kerajaan Negeri Perlis memelihara dan menjaga sebidang tanah perkuburan lama di celah-celah bukit berhampiran dengan Sungai Perlis, iaitu tanah perkuburan di mana terletak Makam Al-Marhum Kayang Pertama.⁸ Berhubung dengan itu di dalam suatu mesyuarat State Council yang diadakan dalam bulan Disember tahun 1931, telah dibuat keputusan bahawa makam tersebut itu akan ditebas dan dicuci hutan-hutan di sekelilingnya dan juga diperbaiki nisannya serta ditandakan lingkungan makam itu dan juga dua makam lain yang berhampiran dengannya. Nisan asal makam Al-Marhum Kayang Pertama dan makam-makam lain yang berhampirannya adalah diperbuat daripada kayu tembesu. Kerja-kerja mencuci dan menebas belukar di kawasan makam tersebut, serta menggantikan nisan asalnya dengan nisan baru telah dibuat dalam tahun 1932. Tetapi nisan kayu asal Al-Marhum Kayang Pertama itu masih lagi diletakkan di permakaman itu, dan ianya masih kekal di situ hingga sekarang.

Semasa perkhidmatan Mr. M.C. Hay ini, suatu perkembangan baru di bidang pelajaran dan persekolahan Melayu di Negeri Perlis telah berlaku, iaitu di awal tahun 1932 di mana suatu Jawatankuasa Pelajaran (Education Committee) telah ditubuhkan bagi negeri ini. Penubuhannya adalah hasil daripada kesedaran Tuan Syed Hamzah, Naib Presiden State Council, yang mana di suatu mesyuarat State Council beliau telah membuat suatu ucapan yang mana ditumpukan khas kepada persekolahan Melayu di Negeri Perlis semasa itu. Menurut Tuan Syed Hamzah, beliau telah nampak bahawa peraturan-peraturan pelajaran di sekolah-sekolah Melayu semasa itu perlu diperbaiki lagi, kerana mengikut peraturan tersebut budak-budak yang telah lepas (tamat) persekolahan hanya tahu memegang kalam sahaja. Oleh itu Tuan Syed Hamzah telah menyarankan supaya diubah peraturan-peraturan pelajaran supaya dapat memberi murid-murid itu pelajaran yang boleh memperbaiki kehidupan mereka sehari-hari.⁹

Saranan dan pandangan Tuan Syed Hamzah itu telah diambil perhatian berat oleh pihak State Council dan Mr. M.C. Hay khasnya. Sikap yang positif pihak State Council ini telah membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Pelajaran Negeri (State Education Committee) yang mana Tuan Syed

8. Dengan lebih tepat lagi, kawasan Makam Al-Marhum Kayang Pertama ini letaknya berhampiran dengan tebing Sungai Perlis dan dikelilingi oleh Bukit-bukit: Kayang, Lambong Panah, Nasi Sebungkus (Besar dan Kecil), Jagat Hutang, Wai dan Menara.

9. Minit Mesyuarat Perlis State Council, Tahun 1932.

Hamzah sendiri menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran itu, dan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

1. Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Muhammad (Hakim Besar)
2. Encik Pilus bin Awang (Guru Pelawat)
3. Che' Matt bin Hj. Kassim (Ketua Polis)
4. Encik Wan Ahmad bin Wan Daud (Pegawai Syarikat Kerjasama)
5. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim (Penolong Juruodit)
6. Encik Abdullah bin Ahmad (Inspektor Tanah dan Tanaman)¹⁰

Menurut suatu laporan daripada minit mesyuarat Jawatankuasa Pelajaran yang diadakan di pertengahan tahun 1932 itu, adalah dibuat keputusan bahawa pelajaran Rumi dalam darjah satu dan dua hendaklah dihentikan dan digantikan dengan pelajaran Jawi dan karangan Jawi, pelajaran Rumi itu hanya akan dimulai dalam darjah tiga. Keputusan tersebut telah mendapat persetujuan dan diluluskan kemudiannya oleh State Council, manakala pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut telah mula dikuatkuasakan di awal tahun 1933.¹¹

Mr. M.C. Hay telah tamat tempoh perkhidmatannya di Negeri Perlis pada 15hb. Julai tahun 1932, dan mulai daripada tarikh tersebut Mr. O.E. Venables telah menggantikan tempat Mr. Hay sebagai Pegawai Penasihat British yang baharu.¹²

Di awal bulan November tahun 1932, Sir Cecil Clementi Smith Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Negeri-negeri Melayu telah datang melawat ke Negeri Perlis untuk menyampaikan sebuah bintang kebesaran "C.M.G." yang mana telah dianugerahkan oleh King George Kelima dahulu kepada Raja Syed Alwi.¹³

Usaha-usaha mengumpulkan wang bagi pembinaan sebuah masjid baharu di Kangar telah dijalankan semenjak tahun-tahun 1920an lagi, dan pembinaannya telah dimulakan semenjak semasa perkhidmatan Mr. M.C. Hay dahulu. Namun semasa perkhidmatan Mr. O.E. Venables baharulah masjid tersebut telah siap dibina dan dibuka dengan rasminya oleh Raja Syed Alwi pada 14hb. Syawal, Sanah Hijrah 1351, bersamaan dengan bulan Mac tahun 1933. Masjid yang sungguh indah dan terbesar di Negeri Perlis ini dinamakan "Masjid Alwi", iaitu mengambil sempena nama Raja Syed Alwi. Masjid tersebut telah menelan belanja sebanyak \$64,684.00, dan wang tersebut adalah didapati daripada pihak-pihak berikut:

10. *Minit Mesyuarat Perlis State Council, Tahun 1932.*

11. *Ibid*

12. *Ahmad Ismail, Op.Cit., Hal. 23.*

13. *Ahmad Ismail, Op.Cit., Hal. 23.*

1. Wang Zakat dan Fitrah dalam Negeri Perlis	\$30,672.00
2. Pegawai-pegawai Kerajaan yang beragama Islam	\$12,021.00
3. Saudagar dan lain-lain yang beragama Islam	\$ 991.00
4. Kerajaan Negeri Perlis	\$20,000.00 ¹⁴

Sayugia disebutkan bahawa kutipan dan pengumpulan wang yang sebanyak \$64,684.00 itu adalah hasil daripada dayausaha yang giat yang dijalankan oleh "Jawatankuasa Pengusaha" masjid tersebut, dan mereka adalah terdiri daripada:

1. Tuan Syed Hamzah Jamalullail, Yang DiPertua
2. Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Muhammad, Pengerusi
3. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, Setiausaha
4. Encik Abdullah bin Ahmad, Bendahari
5. Encik Wan Ahmad bin Wan Daud, Pemeriksa Kira-kira
6. Che' Matt bin Hj. Kassim, Ahli
7. Tuan Hj. Ismail bin Hj. Ibrahim, Ahli
8. Tuan Syed Hussin bin Syed Zain, Ahli
9. Tuan Syed Alwi bin Syed Hassan, Ahli
10. Tuan Hj. Muhammad bin Hj. Arshad, Ahli
11. Encik Mahmud bin Muhammad, Ahli
12. Encik Pilus bin Awang, Ahli

Semasa perkhidmatan Mr. Venables, iaitu di awal tahun 1933 juga, State Council telah membuat keputusan supaya "Sanitary Board Pekan Kangar" (Lembaga Kebersihan Pekan Kangar), Padang Besar, Arau dan Kaki Bukit dibatalkan sahaja dan digantikan dengan hanya satu "Board" (Lembaga) yang baharu, yang mana ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

1. Tuan Ketua Polis Negeri Perlis, Pengerusi
2. Tuan Penolong Jurutera
3. Tuan Penolong "Surgeon"
4. Seorang Ahli Bangsa Cina dari Pekan Kangar
5. Seorang Ahli Bangsa Cina dari Pekan Kaki Bukit
6. Seorang Ahli Bangsa Cina dari Pekan Padang Besar
7. Seorang Ahli Bangsa Cina dari Pekan Arau
8. Seorang Ahli Melayu.¹⁵

Sebenarnya tempoh jawatan ahli-ahli tersebut adalah selama tiga tahun sahaja, dan ahli-ahli dari bangsa Cina yang telah dilantik oleh State Council pada peringkat permulaan itu adalah seperti berikut:

14. Papan Peringatan Masjid Alwi, Kangar.

15. Minit Mesyuarat Perlis State Council, Tahun 1933.

1. Encik Quah Tien Sun, dari Pekan Kangar
2. Encik Loh Seng, dari Pekan Kaki Bukit
3. Encik Nee Kan Sam, dari Pekan Arau
4. Encik Khoo Hock Kee, dari Pekan Padang Besar.¹⁶

Dalam suatu mesyuarat State Council yang diadakan di akhir bulan Januari, tahun 1934, Mr. O.E. Venables telah membaca kepada majlis itu sepucuk surat yang diterimanya daripada Raja Syed Alwi. Melalui surat tersebut Raja Syed Alwi telah mencadangkan suatu tambahan kepada perjanjian antara Negeri Perlis dengan Kerajaan British yang dibuat dalam tahun 1930 dahulu. Maksud surat tersebut ialah berhubung dengan syarat-syarat yang diikuti bagi Presiden State Council, jika sekiranya Baginda tidak berupaya memegangnya kerana kegeringan, Baginda akan melantik mana-mana seorang ahli dalam State Council sebagai Presiden, iaitu menurut Perkara (6) dalam Perjanjian Tahun 1930 itu. Berhubung dengan perkara tersebut itu State Council telah bersetuju supaya dibuat tambahannya, dan diperintah supaya Pegawai Penasihat British memanjangkan perkara itu kepada Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Negeri-negeri Melayu.¹⁷

Di pertengahan bulan April tahun 1934, State Council telah memutuskan supaya dinaikkan pangkat Tuan Syed Hassan bin Syed Mahmud, Hakim Yang Ketiga ke taraf Pegawai Kelas Dua menurut sekim gaji "Senior Officer". Dalam mesyuarat yang sama juga telah diputuskan bahawa Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, Penolong Juruodit dan Tuan Haji Ismail, State Treasurer dinaikkan pangkat kedua-duanya menjadi "Senior Officer" dan mereka akan menerima gaji menurut sekim "Senior Officer Kelas Dua".¹⁸

Dalam tahun 1935 Raja Syed Alwi telah pun meningkat usia kira-kira 53 tahun. Di samping Permaisuri Sharifah Chut binti Syed Salim, Baginda juga telah berkahwin dengan Hajjah Che' Udoh binti Ibrahim dan Che' Fatimah binti Yasin. Namun demikian sehingga dalam usia tersebut Baginda masih belum mempunyai seorang putera atau puteri pun. Oleh itu, merujuk kepada butir-butir Perjanjian Tahun 1930, menurut Perkara (4), maka pada 6hb. Disember, tahun 1934, State Council Perlis telah mengadakan suatu persidangan khas sebagai usaha bagi menentukan seorang Bakal Raja bagi Negeri Perlis selepas Raja Syed Alwi. Dengan itu State Council telah mengambil keputusan mengangkat Tuan Syed Hassan Ibni Syed Mahmud Ibni Syed Safi Jamalullail menjadi Bakal Raja Negeri Perlis. Keputusan

16. *Ibid.*

17. *Minit Mesyuarat Perlis State Council, Tahun 1934.*

18. *Ibid.*

tersebut telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan British yang sedang menaungi Negeri Perlis.

Tuan Syed Hassan adalah anakanda saudara kepada Raja Syed Alwi. Sebelum dilantik menjadi Bakal Raja beliau telah berkhidmat sebagai Hakim Yang Ketiga di bawah Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad (Hakim Besar). Sebenarnya Tuan Haji Ahmadlah yang telah bekerja keras dan giat berusaha memujuk serta menasihati Raja Syed Alwi supaya mengangkat Tuan Syed Hassan sebagai Bakal Raja Negeri Perlis.

Sehingga tahun 1934 itu belum lagi terdapat mana-mana sekolah Inggeris di Negeri Perlis. Namun beberapa tahun sebelum itu pelajaran bahasa Inggeris telah pun diajar di Sekolah Melayu Kangar, dan guru yang mengajarnya ialah Encik Mohd. Hashim (Mr. Hashim), yang mana beliau telah diberi claun sebanyak \$30.00 tiap-tiap bulan. Tetapi memandangkan kepada kekurangan wang peruntukan bagi pelajaran, maka pihak State Council telah memutuskan supaya bayaran claun tersebut diberhentikan di akhir bulan April tahun 1934. Namun Encik Mohd. Hashim adalah dibenar meneruskan pengajaran Bahasa Inggeris dengan bayaran yang ia boleh dapati daripada murid-muridnya sendiri.

Penting juga disebutkan iaitu sehingga tahun 1934 itu hanya terdapat seramai 12 orang guru-guru terlatih yang sedang mengajar di sekolah-sekolah Melayu yang berjumlah 20 buah dalam Negeri Perlis. Memandangkan keadaan demikian, perkembangan pelajaran di Negeri Perlis sehingga ke period tersebut dapatlah dikatakan masih belum memuaskan, terutamanya dilihat betapa kurangnya bilangan guru-guru terlatih di negeri ini semasa itu. Hakikat tersebut memang disedari oleh pihak Jawatankuasa Pelajaran Negeri (State Education Committee) dan pihak State Council sendiri. Sehubungan dengan itu dalam mesyuarat State Council yang diadakan dalam bulan April tahun 1934, telah diperbincangkan langkah-langkah yang sewajarnya yang patut diambil dalam usaha bagi memajukan pelajaran dan persekolahan Melayu di Negeri Perlis.

Sebagai susulannya, Mr. O.E. Venables telah memaklumkan kepada State Council bahawa beliau bercadang hendak mempersilakan Mr. O.T. Dussek, Pengetua Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, untuk datang melawat dan memeriksa sekolah-sekolah Melayu di negeri ini. Cadangan tersebut telah dipersetujui oleh State Council dan diputuskan hendak meminta ihsan Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu supaya membenarkan Mr. Dussek untuk berbuat demikian. Hasil daripada usaha tersebut telah membawa kepada perkembangan pelajaran dan persekolahan Melayu di negeri ini dalam tahun-tahun berikutnya.

Mr. O.E. Venables telah menamatkan perkhidmatannya sebagai pegawai Penasihat British di Negeri Perlis pada 22hb. Ogos tahun 1935, dan mulai daripada tarikh tersebut itu Mr. C.R. Howitt telah mula berkhidmat sebagai Pegawai Penasihat British yang baharu bagi Negeri Perlis.¹⁹

Setelah belum sempat setahun Tuan Syed Hassan menjadi Bakal Raja Negeri Perlis, dan selepas baharu sahaja ditabalkan dalam tahun 1935 itu, tiba-tiba pada 18hb. Ogos tahun itu beliau telah mangkat di Rumah Sakit Besar, Alor Setar. Sebenarnya Tuan Syed Hassan telah gering semenjak beberapa minggu kerana mengidap penyakit barah di dalam telinganya. Jenazah Al-Marhum Tuan Syed Hassan itu telah disemadikan di makam Diraja Arau mengikut adat istiadat Diraja Perlis.

Al-Marhum Tuan Syed Hassan Ibni Syed Mahmud Ibni Syed Safi Jamalullail telah berkahwin dengan Wan Teh binti Endut, dan mereka telah mendapat seorang putera, iaitu Tuan Syed Harun Putra (Syed Putra)*, yang semasa itu berusia lima belas tahun, dan sedang belajar di Sekolah Hutching, di Pulau Pinang.

Kemangkatan Tuan Syed Hassan itu telah menimbulkan pula masalah perlantikan Bakal Raja bagi Negeri Perlis. Walau bagaimanapun perlantikan seorang Bakal Raja yang baharu bagi Negeri Perlis masih belum dibuat lagi dalam tahun tersebut, dan keadaan dilema wujud di kalangan penduduk-penduduk negeri ini khasnya, iaitu mereka ingin benar mengetahui tentang siapa di antara kerabat-kerabat Diraja yang berhak yang akan diangkat menjadi Bakal Raja Perlis yang baharu.

Keadaan kritikal dan konflik dingin telah wujud lagi di Negeri Perlis selepas kemangkatan Bakal Raja Syed Hassan itu, di mana telah muncul kembali dua pihak yang bersaing, iaitu pihak Tuan Syed Hamzah dan penyokong-penyokongnya dan suatu pihak lagi ialah mereka yang mahukan Tuan Syed Putra, putera Tuan Syed Hassan menjadi Bakal Raja Perlis yang baharu. Pada kali ini Tuan Syed Hamzah memang benar-benar mahukan supaya beliau diangkat menjadi Bakal Raja, kerana beliau adalah adinda kepada Raja Syed Alwi, sedangkan Tuan Syed Putra adalah cucunda saudara kepada Raja Syed Alwi. Tegasnya hubungan kerabat Tuan Syed Hamzah dengan Raja Syed Alwi adalah lebih dekat kiranya dibandingkan dengan Tuan Syed Putra. Namun demikian pihak yang hendakkan Tuan Syed Putra menjadi Bakal Raja adalah lebih ramai jumlahnya daripada pihak yang

19. Ahmad Ismail, *Op.cit.*, Hal. 24.

* Tuan Syed Harun Putra lebih popular dengan panggilan 'Tuan Syed Putra' dan 'Raja Syed Putra' sehinggalah sekarang 'Tuanku Syed Putra'. Baginda telah diputerakan pada 2hb. Safar, S.H. 1338 (25-11-1920).

menyokong Tuan Syed Hamzah, dan mereka yang menyokong Tuan Syed Putra adalah terdiri daripada kerabat Diraja, ahli-ahli State Council dan para pembesar Negeri Perlis semasa itu.

Pihak Tuan Syed Hamzah hanya mempunyai beberapa orang penyokong sahaja yang mana terdiri daripada kerabat Diraja dan sahabat handainya. Raja Syed Alwi sendiri semasa itu nampaknya lebih suka dan mahukan Tuan Syed Putra diangkat menjadi Bakal Raja yang baharu, dan Baginda agak keberatan untuk mengangkat Tuan Syed Hamzah. Hakikat tersebut memang disadari oleh Tuan Syed Hamzah sendiri, tetapi beliau tidak dapat berbuat apa-apa, kerana segala keputusan dan penentuan mengenai perlantikan Bakal Raja itu adalah terserah dan tertakluk kepada persetujuan State Council dan juga pihak Kerajaan British.

Walau bagaimanapun perkara mengangkat Bakal Raja Perlis yang baharu itu terus dibekukan oleh pihak State Council sehingga lebih dua tahun kemudiannya baharulah Bakal Raja yang baharu itu dilantik.

Di awal tahun 1938 Raja Syed Alwi telah dikurniakan sebuah lagi bintang kebesaran, iaitu bintang "K.B.E." oleh King George Keenam.²⁰ Bintang kebesaran itu telah disampaikan kepada Raja Syed Alwi oleh Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Negeri-negeri Melayu.

Mr. C.R. Howitt telah pulang ke England pada 1hb. April tahun 1938, dan semenjak itu tempat beliau mula diambilalih oleh Captain C.W. Dawson. Semasa perkhidmatan Mr. Dawson inilah suatu perkara yang penting telah dapat diselesaikan. Bersempena dengan lawatan Mr. Shenton Thomas ke Negeri Perlis dalam bulan April, 1938 itu perlantikan Bakal Raja Perlis yang baharu telah dibuat. Berhubung dengan itu pada 30hb. April, 1938, State Council Perlis dengan persetujuan King George Keenam, telah memutuskan mengangkat Tuan Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail menjadi Bakal Raja Negeri Perlis yang baharu.²¹ Sehingga masa itu Tuan Syed Putra masih lagi menuntut di Sekolah Hutching, Pulau Pinang.

Sebenarnya di antara penyokong-penyokong yang giat berusaha supaya Tuan Syed Putra dilantik ialah Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad, salah seorang daripada ahli State Council yang sangat rapat dengan Raja Syed Alwi, yang mana pandangan serta nasihat beliau itu selalunya diterima oleh Raja Syed Alwi.

20. Ahmad Ismail, *Op.cit.*, Hal. 25.

21. Ahmad Ismail, *Loc.cit.*, Hal. 25.

Istiadat mengangkat Bakal Raja yang baharu itu kemudiannya telah diadakan di Balai Penghadapan, Istana Arau, di mana Tuan Syed Putra telah diperkenalkan kepada Gabenor Sir Shenton Thomas, Pegawai Penasihat British, kerabat-kerabat Diraja, pembesar-pembesar negeri serta pegawai-pegawai kerajaan negeri yang hadir.

Mengikut laporan Captain C.W. Dawson, pada 5hb. Jun tahun 1938 Raja Syed Alwi telah berangkat ke bandar Kangar kerana menyempurnakan upacara meletakkan batu asas bangunan baharu Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Perlis.²² Bangunan baharu yang sedang dibina itu akan mengandungi beberapa buah bilik bagi pejabat-pejabat kerajaan kecuali Pejabat Kesihatan, Polis, Mahkamah dan Pos, yang terasing daripada bangunan besar itu. Perlu dinyatakan bahawa sebelum bangunan baharu itu disiapkan, Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Perlis yang lama, yang mengandungi Pejabat-pejabat: Raja dan Penasihat, Perbendaharaan Negeri, Pelajaran, Tanah dan Galian, dan lain-lain pejabat adalah bertempat di tapak bangunan Balai Polis Daerah Kangar sekarang. Bangunan yang lama itu telah dibina semenjak Negeri Perlis berada di bawah naungan Siam lagi.

Dalam bulan Ogos tahun 1938, Raja Syed Alwi dengan persetujuan ahli-ahli State Council dan Gabenor Sir Shenton Thomas, telah melantik Encik Wan Ahmad bin Dato' Wan Daud menjadi ahli State Council yang baharu.²³

Di akhir-akhir tahun 1938 suatu cadangan telah dikemukakan kepada State Council supaya membenarkan ditubuh suatu pasukan yang dinamakan "Pasukan Sukarela" atau "Volunteer Force" di Negeri Perlis, yang mana pasukan itu akan bergabung dengan "Pasukan Sukarela Kedah" (Kedah Volunteer Force). Cadangan tersebut telah diterima dan mendapat sokongan yang kuat daripada State Council. Oleh itu dalam bulan Disember tahun itu "Perlis Volunteer Force" telah ditubuhkan.²⁴

Di awal tahun 1939, Tuan Syed Putra yang sedang menuntut di Pulau Pinang itu telah dijemput pulang ke Negeri Perlis, kerana Raja Syed Alwi dan pihak State Council telah memutuskan bahawa beliau sudah sampai masanya dan layak untuk diberi latihan yang sewajarnya sebagai Bakal Raja, dan pada masa itu Tuan Syed Putra sudah meningkat usianya dua puluh tahun.

Tuan Syed Putra telah ditempatkan di Mahkamah Rendah Kangar dalam tahun 1940, di mana beliau telah menjalani latihan kira-kira empat

22. *Perlis Annual Report, Tahun 1938.*

23. *Perlis Annual Report, Tahun 1938;*

24. *Ahmad Ismail, Op.cit., Hal. 27.*

bulan. Selepas itu Tuan Syed Putra telah dihantar pula ke Kuala Lumpur untuk mengikuti latihan-latihan di Pejabat Tanah dan di Mahkamah Pengadil di sana sehinggalah menjelang Perang Dunia Kedua di akhir-akhir tahun 1941. Sayugia disebutkan bahawa semasa menjalani latihan di Kuala Lumpur itu Tuan Syed Putra telah berkahwin dengan Tengku Budriah binti Tengku Ismail, iaitu cucunda kepada Tengku Abdul Kadir, Raja Negeri Patani yang terakhir, dan juga kaum kerabat Diraja Kelantan.

Captain C.W. Dawson telah berkhidmat di Negeri Perlis selama kira-kira setahun, dan dalam bulan April tahun 1939 beliau telah meninggalkan Negeri Perlis kerana tempoh perkhidmatannya telah tamat. Tempat beliau telah digantikan oleh Mr. E.V.G. Day, dan Mr. Day adalah Pegawai Penasihat British yang terakhir bagi Negeri Perlis sehingga menjelang Perang Dunia Kedua.

Pada 29hb. Jun tahun 1939 itu Raja Syed Alwi telah merayakan hari ulang tahun keputeraan Baginda yang kelima puluh tujuh dan genap tiga puluh lima tahun Baginda menaiki takhta Negeri Perlis. Bersempena dengan hari yang bersejarah itu juga Baginda telah menjalankan istiadat memindah dan menaiki istana yang baharu disiapkan di bandar Diraja Arau.²⁵

Menjelang pertengahan tahun 1939 itu api Peperangan Dunia Kedua telah bermula di Benua Eropah yang mana juga telah melibatkan Britain dan sekutu-sekutunya berperang dengan kuasa-kuasa Jerman dan Itali di suatu pihak lagi. Berhubung dengan itu pada 22hb. Mei tahun itu, dengan persetujuan Raja Syed Alwi dan State Council, Kerajaan Negeri Perlis telah menghadihkan wang sebanyak \$25,000 kepada Kerajaan British, sebagai bantuan pertahanan daripada sebuah negeri yang bernaung di bawah Kerajaan British.

Dalam bulan Ogos tahun itu Mr. W.N. Ingrams, Resident Adviser bagi Negeri-negeri Hadramaut (di Semenanjung Tanah Arab) telah datang melawat Negeri Perlis. Mr. Ingrams telah berkunjung ke Istana Arau dan menghadap Raja Syed Alwi. Tujuan kedatangan beliau ke Negeri Perlis ialah untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi perihal pertalian kerabat Diraja Jamalullail di Negeri Perlis dengan keluarga Arab di Hadramaut.

Mr. J.W. Jefferson, Bekas Ketua Hal Ehwal Senaman Negeri-negeri Tanah Melayu, telah dihantar ke Negeri Perlis di akhir-akhir tahun 1939, dan mula berkhidmat sebagai Nazir Sekolah-sekolah Melayu Perlis. Beliau adalah merupakan pegawai bangsa Inggeris yang pertama menjadi Nazir Sekolah-

25. Ahmad Ismail, *Op.cit.*, Hal. 28.

sekolah Melayu di negeri ini. Penempatannya di Negeri Perlis adalah sebagai suatu usaha bagi memajukan mutu pelajaran di sekolah-sekolah Melayu di negeri ini, iaitu hasil daripada lawatan dan pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Mr. O.T. Dussek ke sekolah-sekolah Melayu di negeri ini terdahulu dari itu.

Sebenarnya Mr. Jefferson telah banyak membawa kemajuan di bidang pelajaran dan persekolahan Melayu di negeri ini. Dengan dayausaha beliau itu guru-guru Melayu telah dapat mengadakan kelas latihan pada tiap-tiap hari Sabtu, dan mutu pelajaran di sekolah-sekolah Melayu di Negeri Perlis telah meningkat maju serta dapat disamakan tarafnya dengan mutu pelajaran di sekolah-sekolah Melayu di Negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung Tanah Melayu.²⁶

Tetapi Mr. Jefferson tidak berkhidmat lama di Negeri Perlis, kerana pada 19hb. November tahun 1940 beliau telah ditimpa suatu kemalangan semasa beliau sedang di dalam perjalanan hendak melawat ke Sekolah Melayu Kuala Perlis. Tiga hari kemudiannya beliau meninggal dunia di Kangar. Mayatnya telah dibawa ke Bakar Bata, Alor Setar dan dikebumikan di sana.

Pada awal tahun 1940an Dr. Iskandar Kamel (Ibrahim Hj. Yaacob) telah datang melawat ke Negeri Perlis. Beliau telah membuat catatan-catatan yang berguna untuk kita renungkan mengenai keadaan di Negeri Perlis dalam era tersebut. Di antara perkara-perkara yang menarik daripada catatan beliau itu, ringkasnya adalah seperti berikut:

"Penduduk Negeri Perlis semasa itu berjumlah kira-kira 45,000²⁷ orang. Kangar adalah sebuah pekan kecil sepanjang kira-kira satu batu. Di sinilah letaknya Pejabat Kerajaan yang mentadbirkan Negeri Perlis dan tempat duduknya Penasihat Bangsa Inggeris yang memberi nasihat berhubung dengan pemerintahan Negeri Perlis. Ada sebuah Rumah Pasung (Balai Polis), sebuah Pejabat Pos yang dipunyai oleh kerajaan Kedah. Setem yang dipakai di Negeri Perlis ialah setem Negeri Kedah, dan sebuah kelab bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.*

Pemerintahan negeri dijalankan dengan memakai sebuah Majlis Mesyuarat Negeri yang diketuai oleh Yang Maha Mulia Raja dan seorang Naib Yang DiPertua. Anggota-anggota yang lain ialah Hakim Besar, Kepala

26. Ahmad Ismail, *Op.cit.*, Hal. 29.

27. Anggaran ini nampaknya tidak tepat, kerana dalam tahun 1931 jumlah penduduk Negeri Perlis sudah meningkat angka 42,296 orang sepertimana yang dilaporkan oleh Mr. M.C. Hay, British Adviser semasa itu.

* Kelab itu ialah 'Kelab Indera Kayangan'.

Syarikat Kerajaan, Mufti dan Penasihat British. Bahasa rasminya ialah Bahasa Melayu tulisan Jawi.

Hasil negeri yang besar ialah daripada hasil bijih (timah). Di bandar Kangar kelihatan beberapa kedai Cina membeli bijih yang mendapat lesen daripada Kerajaan. Perniagaan di negeri kecil ini di tangan ahli-ahli perniagaan Cina dan India. Pihak orang Melayu hanyalah bersawah padi, menangkap ikan, berkebun serta lain-lain pekerjaan kuli yang mana dapat dikerjakannya. Kehidupan orang Melayu pukulrata sederhana sahaja. Mereka itu berkeadaan tenang dan berpuas hati dengan tanah sawah sejenjang dua, dua tiga ekor lembu. Belanja hidup jauh lebih murah pula (di Perlis). Padi, beras, ikan jakut, sayur-sayuran dan lain-lain barang makanan adalah murah harganya.

Adat istiadat orang Melayu di sini (Perlis) banyak bercampur dengan adat Siam. Keadaan yang lain lebih kuranglah dengan orang-orang Kedah. Tempat pegawai-pegawai dan orang-orang berada makan angin ialah di Pulau Pinang. Pergaulan orang-orang Melayu ramai tidaklah begitu rosak keadaannya. Mereka itu masih tetap secara Melayu zaman berzaman. Ini adalah disebabkan pengaruh orang-orang asing tidak ramai masuk ke negeri ini. Kalau ada pun di bahagian bandar sahaja. Pergaulan mereka itu sama sendiri aman dan tenang. Kasih sesama puak kerabatnya. Tetapi mereka tidaklah dapat mengerti bagaimana kasihkan bangsa dan negara. Mereka hanya setia kepada Raja.

Kemajuan pelajaran Agama Islam di Negeri Perlis ini jauh bezanya dengan Kedah. Kemajuan agama dijayakan dengan bantuan wang yang dikumpulkan daripada bayaran Zakat Fitrah. Daripada wang inilah dibangunkan sebuah Sekolah Arab di Arau dan sebuah masjid yang cantik di Kangar serta beberapa buah masjid di kampung-kampung dengan keadaan yang sederhana. Telah dibangunkan juga rumah-rumah bagi orang-orang yang uzur. Membantu orang-orang Islam yang melarat kehidupannya yang tidak berdaya bekerja kerana uzur. Barangkali di antara Negeri-negeri Melayu hanyalah sebuah ini sahaja rumah miskin yang khas bagi orang-orang Islam diadakan cukup sempurna dan tertib aturannya.²⁸

Se-menjak dalam tahun 1940 lagi Kerajaan British berasa bimbang terhadap kuasa Jepun yang sedang mara ke negeri-negeri di Asia Tenggara, justeru itu pihak British telah menghantar dan menempatkan pasukan-pasukan Askar Punjab ke Negeri Perlis, memandangkan Negeri Perlis ini bersempadan dengan Siam, dan Kerajaan Siam di bawah pimpinan Pibul Songkhram telah bekerjasama dengan Jepun, dan membenarkan tentera-

tentera Jepun mara melalui wilayah-wilayah negerinya ke negeri-negeri Asia Tenggara.

Pasukan-pasukan Askar Punjab yang ditempatkan di Negeri Perlis ini telah berkumpul dan berkhemah di Mata Ayer, iaitu di Cowder Estate yang dimiliki oleh seorang hartawan bernama Amin Shah, J.P.. Semasa itu beberapa buah kapal terbang tentera British sedang meronda di angkasa Negeri Perlis, dan begitu juga kawalan yang seumpama ini dijalankan di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.

BAB X

PERLIS DI ZAMAN JEPUN

(1941 – 1943)

Pada 8hb. Disember tahun 1941, sepasukan kapal terbang tentera Jepun telah terbang melalui angkasa Negeri Perlis menuju ke arah selatan, iaitu kira-kira jam 11.00 pagi. Tidak berapa minit selepas itu tiba-tiba kedengaranlah bunyi letupan dari arah selatan, agak di luar daripada Negeri Perlis. Rupanya lapangan terbang Kepala Batas, Alor Setar telah dibom oleh tentera-tentera Jepun itu.

Orang ramai yang mendengar dan mengetahuinya telah mulai gelisah ketakutan. Kira-kira satu jam selepas itu, Mr. E.V.G. Day, Pegawai Penasihat British telah berangkat ke Panggong Empire, Kangar di mana ramai orang sedang berkumpul di sana. Mr. Day telah membuat ucapan ringkas di panggong tersebut, dan antara lain beliau telah mengumumkan bahawa Kerajaan British telah mengisytiharkan perang terhadap Kerajaan Jepun. Di samping itu Mr. Day telah menasihatkan orang ramai supaya bertenang dan jangan takut tentang perkara itu kerana pihak British dan sekutu-sekutunya telah mempunyai kekuatan yang cukup bagi memerangi pihak Jepun dan sekutu-sekutunya itu.¹

Pada keesokan harinya, iaitu 9hb. Disember, 1941, pihak tentera-tentera British yang terdiri daripada bangsa Punjab telah mengebom titi kayu yang menyambungkan bandar Kangar dengan jalan ke Kuala Perlis melalui Utan Aji (Jalan Raja Syed Alwi). Tindakan tersebut dijalankan adalah kerana kononnya mereka terlihat kapal-kapal laut Jepun sedang belayar di laut berhampiran dengan Pulau Langkawi.

Pada hari yang berikutnya pula pihak British dan askar-askarnya telah bertolak lari dari Negeri Perlis ke Negeri Kedah, kerana hendak bertahan di

1. Ahmad Ismail, "Seri Indera Kayangan (Sejarah Negeri Perlis)", hal. 32.

sana. Pada hari tersebut itu juga telah dilaporkan bahawa Baginda Raja Syed Alwi bersama-sama dengan pengiring Baginda, Encik Wan Ahmad bin Wan Daud serta beberapa orang lagi pengikut-pengikutnya telah bertolak ke arah selatan Tanah Melayu, kerana hendak mencari suatu tempat perlindungan yang terselamat daripada keganasan tentera-tentera Jepun. Baginda Raja Syed Alwi berbuat demikian adalah kerana mengikut kehendak Penguasa British di Tanah Melayu yang mana telah disampaikan arahan itu melalui Pegawai Penasihat British, Mr. Day.

Mr. Day dan beberapa orang pegawai British yang berkhidmat di Negeri Perlis semasa itu telah sama-sama berangkat ke selatan meninggalkan negeri ini. Mr. Day telah berangkat ke Singapura dan beliau telah membawa bersama-samanya semua wang perbendaharaan Negeri Perlis demi untuk keselamatan dan supaya wang tersebut tidak akan terlepas ke tangan pihak Jepun nanti.

Oleh kerana keadaan yang sangat cemas itu Raja Syed Alwi dan Mr. Day telah memesan dan menyerahkan pentadbiran negeri ini kepada Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad, Tuan Haji Ismail bin Haji Ibrahim dan Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, dan kepada mereka inilah diberi mandat supaya sama-sama bermuafakat dan bekerjasama bagi menjaga Negeri Perlis dalam keadaan kecemasan itu.²

Tentera-tentera berjalan kaki Jepun yang diketuai oleh Captain E. Hirota telah sampai dan masuk ke Negeri Perlis melalui Jalan Padang Besar pada hari Jumaat, 12hb. Disember, 1941. Pada malam itu dikatakan bahawa pasukan tentera-tentera Jepun itu telah bermalam di Bukit Keteri, iaitu kira-kira lapan batu dari bandar Kangar.

Keadaan negeri sangat mencemaskan, keadaan huru-hara tidak terkawal lagi. Rompak dan samun menjadi-jadi di pekan-pekan dan di kedai-kedai, kerana Pasukan Polis yang menjaga keamanan negeri sudah tidak mampu mengawal bagi mematahkan kejadian-kejadian liar yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab itu. Kakitangan Pasukan Polis sendiri terancam dan mereka terpaksa meletakkan senjata, dan pergi bersembunyi di kampung-kampung untuk menyelamatkan diri masing-masing.

Dalam keadaan cemas itu satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Keselamatan Negeri telah ditubuhkan yang mana hasil daripada usaha dan permuafakatan "orang-orang yang diharapkan" oleh Mr. E.V.G. Day dahulu. Dalam jawatankuasa itu Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad

menjadi Pengerusi, Tuan Haji Ismail bin Haji Ibrahim sebagai Bendahari dan Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim menjadi Setiausaha merangkap Pegawai Menjaga Makanan dan Kenaikan. Jawatankuasa ini dibantu pula oleh beberapa orang pegawai kerajaan yang lain, dan mereka telah dapat menyelesaikan beberapa perkara yang timbul dalam masa kegentingan itu, baik daripada masalah yang berhubung dengan keselamatan, kewangan, makanan, kenderaan dan kebajikan orang ramai, mahupun masalah-masalah ancaman dan keganasan tentera-tentera Jepun di negeri ini.

Setelah sampai di Kangar, Captain E. Hirota telah bertanya akan Raja Perlis, dan sepanjang jawapan yang diterimanya beliau mengetahui bahawa Raja Perlis, (Raja Syed Alwi) semasa itu berada di luar Negeri Perlis. Oleh itu Captain E. Hirota telah memerintahkan supaya Tuan Syed Hamzah, yang semasa itu sedang berada di Batu 2, Jalan Kaki Bukit, supaya pulang ke Istana Arau dan menjalankan pemerintahan negeri. Tuan Syed Hamzah mematuhi perintah itu dan segera berangkat ke Arau, dan beliau telah mengambil tempat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang sebelum itu dipegang oleh Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad (Tuan Haji Ahmad Hakim). Manakala Setiausaha bagi jawatankuasa itu yang sepatutnya dipegang oleh Tuan Syed Hussin, saudara Tuan Syed Hamzah, kini digantikan oleh Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim kerana Tuan Syed Hussin dikala itu sedang dalam keadaan kurang sihat.

Tidak berapa hari kemudiannya Tuan Syed Hamzah telah menubuhkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (State Council) yang baharu di bawah Kerajaan Military Jepun. Tuan Syed Hamzah sendiri menjadi Presidennya dan ahli-ahlinya adalah terdiri daripada: Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad, Tuan Haji Ismail bin Haji Ibrahim, Che' Matt bin Haji Kassim, Tuan Syed Hussin bin Syed Safi, Tuan Haji Mohd. Nor dan Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim menjadi Setiausahanya.

Memandangkan semasa itu Raja Syed Alwi sedang berada di luar negeri, Tuan Syed Hamzah yang menjadi Presiden "State Council" adalah seolah-olah Raja Negeri Perlis, yang mana beliau dihormati oleh pembesar-pembesar dan tentera Jepun. Lagi pula pihak Jepun marah dan benci kepada Raja Syed Alwi kerana Baginda mematuhi arahan pihak British dan keluar meninggalkan negeri dan rakyat dalam keadaan yang demikian.

Sebenarnya Raja Syed Alwi yang sedang berada di luar negeri itu sedang berlindung diri di Kuala Kangsar bersama-sama dengan Encik Wan Ahmad bin Wan Daud, Encik Osman bin Talib, Encik Ramli bin Mahmud dan beberapa orang lagi. Setelah tentera-tentera Jepun sampai di bandar Kuala Kangsar itu, Raja Syed Alwi dan pengiring-pengiring Baginda telah pun

berundur ke suatu tempat lain, iaitu di Ulu Kenas, Perak. Namun pihak tentera Jepun telah menemui tempat perlindungan itu, dan justeru itu pada 28hb. Disember, 1941, Raja Syed Alwi dan pengiring-pengiring Baginda itu telah dibawa pulang ke Negeri Perlis oleh tentera-tentera Jepun melalui jalan-jalan yang merbahaya dan sangat mencemaskan. Pada malam hari tersebut baharulah Raja Syed Alwi dan mereka yang bersama Baginda sampai ke Istana Arau dalam keadaan letih.³

Tidak berapa lama selepas tentera-tentera Jepun bertolak dari Negeri Perlis dan mara ke selatan, lalu datanglah Ketua Pemerintah Tentera Jepun, Ohyama Kikan Cho yang bertugas dan bertanggungjawab ke atas pemerintahan Negeri Kedah dan Perlis. Beliau berhenti dan berehat di rumah tempat kediaman Pegawai Penasihat British Negeri Kedah, di Alor Setar. Tempat kediaman itu telah dikosongkan sepeninggalan Pegawai Penasihat British yang telah lari menyelamatkan diri ke selatan Tanah Melayu. Sebenarnya Ohyama Kikan Cho inilah yang akan bertugas dan mula mengubah corak baharu dalam sistem pentadbiran Negeri Kedah dan Perlis mengikut dasar dan kemahuan pihak berkuasa Jepun selaras dengan dasar pemerintahannya di Asia Tenggara.

Ohyama Kikan Cho juga telah melantik pegawai-pegawai pentadbir negeri yang baharu, dan menentukan jawatan masing-masing bagi membantu pentadbiran Negeri Perlis. Dalam rombongan ahli-ahli "State Council" Perlis itu, Raja Syed Alwi dijadikan Presiden "State Council", Tuan Syed Hamzah dijadikan Naib Presiden dan ahli-ahli "State Council" yang lain adalah terdiri daripada: Tuan Syed Hussin bin Syed Safi menjadi Setiausaha Pertama, Tuan Syed Alwi menjadi Setiausaha Kedua, Che' Matt bin Haji Kassim, dan Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim menjadi Pegawai Kewangan Negeri. Sayugia disebutkan iaitu beberapa orang ahli-ahli "State Council" yang lama seperti: Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad, Tuan Haji Ismail bin Haji Ibrahim, Encik Wan Ahmad bin Wan Daud dan beberapa orang lagi itu telah tidak dijadikan ahli-ahli "State Council" lagi.

Berhubung dengan pentadbiran negeri juga terdapat ramai daripada pegawai-pegawai kerajaan yang telah berkhidmat semasa British dahulu telah diberhentikan daripada bertugas dengan alasan bahawa Kerajaan Jepun tidak mampu membayar gaji mereka, tambahan pula wang simpanan di dalam perbendaharaan Negeri Perlis telah habis dan kosong sahaja kerana wang tersebut telah dibawa oleh Mr. Day bersama-samanya dahulu.

Suatu perkara yang perlu diperkatakan ialah mengenai kedudukan Bakal Raja Perlis, Tuan Syed Putra yang telah dilantik menjadi Bakal Raja

3. Wawancara dengan Encik Ramli bin Mahmud, Arau, Perlis.

semasa naungan British dahulu. Lebih kurang sebulan setelah Jepun mendudukki Negeri Perlis, Tuan Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail telah dilucutkan daripada menjadi Bakal Raja Perlis. Perlucutan kedudukan Bakal Raja itu adalah dibuat dengan persetujuan Raja Syed Alwi sendiri.

Mengikut suatu isytihar Kerajaan Jepun di Negeri Perlis yang bertarikh 11hb. Januari, 1942, bersamaan dengan 23hb. Zulhijjah, 1360 Hijrah, adalah lebih kurang berbunyi seperti berikut:

"Bahawa inilah kami Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Safi Jamalullail, Raja Negeri Perlis, beri ketahui kepada sekalian rakyat kami dalam Negeri Perlis ini, adalah isytihar yang telah dikeluarkan sedikit tahun yang lalu yang bertarikh 30hb. Rabiul Akhir, 1357 Hijrah, daripada fasal perlantikan Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail menjadi Bakal Raja itu, telah kami batalkan, dan oleh kerana itu akan Syed Putra tidaklah berhak menuntut apa-apa jua berkenaan Bakal Raja. Maka inilah kami dengan beberapa sukacitanya menyatakan juga bahawa kami telah letakkan Yang Maha Mulia Tuan Syed Hamzah Ibni Almarhum Syed Safi Jamalullail sebagai Bakal Raja Negeri Perlis.⁴

Demikianlah butir-butir yang terkandung di dalam surat isytihar itu yang mana telah mengenepi dan menghampakan Tuan Syed Putra dan sebaliknya telah memberi mandat kepada Tuan Syed Hamzah. Sebenarnya dalam period ini Raja Syed Alwi sudah pun berusia kira-kira enam puluh satu tahun, dan tidak begitu cergas lagi, justeru itulah sebahagian besar daripada tugas-tugas yang berhubung dengan pemerintahan telah dijalankan oleh Tuan Syed Hamzah.

Selepas Ohyama Kikan Cho menjadi Ketua Pemerintah Jepun bagi Negeri Kedah dan Perlis, beliau telah digantikan oleh Osagawa dipertengahan tahun 1942.

Penting juga disebutkan secara ringkas tentang dasar atau polisi Kerajaan Jepun terhadap negeri-negeri di Tanah Melayu, yang mana dasar tersebut itu adalah dipakai dan diselaraskan juga oleh pihak berkuasa Jepun di Negeri Perlis ini.

Pada pokoknya dasar Jepun terhadap penduduk Tanah Melayu adalah ditujukan terhadap Sultan-sultan atau Raja-raja Melayu, yang mana dilaksanakan mengikut prinsip-prinsipnya mulai dari bulan Julai tahun 1942. Ianya

lebih dikenali sebagai "pemerintahan tentera" atau "military administration". Dasar tersebut adalah bertujuan supaya Sultan-sultan atau Raja-raja Melayu menumpukan taat setia mereka bagi pihak rakyat dan negeri terhadap Maharaja Jepun. Pada peringkat awal ini pihak pemerintah Jepun tidak mengiktiraf kedudukan dan kedaulatan Sultan-sultan dan Raja-raja Melayu.⁵

Seterusnya, "Rancangan Penguatkuasaan" (Enforcement Plan) mengenai dasar terhadap Sultan-sultan dan Raja-raja Melayu telah dijalankan oleh Markas Tentera Jepun di Tanah Melayu (Military Head Quarters of Malaya). Dalam bulan September tahun 1942, terdapat pula suatu perubahan baharu yang mana pihak Jepun telah menukar dasar-dasarnya terhadap Sultan-sultan dan Raja-raja Melayu, iaitu akan mengiktiraf kedudukan mereka sebagai ketua atau pemerintah bagi negeri masing-masing.

Berhubung dengan perubahan dasar tersebut, pihak Jepun hanya akan mengurangkan bayaran elaun peribadi dan wang pencen bagi Sultan-sultan dan Raja-raja Melayu kepada kadar separuh daripada bayaran yang diterima oleh mereka semasa sebelum Perang Dunia Kedua dahulu. Di awal bulan Disember tahun 1942, Jabatan Kakitangan Am (General Staff Office) di Tokyo telah memerintahkan kepada pihak Pentadbiran Tentera Jepun di Tanah Melayu, "to take a prudent attitude in treating the Sultans" (termasuklah Raja Negeri Perlis). Dengan ini prinsip-prinsip asas bagi dasar tersebut telah ditentukan dalam bulan Januari tahun 1943. Di antara perkara-perkara yang terkandung dalam dasar tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Pengiktirafan secara rasmi terhadap kemuliaan atau kehormatan gelaran Sultan-sultan atau Raja-raja Melayu.
- (2) Pengesahan terhadap kedudukan dan kemuliaan Sultan-sultan atau Raja-raja Melayu sebagai orang perseorangan yang mempunyai kuasa tertinggi terhadap agama Islam di Negeri masing-masing.
- (3) Pembayaran elaun peribadi dan pencen kepada Sultan-sultan dan Raja-raja Melayu mengikut kadar yang telah dilaksanakan semasa sebelum Perang Dunia Kedua dahulu.
- (4) Pengesahan terhadap kuasa Sultan-sultan atau Raja-raja Melayu untuk mengekalkan harta atau hak milik mereka.

Demikianlah isi kandungan dasar-dasar yang telah diisytiharkan oleh pemerintah Jepun terhadap pemerintah-pemerintah negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, dan dalam bulan April tahun 1943, perkara-

5. Itagaki Yoichi, "Some Aspects of the Japanese Policy for Malaya Under the Occupation, with Special Reference to Nationalism", Hitotsubashi University, Tokyo.

perkara tersebut telah diisytiharkan kepada orang ramai secara meluas melalui akhbar-akhbar dan lain-lain jenis media massa.⁶

Bagi Raja Syed Alwi, dasar baharu itu tidak sempat Baginda nikmati dan merasai faedahnya, kerana beberapa bulan sebelum pihak Jepun menukar kepada dasar tersebut Baginda Raja Syed Alwi di dalam keadaan gering. Kesihatan Baginda nampaknya semakin membimbangkan, sementara kemudahan perubatan dan rawatan semasa itu sangat terhad sekali. Pada hari Selasa, 2hb. Februari, tahun 1943, Negeri Perlis telah kehilangan Raja kerana pada hari tersebut Raja Syed Alwi telah mangkat. Rakyat Negeri Perlis sungguh bersedih di atas kehilangan Raja mereka yang dikasihi itu.

Raja Syed Alwi adalah merupakan Raja yang paling lama memerintah Negeri Perlis kiranya dibandingkan dengan Raja-raja yang memerintah negeri ini semenjak negeri ini wujud. Raja Syed Alwi juga telah menjadi Raja Negeri Perlis dalam tiga "zaman penjajah", iaitu zaman Siam, zaman British dan zaman Jepun.

Walaupun semasa itu Negeri Perlis berada di bawah pemerintahan Jepun, namun pihak Jepun telah membenarkan penduduk-penduduk negeri ini menjalankan upacara-upacara yang berhubung dengan agama dan adat istiadat warisan nenek moyang mereka masing-masing. Demikian juga dengan adat istiadat permakaman jenazah Al-Marhum itu sebagaimana yang telah dijalankan pada hari Selasa, 2hb. Februari, 1943 itu.

Berikut adalah aturcara istiadat yang dimaksudkan itu:⁷

Pukul 3.00 petang, jenazah dikapankan.

Pukul 4.00 petang, jenazah disemahyangkan.

Pukul 4.30 petang, Tuan Chogan Katka sampai di Arau dari Alor Setar.

Pukul 4.30 hingga

4.50 petang, ziarah kepada Al-Marhum.

Pukul 4.50 petang, diangkat Tuan Syed Hamzah Ibni Al-Marhum Syed Safi Jamalullail menjadi Raja Negeri Perlis Yang Kelima.

Pukul 5.00 petang, Raja Perlis yang baharu menitahkan supaya mengangkat jenazah Al-Marhum Syed Alwi itu dan dimakamkan mengikut adat istiadat Diraja Perlis.

6. Itagaki Yoichi, *Op.cit.*

7. Syed Hussain Ibni Syed Safi, "Istiadat Permakaman DYMM Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Safi", dikeluarkan di Istana Arau, Perlis, bertarikh: 1/2/2603 (Salinan).

Selepas sahaja Raja Perlis yang baharu itu mengeluarkan titah perintah tersebut, maka istiadat mengangkat jenazah pun dimulakan seperti berikut:

Jenazah itu dipangku oleh kerabat-kerabat Diraja dan anak cucu saudara Al-Marhum daripada atas hingga ke bawah istana. Apabila sampai di bawah maka disambut pula oleh kepala-kepala pekerja lalu diletak di atas Perusungan Raja Diraja. Pasukan Keysatsukang sedia menanti di hadapan istana. Kemudian jenazah Almarhum itu telah dibawa daripada istana ke Makam Diraja Arau.

Di atas Perusungan Raja Diraja itu empat orang kerabat Diraja berdiri memegang payung kuning di tiap-tiap penjurunya, mereka itu terdiri daripada: Syed Abu Bakar bin Syed Hussin, Syed Ahmad bin Syed Hussin, Syed Darus bin Syed Mansor dan Syed Omar bin Syed Muhammad. Di samping itu pula terdapat empat orang perempuan daripada anak orang baik-baik memegang penyiram air mawar dan bekas perasap.

Berjalan di hadapan sekali ialah Pasukan Keysatsukang Perlis. Diikuti pula oleh Penghulu-penghulu Mukim, Haji-haji dan Lebai-lebai serta Kepala Pekerjaan. Di belakang mereka tersebut terdapat Tuan Yang Terutama Chogan Katka, Raja Syed Hamzah dan para wakil daripada negeri-negeri Melayu lain. Seterusnya diikuti oleh jenazah Al-Marhum Syed Alwi yang diusung oleh 40 orang rakyat negeri ini daripada tiap-tiap mukim, masing-masing memakai selendang kuning. Di belakang jenazah diiringi oleh kerabat-kerabat Diraja Perlis, dan diikuti pula oleh wakil-wakil tiap-tiap kaum: Cina, India, Siam, Sikh dan lain-lain. Seterusnya diikuti pula oleh pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua kampung, guru-guru dan "orang-orang enam".

Setelah dimakamkan jenazah Al-Marhum itu Keysatsukang telah memberi hormat terakhir dan kemudiannya Talqin telah dibacakan oleh Al-Fadhil Tuan Haji Ismail, Kadi Besar Perlis.

Sayugia disebutkan iaitu pada hari tersebut (Selasa, 2hb. Februari, 1943), semua pejabat kerajaan dan sekolah-sekolah telah ditutup separuh hari kerana menghormati kemangkatan Baginda itu. Semua pegawai kerajaan dan guru-guru sekolah dikehendaki hadir ke upacara tersebut di Arau. Kerabat-kerabat Diraja dan kepala-kepala pekerjaan dikehendaki hadir dengan memakai pakaian Melayu berwarna hitam, kecuali mereka yang bukan Melayu yang memakai pakaian yang ditentukan. Tuan-tuan Haji pula dikehendaki hadir dengan memakai jubah.

Kenduri aruah dan bacaan Al-Quran telah diadakan di dalam Istana Arau dan di Makam Diraja Arau selama 40 hari di bawah kelolaan Tuan Haji

Ismail Kadi. Di samping itu juga semua pegawai kerajaan di dalam Negeri Perlis dikehendaki berkabung selama 7 hari dengan memakai kain warna putih satu inci lebar di sekeliling songkok di sebelah bawah (bagi pegawai-pegawai Melayu) iaitu bermula daripada 2hb. Februari hingga 8hb. Februari 1943.

Dengan kemangkatan Raja Syed Alwi itu, telah dinaikkan Tuan Syed Hamzah Ibni Al-Marhum Syed Safi Jamalullail sebagai Raja Negeri Perlis Yang Kelima, yang mana Baginda telah diiktiraf oleh pihak pemerintah Jepun yang berkuasa di Negeri Perlis ketika itu.

Perlu disebutkan juga iaitu semasa itu Negeri Perlis masih lagi ditadbirkan oleh Kerajaan Tentera Jepun, yang mana negeri ini bersama-sama dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu, Singapura dan Sumatera masih disatukan sebagai suatu unit politik di bawah pemerintahan "President" atau "Gunseikan".

Sepertimana juga dengan keadaan-keadaan di negeri-negeri lain di Tanah Melayu khasnya dan di Asia Tenggara amnya yang dikuasai oleh Jepun dalam era tersebut, kehidupan rakyat di Negeri Perlis dalam era itu sangat menderita dan menyedihkan. Harga barang-barang telah melambung terlalu tinggi disebabkan barang-barang dari luar negeri tidak dapat dibawa masuk ke negeri ini. Barang-barang atau bahan-bahan keperluan harian seperti: makanan, pakaian, ubat-ubatan dan lain-lain, terutamanya barang-barang dari negeri-negeri Barat telah tidak dibenarkan masuk ke negeri ini. Kebuluran makanan, keperluan kepada ubat-ubatan dan pakaian sangat dirasai oleh penduduk-penduduk Negeri Perlis. Keadaan demikian ditambah pula oleh wabak penyakit yang menjalar di merata-rata pelusuk negeri ini.

Penanaman padi yang menjadi mata pencarian utama sebahagian besar rakyat Negeri Perlis telah dapat juga diteruskan, namun hasil padi yang didapati oleh petani-petani adalah sentiasa diawasi oleh pihak Jepun. Hanya sebahagian kecil sahaja daripada hasil padi dibenarkan disimpan untuk dimakan oleh keluarga petani-petani itu sendiri, manakala sebahagian besar daripada hasil padi yang didapati daripada lelehan titik peluh petani-petani itu terpaksa diserahkan kepada pihak berkuasa Jepun. Pengeledahan-pengeledahan selalu dijalankan oleh tentera-polis Jepun (military police) di kampung-kampung semasa musim menuai padi dengan dibantu oleh "barua-barua" Jepun yang terdiri daripada orang-orang Melayu sendiri. Ini adalah untuk memastikan supaya padi tidak disembunyi atau disimpan berlebihan.

Penanaman dan perusahaan getah serta perusahaan melombong bijih timah di Negeri Perlis telah terganggu, kerana bahan-bahan perusahaan tersebut tidak dapat diekspotkan keluar negeri, terutama sekali ke negeri-negeri Barat. Di kampung-kampung penduduk-penduduk yang menghadapi kekurangan makanan, telah berusaha menanam ubi kayu, keladi, keledek, jagung dan lain-lain tanaman bagi menampung kekurangan padi dan beras. Kekurangan dan ketiadaan gula tebu telah diatasi dengan membuat gula nyiur (gula kelapa) dan membuat manisan nipah.

Pendek kata penduduk-penduduk negeri ini telah menempuhi kehidupan sehari-hari dengan penuh kesengsaraan di dalam serba aspek kehidupan mereka di zaman Jepun ini. Harga barang-barang melambung terlalu tinggi dari sehari ke sehari, namun dalam keadaan itu barang-barang keperluan sukar didapati dengan segera di kedai-kedai atau di pekan-pekan.

Di bidang pelajaran dan persekolahan pula, walaupun ianya tidak terbantut, namun berbagai-bagai macam kesukaran telah dialami oleh murid-murid dan guru-guru di sekolah-sekolah dalam negeri ini. Murid-murid sekolah dimestikan belajar bahasa Jepun dan menyanyi lagu-lagu Jepun, iaitu lagu-lagu yang bersemangat dan mengagung-agungkan Jepun. Murid-murid sekolah telah ditanamkan semangat taat setia kepada Maharaja dan Negara Jepun, dan menganggap Jepun itu sebagai "Pelindung Bangsa Asia, Pemimpin Bangsa Asia dan Cahaya Asia".

Di samping mempropagandakan kepada murid-murid sekolah, Jepun juga melalui media massanya telah mendakyahkan rakyat supaya bencikan British dan sekutu-sekutunya, dan sebaliknya menganggap serta mencrima Jepun sebagai pembela, pembebas dan juara mereka.



12. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail,
D.K., S.P.M.P., D.K.M., D.M.N., S.M.N., D.K.(Brunei), D.K.(Selangor), S.P.D.K.(Sabah),
D.K.(Kelantan), D.P.(Sarawak), D.K.(Kedah), D.K.(Pahang), D.K.(Johor),
D.K.(Negeri Sembilan), D.P.S.S.(Sarawak), D.K.(Perak), D.K.(Terengganu) dan
D.K.M.B.(Brunei).

TUANKU RAJA PERLIS INDERA KAYANGAN

Bersama

Duli Yang Maha Mulia Tengku Budriah Binti Almarhum Tengku Ismail,
D.K., D.M.N., S.M.N., S.P.M.K.

TUANKU RAJA PEREMPUAN PERLIS

BAB XI

PERLIS DI BAWAH PENTADBIRAN SIAM (1943 – 1945)

Pada 18hb. Oktober tahun 1943, Jepun telah memisahkan pentadbiran Sumatera dan Tanah Melayu. Di samping itu pula suatu perubahan pentadbiran telah berlaku ke atas negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung Tanah Melayu. Negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu telah diserahkan pentadbirannya oleh pihak Jepun kepada Kerajaan Siam di bawah pimpinan Pibul Songkhram. Kesediaan Jepun menyerahkan pentadbiran negeri-negeri tersebut kepada Kerajaan Siam adalah sebagai menunaikan janji yang telah dibuat oleh Jepun dengan Siam, dan juga sebagai membalas budi dan pertolongan Kerajaan Siam kepada Jepun, iaitu semasa tentera-tentera Jepun sedang di dalam perjalanan melalui wilayah-wilayah Negeri Siam untuk melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu dan negeri-negeri lain di Asia Tenggara di awal tahun 1940an.

Justeru itu mulai daripada tarikh tersebut Negeri Perlis bersama-sama dengan negeri-negeri Melayu di utara yang dahulunya pernah dinaungi oleh Kerajaan Siam itu, telah diletakkan semula di bawah pentadbiran Siam yang berpusat di Alor Setar, Kedah. Pentadbiran Siam ini adalah di bawah arahan dan tanggungjawab seorang Pesuruhjaya Tinggi Tentera Siam atau "Khaluang Tahan Besar". Beliau adalah seorang pegawai tinggi tentera yang telah diberi kuasa untuk mengawas dan mentadbirkan negeri-negeri Melayu di utara itu dalam semua bidang pentadbiran negeri, kecuali dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Agama Islam dan adat istiadat Melayu. Khaluang Tahan Besar yang pertama itu ialah Major General Kamol Sra Bhaisiradhikaran Jotikasathien, dan Pegawai Penasihatnya ialah Captain Monrojuorse Chalermmlar Tharenong.¹

1. Nih-Anuar Nih Mahmud, "Kelantan Di bawah Pemerintahan Thai 1943-1945", *Malaysia In History*, Jilid 17, No. 2, 1974, Hal. 1.

Di tiap-tiap buah negeri Melayu itu ditempatkan pula seorang Pesuruhjaya Tentera Siam atau Khaluang Tahan Phra' Chamrat, yang mana ditugaskan sebagai pembantu kepada Khaluang Tahan Besar. Jadi Pesuruhjaya Tentera Siam inilah yang menguruskan perkara-perkara mengenai pentadbiran di tiap-tiap buah negeri Melayu itu. Pesuruhjaya Tentera Siam di Negeri Perlis (Khaluang Tahan Perlis) ialah Charn Na Songkhrum.²

Dibandingkan dengan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tentera Siam di Negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu, didapati bahawa Pesuruhjaya Tentera Siam bagi Negeri Perlis adalah yang terendah sekali dari segi pangkatnya. Ini adalah memandangkan hakikat bahawa Negeri Perlis yang di bawah jagaannya itu adalah terkecil sekali dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu yang lain itu.

Khaluang Tahan Perlis adalah bertanggungjawab kepada Khaluang Tahan Besar di dalam semua hal pentadbiran negeri melainkan hal-hal yang berhubung dengan Agama Islam dan adat istiadat Melayu Perlis sahaja. Penduduk-penduduk Negeri Perlis yang mana sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang Melayu yang beragama Islam itu dibenar menjalankan upacara-upacara agama tanpa gangguan daripada pegawai-pegawai Siam. Kutipan Zakat dan Fitrah yang telah dijalankan secara yang sistematik semenjak tahun-tahun 1920an itu masih dijalankan tanpa gangguan dan sekatan daripada pihak Siam.

Khaluang Tahan Perlis bersama dengan beberapa orang pegawai tinggi Siam yang berkhidmat di Negeri Perlis telah menetap di Kangar, iaitu di sebuah rumah kerajaan (Rumah Tetamu, Kangar). Pegawai-pegawai Siam yang berkhidmat di Negeri Perlis adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang kurang mahir dan kurang berdisiplin serta buruk tingkah laku mereka. Oleh itu kebanyakan pegawai-pegawai Siam ini sangat dibenci oleh penduduk-penduduk Negeri Perlis. Askar-askar Siam ini pula dikatakan bebas merayau di kampung-kampung dan ada kalanya mereka ini menjalankan kegiatan mencuri, mencero boh, menganas dan bermaharajalela di kampung-kampung. Tambahan pula mereka ini adalah kaki minum arak dan sangat kuat berjudi.

Pentadbiran Siam di Negeri Perlis telah berjalan selama kira-kira 25 bulan, iaitu sehingga bulan September tahun 1945, apabila pihak Jepun dan sekutu-sekutunya, Jerman dan Itali (Kuasa Paksi) telah kalah dalam Perang Dunia Kedua. Dalam period 25 bulan itu, pentadbiran Negeri Perlis telah bertukar, daripada corak "pentadbiran militer Jepun" kepada corak pentadbiran awam yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Siam yang mana

dibantu oleh pegawai-pegawai tempatan sendiri. Sayugia diingatkan bahawa pola pentadbiran Kerajaan Siam di Negeri Perlis ini adalah sama coraknya dengan sistem pentadbiran British di negeri ini semasa sebelum Perang Dunia Kedua dahulu. Dalam lain-lain perkataan, Negeri Perlis telah ditadbirkan secara tidak langsung atau "indirect rule" oleh Kerajaan Siam, dan Kerajaan Siam adalah merupakan "caretaker" sahaja.

Sebagaimana juga dengan Negeri-negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu, Negeri Perlis juga mempunyai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau State Council yang telah dihidupkan semula oleh Kerajaan Siam, yang mana ianya dipanggil "Muntri Spa". "Muntri Spa Perlis" adalah dipengerusikan oleh Raja Perlis, Raja Syed Hamzah dan ahli-ahli "Muntri Spa Perlis" yang lain adalah terdiri daripada Tuan Syed Hussin bin Syed Safi, Tuan Syed Abu Bakar, Che Matt bin Haji Kassim dan Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim. Di samping itu pula terdapat beberapa orang pegawai tempatan dan wakil kaum Cina, India dan Siam, yang mana mereka ini membantu "Muntri Spa" menguruskan pentadbiran negeri.

Semua ahli-ahli "Muntri Spa Perlis" termasuk Raja Syed Hamzah sendiri adalah bertanggungjawab kepada Khaluang Tahan Perlis dan Khaluang Tahan Besar yang tinggal di Alor Setar, walaupun pada hakikatnya Khaluang Tahan Perlis dan Khaluang Tahan Besar itu tidak berapa mengambil berat di dalam hal-hal pentadbiran negeri. Apa yang lazim dijalankan oleh mereka ialah menerima dan menandatangani laporan-laporan mesyuarat "Muntri Spa", penyata kewangan negeri tiap-tiap tahun, menghadiri keramaian dan majlis-majlis jamuan serta sekali-sekala membuat lawatan ke Istana Arau dan ke bandar-bandar dalam Negeri Perlis.

Keadaan pentadbiran Siam di Negeri Perlis secara keseluruhannya adalah tidak teratur dan kurang memuaskan. Keadaan-keadaan "mal administration" itu adalah disebabkan oleh kekurangan wang perbendaharaan negeri dan ketiadaan pegawai-pegawai pentadbir yang betul-betul berkebolehan. Ini ditambah pula oleh keadaan inflasi yang semakin menjadi-jadi sehingga ke akhir period pentadbiran Siam itu.

Sebagai buktinya, dapatlah dilihat daripada senarai harga barang-barang di bawah mengikut nilai matawang kertas Jepun pada masa itu:

- | | |
|---|------------|
| (1) Sehelai kain "pulikat" (belum berjahit) | \$4,500.00 |
| (2) Semayam emas kertas | \$1,500.00 |
| (3) Sehelai seluar panjang kuning (second-hand) | \$1,000.00 |
| (4) Sebiji anak kawah (kancah) | \$1,500.00 |
| (5) Sekati gula tengahan (tidak putih) | \$ 100.00 |
| (6) Sekati gula merah (gula nyiur) | \$39.00 |

(7) Sebuah basikal buruk (tayar mati)	\$1,500.00
(8) Sekati daging lembu	\$ 30.00
(9) Sebotol minyak sapi	\$ 40.00
(10) Segantang beras (jemah)	\$ 80.00
(11) Secupak tembakau (1½ kati)	\$ 800.00
(12) Sebiji pisang bunga	\$ 2.00
(13) Sebiji pisang awak legur	\$ 0.20 ³

Kepahitan dan kesengasaran hidup di zaman itu dapat direnungkan lagi kiranya diperhatikan pendapatan kakitangan kerajaan yang berkhidmat semasa itu. Contohnya, seorang Guru Besar Sekolah Melayu mendapat gaji sebanyak \$182.00 sebulan, manakala kerani-kerani di pejabat-pejabat kerajaan diberi bayaran gaji tidak sampai \$100.00 pun bagi sebulan, mengikut nilai matawang kertas Jepun.

Negeri Perlis yang terkenal dengan kemiskinannya telah menjadi bertambah miskin dan mundur di bidang pembangunannya dalam segala aspek. Pihak Kerajaan Siam tidak memberi apa-apa bantuan atau peruntukan kewangan dari Bangkok untuk membaiki kekurangan wang di dalam Perbendaharaan Negeri Perlis. Lagi pun penderitaan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk negeri itu tidak mendapat perhatian langsung daripada Kota Bangkok.

Sumber-sumber pendapatan negeri yang boleh dikumpulkan bagi menampung ketandusan wang Perbendaharaan Negeri Perlis adalah didapati daripada cukai kastam, cukai pelabuhan, cukai tanah, cukai tempat-tempat judi, wang bayaran denda dari mahkamah dan sedikit sahaja dari sumber-sumber lain. Itu adalah sekadar cukup bagi membayar gaji atau elaun Raja Perlis, gaji ahli-ahli "Muntri Spa" dan gaji pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan negeri ini tiap-tiap bulan. Perlu diingatkan iaitu Khaluang Tahan Perlis, pegawai-pegawai Siam dan tentera-tentera Siam yang ditempatkan di Negeri Perlis adalah diberi gaji oleh Kerajaan Siam sendiri dari Bangkok.

Walaupun bendera Siam berkibar dengan megahnya di bangunan Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Perlis, di Kangar, di Rumah Kediaman Rasmi Khaluang Tahan Perlis dan di bangunan-bangunan lain dalam negeri ini, namun Kerajaan Siam hanya mempunyai kuasa pentadbiran sahaja di negeri ini. Kuasa dan tanggungjawab terhadap pertahanan dan keselamatan Negeri Perlis yang sebenarnya adalah masih di bawah telunjuk pihak berkuasa tentera Jepun. Tentera-tentera Jepun masih lagi berada di beberapa kawasan yang "strategic" di Negeri Perlis, iaitu di Padang Besar, Kangar, Kuala Perlis

dan di sempadan Perlis-Kedah melalui jalanraya dan jalan keretapi. Tentera-tentera Siam yang juga ditempatkan di Kangar dan di kawasan-kawasan sempadan itu tidak bercampur gaul dengan tentera-tentera Jepun. Tegasnya hubungan antara pihak tentera Jepun dan tentera Siam adalah hanya pada peringkat pegawai-pegawai tinggi tentera sahaja. Mungkin disebabkan oleh jurang komunikasi dan sikap angkuh tentera-tentera Jepun membawa keadaan yang sedemikian itu wujud.

Walaupun dilanda kesusahan dan penderitaan hidup di zaman pemerintahan Jepun dan Siam, namun keperluan dalam menikmati hiburan dan halua telinga masih dikehendaki oleh penduduk-penduduk Negeri Perlis di zaman itu. Jenis-jenis hiburan bercorak tradisional, seperti bangsawan, ronggeng, gendang Keling (gendang terinai), hadrah, beduan, wayang kulit dan berbagai-bagai lagi masih boleh didapati di majlis-majlis perkahwinan di kampung-kampung dalam negeri ini, pada zaman itu.

Suatu perkembangan yang membanggakan Negeri Perlis di bidang seni hiburan ialah dengan munculnya permainan "canggong" dalam period tersebut. Semenjak period itu permainan canggong sangat-sangat popular di kalangan penduduk negeri ini, terutamanya di majlis-majlis perkahwinan dan keramaian di kampung-kampung. Memang tidak boleh dipersoalkan lagi bahawa permainan canggong ini telah dicipta, dilahir, dan mula dimainkan di bumi Perlis. Sehingga sekarang Negeri Perlis masih mengekal dan mewarisi permainan canggong, warisan dari generasi zaman Jepun itu.

Seperkara yang perlu diperkatakan ialah tentang perjudian di zaman Jepun yang berlarutan hingga ke zaman pentadbiran Siam di Negeri Perlis. Semenjak awal period kedatangan Jepun lagi perjudian secara besar-besaran telah menjadi suatu kegiatan dan kegemaran kepada sebahagian penduduk negeri ini, biar pun mereka berada di dalam keadaan inflasi dan kesusahan wang. Di zaman Jepun dan Siam ini telah muncul berbagai jenis judi, seperti: "yap-sai", dadu, membuang bola ping pong, memusing alat-alat yang bernombor, membuang gelang rotan, menembak dan memanah benda-benda dan beberapa jenis lagi. Jenis-jenis judi tersebut telah menjadi suatu perkara baharu kepada mereka generasi zaman itu, terutamanya orang-orang Melayu yang sebelumnya hanya pernah kenal dan biasa dengan judi sabung ayam dan pelaga kerbau lembu sahaja.

Jenis-jenis judi tersebut telah diperkenalkan melalui taman hiburan atau "fun-fair" dan juga di kedai-kedai tertentu di bandar Kangar terutamanya. Dengan adanya jenis-jenis judi seperti ini pihak kerajaan dapat memungut cukai-cukai yang lumayan daripada taukeh-taukeh yang membuka atau menyediakannya. Taukeh-taukeh tersebut adalah terdiri daripada orang-orang

Cina dan orang-orang yang menikam judi pula kebanyakannya orang-orang Melayu. Di antara jenis-jenis judi itu, judi "yap-sai" adalah sangat digemari oleh orang-orang Melayu di Negeri Perlis pada zaman itu.

Di zaman Siam perjudian menjadi bertambah giat. Tentera-tentera Siam yang ditempatkan di Negeri Perlis adalah "kaki-kaki" judi belaka. Oleh kerana adanya jenis-jenis judi tersebut, terutamanya pada musim-musim menuai padi, maka kerap kali berlaku rompak samun dan gerakan mencuri di kampung-kampung. Pemain-pemain judi yang kalah akan berikhtiar mencari wang dengan cepat untuk bermain lagi, dan cara yang paling cepat mendapatkan wang ialah dengan mencuri atau merompak. Kerbau, lembu, kambing, ayam, itik, padi, beras dan lain-lain barang yang berharga sentiasa kecurian di zaman ini. Tentera-tentera Siam sendiri telah mencero boh dan mencuri ternakan dan padi beras di kampung-kampung, untuk mencari wang penikam judi dan untuk minuman keras.

Pentadbiran Siam di Negeri Perlis telah berakhir berikutan dengan kekalahan pihak Jepun dan sekutu-sekutunya dalam bulan September tahun 1945. Serentak dengan itu juga pegawai-pegawai dan tentera-tentera Siam yang berada di Negeri Perlis telah menerima arahan dari Kota Bangkok supaya mereka segera meninggalkan negeri ini. Arahan yang sama juga telah diterima oleh pegawai-pegawai dan tentera-tentera Siam yang semasa itu sedang berada di Kedah, Kelantan dan Terengganu.



13. Y.M. Raja Haji Ahmad Bin Raja Endut, OBE., PJK.
Menteri Besar Perlis Pertama (dilantik)
(1hb. Februari 1948 hingga 20hb. September 1956)



*14. Tan Sri Datuk Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim,
P.M.N., S.P.M.P., P.J.K., J.P.,
Menteri Besar Perlis (1959–1971)*

BAB XII

PERLIS SELEPAS JEPUN-SIAM HINGGA KEMERDEKAAN

Selepas Angkatan Tentera Udara Amerika Syarikat mengebom bandar Hiroshima di Jepun pada 15hb. September tahun 1945, pihak Jepun menjadi lemah dan menyerah kalah serta memerintahkan supaya tentera-tenteranya yang berada di Asia Tenggara menyerah kalah. Namun demikian arahan tersebut agak terlewat sampai ke negeri-negeri di Asia Tenggara. Setelah kira-kira seminggu selepas tarikh tersebut baharulah arahan itu sampai ke Tanah Melayu secara rasminya. Namun sebelum itu ada pihak-pihak yang mengetahui berita dan peristiwa tersebut melalui peti radio sulit.

Jadi dalam masa selama seminggu itu dapatlah dikatakan seolah-olah suatu period "peralihan", yang mana pihak tentera-tentera Jepun yang sudah mengetahui peristiwa tersebut, nampaknya tidak segarang seperti dahulu lagi. Dalam period "peralihan" inilah telah berlaku beberapa kejadian yang sangat dahsyat dan menakutkan penduduk-penduduk negeri ini. Ramai manusia yang tidak bersalah telah menjadi mangsa keganasan golongan yang tidak bertanggungjawab itu.

Orang-orang yang telah mencetuskan kejadian-kejadian yang ganas itu adalah terdiri daripada mereka yang anti-Jepun. Golongan ini wujud semenjak masa pemerintahan tentera Jepun dahulu lagi, dan golongan ini lebih dikenali sebagai "Malayan People Anti-Japanese Army" atau M.P.A.J.A. atau "Orang-orang Malaya Yang Anti-Pemerintahan Tentera Jepun". Golongan ini terdapat di semua negeri di Tanah Melayu dan di negeri-negeri Asia Tenggara yang diduduki oleh tentera Jepun. Di Tanah Melayu golongan ini lebih dikenali sebagai golongan "Bintang Tiga", dan mereka ini terdiri daripada orang-orang Cina kebanyakannya, dan ada juga orang-orang Melayu menyertai golongan ini.

Tegasnya, kekejaman yang telah dilakukan oleh golongan M.P.A.J.A. atau "Bintang Tiga" di Negeri Perlis semasa itu sangat tidak berperike-manusiaan. Mereka bertindak dengan sewenang-wenang sahaja, mengganas di beberapa tempat dalam Negeri Perlis.

Askar-askar Bintang Tiga ini telah masuk ke merata-rata kampung di Negeri Perlis dan mendirikan "kelab-kelab persatuan" mereka dengan paksa, dan dalam pekan Kangar ini mereka telah berbaris dengan pakaian seragam, melanggar masuk ke Balai Polis dan mengambil senjata-senjata api, dan semua pegawai polis lari ketakutan. Mereka menghukum orang-orang di atas jalan raya, di market dan di mana-mana sahaja yang mereka suka. Yang menjadi hakim atau majistret ialah orang Cina penjual sayur. Imam masjid Kangar telah diikat lehernya dengan tali dan diseret dalam pekan Kangar, kerana ada perselisihan berhubung dengan tanah kubur. Seorang jurubahasa Cina, Tan Jim Siang telah dibunuh dan seorang ketua kampung juga menerima nasib yang demikian. Berhampiran dengan Balai Polis Berseri, seorang mata-mata telah dibunuh. Banyak lagi keganasan telah dilakukan di kampung oleh tentera-tentera Bintang Tiga. Mereka melakukannya di hadapan khalayak ramai kerana membalas dendam, dan tidak siapa pun berani tampil ke hadapan untuk menahan dan mengutuk kezaliman yang dilakukan itu.¹

Begitulah rupa kezaliman dan keganasan yang telah dilakukan oleh M.P.A.J.A. atau Bintang Tiga di beberapa tempat dalam Negeri Perlis dalam masa kira-kira seminggu mereka bermaharajalela dan "berkuasa" itu.

Setelah British datang semula ke Tanah Melayu di akhir-akhir tahun 1945, Tanah Melayu buat sementara telah diletakkan di bawah pentadbiran tentera British (British Military Administration) dan sistem pentadbiran tersebut telah dijalankan oleh tentera British di Negeri Perlis dengan menempatkan tentera British Pasukan 136 di bawah Major D. Burr.

Beberapa hari kemudian baharulah Mr. E.V.G. Day datang semula ke Negeri Perlis dan mengambilalih pentadbiran negeri. Semasa itu keadaan huru hara di negeri ini telah pun tamat, kerana anggota-anggota tentera Bintang Tiga yang bacul itu telah sedikit demi sedikit menghilangkan diri dan masuk bersembunyi di hutan-hutan di sebelah barat dan utara Negeri Perlis.

Kedatangan semula British ke Negeri Perlis telah menyebabkan pertukaran Raja yang memerintah negeri ini. Pihak British yang dahulunya telah mempersetujui Tuan Syed Putra sebagai Bakal Raja Negeri Perlis, masih

1. Sheikh Ahmad Mohd. Hashim, "Sejarah Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim", Hal. 40.

tidak berubah sikap setelah mereka datang berkuasa semula di negeri ini bagi tahap keduanya. Di atas sikap dan dasar yang demikian itu, maka pihak British telah berusaha mencari dan membawa kembali Tuan Syed Putra dan kerabat Baginda ke Negeri Perlis. Semasa pendudukan Jepun dahulu Tuan Syed Putra dan kerabat Baginda telah berangkat dan menetap di Negeri Kelantan sambil menjalankan pekerjaan sendiri dan berniaga.

Berikutan dengan itu juga Tuan Syed Hamzah, Raja Perlis Yang Kelima, yang menjadi Raja semasa Jepun dahulu telah terpaksa meninggalkan Istana Arau, membawa diri dan keluarganya ke Wilayah Setul, Siam. Tuan Syed Hamzah kemudiannya telah pulang ke Alor Setar setelah beberapa tahun tinggal di Setul. Beliau menetap di Alor Setar sehinggalah ke akhir usianya dalam tahun 1958.²

Dengan penuh kehormatan dan kemuliaan Tuanku Syed Putra telah dinaikkan menjadi Raja Negeri Perlis yang baharu, iaitu Raja Perlis Yang Keenam. Tetapi dalam tahun itu Tuanku Syed Putra belum lagi ditabalkan, sehinggalah upacara pertabalan yang meriah dan penuh beradat itu dilangsungkan pada 12hb. Mac, tahun 1949 di Istana Arau. Upacara pertabalan Tuanku Syed Putra sebagai Raja Perlis dan Tengku Budriah sebagai Raja Perempuan Perlis pada hari tersebut telah dihadiri oleh Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu sebagai wakil Raja Inggeris.

Walaupun bersifat penjajah yang kejam dan zalim namun Jepun telah memberikan suatu sumbangan yang tersembunyi dan tinggi nilainya kepada penduduk-penduduk di Tanah Melayu, terutamanya kepada orang-orang Melayu. Sumbangan tersebut itu tidak lain dari kesedaran. Demikian juga di kalangan orang-orang Melayu di Negeri Perlis ini. Ekoran daripada kesedaran itulah sekembalinya British ke Tanah Melayu di akhir-akhir tahun 1945, maka di awal tahun 1946 itu telah muncul di Negeri Perlis suatu pertubuhan yang mana anggota-anggotanya adalah terdiri daripada orang-orang Melayu sahaja, dan pertubuhan tersebut dinamakan "Persatuan Melayu Perlis".

Tertubuhnya Persatuan Melayu Perlis itu adalah merupakan asas kesedaran politik orang-orang Melayu di Negeri Perlis sebagaimana jugalah dengan kesedaran politik orang-orang Melayu di negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Di atas daya usaha yang giat oleh Setiausaha Persatuan Melayu Perlis yang pertama, iaitu Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, maka persatuan tersebut telah bergerak bagi memenuhi matlamatnya untuk kepentingan dan

2. Tuan Syed Hamzah berkahwin dengan Tengku Kalsom binti Sultan Abdul Hamid Halim Shah, dari Kedah.

faedah orang-orang Melayu di Negeri Perlis khasnya. Namun demikian keahlian Persatuan Melayu Perlis dikatakan terhad sahaja. Ahli-ahlinya yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan adalah terhad sekali. Ini adalah disebabkan mereka berasa curiga kalau-kalau mereka akan diberhentikan daripada jawatan mereka oleh pihak British kiranya mereka turut bergerak dan bergiat di dalam persatuan ini.³

Hasil daripada kesedaran dan dayausaha Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Melayu Perlis ini telah terjalin juga hubungan muhibbah dan persahabatan di antara persatuan tersebut dengan persatuan-persatuan Melayu di negeri Kedah dan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Keadaan hubungan dan pertalian yang sihat ini telah menolong membawa kepada perhimpunan raksaksa pertubuhan-pertubuhan Melayu dari seluruh negeri di Semenanjung Tanah Melayu dalam bulan Mac, tahun 1946 di Kuala Lumpur. Dan hasil daripada perhimpunan yang maha bersejarah itu, maka kemudiannya tertubuhlah "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu" atau "United Malays National Organisation" yang lebih popular lagi dengan sebutan "UMNO".

Perlu juga digalurkan secara ringkas bibit-bibit peristiwa yang telah membawa kepada penubuhan UMNO, yang mana telah disertai oleh Persatuan Melayu Perlis dan 40 buah pertubuhan-pertubuhan Melayu yang lain dari seluruh negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura.

Di awal tahun 1946 itu Kerajaan British di London telah merancang dan menyiapkan suatu rangka perlembagaan baharu bagi Semenanjung Tanah Melayu. Perlembagaan baharu yang telah dikeluarkan oleh Whitehall, London itu dikenali sebagai "Malayan Union" atau "Kesatuan Tanah Melayu" atau "Kesatuan Malaya". Mengikut perlembagaan tersebut, negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat akan disatukan menjadi suatu "Union" atau "Kesatuan", tetapi Singapura akan dikecualikan daripada "Union" itu. Ini bererti juga bahawa Negeri Perlis akan turut dimasukkan menjadi anggota Malayan Union.

Dengan "Union" atau "Kesatuan" ini bermaksud bahawa semua kuasa akan dipegang oleh satu pihak sahaja atau satu kuasa pusat. Malayan Union ini jelas akan merugikan Raja-raja Melayu di negeri-negeri Melayu kerana kuasa-kuasa mereka akan hilang. Demikian juga dengan orang-orang Melayu, mereka juga akan turut kehilangan hak-hak istimewa mereka sebagai peribumi Semenanjung Tanah Melayu, dan sementara itu bangsa-bangsa lain di Tanah Melayu akan mendapat keuntungan dan faedah yang tertentu. Tegasnya, melalui Malayan Union ini Kerajaan British mahu menjajah (colonise) negeri-

negeri di Semenanjung Tanah Melayu, dan menjadikannya sebagai tanah jajahan (colony). Sebelumnya Kerajaan British hanya menaungi (protect) sahaja negeri-negeri Melayu itu, dan negeri-negeri Melayu itu bertaraf "British Protectorates" sahaja, yang mana Raja-raja Melayu masih mempunyai kuasa dalam bidang-bidang tertentu dan orang-orang Melayu masih mempunyai hak-hak istimewa mereka sebagai peribumi Tanah Melayu.

Dengan hakikat yang demikian nyatalah bahawa British telah terang-terang mencabar kuasa dan hak-hak Raja-raja Melayu dan orang-orang Melayu melalui Malayan Union itu. Implikasi daripada rancangan Malayan Union ini telah timbul tentangan-tentangan yang berbagai ragam daripada orang-orang Melayu di seluruh negeri di Semenanjung Tanah Melayu terhadap pihak British dan Malayan Union yang durjana itu.

Tentangan terhadap Malayan Union ini sesungguhnya merupakan suatu "pertempuran dipersimpangan" yang mana akan menentukan untung nasib orang-orang Melayu, sama ada mereka akan timbul atau tenggelam di tanahair mereka sendiri. Di Negeri Perlis juga tidak ketinggalan reaksi tentangan yang dilahirkan oleh orang-orang Melayu terhadap Malayan Union.

Dalam bulan Februari tahun 1946, Setiausaha Tanah Jajahan British telah menghantar seorang yang bernama Herald Mac Michael untuk berjumpa dengan Raja-raja Melayu bagi mendapatkan tandatangan mereka sebagai tanda persetujuan mereka kepada pembentukan Malayan Union. Mac Michael telah datang menemui semua Raja Melayu di semua negeri Melayu. Semasa menjalankan tugas tersebut Mac Michael telah mengugut dan memaksa Raja-raja Melayu dari Johor hinggalah ke Perlis. Baginda-baginda semua telah dipaksa supaya menandatangani suatu "kertas" tanda bersetuju menerima Malayan Union dan bersetuju menyerahkan negeri dan kuasa mereka kepada British.

Mac Michael telah datang ke Negeri Perlis dan beliau telah memaksa Raja Syed Putra yang baharu sahaja diangkat menjadi Raja itu supaya menurunkan tandatangan Baginda sebagaimana yang telah dilakukannya terhadap Raja-raja Melayu yang lain. Pada ketika itu Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad dan Encik Wan Ahmad bin Wan Daud semuanya berada di samping Raja Syed Putra. Melihatkan sikap dan tindak-tanduk Mac Michael itu, Tuan Haji Ahmad dan Encik Wan Ahmad telah memberitahu Mac Michael bahawa tidak guna beliau datang ke Negeri Perlis ini dan lebih baik sahaja beliau terus menjalankan pemerintahan negeri ini dengan tidak payah mengambil tandatangan Raja Perlis. Mac Michael naik marah bila mendengar kata-kata itu, dan beliau mengatakan yang mereka berdua itu bercakap macam budak-budak.

Seterusnya Mac Michael telah memberitahu Raja Syed Putra bahawa Sultan Negeri Johor dan lain-lain Sultan yang negeri-negeri mereka lebih besar daripada Negeri Perlis ini sudah pun bersetuju menandatangani surat perjanjian Malayan Union itu, inikan pula Negeri Perlis yang kecil sekali ini Rajanya enggan berbuat demikian. Mac Michael kemudiannya mengugut sekiranya Raja Syed Putra tidak mahu menurunkan tandatangan Baginda, beliau (Mac Michael) akan mengambil orang lain yang sanggup menurunkan tandatangannya sebagai persetujuan menyerahkan Negeri Perlis ke dalam Malayan Union.⁴

Memandang kepada ketika yang genting itu berserta dengan ugutan Mac Michael itu, maka akhirnya Baginda Raja Perlis telah terpaksa menurunkan tandatangan Baginda pada kertas yang dibawa oleh Mac Michael itu.

Walaupun Mac Michael telah nampaknya berjaya di dalam tugasnya mengambil tandatangan Raja-raja Melayu, namun reaksi dan tentangan daripada orang-orang Melayu di semua negeri di Tanah Melayu telah mulai timbul, setelah mereka semua tahu bahawa Mac Michael telah secara biadab menjalankan tipu muslihatnya terhadap Raja-raja Melayu, yang mana juga akan membawa kerugian kepada bangsa Melayu.

Pada peringkat ini pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu masing-masing telah giat menyuarakan tentangan-tentangan yang hebat terhadap Malayan Union. Tentangan-tentangan itu dilakukan melalui berbagai cara dan gaya, seperti: mengadakan rapat umum bagi menaikkan semangat orang-orang Melayu, mengadakan perarakan, tunjuk-tunjuk perasaan, kecaman dikhalayak ramai dan pemulauan istiadat perasmian Malayan Union di Kuala Lumpur.

Arus tentangan itu telah sampai kekemuncaknya apabila semua wakil daripada persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan Melayu dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura telah mengadakan persidangan raksaksa di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, daripada 1 hingga 4hb. Mac tahun 1946. Sesungguhnya inilah suatu persidangan yang mengkagumkan buat pertama kalinya dalam sejarah perjuangan orang-orang Melayu, memandangkan ianya dihadiri oleh wakil-wakil dari semua persatuan dan pertubuhan bangsa Melayu dari semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan juga Singapura.⁵

4. Sheikh Ahmad Mohd, Hashim. *Op.cit.*, Hal. 46.

5. Muhammad Yunus Hamidi, "Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung", Hal. 17-24.

Persatuan Melayu Perlis adalah merupakan salah sebuah daripada 41 buah persatuan dan pertubuhan yang dimaksudkan itu. Tiga orang wakil dari Persatuan Melayu Perlis yang telah menghadiri persidangan raksaksa itu ialah Encik Wan Ahmad bin Wan Daud, Encik Salleh bin Osman dan Encik Taharim bin Haji Ibrahim.⁶

Hasil daripada persidangan yang bersejarah itu telah melahirkan sebuah pertubuhan politik Melayu yang bercorak kebangsaan yang ulung, yang mana dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu atau UMNO*: Datuk Onn bin Jaafar, yang semasa itu menjadi Menteri Besar Johor, telah dipilih menjadi Presiden UMNO yang pertama. Sesungguhnya beliauulah yang telah bekerja keras dengan penuh semangat, berkunjung ke semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu, berucap dan berpidato menggerakkan orang-orang Melayu supaya sadar dan menaikkan semangat orang-orang Melayu supaya bersatupadu bagi menentang Malayan Union. Usaha menyatupadukan orang-orang Melayu yang dianjurkan oleh beliau itulah yang telah membawa kepada kelahiran UMNO.

Sesungguhnya UMNO adalah merupakan pertubuhan politik orang-orang Melayu yang bercorak kebangsaan yang ulung di Semenanjung Tanah Melayu. Dengan tertubuhnya UMNO ini lebih nyata lagi suatu hakikat bahawa orang-orang Melayu telah sadar tentang betapa pentingnya mereka sebagai peribumi Semenanjung ini bersatupadu demi memperjuangkan cita-cita dan azam yang sama ke arah menamatkan riwayat Malayan Union, dan membentuk sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Melalui UMNO inilah dijalankan usaha dan rundingan, yang mana disertai oleh pemimpin-pemimpin UMNO bersama dengan wakil-wakil Raja-raja Melayu, bagi mencari jalan secara yang lebih berkesan mengikut lunas-lunas perlembagaan, bagi mendesak Kerajaan British supaya membatalkan rancangan Malayan Union itu.

Hasil dari dayausaha gigih Datuk Onn bin Jaafar dan para pemimpin UMNO dari semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu, melalui beberapa rundingan dengan pegawai-pegawai dan pembesar-pembesar British maka akhirnya Kerajaan British telah terpaksa memansuhkan perlembagaan Malayan Union yang telah berjalan selama hampir-hampir dua tahun itu. Perlembagaan Malayan Union itu telah digantikan dengan suatu perlembagaan baharu, iaitu Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1hb. Februari, tahun 1948. Perlembagaan baharu yang mula dikuatkuasakan semenjak tarikh tersebut itu adalah lebih sesuai dan dipersetujui oleh UMNO dan Raja-raja Melayu.

6. *Muhammad Yunus Hamidi, Op.cit., Hal. 19.*

* *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau United Malays National Organisation telah ditubuhkan di Johor Bahru, pada 11hb. Mei, 1946.*

Dengan pemansuhan Malayan Union dan terlaksananya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu berertilah bahawa perjuangan orang-orang Melayu melalui UMNO telah berjaya sepenuhnya pada peringkat permulaannya. UMNO telah berjaya memperjuangkan hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan hak-hak serta kedaulatan Raja-raja Melayu. Bermula dari tarikh tersebut itu juga Negeri Perlis telah sama-sama dibawa masuk ke dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang baharu ini diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British, yang mana beliau adalah dibantu pula oleh 14 orang Pegawai Perkhidmatan Awam yang menjalankan pentadbiran negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu.*

Kerajaan Negeri-negeri Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu ini diketuai oleh Raja-raja Melayu mengikut negeri masing-masing. Baginda-baginda ini dibantu oleh Menteri-menteri Besar yang terdiri daripada orang-orang Melayu. Di samping itu pada tiap-tiap negeri ditempatkan seorang Pegawai Penasihat British yang bertugas memberi nasihat kepada Raja atau Sultan mengenai hal-hal pentadbiran negeri masing-masing kecuali perkara-perkara yang berhubung dengan Agama Islam dan adat istiadat orang-orang Melayu.

Setelah tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu ini, Negeri Perlis mempunyai seorang Menteri Besar. Inilah kali pertama diadakan jawatan Menteri Besar bagi Negeri Perlis. Menteri Besar Perlis yang pertama ialah Raja Haji Ahmad bin Raja Endut, yang mana beliau memegang jawatan tersebut semenjak 1hb. Februari tahun 1948. Perlu dinyatakan bahawa jawatan Raja Haji Ahmad sebagai Menteri Besar Perlis itu adalah ditentukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dan taraf atau kedudukan Raja Haji Ahmad adalah sebagai Pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan sahaja.

Di samping itu juga Raja Haji Ahmad bin Raja Endut telah dilantik oleh Raja Perlis sebagai wakil rasmi bagi Negeri Perlis ke Majlis Undangan Persekutuan (Federal Legislative Council). Sementara itu pula Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, yang semasa itu menjadi Pegawai Kewangan Negeri Perlis telah dilantik oleh Raja Perlis menjadi wakil tidak rasmi Negeri Perlis ke Majlis Undangan Persekutuan, di Kuala Lumpur. Sayugia diingatkan bahawa Negeri Perlis semasa itu hanya mempunyai seorang wakil rasmi dan seorang wakil tidak rasmi sahaja dalam Majlis Undangan Persekutuan itu.

* Singapura telah diasingkan daripada Persekutuan Tanah Melayu.

Pentadbiran Negeri Perlis adalah dijalankan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (State Council) yang diketuai oleh Menteri Besar Perlis dan dibantu oleh ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang lebih ramai bilangannya jika dibandingkan dengan bilangan sebelumnya. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis semenjak tahun 1948 adalah seperti berikut:

1. Raja Haji Ahmad bin Raja Endut, Menteri Besar (Yang DiPertua).
2. Mr. A. Glencross, Pegawai Penasihat British.
3. En. Ahmad bin Haji Husin, Setiausaha Kerajaan.
4. Mr. F.G. Cooke, Penasihat Undang-undang.
5. Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad, Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.
6. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, Pegawai Kewangan Negeri.
7. Encik Abdul Jamil bin Abdul Rais, Pesuruhjaya Tanah dan Galian.
8. Mr. P.S. Tiddeman, Ketua Pegawai Pelajaran Negeri.
9. Tuan Syed Hussin ibni Al-Marhum Syed Safi.
10. Che' Matt bin Hj. Kassim.
11. En. Salleh bin Osman.
12. En. Abdullah bin Ahmad.
13. Mr. Loh Ah Tong.
14. Dr. R. Sivasambanthan.
15. Mr. Chong Swee Thye.
16. En. Wan Ahmad bin Wan Daud.
17. Tuan Sheikh Ali bin Sheikh Abdul Hamid Bajunid.⁷

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis lazimnya mengadakan persidangannya sebanyak tiga atau empat kali dalam setahun, dan persidangan-persidangan itu diadakan di Balai Besar, Istana Arau atau di Dewan Mesyuarat, Bangunan Ibu Pejabat Kerajaan Negeri, di Kangar. Mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah dipengerusikan oleh Menteri Besar, dan jika sekiranya Menteri Besar tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat itu, ianya dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Suatu perkara yang perlu disebutkan ialah bahawa semua minit mesyuarat tersebut adalah dicatat dalam tulisan Jawi dan tarikh-tarikhnya juga dicatatkan dengan tarikh Hijrah di samping tarikh Masihi.

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang baharu dilantik dikehendaki mengangkat sumpah di hadapan Menteri Besar Perlis, atau Pemangku Menteri Besar, dengan lafaz mengikut sepertimana yang telah ditetapkan dalam Fasal ke 47(1), Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis. Demikian juga dengan ahli-ahli Majlis Mesyuarat yang lama yang telah

7. *Minit Mesyuarat Perlis State Council, Tahun 1948.*

dilantik semula, dikehendaki berbuat demikian pada persidangan yang pertama di awal tiap-tiap tahun. Upacara mengangkat sumpah ini dijalankan selepas dibentangkan minit mesyuarat sebelumnya itu.

Elok juga dilihat sepintas lalu kepada beberapa perkara yang telah dibawa, dibincang dan diambil keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis semenjak tahun 1948 sehingga menjelang kemerdekaan. Secara yang lebih ringkas perkara-perkara tersebut dapatlah dirumuskan seperti berikut: Kewangan Negeri, Undang-undang dan perkara-perkara yang berhubung dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pelajaran, Agama Islam, Kerjaraya dan Buruh, Pertanian dan Tanaman, Tanah dan lain-lain perkara yang berhubung dengan kebajikan rakyat Negeri Perlis.

Menyentuh tentang perkara kewangan negeri, telah didapati bahawa pada tiap-tiap kali persidangan diadakan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tetap membincangkan perkara kewangan. Dibandingkan dengan perkara-perkara lain, perkara kewanganlah yang menjadi perkara pokok dan utama sekali diperbincangkan. Perbelanjaan Negeri dari semasa ke semasa dibentangkan kepada majlis untuk mendapat persetujuan dan diluluskan. Begitu juga dengan permohonan peruntukan kewangan yang hendak diminta tambah bagi perbelanjaan pembangunan negeri atau bagi sesuatu projek jabatan kerajaan negeri, telah dibentangkan juga kepada majlis. Tegasnya peruntukan kewangan dan perbelanjaan bagi semua projek, mahupun projek-projek kecil telah dibentang untuk diluluskan oleh majlis.

Sebagai contohnya dapatlah dilihat daripada minit mesyuarat yang telah diadakan pada hari Ahad, 9hb. Mac, tahun 1952, bersamaan dengan 13hb. Jamadil Akhir, Sanah Hijrah 1371, perkara (8), yang dicatatkan seperti berikut:

<u>Perbelanjaan</u>	<u>Banyaknya</u>
1. Kelengkapan-kelengkapan Perubatan	\$ 4,339.00
2. Membeli Meriam Kehormatan	\$ 1,100.00
3. Membina Sebuah Rumah Sakit Baharu	\$ 27,497.00
4. Rumah bagi Post-Master	\$ 4,000.00
5. Membaiki Bekalan Air, Kangar	\$ 6,431.00
6. Membina Sebuah Sekolah Melayu di Sungai Padang	\$ 7,000.00
7. Membina Rumah Tumpangan di Sekolah Inggeris Kangar	\$ 16,969.00
8. Membina Sekolah Tambahan, Sekolah Melayu Kangar	\$ 6,873.00
9. Membina 3 buah Rumah Peringkat Ke 9	\$ 14,905.00
10. Pekerjaan Yang Ditambah Bagi Rumah Menteri Besar	\$ 547.00
11. Membuat Pagar Bagi Rumah-rumah Kerajaan	\$ 2,953.00
12. Membuat Tempat Simpan Barang Pejabat Taliair	\$ 775.00
13. Tambahan Rumah Persekutuan Indera Kayangan	\$ 2,176.00
14. Membuat Jamban Pam bagi Rumah-rumah Kerajaan	\$ 6,432.00
15. Perkakas Rumah Assistant Engineer Taliair	\$ 1,659.00
16. Perubahan Rumah Pesuruhjaya Tanah dan Galian sebagai Rest House	\$ 15,000.00
Jumlah Besar Perbelanjaan	\$118,656.00
	=====

Jumlah wang sebanyak \$118,656.00 itu adalah diminta oleh Kerajaan Negeri Perlis kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu melalui Pesuruhjaya Tinggi British di bawah Perkara 119, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, tahun 1948.

Berhubung dengan perkara kewangan juga telah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kira-kira atau "Public Account Committee" bagi Negeri Perlis. Pendapatan dan perbelanjaan negeri serta Rang Undang-undang Perbelanjaan Negeri telah dibentangkan dari setahun ke setahun. Pegawai Kewangan Negeri Perlis semenjak tahun 1948 hingga tahun 1951 ialah Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim. Beliau adalah seorang pegawai yang mempunyai pengalaman yang sangat luas di bidang kewangan kerana semenjak berpuluh-puluh tahun sebelum tahun 1948 itu beliau pernah menjadi Pegawai Kewangan Negeri dan berkhidmat sebagai seorang juruodit di negeri ini. Mulai tahun 1951 Pegawai Kewangan Negeri Perlis ialah Encik Harun Bin Ayob, dan beliau telah memegang jawatan tersebut sehinggalah ke masa kemerdekaan dan selepas kemerdekaan.

Perkara yang kedua ialah mengenai undang-undang Negeri dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu sendiri. Dengan adanya seorang Penasihat Undang-undang dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, maka segala rang undang-undang baik mengenai tanah, bekalan air, perhutanan, cukai, buruh dan lain-lain telah dapat diperbincangkan dan diperbaiki serta diluluskan dengan sewajarnya mengikut pandangan dan nasihat Pegawai Penasihat Undang-Undang itu dari semasa ke semasa. "Rang Undang-undang Menteri Besar Perlis", "Bakal Undang-undang Taraf Kebangsaan Negeri Perlis" dan "Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis" adalah diantaranya yang telah diperbincang dan diluluskan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis pernah mengambil keputusan menasihat D.Y.M.M. Raja Perlis supaya meminda dan menambah "Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis".

Perkara-perkara mengenai peraturan tetap dan perintah-perintah bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis itu sendiri telah diperbincang dan ditentukan. Di samping itu juga diadakan pemilihan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari setahun ke setahun mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Selain daripada itu diperbincangkan juga perkara-perkara mengenai bayaran, pemberian elaun dan lain-lain kemudahan atau kelapangan kepada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis.⁸

Berhubung dengan aspek pelajaran pula terdapat beberapa perkara yang telah diperbincang dan diluluskan, di antaranya ialah: mengadakan Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Negeri dan juga Rang Undang-undang mengenainya, peruntukan wang perbelanjaan bagi rancangan mengajar Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah bantuan kerajaan, dan pembinaan sekolah-sekolah baharu di beberapa tempat dalam negeri ini. Di samping itu juga Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis telah menentukan seorang wakil Negeri Perlis dalam "Majlis Sekolah Tinggi Malaya" (sekarang Universiti Malaya), iaitu ditentukan pada tiap-tiap empat tahun sekali. Lazimnya wakil yang pernah ditentukan oleh Majlis ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sendiri, dari semasa ke semasa.

Mengenai hal ehwal Agama Islam yang telah diperbincangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis ialah Rang Undang-undang Zakat dan Fitrah bagi Negeri Perlis, Rang Undang-undang Yang Berhubung dengan Orang-orang Islam Di Negeri Perlis, dan susunan pentadbiran Pejabat Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis supaya sesuai dengan kehendak-kehendak orang ramai. Tentang buku-buku bacaan yang bercanggah dengan ajaran Islam juga diambil perhatian dan tindakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan perkara-perkara seperti tersebut itu sentiasa diambil

8. *Minit-minit mesyuarat Perlis State Council, Tahun 1948-1956.*

perhatian dari semasa ke semasa. Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang juga menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri semenjak tahun 1948 itu ialah Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad (Tuan Haji Ahmad Hakim).

Menyentuh tentang perkara-perkara yang berhubung dengan Kerjaraya dan Buruh, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis telah membincang dan meluluskan beberapa rancangan seperti membina bangunan-bangunan pejabat kerajaan, membina dan membaiki jalanraya di beberapa mukim, membina jambatan-jambatan dan tembuk-tembuk, bekalan air paip, dan perkara-perkara mengenai buruh-buruh kontrak dan buruh-buruh kerajaan. Berhubung dengan pengambilan buruh-buruh kontrak dan buruh-buruh kerajaan ditentukan pula beberapa syarat atau peraturan, yang mana di antaranya ialah tentang bayaran gaji kepada buruh-buruh, waktu bekerja dan kebebasan buruh-buruh menjadi ahli-ahli "Trade Union".

Dalam hal-hal mengenai tanah, majlis telah membincang serta meluluskan Rang Undang-undang kerana meminda Undang-undang Tanah Negeri Perlis, hasil-hasil tanah dan lombong bijih, pemberian atau pembahagian tanah-tanah kerajaan mengikut lot-lot, pembelian tanah oleh kerajaan, menentukan kelulusan tanah yang dimiliki oleh seseorang di sesuatu kawasan, penubuhan suatu jawatankuasa bagi menyiasat orang-orang yang tidak mempunyai tanah, dan penubuhan suatu jawatankuasa bagi mengambil langkah di atas perkara jual beli tanah di negeri ini. Orang yang paling bertanggungjawab dalam hal-hal mengenai tanah di negeri ini ialah Pesuruhjaya Tanah dan Galian Negeri Perlis.

Perkara-perkara mengenai tanaman atau pertanian telah diambil perhatian berat untuk dibuat tindakan. Contohnya, dalam suatu mesyuarat yang diadakan pada 17hb. Disember, tahun 1955, Tuan Syed Darus bin Syed Hashim telah mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis meluluskan wang sebanyak \$900,000 yang diuntukkan bagi Negeri Perlis kerana ganti rugi hasil padi bagi tahun 1954/1955 itu hendaklah dibayar terus semuanya kepada penanam-penanam padi mengikut keluasan bendang yang dikerjakan oleh tiap-tiap seorang petani itu. Cadangan tersebut telah dibangkang oleh Penasihat Undang-undang Negeri, walau bagaimanapun perkara tersebut telah dikemukakan kepada Menteri Hal Ehwal Iktisad, Persekutuan Tanah Melayu kemudiannya.

Dalam tahun berikutnya perkara padi tidak jadi (tidak terhasil) telah dibangkitkan lagi, iaitu dalam persidangan pada 8hb. April, 1956. Encik Salleh bin Osman telah mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mendesak Kerajaan Perikatan supaya memberi bantuan dengan seberapa

segera kepada penanam-penanam padi di Negeri Perlis, yang mana padi mereka tidak menjadi itu dengan bantuan-bantuan yang munasabah. Beliau menyatakan perkara padi tidak menjadi ini adalah terlibat di semua mukim dalam Negeri Perlis. Cadangan tersebut telah disokong oleh Encik Yusof bin Abu Bakar, Wakil Rakyat Kawasan Kuala Perlis.

Berikut ini diperturunkan daftar banci bendang (sawah) yang terlibat dengan padi tidak menjadi dalam tahun 1954/1955, iaitu mengikut senarai Wakil-wakil Rakyat, Kawasan Pilihanraya Negeri semasa itu, dan keluasan bendang yang terlibat dalam kawasan-kawasan tertentu.

	<u>Wakil Rakyat</u>	<u>Kawasan</u>	<u>Keluasan Bendang</u>
1.	En. Yusof Abu Bakar	Kuala Perlis	2,000 relong
2.	Tn. Hj. Mokhtar Hj. Ismail	Kurong Anai	1,623 relong
3.	Tn. Syed Darus Syed Hashim	Utan Aji-Seriab	2,050 relong
4.	En. Rosli Mohd. Hassan	Titi Tinggi	150 relong
		Beseri	300 relong
5.	En. Mahyiddin Dato' Habib	Chuping	600 relong
		Ngulang	800 relong
6.	En. Ahmad Musa	Sanglang	2,500 relong ⁹

Perkara-perkara lain yang berhubung dengan pertanian yang mana telah dibahas dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ialah: Rang Undang-undang Lembaga Penanam-penanam Padi Negeri Perlis, penanaman kayu jati dalam Negeri Perlis, pembinaan empangan air untuk pertanian, pengambilan "Junior Agriculture Assistant" dalam Negeri Perlis, dan hal-hal yang berhubung dengan bantuan pertanian kepada petani-petani, seperti bantuan tanaman semula di kampung-kampung melalui R.I.D.A. dan Pejabat Tanaman Negeri Perlis.

Perkara-perkara lain yang telah diperbincang dan dibuat keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis ialah perkara-perkara mengenai pencen kerabat Diraja dan elaun-elaun ampun kurnia yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Perlis, dan lain-lain perkara yang berhubung dengan kebajikan dan faedah penduduk-penduduk Negeri Perlis seluruhnya.

Raja Haji Ahmad bin Raja Endut telah berkhidmat sebagai Menteri Besar Perlis dan sebagai wakil rasmi Negeri Perlis di dalam Majlis Undangan Persekutuan (Federal Legislative Council) selama kira-kira lapan tahun setengah, iaitu sehingga 20hb. September, tahun 1956. Sepanjang masa

9. *Minit Mesyuarat Perlis State Council, Tahun 1956.*

perkhidmatannya itu, beliau telah dua kali bercuti panjang. Bagi kali yang pertama beliau telah bercuti daripada 30hb. November, tahun 1951 hingga 1hb. Mac, tahun 1952, dan sepanjang masa itu jawatan Menteri Besar Perlis telah dipangku oleh Encik Ahmad bin Haji Husin, seorang Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pada kali kedua Raja Haji Ahmad bercuti panjang, iaitu daripada 16hb. Mac hingga 18hb. September, tahun 1955, jawatan Menteri Besar Perlis telah dipangku oleh Dato' Laksamana Mohd. Razali bin Haji Mohd. Ali Wasi.

Selepas tamatnya perkhidmatan Raja Haji Ahmad bin Raja Endut itu jawatan Menteri Besar Perlis dipangku oleh Encik Abdullah bin Sahat sehingga 31hb. Januari tahun 1957, apabila Dato' Laksamana Mohd. Razali bin Haji Mohd. Ali Wasi dilantik menjadi Menteri Besar Perlis yang kedua. Beliau juga adalah seorang Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Beliau telah berkhidmat sebagai Menteri Besar Perlis sehinggalah pada 30hb. April tahun 1959, apabila beliau telah bercuti, dan terus menamatkan perkhidmatannya sebagai Menteri Besar. Sepeninggalan beliau itu jawatan Menteri Besar telah dipangku oleh Dato' Mohd. Shamsuddin bin Mohd. Yaakob, iaitu bermula daripada 1hb. hingga 27hb. Mei tahun 1959.

Perlu disebutkan iaitu semua Menteri Besar dan para Pemangku Menteri Besar yang telah disebutkan itu adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu, dan mereka ini bukanlah terdiri daripada tokoh-tokoh atau orang-orang politik yang dipilih oleh rakyat.

Sesungguhnya titik permulaan berpolitik dalam ertikata yang sebenarnya bagi orang-orang Melayu di Negeri Perlis ialah setelah tertubuhnya UMNO Bahagian Perlis pada 11hb. Februari, 1949. Kesedaran orang-orang Melayu di Negeri Perlis semenjak masa penubuhan Persatuan Melayu Perlis di akhir-akhir tahun 1945 itu adalah diibaratkan semacam benih-benih subur yang mana ianya dipindahkan pula ke suatu bidang tanah yang lebih subur, iaitu dengan tertubuhnya pula UMNO Bahagian Perlis itu. UMNO Bahagian Perlis yang mula ditubuhkan di Kelab Indera Kayangan (lama), pada peringkat itu mempunyai sebanyak 14 Cawangan, dan dengan adanya cawangan-cawangannya itu ianya dapat menarik lebih ramai orang Melayu menjadi ahlinya, dan jelas menunjukkan bahawa UMNO Bahagian Perlis telah dapat mengambilalih tempat dan peranan Persatuan Melayu Perlis dalam usaha menyatupadukan orang-orang Melayu di Negeri Perlis di dalam suatu organisasi politik yang kukuh demi kepentingan mereka sendiri. Semenjak itu bermulalah babak berpolitik orang-orang Melayu Perlis di dalam UMNO.

Menyentuh tentang perjuangan UMNO Bahagian Perlis dalam period tersebut, seorang tokoh yang perlu disebutkan ialah Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim. Di samping menjadi Pegawai Kewangan Negeri dan wakil tidak rasmi Negeri Perlis di dalam Majlis Undangan Persekutuan, beliau adalah seorang pemimpin UMNO yang aktif di negeri ini semenjak tertubuhnya UMNO Bahagian Perlis. Dengan pengalamannya yang sangat luas di bidang pentadbiran beliau telah berjaya memimpin dan mengemudikan UMNO Bahagian Perlis, serta menyatupadukan orang-orang Melayu di bandar dan di luar bandar melalui UMNO. Tegasnya dengan dayausaha dan penat lelah beliau dan rakan-rakannya itu, UMNO Bahagian Perlis telah dapat bernafas dengan sihat dan bergerak dengan lancar mengikut aliran dan matlamat yang hendak ditujunya, ke arah mencapai kemerdekaan tanahair dan kemajuan serta kepentingan orang-orang Melayu khasnya, dan rakyat Negeri Perlis amnya.

Sebagai seorang tokoh yang memang lama di dalam UMNO, Tuan Sheikh Ahmad sangat rapat hubungannya dengan Dato' Onn Jaafar dan juga pemimpin-pemimpin UMNO di negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Begitu juga setelah Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra mengambilalih pucuk pimpinan UMNO Malaya, Tuan Sheikh Ahmad telah semakin bertambah aktif dan popular di kalangan para pemimpin UMNO di Semenanjung Tanah Melayu.

Walaupun orang-orang India di Tanah Melayu telah menubuhkan Malayan Indian Congress atau MIC dalam bulan Ogos tahun 1946, namun dalam tahun 1951 baharulah MIC Cawangan Negeri Perlis ditubuhkan. Demikian juga dengan orang-orang Cina di Negeri Perlis, mereka menubuhkan Malayan Chinese Association atau MCA Cawangan Negeri Perlis dalam tahun 1952.

Para pemimpin UMNO dan MCA di peringkat kebangsaan telah mencapai persetujuan menggabungkan kedua badan itu dalam suatu perikatan yang dinamakan Perikatan UMNO-MCA di peringkat kebangsaan dalam tahun 1952. Justeru itu juga dalam tahun tersebut lahirlah Perikatan UMNO-MCA di Negeri Perlis. Setahun kemudiannya, iaitu dalam tahun 1953, MIC pula menyertai Perikatan UMNO-MCA di peringkat kebangsaan, dan serentak dengan itu juga lahirlah Perikatan UMNO-MCA-MIC di Negeri Perlis. Sayugia disebutkan iaitu pemimpin Perikatan UMNO-MCA-MIC Negeri Perlis yang ulung ialah Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim.

Dalam tahun 1955, suatu perlembagaan baharu bagi Persekutuan Tanah Melayu telah dikuatkuasakan, yang mana keanggotaan di dalam Majlis Undangan Persekutuan telah ditukar coraknya, iaitu ahli-ahli majlis tersebut telah ditambah menjadi 52 orang yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya, dan 7 orang ahli yang lain diuntukkan bagi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British setelah berunding dengan ketua parti yang mendapat bilangan kerusi terbanyak dalam pilihanraya. Berhubung dengan itu maka suatu pilihanraya yang bercorak kebangsaan (pilihanraya umum) telah diadakan buat kali pertamanya di semua negeri di Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan Julai tahun 1955.

Keputusan pilihanraya yang diadakan pada 27hb. Julai, 1955 itu sungguh membanggakan Perikatan UMNO-MCA-MIC Negeri Perlis, kerana 100% kerusi Majlis Undangan Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri telah dibolot oleh Perikatan. Justeru itu Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, yang telah menang bertanding untuk kerusi Majlis Undangan Persekutuan telah mewakili Negeri Perlis di dalam majlis tersebut.

Sementara itu enam orang lagi calon Perikatan yang telah bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri telah mencapai kemenangan, dan telah menjadi wakil-wakil Rakyat bagi kawasan mereka masing-masing, seperti berikut:

- (1) Encik Yusof bin Abu Bakar, Kawasan Kuala Perlis.
- (2) Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail, Kawasan Kurong Anai.
- (3) Tuan Syed Darus bin Syed Hashim, Kawasan Utan Aji dan Seriab.
- (4) Encik Mahyiddin bin Dato' Habib, Kawasan Chuping dan Ngulang.
- (5) Encik Ahmad bin Musa, Kawasan Sanglang.

Perlu disebutkan lagi iaitu Menteri Besar Perlis semasa itu adalah seorang Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selain daripada Wakil-wakil Rakyat tersebut, adalah terdiri daripada mereka yang dilantik oleh DYMM Tuanku Raja Perlis. Mereka adalah terdiri daripada: Penasihat British (British Adviser), Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Penguasa Pelajaran Negeri dan orang-orang kenamaan yang berkeelayakan di negeri ini.

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang tersebut itulah yang bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran Negeri Perlis dalam period tersebut. Ini telah memperlihatkan harapan yang kian cerah ke arah langkah-langkah berkerajaan sendiri sepenuhnya dan kemerdekaan daripada pihak British.

Sementara itu usaha-usaha ke arah mendapatkan kemerdekaan telah semakin giat diperjuangkan, iaitu melalui rundingan dan kira bicara oleh para pemimpin Perikatan Pusat dengan pihak British. Kejayaan demi kejayaan telah dicapai oleh para pemimpin Perikatan bagi memenuhi hasrat dan cita-cita rakyat seluruhnya untuk mendapatkan kemerdekaan.

Berikutan dengan kejayaan "Rombongan Merdeka" ke London yang diketuai oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra dalam bulan Mac, 1956, suatu Suruhanjaya Perlembagaan Bebas diketuai oleh Lord Reid dari Australia didatangkan untuk meninjau pendapat parti-parti politik, badan-badan dan individu di Persekutuan Tanah Melayu. Mereka membuat penyata dan merangkakan asas perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Menjelang bulan Mac, tahun 1957, rangka perlembagaan tersebut telah siap dan telah dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk diteliti dan disemak.

Sehingga ketahap ini telah jelas memperlihatkan bahawa kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin Perikatan itu telah benar-benar semakin dekat dan pasti berjaya. Tarikh pelaksanaan perlembagaan tersebut telah ditetapkan, dan ini juga bererti bahawa kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu akan diisytiharkan pada suatu tarikh yang mana telah ditetapkan pada 31hb. Ogos, tahun 1957. Mulai hari yang bertuah itulah Persekutuan Tanah Melayu menjadi sebuah Negara yang bebas dan merdeka.

Kemerdekaan yang telah dicapai oleh Persekutuan Tanah Melayu itu telah membawa bersama Negeri Perlis ini menjadi sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat. Sesungguhnya semenjak tarikh tersebut itulah negeri yang kecil ini pernah merdeka dan terus merdeka serta bebas daripada sebarang naungan atau campurtangan politik kuasa-kuasa luar. Sayugia disebutkan kembali bahawa semenjak wujudnya Negeri Perlis dalam tahun 1839 dahulu, negeri ini tiada pernah merasai kemerdekaan dan tidak putus-putus dibelenggui oleh kuasa-kuasa luar: Siam, Inggeris, Jepun, Siam (kali kedua) dan Inggeris semula, dalam period kira-kira 118 tahun lamanya.

Selaras dengan kemerdekaan Negeri Perlis di dalam Persekutuan Tanah Melayu, maka D.Y.M.M. Raja Negeri Perlis, Tuanku Syed Putra Ibn Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail adalah merupakan seorang pemerintah yang berdaulat dan bertaraf sama seperti pemerintah-pemerintah negeri Melayu yang lain di Persekutuan Tanah Melayu.

Baginda Raja Negeri Perlis menjadi Yang DiPertuan bagi Negeri Perlis dan memerintah Negeri Perlis mengikut Undang-undang atau Perlembagaan Negeri, iaitu Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis yang mana telah

Baginda asaskan pada 1hb. Februari tahun 1948, iaitu bersamaan dengan kelahiran Persekutuan Tanah Melayu. Sebenarnya Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis (The Laws of the Constitution of Perlis) yang mengandungi sejumlah 78 perkara (articles) itu adalah merupakan suatu perlembagaan yang ulung bagi Negeri Perlis, yang mana di dalamnya tercatat garis-garis panduan pemerintahan Baginda sebagai Raja yang memerintah mengikut lunas-lunas perlembagaan (Constitutional Monarch). Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis telah siap disempurnakan pada 17hb. Ramadan, Sanah Hijrah 1378, bersamaan dengan 26hb. Mac, tahun 1959, iaitu setelah 14 tahun Baginda menjadi Raja Negeri Perlis Indera Kayangan. Upacara pengurniaan dan penetapan bagi undang-undang tersebut itu adalah disaksi dan ditandatangani oleh lima orang pembesar Negeri Perlis semasa itu, iaitu:

- (1) Tuan Syed Hussin bin Syed Zain Jamalullail,
- (2) Dato' Laksamana Haji Mohd. Razali bin Haji Ali Wasi,
- (3) Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad,
- (4) Encik Wan Ahmad bin Wan Daud, dan
- (5) Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim.¹⁰

Setelah hampir dua tahun mencapai kemerdekaan maka pilihanraya umum bagi kali kedua pula telah diadakan dalam bulan Julai tahun 1959, iaitu bagi memilih Wakil-wakil Rakyat ke Dewan Rakyat (Parlimen) dan Wakil-wakil Rakyat ke Dewan Undangan Negeri Perlis sendiri. Dalam pilihanraya kali ini, jumlah kerusi bagi Negeri Perlis telah ditambah, iaitu 2 kerusi bagi Dewan Rakyat (Parlimen) dan 10 kerusi bagi Dewan Undangan Negeri.

Dalam pilihanraya kebangsaan kali kedua ini Parti Perikatan telah berjaya memenangi 100% kerusi yang telah dipertandingkan di Negeri Perlis. Dan wakil-wakil Rakyat Perikatan yang telah terpilih itu adalah seperti berikut:

Wakil-wakil Rakyat Parlimen:

- (1) Y.B. Encik Othman bin Abdullah, Kawasan Perlis Utara.
- (2) Y.B. Tuan Hj. Mokhtar bin Haji Ismail, Kawasan Perlis Selatan.

Wakil-wakil Rakyat Dewan Undangan Negeri:

- (1) Y.B. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, Kawasan Bintong.
- (2) Y.B. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail, Kawasan Kurong Anai.
- (3) Y.B. Encik Yusof bin Abu Bakar, Kawasan Kuala Perlis.
- (4) Y.B. Encik Wan Ahmad bin Wan Daud, Kawasan Paya.
- (5) Y.B. Encik Mahyiddin bin Dato' Habib, Kawasan Mata Ayer.

10. *Saduran daripada "Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis".*

- (6) Y.B. Encik Por Swee Giap, Kawasan Bandar Kangar.
- (7) Y.B. Encik Ahmad bin Musa, Kawasan Sanglang.
- (8) Y.B. Encik Wan Ahmad bin Hj. Wan Kassim, Kawasan Sena.
- (9) Y.B. Tengku Adnan bin Tengku Yahya, Kawasan Bandar Arau.
- (10) Y.B. Tuan Syed Darus bin Syed Hashim, Kawasan Utan Aji.
- (11) Y.B. Tuan Hj. Keria bin Hj. Wan Nik, Kawasan Kayang.
- (12) Y.B. Encik Loh Ah Tong, Kawasan Titi Tinggi.

Selepas kemenangan Parti Perikatan dalam pilihanraya tersebut, Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, Ketua Perikatan Negeri Perlis dengan persetujuan D.Y.M.M. Raja Perlis, telah dilantik menjadi Menteri Besar Perlis yang baharu, menggantikan Dato' Mohd. Shamsuddin bin Mohd. Yaakob, Pemangku Menteri Besar Perlis semasa itu. Sayugia disebutkan bahawa Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim adalah merupakan Menteri Besar Negeri Perlis yang pertama dari tokoh politik yang dipilih oleh rakyat.

Dalam bulan April tahun 1960, D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Yang Pertama, Tuanku Abdul Rahman Ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad dari Negeri Sembilan telah mangkat, dan Tuanku Hisamuddin Alam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah dari Selangor telah dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu menjadi Yang DiPertuan Agong Yang Kedua bagi Persekutuan Tanah Melayu. Di samping itu juga Majlis Raja-raja Melayu telah memilih D.Y.M.M. Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail sebagai Timbalan Yang DiPertuan Agong Yang Kedua.

Semasa kegeringan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Tuanku Hisamuddin Alam Shah, iaitu dalam bulan Julai hingga bulan Ogos tahun 1960 itu, D.Y.M.M. Tuanku Syed Putra telah menjalankan tugas-tugas Yang DiPertuan Agong, dan berhubung dengan itu juga Tuanku Syed Putra telah melantik suatu Jemaah Pemangku Raja Perlis pada 7hb. Ogos, tahun 1960. Ahli-ahli Jemaah Pemangku Raja Perlis yang telah dilantik itu adalah terdiri daripada:

- (1) Tuan Dr. Syed Mahmood bin Syed Hussain Jamalullail,
- (2) Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad, dan
- (3) Tuan Syed Hussain bin Syed Zain Jamalullail.

Berikutan dengan kemangkatan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Kedua, maka pada 21hb. September tahun 1960, Raja Perlis, Tuanku Syed Putra, telah dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu menjadi Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Yang Ketiga bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Menurut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis, dalam Bab (1) (b) yang menyebutkan bahawa, "Raja Perlis hendaklah melantik Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja menurut seperti yang difikir patut olehnya bagi menjalankan pekerjaannya sebagai Raja Pemerintah jika takdirnya diangkatannya menjadi Yang DiPertuan Agong", maka pada 21hb. September, tahun 1960, bersamaan dengan 30hb. Rabiul Awal, Sahah Hijrah 1380, Tuanku Syed Putra Ibnu Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail telah melantik suatu Jemaah Pemangku Raja Perlis yang terdiri daripada:

- (1) Tuan Dr. Syed Mahmood bin Syed Hussain Jamalullail, sebagai Yang DiPertua Jemaah Pemangku Raja Perlis.
- (2) Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad, sebagai Ahli,
- (3) Tuan Syed Hussain bin Syed Zain Jamalullail, sebagai Ahli,
- (4) Tuan Syed Bakar bin Syed Hussain Al-Jafri, sebagai Ahli.¹¹

Perlantikan tersebut telah mula dikuatkuasakan semenjak tarikh tersebut, iaitu dalam tempoh dua tahun lamanya, dan D.Y.M.M. Raja Perlis mempunyai kuasa dan berhak untuk membatalkan lantikan mereka semua atau salah seorang daripada mereka sekiranya mereka atau salah seorang daripada mereka itu telah didapati menggendalakan kuasa dan hak Baginda itu dalam masa sebelum tamat tempoh dua tahun itu.

Justeru itu semasa Tuanku Syed Putra bertakhta dan menjalankan tugas sebagai Yang DiPertuan Agong di Kuala Lumpur, mereka tersebut itu telah mewakili Baginda, memperbuat dan menjalankan segala perbuatan, hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang kena diperbuat dan dijalankan oleh Raja Pemerintah bagi Negeri Perlis.

Setelah kira-kira 40 hari Tuanku Syed Putra menjadi Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, iaitu pada 30hb. Oktober 1960, Baginda telah melantik putera Baginda, Tuanku Syed Sirajuddin menjadi Raja Muda Perlis. Pada ketika itu Tuanku Syed Sirajuddin masih menuntut di Wellingborough Public School, England.¹²

11. "Government of Perlis Gazette", Jilid 3, No. 22, bertarikh 3hb. November, 1960.
 12. Pada ketika itu Y.T.M. Tuanku Syed Sirajuddin baharu berusia 17 tahun 5 bulan. Setelah tamat pengajian di Wellingborough Public School, Baginda mengikuti Kursus Pegawai Kadet di Akademi Tentera Diraja British di Sandhurst, England, mulai Januari 1964 hingga Disember 1965. Pada 15hb. Februari, 1967, Y.T.M. Tuanku Syed Sirajuddin telah berkahwin dengan Y.T.M. Tengku Fauziah bt. Tengku Abdul Rashid. Baginda berdua telah dihurniakan seorang putera, Y.A.M. Syed Faizuddin Putra dan seorang puteri, Y.A.M. Sharifah Fazira.

Apabila genap masa dua tahun Ahli-ahli Jemaah Pemangku Raja Perlis menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan mereka, maka Baginda Tuanku Syed Putra telah menyambungkan lagi tempoh perlantikan Yang DiPertua Jemaah Pemangku Raja Perlis dan Ahli-ahlinya, iaitu mulai daripada 21hb. September, tahun 1962 sehingga 31hb. Disember tahun tersebut. Titah perisytiharan itu telah dikeluarkan pada 21hb. September, tahun 1962, iaitu mengikut syarat-syarat Bab 18 (2) (1), dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis.

Setelah tamat tempoh masa perlantikan Jemaah Pemangku Raja Perlis bagi tahap kedua itu yang berakhir pada 31hb. Disember, tahun 1962, maka pada hari tersebut itu D.Y.M.M. Tuanku Syed Putra selaku Raja dan Yang DiPertuan bagi Negeri Perlis, telah mengeluarkan suatu perisytiharan di Istana Negara, Kuala Lumpur, iaitu mulai daripada tarikh tersebut Baginda telah melantik Y.T.M. Tengku Sulieman Ibni Almarhum Tengku Bendahara Abu Bakar, putera menantu Baginda menjadi Pemangku Raja Negeri Perlis sehingga tamat tempoh Baginda menjalankan tugas sebagai Yang DiPertuan Agong.¹³

Perlu disebutkan iaitu Y.T.M. Tengku Sulieman adalah seorang kerabat Diraja dari Negeri Johor, dan beliau telah berkahwin dengan puteri sulung Tuanku Syed Putra, Y.A.M. Puan Sharifah Salwa (Dato' Sharifah Salwa).

D.Y.M.M. Tuanku Syed Putra telah dianugerahkan lima orang putera dan lima orang puteri bersama dengan D.Y.M.M. Tengku Budriah, Raja Perempuan Perlis, iaitu:

1. Y.A.M. Dato' Sharifah Salwa
2. Y.T.M. Tuanku Syed Sirajuddin
3. Y.A.M. Syed Badaruddin
4. Y.A.M. Sharifah Jalina
5. Y.A.M. Sharifah Azwan
6. Y.A.M. Sharifah Junetta
7. Y.A.M. Dato' Syed Amir Abidin
8. Y.A.M. Syed Razlan
9. Y.A.M. Syed Zainal Anwar
10. Y.A.M. Sharifah Endah

Dengan Suri Baginda, Cik Mariam, D.Y.M.M. Tuanku Syed Putra dikurniakan tiga orang putera dan seorang puteri, iaitu:

1. Y.A.M. Syed Zainal Rashid

13. "Government of Perlis Gazette", Jilid 4, No. 1, bertarikh: 1hb. Januari, 1963.

2. Y.A.M. Syed Azni
3. Y.A.M. Syed Badlishah
4. Y.A.M. Sharifah Melaine

Apabila lahirnya Negara Malaysia pada 16hb. September, tahun 1963, maka D.Y.M.M. Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail adalah merupakan Yang DiPertuan Agong Yang Pertama bagi Negera Malaysia, dan demikian juga D.Y.M.M. Tengku Budriah Binti Tengku Ismail adalah merupakan Raja Permaisuri Agong Malaysia Yang Pertama. Pada hari yang bersejarah itu Baginda Tuanku Syed Putra telah dengan rasminya mengisytiharkan kelahiran Negara Malaysia. Sesungguhnya peristiwa tersebut itu adalah menjadi suatu kebanggaan bagi Baginda berdua, dan juga kepada Negeri Perlis Indera Kayangan dan seluruh rakyatnya.

Demikian dan sekianlah adanya.



15. Ahli-ahli Jemaah Pemangku Raja Perlis yang terdiri daripada:
 Tuan Dr. Syed Mahmood bin Syed Hussain Jamalullail (Yang DiPertua),
 Tuan Haji Ahmad bin Haji Muhammad, Tuan Syed Hussain bin Syed Zain Jamalullail,
 Tuan Syed Bakar bin Syed Hussain Al-Jafri.

SALASILAH KELUARGA JAMALULLAIL DAN RAJA-RAJANEGERI PERLIS

NABI MUHAMMAD S.A.W

SITI FATIMAH

(FATIMATUL ZAHARA AL-BATUL)

KHALIFAH ALI BIN ABI TALIB

AL-IMAM AL-HUSSIN

AL-IMAM ALI ZAINAL ABIDIN

AL-IMAM MUHAMMAD AL-BAQR

AL-IMAM JAAFAR AL-SIDIQ

ALI AL-ARIDHI

MUHAMMAD AL-NAQIB

'ISA (ESA)

AHMAD AL-MUHAJIRALLAH

AL-SHEIKH ABDULLAH

AL-SHEIKH ALWI

'ALI KHAL' QASIM


MUHAMMAD SAHIB MARBAT


'ALI

MUHAMMAD AL-FAKEH AL-MAQDAM

'ALI

HASSAN





- * Salasilah Keluarga ini disesuaikan daripada "Salasilah D.Y.M.M. Raja-Raja Perlis"

Dikumpul dan disusun oleh:

Ahmad bin Ismail

Batu 1½, Jalan Raja Syed Alwi,
Kangar, Perlis.
(1963).

BIBLIOGRAFI

1. **Siri Wawancara dengan:**
 - 1.1 Dr. Khoo Kay Kim,
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 - 1.2 Drs. Mohd. Dahlan Mansoer,
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 - 1.3 En. R. Bonney,
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 - 1.4 En. B.A.V. Peacock,
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 - 1.5 En. Leslie Robert (Shahril Talib Robert),
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 - 1.6 Sdr. Hashim Abd. Rahman,
Penuntut Tahun III (Sejarah), 1974,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 - 1.7 Sdr. Abdullah Embong,
Penuntut Tahun III (Sejarah), 1974,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
 - 1.8 Tengku Ibrahim bin Tengku Ahmad,
Arau, Perlis.
 - 1.9 En. Hashim bin Hj. Mustaffa,
Kampung Tok Jalai, Kedah.
 - 1.10 Tuan Mohd. Said bin Hj. Awang,
Bekas Penghulu Mukim Kuala Perlis dan Puju, Perlis.
 - 1.11 Tok Wan Hajar binti Dato' Wan Din,
Arau, Perlis.
 - 1.12 Tuan Hj. Othman Abdullah, Abi, Perlis.
Bekas Ahli Parlimen Kangar.
2. **Hasil-hasil Kajian, Dokumen-dokumen dan lain-lain:**
 - 2.1 Ahmad Ismail, "Salasilah D.Y.M.M. Raja-Raja Perlis".
 - 2.2 _____, "Salasilah Raja-Raja dan Kerajaan Negeri Perlis".
 - 2.3 _____, "Seri Indera Kayangan - Sejarah Negeri Perlis".
 - 2.4 _____, "Nota-nota Sejarah Negeri Perlis".

- 2.5 _____, "Surat Persembahan Bunga Emas dan Perak semasa Raja Syed Ahmad", bertarikh 16hb. Safar, 1312 Hijrah (T.M. 1894) (Salinan).
- 2.6 _____, "Jadual Persembahan Bunga Emas dan Perak oleh Raja-Raja Negeri Perlis, S.H. 1259-1327 (T.M. 1843 - 1909)".
- 2.7 _____, "Pita Rakaman Wawancara dengan Tok Wan Hajar binti Dato' Wan Din", bertarikh 26hb. Julai, 1964.
- 2.8 Thamsook, Ratanapun, "The Development of the North-Western States of Malaya 1909 - 1941", University of Hong Kong, M.A. Thesis, 1961.
- 2.9 Thamsook, Numnonda, "The Anglo-Siamese Negotiation 1900 - 1909", University of London, Ph. D. Thesis, 1966.
- 2.10 "Surat Tanda Berjanji dan Bersahabat", antara Tengku Dhiauddin Mukarram Shah dan Sir George Leith Baronet, bertarikh; 12hb. Muharram, 1215 Hijrah (Jun 1800).
- 2.11 "Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam", bertarikh 4hb. Oktober, 1905.
- 2.12 "Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam", bertarikh 8hb./25hb. Februari, 1907.
- 2.13 "Jadual Pemberian Hutang Tahun 1905, oleh Kerajaan Siam kepada Negeri Perlis", dikembar bersama-sama Surat Perjanjian Hutang Perlis-Siam bertarikh 8hb./25hb. Februari, 1907.
- 2.14 "Surat Perjanjian Hutang Kedah-Siam", bertarikh 16hb. Jun, 1905.
- 2.15 "Surat Perjanjian Bangkok, antara Great Britain dan Siam", bertarikh 10hb. Mac, 1909.
- 2.16 "Memorandum by Mr. Strobel Respecting the Province of Setul", Foreign Office Confidential Print, Bab XX, 1908.
- 2.17 "Surat Konsul Frost kepada Mr. Paget", bertarikh 28hb. April, 1906, Foreign Office Confidential Print, Bab XVIII, 1906.
- 2.18 "Surat Konsul Frost kepada Mr. Beckett", bertarikh 8hb. Ogos, 1906, Foreign Office Confidential Print, Bab XVIII, 1906.
- 2.19 "Surat Konsul Frost kepada Mr. Beckett", bertarikh 17hb. Ogos, 1907, Foreign Office Confidential Print, Bab XVIII, 1907.
- 2.20 "Surat Konsul Frost kepada Mr. Beckett", bertarikh 4hb. September, 1907, Foreign Office Confidential Print, Bab XXI, 1908.

- 2.21 "Surat Mr. Beckett kepada Mr. Paget", bertarikh 20hb. September, 1907, Foreign Office Confidential Print, Bab XIX, 1907.
- 2.22 "Surat Mr. Beckett kepada Mr. Edward Grey", bertarikh 31hb. Oktober, 1907, Foreign Office Confidential Print, Bab XIX, 1907.
- 2.23 "Surat Mr. Beckett kepada Mr. Edward Grey", bertarikh bulan November, 1907, Foreign Office Confidential Print, Bab XX, 1907.
- 2.24 "Surat Putera Devawongse kepada Mr. Beckett", bertarikh 8hb. Julai, 1909, Foreign Office Confidential Print, Bab XXI, 1909.
- 2.25 "Surat Sir E. Monson kepada The Marquess of Salisbury", Paris, bertarikh 3hb. Julai, 1897, Foreign Office Confidential Print, Bab IX, 1897.
- 2.26 "Bengal Secret and Political Consultation", Fort William, bertarikh 10hb. Julai, 1829, Burney Papers, Jilid III, Bab 2.
- 2.27 "Surat Lord Crewe kepada Raja England", Downing Street, bertarikh November, 1909.
- 2.28 "Surat Raja Syed Alwi kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu" (Terjemahan), bertarikh 3hb. Zulkaedah 1307 Hijrah (November 1909).
- 2.29 "Memorandum Regarding the Kedah and Perlis Bunga Mas", bertarikh 27hb. Disember, 1909, Colonial Office, 41659.
- 2.30 Anon, "Peringatan Raja-Raja Kedah" (Teks Jawi), bertarikh 1333 Hijrah.
- 2.31 "The Perlis Annual Report" daripada tahun 1910 hingga 1938.
- 2.32 "Perlis, 1914 - Construction Agreement" (Salinan).
- 2.33 Minit-minit Mesyuarat Perlis State Council, daripada tahun 1930 hingga 1938.
- 2.34 Sheikh Ahmad Mohd. Hashim, "Sejarah Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim" (Belum diterbitkan).
- 2.35 Syed Hussin Ibni Syed Safi, "Istiadat Permakaman DYMM Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Safi", dikeluarkan oleh Istana Arau, Perlis, bertarikh: 1.2.2603 (1943).
- 2.36 Ibrahim Hj. Yaakob, "Melihat Tanah Air", Percetakan Timur, Kuantan, 1975.
- 2.37 Itagaki Yoichi, "Some Aspects of the Japanese Policy for Malaya Under the Occupation, with Special Reference to Nationalism", Hitotsubashi University, Tokyo.

- 2.38 Nik Anuar Nik Mahmud, "Kelantan Di Bawah Pemerintahan Thai 1943 - 1945", *Malaysia In History*, Jilid 17, No. 2, 1974.
- 2.39 Mohammad Yunus Hamidi, "Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung", Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961.
- 2.40 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis (The Law of the Constitution of Perlis), Jabatan Cetak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, 1963.
- 2.41 Government of Perlis Gazette, Jilid 3, No. 27, 1960.
- 2.42 _____, Jilid 4, No. 1, 1963.
- 2.43 Salinan Surat Perjanjian antara Kerajaan British dengan Negeri Perlis, Tahun 1930, bertarikh: 28hb. April, 1930.

3. Buku-Buku, Majalah-Majalah dan Artikel-artikal

- 3.1 Anderson, John, "Quedah, and Tuanku Mahomad Saad," Asiatic Journal, New Series, Jilid 35, 1841.
- 3.2 Augustin, James, F., "Langkawi - 1621 A.D., "Kedah Dari Segi Sejarah" (Alor Star), Jilid I, Bil. 1, 1965.
- 3.3 Berg, L.W.C. Van Dan, "Le Hadramaut Et Lee Colonies Arabes Dans L' Archipel Indian", Batavia, 1886.
- 3.4 Bonney, R., Kedah 1771 - 1821, Kuala Lumpur, 1971.
- 3.5 Bowring, John, The Kingdom and People of Siam, Jilid II, Kuala Lumpur, 1969.
- 3.6 Buyong Adil, Haji, Sejarah Perak, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.
- 3.7 _____, Sejarah Melaka, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.
- 3.8 Chai Hon-Chan, The Development of British Malaya 1896 - 1909, Kuala Lumpur, 1964.
- 3.9 Chandran, J., "Perjanjian 1909 Antara Inggeris Dengan Siam Serta Latar Belakangnya," JEBAT (Kuala Lumpur), Bil. 1, 1971/1972.
- 3.10 _____, "The Anglo-French Declaration of January 1896 and the Independence of Siam," Journal of the Siam Society (Bangkok), Jilid LVIII, Bab 2, Julai 1970.
- 3.11 _____, "Setul Pada 1907: Masalah Negeri-Negeri Selatan Thai Pada Awal Abad Kedua Puluh," JEBAT, Kuala Lumpur), Bil. II, 1972/1973.

- 3.12 Clerk, Kathleen, "Pinto and Lock in Kedah", Malaya in History (Kuala Lumpur), Jilid 4, Bil. II, 1958.
- 3.13 Flood, Chadin (Kanjavanit), The Dynastic Chronicles Bangkok Era, (Terjemahan), Tokyo, 1967.
- 3.14 Freeman-Granville, G.S.P., The Muslim and Christian Calendars, London, 1963.
- 3.15 Ginsberg, N. dan Roberts, C.F., Malaya, University of Washington Press, Seattle, 1958.
- 3.16 Gullick, J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Kuala Lumpur, 1970.
- 3.17 Hussain Baba bin Mohamad, P.J.K., "Sejarah Negeri dan Raja-Raja Perlis", JMBRAS, Jilid 42, Bab. 2, 1969.
- 3.18 Jumsai, Manich, M.L., History of Anglo-Thai Relations, Bangkok, 1970.
- 3.19 _____, Popular History of Thailand, Bangkok, 1972.
- 3.20 Kobkua Suwannathat-Pian, "Thai-Malay Relations", East Asian Historical Monographs, Singapore, 1988.
- 3.21 _____, "Kedah-Siamese Correspondence 1890-1898", JMBRAS, Vol. 55, Part 2, 1982.
- 3.22 Lamb, H.A., "Mahayana Buddhist Votive Tablets in Perlis", JMBRAS, Jilid 37, Bab. II, 1964.
- 3.23 Logan, J.R., "Notes at Pinang, Kidah & C", Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia, Jilid I, 1847.
- 3.24 Low James, Lieut. Co., "On the Laws of Muang Thai Siam," Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia, Jilid I, 1847.
- 3.25 Martin, B.G., Migration from the Hadramawt to East Africa and Indonesia C. 1200 to 1900, Department of History Indiana University, Bloomington, Indiana 47401, Disember, 1972.
- 3.26 Maxwell, George, "Memories of the First British Adviser, Kedah," Malaya in History, Jilid 4, Bil. II, 1958.
- 3.27 _____, Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo, Suffolk Lane, E.C., 1924.
- 3.28 Mills, L.A., British Malaya 1824 - 1867, Singapore, 1925.
- 3.29 Mohd. Kassim bin Haji Ali dan Shaw, William, "The Coinage of Kedah", Kedah Dari Segi Sejarah (Alor Setar), Jilid 4, Bil. 1, 1974.

- 3.30 Moor, J.H., Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries, Singapore, 1837.
- 3.31 Morley, J.A., "The Arabs and the Eastern Trade," JMBRAS, Jilid 22, Bab. I, 1949.
- 3.32 Muhammad Hassan bin Datuk Kerani Muhammad Arshad, Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.
- 3.33 Mustafa Tam, Tawarikh Salasilah Kedah, Bab. I, Alor Star, 1962.
- 3.34 Newbold, T.J. Esq., Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca with a History of the Malayan States on the Peninsula of Malacca, Jilid I, London, 1839.
- 3.35 Osborn, Sherard, Captain, Quedah: Stray Leaves from a Journal in Malayan Waters, London, 1857.
- 3.36 Pluvier, J.M., A Handbook and Chart of Southeast Asian History, Kuala Lumpur, 1967.
- 3.37 Ridley, H.N., "Malay Plant Names," JSBRAS, 1897.
- 3.38 Ryan, N.J., Semenanjung Tanah Melayu, Kuala Lumpur, 1965.
- 3.39 Serjeant, R.B., The Saiyids of Hadramawt, London.
- 3.40 Sharom Ahmat, "The Structure of the Economy of Kedah, 1879 - 1905", JMBRAS, Jilid 43, Bab. II, 1970.
- 3.41 _____, "Kedah-Siam Relations, 1821-1905", Journal of the Siam Society (Bangkok), Jilid 59, Bab. I, 1971.
- 3.42 Shellabear, W.G., Sejarah Melayu, Kuala Lumpur, 1967, atau (Teks Jawi) Singapura, S.H. 1343 (1924).
- 3.43 Skeat, William Walter, "Reminiscences of the Cambridge University Expedition to the North-eastern Malay States, 1899-1900", JMBRAS, Jilid 26, Bab IV, 1953.
- 3.44 Swettenham, F.A., British Malaya, London, 1929.
- 3.45 Syed Muhammad bin Syed Hassan Shahabuddin, "The Three Million Dollar Wedding", Malaya in History, Jilid 4, Bil. II, 1958.
- 3.46 Syed Naguib Al-Attas, Prof. Dr., Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969.

- 3.47 Tarling, N., British Policy in the Peninsula and Archipelago 1824-1871, Kuala Lumpur, 1969.
- 3.48 Tate, D.J.M., The Making of Modern Southeast Asia, Jilid 1, Kuala Lumpur, 1971.
- 3.49 Tibbetts, G.R., "Early Muslim Traders in Southeast Asia", JMBRAS, Qilid 30, Bab I, 1957.
- 3.50 Topping, Michael, Esq., "Some Account of Kedah", Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia, Jilid 4, 1850.
- 3.51 Tunku Fariduddin Haji, Cenderamata Merdeka Kedah, Alor Setar, 1957.
- 3.52 Tunku Nong Jiwa dan Tunku Fariduddin Haji, "The Kedah Ruler's Genealogical Trees", Malaya in History, Jilid 4, Bil. 2, 1958.
- 3.53 Tweedie, M.W.F., Prehistoric Malaya, Singapore, 1965.
- 3.54 Vella, Walter F., Siam Under Rama III, New York, 1957.
- 3.55 Vlekke, B.H.M., Nusantara Sejarah Indonesia, Kuala Lumpur, 1967.
- 3.56 Wan Adnan bin Wan Long (Terjemahan), "Sejarah Negeri Setol, Thailand", karangan Abdullah Long Puteh, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah (Alor Star), 1971.
- 3.57 Wan Yahya bin Wan Mahamad Taib, Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah, Alor Star, S.H. 1329 (1911).
- 3.58 Whealtes, P., The Golden Khersonese, Kuala Lumpur, 1961.
- 3.59 Wheeler, L. Richmond, The Modern Malay, London, 1928.
- 3.60 Winstedt, R.O., "History of Kedah", JMBRAS, Jilid 14 Bab. III, 1936.
- 3.61 _____, "Kedah Laws", JMBRAS, Jilid 6, Bab. 2, 1928.
- 3.62 _____, "The Hadramaut Saiyids of Perak and Siak", JSBRAS, Bil. 79.
- 3.63 _____, Malaya in History, London, 1966.
- 3.64 Wood, W.A.R., A History of Siam, Bangkok, 1924.
- 3.65 Zaharah bt. Hj. Mahmud, "A Restudy with Special Reference to the State of Kedah", Geographica, Jilid 5, 1969.
- 3.66 Zainal Abidin bin Abdul Wahid, Sejarah Malaysia Sepintas Lalu, Kuala Lumpur, 1971.

- 3.67 Muhammad Yamin, Prof., Atlas Sedjarah, Djakarta, 1956.
- 3.68 Istilah Sejarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.
- 3.69 Iskandar, T., Drs., Kamus Dewan, Kuala Lumpur.
- 3.70 Robertson's Practical English-Thai Dictionary.
- 3.71 "The Gate", Majalah Persatuan Sejarah Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Star, Kedah, 1957.

INDEKS

- Abdullah bin Ahmad, 149–150
 Abdullah bin Sahat, 193
 Aceh, 3–4, 23
 Ahmad bin Musa, 192, 195, 198
 Ahmad bin Hj. Husin, 193
 Alang Kechik (Dato' Seri Lela Pahlawan), 46
 Ali bin Abu Talib, 22, 28
 Allen, L.A., 138–139
 Alor Genu, 30, 32, 36, 38
 Alor Keladi, 54, 56
 Alor Setar, 3, 11, 15, 94, 132, 135, 153, 157, 160, 166, 171, 173, 181
 Aluang Burin Deja, 31
 Anderson, Sir John, 121
 Anderson, J., 32
 Anglo-French Entente (Persefahaman Inggeris Perancis), 91
 Arau, 27, 39, 47–49, 53, 59, 66, 70, 72, 75, 80–81, 86, 89, 114, 125, 128,
 132–133, 138, 143, 150, 153, 155–156, 163, 166–167, 181, 198
 Augustine de Beaulieu, 3–4
 Awang (Muhammad Arshad), 25

 Bakal Raja, 151–152, 153–155, 164
 Balai Polis, 14
 Bangkok, 8, 32–33, 35–37, 39, 44–47, 50, 53, 58–59, 61–64, 66–67,
 69–70, 72, 74, 78, 80, 86, 88, 90, 99, 101–103, 105–107, 109–110,
 113–115, 117, 133.
 Beckett, W.R.D., 102–104
 Bekalan air paip, 136
 Beseri, Mukim, 1, 47
 Beruk (nama tempat), 59
 Bintang Kebesaran, 135–136, 149, 154
 Bintang Tiga, 179–180
 Bonham, Gabenor, 40
 Bonney, R., 2, 12
 Bugis, 6
 Bukit Chuping, 139
 Bukit Kayu Arang, 67–68
 Bukit Keteri, 128, 132
 Bukit Lambong Panah, 21
 Bukit Menara, 21
 Bukit Nasi Sebungkus, 21

- Bukit Wai, 21
 Bunga Emas dan Bunga Perak, 45, 110-117
 Burr, Major D., 180
 Cangcong, 175
 Cavendish, Mr., 136
 Cepi, 113
 Chao Phya Ritsongkhram Ramphakdi, 68
 Chao Phya Yommarat, 37
 Charn Na Songkhram, 172
 Che' Abdullah bin Che' Saad, 88
 Che' Lanang bin Dato' Arau, 46
 Che' Matt bin Hj. Kassim, 124, 149-150
 Che' Mat Saman bin Dato' Seri Lela Pahlawan, 58, 60
 Che' Muhammad Saad bin Hj. Musa, 60
 Chenak, Negeri, 24, 104
 Che' Shamsiah bt. Lebai Mat Amin, 67, 121
 Che' Sofiah bt. Dato' Arau, 52
 Chogan Katka, 166
 Choi, Kain, 112-113
 Chong Swee Thye, 187
 Cop Mohor, 79
 Chulalongkorn, Raja, 53, 58-60, 62-64, 67-70, 72, 74-79, 85-86, 88, 90,
 109, 115
 Chuping, Mukim, 47
 Clifford, Hugh, 138
 Clayton, T.W., 135
 Cooke, F.G., 187
 Cranston, J.M., 131
 Cucuk telinga, Perang, 30-32
 Cukai, 123, 190

 Damrong, Putera, 70, 72
 Dato' Arau (Dato' Belat Paduka Seri Perdana Menteri), 46, 49-50, 52-53,
 56-58, 73
 Dato' Johan Lela Perkasa, 28
 Dato' Ja'afar bin Hassan, 11-12
 Dato' Laksamana Mohd. Razali bin Hj. Mohd. Ali Wasi, 193, 197
 Dato' Lanang bin Dato' Arau, 58
 Dato' Mohd. Shamsuddin bin Mohd. Yaakob, 193, 198
 Dato' Onn bin Ja'afar, 185, 194
 Dato' Seri Indera Dewa (Lahim), 46
 Dato' Seri Lela Pahlawan (Alang Kechik), 46
 Dato' Seri Paduka Maha Menteri, 5

- Dato' Seri Paduka Tuan, 6
 Dato' Wan Din bin Dato' Arau, 46, 56, 60-61, 66
 Dato' Wan Mat Saman bin Dato' Arau, 46, 58, 60
 Dato' Wan Teh bin Dato' Arau, 46, 88, 93-94
 Dawson, Captain D.W., 154-156
 Day, E.V.G., 156, 160-161, 180
 Devawongse Varoprakar, 105
 Diamond, Kapal, 36
 Diana, Kapal, 36
 Duke, A.H., 93-94, 101, 107, 119
 Dunlop, 67
 Dussek, O.T., 152, 157

 East India Company (English East India Company), 6-7, 84-85
 Eckhardt, H.C., 127-129, 131-132, 134
 Emerald, Kapal, 36
 Evans, I.H.N., 139

 Federation of Malaya (Persekutuan Tanah Melayu), 185-186
 French East India Company, 4
 Frost, Meadow, 94-96, 106, 115, 119, 121-122
 Furtado, Diogo de Medoca, 3

 Gajah, 2, 26, 58, 114, 137
 George Kelima, King, 135
 George Keenam, King, 154
 Gidley, 128-129
 Glencross, A., 187
 Gua Berhala, 1, 82
 Gua Kurung Batang, 1
 Guillemard, Sir Lawrence, 135
 Gurney, Sir Henry, 181

 Hadramaut, 22, 156
 Hart, G.C., 93
 Harga barang masa Jepun, 173-174
 Hasta, 112-113
 Hay, M.C., 118, 146-149
 Hipotisis nama Perlis, 9-20
 Hirota, E., 161-162
 Hj. Ahmad bin Hj. Muhammad (Hj. Ahmad Hakim), 145-146, 152-153,
 161, 183, 191, 197
 Hj. Ismail bin Hj. Ibrahim, 150, 161-162

- Hj. Kassim bin Hj. Ali, 72, 81, 142
 Hj. Keria bin Hj. Wan Nik, 198
 Hj. Mohd. Noor bin Ahmad, 146
 Hj. Mokhtar bin Hj. Ismail, 192, 195, 197
 Hj. Muhammad bin Hj. Abdul Latif, 60
 Hj. Salleh bin Hassan, 81
 Howitt, C.R., 153–154
 Hughes, J.W.W., 135–137
 Hutang Kerajaan Negeri Perlis, 90–91, 96–101
 Hyacinth, Kapal, 36
 Hyde, A., 145
- Indera Kayangan, 5–7, 28, 46–47
 Ingrams, W.N., 156
 Iskandar Kamel, Dr. (Ibrahim bin Hj. Yaacob), 157
 Islam, 2, 23, 25, 124–125, 150, 158, 165:
 Yang DiPertua Majlis Agama Islam, 187, 191
 Hal Ehwal Agama Islam, 144, 190–191
 Istana Pelamin, 86
 Istiadat Permakaman, 166
- Jackson, Colonel, 119–120
 Jagat Singh, 125, 147
 Jalan raya, 80, 127–128
 Jamalullail, Keluarga/Kerabat, 22–25
 Jambangan, Raja, 42
 Jawatankuasa Pelajaran Negeri (State Education Committee), 148
 Jawatankuasa Pengusahaan Masjid Alwi, Kangar, 150
 Jefferson, J.W., 156,
 Jepun, Zaman Pemerintahan, 160–169
 Jotikasathien, Major General Kamol Sra Bhaisiradthikaran, 171
 Juang Tawa, Raja, 6
- Kampong Sena, 5
 Kangar, 2, 5, 7, 48, 75, 137, 158
 Kedah: Bunga Emas Kedah, 110, 116
 Hubungan Kerabat Diraja Kedah dan Perlis, 42–44, 51
 Hutang Kedah Kepada Kerajaan Siam, 90
 Kedah ambil balik Kubang Pasu, 64–65
 Kedah hendak ambil balik Perlis, 74–79
 Kesultanan Kedah, 1–7, 16, 23–27
 Negeri Kedah dipecah/dibahagi-bahagi oleh Siam, 37–40.
 Siam serang Kedah, 8, 30–36

- Sempadan Kedah/Perlis, 120, 132
 Undang-undang Kedah (Kedah Laws), 6
 Kelahom, 62-63
 Keep mot, 33
 Kerah, Sistem, 5, 80, 82
 Keretapi, Jalan, 131-132
 Keysatsukang Perlis, Pasukan, 167
 Khaluang Tahan Besar, 172
 Khaluang Tahan Perlis, 172
 Khaluang Thesaphiban, 68
 Khoo Hock Kee, 151
 Korek, Sungai, 5, 80
 Kota Indera Kayangan Pertama, 5-6
 Kota Indera Kayangan Kedua, 7, 46-47
 Kota Naga, 4
 Kota Sena, 4-5
 Kota Si Putih, 2-4
 Kuala Kedah, 3, 55, 72
 Kuala Perlis, 3, 5, 16, 19-20, 47, 49, 72, 75, 82, 85, 120, 157, 160, 192,
 195, 197
 Kubang Pasu, 38-40, 42-45, 48, 50-51, 64-65, 74, 110
 Kubang Tiga, 128
 Ku Din bin Ku Meh, 76, 83
 Kun Phra' Mo, 62, 67
 Kweng (Kwiang), 111

 Lahim (Dato' Seri Indera Dewa), 46
 Laidlaw, C.M., 128
 Lamb, H.A., 2
 Lanun-lanun, 37
 Leith, George, 7
 Lembaga Kebersihan Pekan Kangar (Kangar Sanitary Board), 150
 Lembing, 112-113
 Ligor (Nakhon Sitammarat), 2, 8, 32-39, 47-48, 63
 Limbong, 24, 55
 Logan, J.R., 48
 Loh Ah Tong, 187, 198
 Loh Seng, 151
 Lombong bijih, 121, 131, 169
 London, 103, 115, 182
 Lord Crewe, 116
 Low, Lt. Col. James, 33
 Luang Kucha Ishak, 58-59
 Luang Sakda, 73, 90

- Madrasah Alwiah Al-Diniah, Arau, 132
 Mahat Let, 63
 Mahkamah, 123
 Mahyiddin bin Dato' Habib, 192, 195, 197
 Malayan Union, 182-186
 Mambang Sengkara, 76
 Market Kangar, 81, 121
 Masjid Alwi, Kangar, 149-150
 Matawang, 5, 84-85
 Mata Ayer, 139, 159
 Mc Michael, Herald, 183-184
 Melaka, 3, 23, 72
 Michu (Wan Saadiah), 63
 Mohd. Dahlan Mansoer, Drs., 14
 Mohd. Said bin Hj. Awang, Penghulu, 81, 120
 Mom Chao Padibat, 106
 Mom Narender, Major General, 120
 Mongkut, Raja, 65, 109, 115
 Monkton, Edward, 6
 Monrojuorse Chalermmlar Tharenong, Captain, 171
 Monthon, 68
 Malayan People Anti-Japanese Army (M.P.A.J.A.), 179-180
 Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, 2-7, 35, 42, 44-45,
 64, 111, 117
 Muntri Spa Perlis, 173
 Musuh bisik, Perang, 30, 34-36

 Nai Bukong (Muhammad Yunus), 25
 Nakhon Sitammarat (Ligor), 2, 32-39, 47-48
 Nama tempat-tempat di Negeri Perlis, 14-15
 Nang Klao, Raja, 37
 Nang Munah (Che Munah), 52
 Nang Yam (Sharifah Mariam), 25
 Nasi gerit, Perang, 30, 33-34
 Nee Kan Sam, 151
 Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 105, 128-130, 136, 139-140, 148, 152
 Negeri-negeri Selat (Straits Settlements), 84-85, 121, 135, 138, 143, 149, 182
 Ngah Putra, Tengku, 6
 Nor Mohd. Hashim, Captain, 136

 Ohyama Kikan Cho, 163-164
 Osborn, Captain Sherard, 36
 Othman bin Abdullah, 197

- Padang Besar, 59, 133, 150–151
 Padang Pauh, Mukim, 46–47
 Padang Siding, Mukim, 27, 47
 Padi, Tanaman, 5, 80–81, 133
 Paduka Seri Maharajalela (Raja Long Krok), 38
 Paget, Ralph, 102–105
 Pajak-pajakan (monopolies), 82
 Pameran pertanian, 137–138
 Panggas, 139
 Pasukan Pengakap, 138
 Patani, Negeri, 2, 104, 156
 Patthalung, 37, 85
 Paya, 46, 83–84
 Pejabat Hasil dan Cukai, 122
 Pejabat Odit, 122
 Pejabat Raja dan Penasihat, 122
 Pejabat Tanah, 124
 Penduduk Perlis, 48–49, 82, 121–122, 146–147, 157
 Penghulu Arau, 27, 39
 Penghulu Bendahari, 60
 Penghulu Bunga Emas, 73, 114
 Penjara Kangar, 125–126, 138
 Perang Dunia Pertama, 132–134
 Perang Dunia Kedua, 156, 158–161
 Perbelanjaan Kerajaan Negeri Perlis, Tahun 1952, 189
 Perbendaharaan Negeri Perlis, 124
 Perisai, 112–113
 Perjanjian Bangkok, Tahun 1909, 105–107, 139
 Perjanjian Hutang Perlis-Siam, Tahun 1905, 90–91
 Perjanjian Hutang Perlis-Siam, Tahun 1907, 99–101
 Perjanjian Kerajaan British dengan Negeri Perlis, Tahun 1936, 143–145
 Perkakas Periringan, 58–59, 112–113
 Perlis, 1914 Construction Agreement, 129–131
 Persatuan Melayu Perlis, 181–182
 Phra' Sakda Danderit, 59
 Phra' Sunthorn, 63
 Phra' Surin Suwongse, 59
 Phya Boriraks Phubes, 30
 Phya Sena Nuchit, 30
 Phya Siphiphat, 37
 Phya Songkhram Ramu Wichit Wilis Asmara Phya Pelit, 44, 72, 88
 Phya Suriya Nuratr, 99
 Phya Tipkosa, 70, 74

- Pilus bin Awang, 149–150
 Pinto, Ferano Mendes, 3
 Pilihanraya, 195, 197
 Por Swee Giap, 198
 Puju, Daerah (Pujoh District), 120
 Pulau Pinang, 7, 14, 36, 39, 72, 78, 85, 132–133
 Putera Mahisra Rachaharuthai, 90

 Queda (Kedah), 4, 36
 Quah Tien Sun, 151

 Raja Hj. Ahmad bin Raja Endut, 186–187, 192–193
 Raja Ligor (Nakhon Sitammarat), 8, 35–38, 47–48, 58
 Raja Long Krok (Paduka Seri Maharajalela), 38
 Raja Muda Kedah, 7–8
 Raja Muda Perlis, 46, 66, 86, 88, 199
 Raja Songkhla (Singgora), 8, 38, 47, 114
 Richey, J.G., 126
 Riley Hargreaves and Company, 127
 Ripai, Kutipan, 61, 111
 Rosli bin Mohd. Hassan, 192

 Salleh bin Osman, 185, 187, 191
 Sampak, 112
 Sam Sam, 104
 Sanglang, 47, 120
 Sekolah Inggeris Derma, 132
 Sekolah Tengku Budriah, Arau, 66
 Sempadan: Kerja-kerja Menentukan Sempadan, 119–120
 Masalah Sempadan, 47, 83, 134
 Suruhanjaya Sempadan, 120, 132, 134–135
 Sena, 4–5, 15–16, 47
 Senjabat, 75
 Senjata, Jenis-jenis, 112–113
 Setul (Satun), 38–39, 42–45, 47–48, 69, 75–77, 81, 83, 95–96, 104, 110,
 113, 120, 181
 Sharif Muhammad Taha Al-Qadri, 24
 Sharifah Aminah, 24
 Sharifah Chut, 151
 Sharifah Mariam (Nang Yam), 75–76
 Sharifah Salwa, 200
 Sharifah Seha, 57, 63, 70
 Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim, 132, 136, 149–151, 161, 182–183, 186,
 189, 194, 197

- Sheikh Ali bin Sheikh Abdul Hamid Bajunid, 187
 Singapura, 40, 72, 116, 145, 161, 182
 Sivasambanthan, R., Dr., 187
 Skeat, W.W., 51, 81–83, 89, 112, 114
 Smith, Sir Cecil Clementi, 143, 145, 149
 Somdet Chao Phya, 58–59
 Songkhla (Singgora), 2, 8, 26, 35, 47, 59, 88–89, 114, 135
 State Council (Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri), 92–94, 96, 98, 101, 119,
 121, 127, 129, 140, 144–152, 154–157, 173–174, 187–192, 195,
 197–198
 Strobel, Mr., 102–104
 Sungai Baru, 80
 Sungai Kedah, 2
 Sungai Muda, 2
 Sungai Perlis, 2, 12, 18–20, 48, 82, 85
 Sungai Raja, 81
 Sungai Korek, 5
 Sultan Abdullah Mukarram Shah, 7, 43–44
 Sultan Abdul Hamid Halim Shah, 68–70, 74, 86, 106
 Sultan Ahmad Tajuddin Kedua, 7–8, 39–40
 Sultan Ahmad Tajuddin Ketiga, 50, 57, 65, 67
 Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah (Al-Marhum Kayang Pertama), 5–6,
 148
 Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (Al-Marhum Kayang Kedua), 7–8, 27–28,
 39, 44, 47
 Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh, 3
 Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah Kedua, 6, 43
 Sultan Muhyiddin Mansur Shah, 5
 Sultan Rijahuddin Muhammad Shah, 4
 Sultan Sulaiman Shah Kedua, 4
 Sultan Zainal Rashid Pertama (Tengku Daie), 40, 43–44
 Surat Tera, 60, 75
 Syarikat Kerjasama (Pergerakan Kerjasama), 131
 Syed Abdullah Al-Hadad, 58, 60
 Syed Abdullah bin Syed Harun (Raja Muda Perlis), 46
 Syed Ahmad bin Syed Hussin (Syed Ahmad Palembang), 24
 Syed Ahmad ibni Syed Hussin (Raja Perlis Kedua), 55–68, 70
 Syed Alwi bin Syed Ahmad (Ayahanda Raja Syed Safi), 55–56
 Syed Alwi ibni Syed Hussin (Tuan Chik Endut, Raja Muda), 52, 55, 66, 86,
 88–89
 Syed Alwi ibni Syed Safi (Raja Perlis Keempat), 86, 88–106
 Syed Darus bin Syed Hashim, 191–192, 195, 198
 Syed Hamzah ibni Syed Safi (Raja Perlis Kelima), 135, 148–149, 162–164,
 166, 168, 181

- Syed Hassan ibni Syed Mahmud (Bakal Raja), 151–153
 Syed Hussin ibni Syed Harun (Raja Perlis Pertama), 28, 35, 38–40, 42–53
 Syed Harun @ Syed Abu Bakar bin Syed Ahmad (Penghulu Mukim Arau), 24–28, 39
 Syed Harun Putra ibni Syed Hassan (Raja Perlis Keenam), 153–156, 164, 180–181, 183–184, 196–201
 Syed Ibrahim Al-Qadri (Tok Ku Chenak), 24–26
 Syed Mahmood bin Syed Hussin, Dr., 198–199
 Syed Mahmud Al-Haj ibni Syed Safi (Raja Muda), 86, 88, 151
 Syed Mansur Al-Jafri (Tuan Bulat), 77, 86
 Syed Salim Al-Jafri (Tuan Lim), 72–73, 77–78, 88, 93, 124, 127
 Syed Safi ibni Syed Alwi (Raja Perlis Ketiga), 56–57, 62–68, 72–87
 Syed Sirajuddin ibni Syed Harun Putra (Raja Muda), 199–200
 Syed Umar Al-Qadri, 24–25

- Taharim bin Hj. Ibrahim, 185
 Tambun Tulang, 80
 Tandiap, 84
 Tasoh, 128
 Tawanan, Perang, 30–33
 Tebing Tinggi, Pelabuhan, 80–82, 85
 Tengku Abdullah, 62, 67
 Tengku Abdul Kadir, 156
 Tengku Adnan bin Tengku Yahya, 198
 Tengku Anum Raja Jambangan, 38–40, 44, 64–65
 Tengku A'taullah, 6
 Tengku Bisnu (Tengku Dewa), 8, 38–39, 42–43
 Tengku Budriah bt. Tengku Ismail, 156, 200–201
 Tengku Embom (Tengku Yaakub, Raja Muda Kedah), 8, 43
 Tengku Fauziah bt. Tengku Abdul Rashid, 199
 Tengku Hassan, 38
 Tengku Ishak, 65
 Tengku Jam Jam, 43–44
 Tengku Kudin, 31
 Tengku Long Puteh, 43–44, 51
 Tengku Mahmud, 136
 Tengku Muhammad Akib, 42–43, 47
 Tengku Muhammad Saad, 31
 Tengku Muhammad Saman, 65
 Tengku Nur Aishah, 43–44, 51
 Tengku Sapura Negara, 6
 Tengku Sulieman, 200
 Tengku Yaakub ibni Sultan Ahmad Tajuddin, 67

- Tengku Yusof, 43
 Terusan Arau, 80
 Thesaphiban, Sistem, 68
 Thomas, Sir Shenton, 154–155
 Tiddeman, P.S., 187
 Titi Tinggi, 47
 Tok Ku Chenak (Syed Ibrahim Al-Qadri), 24–26
 Tok Perlis, 11
 Tok Wan Hajar bt. Dato' Wan Din, 61, 90
 Tombak, 33, 112–113
 Topping, Michael, 48
 Tuan Chik Mat Bauk (Syed Muhammad Al-Jafri), 57
 Tunku Abdul Rahman Putra, 194–196
 Tweedie, M.W.F., 1
- Ujong Salang (Junk Ceylon), 28
 Undang-undang, 190–191
 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis, 196–197, 199, 200
 Union Jack, 108, 136
 United Malays National Organisation (U.M.N.O.), 185–186, 193–194
 Utan Aji, 47, 160
- Venables, O.E., 149
 Volunteer Force, 155
 Votive Tablets, 2
- Wakil Rakyat, 192, 197–198
 Wan Abdullah, 58
 Wan Ahmad bin Hj. Wan Kassim, 198
 Wan Ahmad bin Wan Daud, 136, 149–150, 155, 183, 185, 187, 197
 Wan Fatimah (Wan Fatam), 27–28
 Wan Hajar, 73
 Wan Ishak bin Dato' Wan Daud, 73
 Wan Ismail (Dato' Paduka Laksamana Kedah), 73
 Wan Long Salleh, 5
 Wan Muhammad Ali, 31
 Wan Muhammad Saman, Dato', 73–75, 78–79
 Wan Ngah Sara, 5
 Wan Saadiah (Michu), 63
 Wan Tam bt. Dato' Wan Ismail, 57, 73
 Wan Teh bt. Endut, 153
 Wan Bintong, Mukim, 1
 Watson, Reginald George, 129

Wai, Kampong, 5

Williams, P.S., 137–138

Wolf, Kapal, 36

Wyatt, E.W.N., 134–135

Yang DiPertuan Agong, 198–201

Yusof bin Abu Bakar, 192, 195, 197

Yapsai, 175–176

Zainatul-Muluk, 138

Zakat dan Fitrah, 132, 150, 158, 190